

+LAPORAN PERSIDANGAN

MESYUARAT PERTAMA PENGAL KEDUA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 22 Mei 2014 (Khamis)

Masa : 9.30 Pagi

**Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.**

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/Perai
4.	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
5.	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
6.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
7.	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
8.	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
9.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
10.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
11.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
12.	YB. Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
13.	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
14.	YB. Ong Kok Fooi	Berapit
15.	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
16.	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
17.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
18.	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
19.	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
20.	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
21.	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
22.	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga
23.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
24.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
25.	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
26.	YB. Soon Lip Chee	Jawi
27.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
28.	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
29.	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
30.	YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Saad	Pulau Betong
31.	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggul
32.	YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
33.	YB. Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
34.	YB. Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
35.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
36.	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas
37.	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
38.	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I/Pantai Jerejak
2.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

Bil.	Nama	Jawatan
1.	YB. Dato' Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Puan Aliza Bt. Sulaiman	Penasihat Undang-Undang Negeri
3.	YB. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari a/p Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan bersidang pada jam 9.40 pagi.

Setiausaha:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Doa.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man):

Membaca "DOA"

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula, Air Putih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

YB. Dato' Speaker, bagi pihak Kerajaan Negeri, saya ingin membuat satu usul tergepar bahawa Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang membuat ketetapan di bawah Peraturan 34 (viii) seperti berikut:-

1. Bahawa Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang mengulangi kecaman ke atas tindakan sekumpulan perusuh dan samseng yang mengakui diri UMNO telah bertindak dengan liar, biadap dan ganas semasa mencerobohi ke dalam Dewan yang mulia ini pada jam 2.15 petang, 21 Mei 2014 dengan menjatuhkan dan cuba merosakkan bendera Malaysia dan Negeri Pulau Pinang, merosakkan harta benda Dewan serta menggugut keselamatan dan nyawa Ahli-Ahli Dewan serta pegawai-pegawai yang hadir pada masa itu;
2. Bahawa Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang mengecam sekeras-kerasnya UMNO Pulau Pinang kerana bertindak tidak bertanggungjawab dengan memimpin kumpulan perusuh dan samseng UMNO ini yang menghina kemuliaan institusi Dewan Undangan Negeri yang terunggul dalam Perlembagaan Negeri serta kedaulatan Malaysia dan Negeri Pulau Pinang demi membuktikan bahawa UMNO bukanlah perosak negara maka Yang Berhormat Ketua Pembangkang seharusnya memohon maaf kepada Dewan yang mulia ini;
3. Bahawa Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang menyuarakan kekesalan bahawa titik hitam tercemar ini adalah satu serangan jahat ke atas Sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan di Negeri Pulau Pinang dan Malaysia termasuk nyawa ADUN Seri Delima diancam oleh kumpulan samseng UMNO;
4. Bahawa Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang mengarahkan Ketua Polis Negeri dan Pihak-pihak Berkuasa Keselamatan untuk mengambil alih kerja keselamatan di luar dan dalam perkarangan Dewan Undangan Negeri

tertakluk kepada arahan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri serta menghadap kumpulan samseng UMNO yang disabitkan dengan kesalahan jenayah ini kepada Mahkamah supaya kemuliaan Dewan ini dapat ditegakkan;

5. Bahawa Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang menubuhkan satu jawatankuasa khas yang dipengerusikan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dengan Ahli-ahlinya yang terdiri daripada Timbalan Yang di-Pertua, YB. Padang Kota, YB. Permatang Pasir dan YB. Ketua Pembangkang untuk mengeluarkan satu laporan khas yang akan melaporkan kepada Dewan Undangan Negeri asal usul kejadian hitam mengenai, mengenal pasti pihak yang terlibat dan juga tindakan yang boleh diambil ke atas mereka serta langkah pencegahan untuk memastikan ia tidak berulang lagi. Saya mohon mencadangkan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah mengumumkan satu usul tanpa pemberitahuan, Ahli-Ahli Yang Berhormat ada sokongan.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Saya mohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sokongan.

(Semua Ahli-Ahli Yang Berhormat Kerajaan bangun berdiri kecuali Ahli-Ahli Yang Berhormat Pembangkang).

Disokong dan dipersetujui dan boleh dimasukkan di dalam perbahasan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, semalam adalah satu titik hitam yang bersejarah kerana tidak perlu berlaku dan tidak seharusnya berlaku, tidak pernah dalam Institusi demokrasi berpalimen dan raja berpelembagaan Dewan suci Dewan Undangan Negeri dirempuh dan dicerobohi masuk sedemikian sehingga tempat Speaker yang mempunyai tempat tertinggi dalam Dewan Undangan Negeri pun diperlakukan dengan begitu jahat dan terjjik sekali. Apatah lagi apabila ugutan dan ancaman ke atas nyawa Ahli-Ahli Dewan pun telah dilakukan pada masa yang sama. Kita berasa sangat kesal bahawa keselamatan yang sedia ada di Dewan Undangan Negeri telah dibolosi dengan begitu mudah oleh kumpulan perusuh dan samseng ini kita juga amat kesal bahawa apabila kumpulan perusuh dan samseng ini nampaknya diestui oleh Ahli-Ahli Pembangkang, Ahli-Ahli ADUN daripada Pembangkang dalam Dewan yang mulia ini.

Di sini Dato' Yang di-Pertua kita harus memandang dengan serius adakah kita mahu undang-undang rimba memerintah Negeri Pulau Pinang adakah kita masih hormati sistem Raja Berpelembagaan adakah kita hormati mandat yang diberikan oleh

rakyat adakah kita hormati pilihan raya yang dijalankan. Apabila saya lihat video kerana semasa kejadian saya tidak berada dalam Dewan tapi apabila saya lihat video apa yang berlaku saya rasa sangat terhina, saya rasa amat sedih hati dan yang perasaan yang paling utama sekali ialah saya rasa sangat marah bahawa perlembagaan Negeri Pulau Pinang dan juga Dewan Undangan Negeri yang mulia ini telah pun dipermainkan dengan sebegini rupa.

Saya ingin mengingatkan kumpulan samseng UMNO ini bahawa dalam Pilihan Raya Besar, Pilihan Raya UMUM yang Ketiga Belas pada tahun lepas, rakyat Pulau Pinang telah pun membuat keputusan yang amat ketara bahawa mereka menyokong Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat dengan undi popular yang paling besar dalam sejarah Negeri Pulau Pinang sebanyak 68% mandat yang paling besar di seluruh Malaysia dalam PRU 13. Apa yang berlaku semalam bukan sahaja satu penghinaan, tapi juga bukan sahaja satu penghinaan kepada Dewan Undangan Negeri yang mulia ini, tetapi juga satu penghinaan kepada rakyat Pulau Pinang atas keputusan atas mandat yang mereka berikan kepada Pakatan Rakyat.

Ini jelas menunjukkan bahawa UMNO hanya tahu cara-cara samseng tidak tahu menghormati keputusan rakyat, tidak tahu menghormati demokrasi, tidak tahu menghormati perlembagaan negeri yang mereka cakap mereka dokong sekarang ini. Ini bukanlah satu isu remeh, itu bukan satu isu yang boleh dilupakan sebegitu saja, merempuh masuk mencerobohi Dewan Undangan Negeri ini. Saya rasa, saya tak tahu, saya tak faham, macam mana ada pihak juga yang tidak mahu mengecam tindakan sedemikian macam mana Dewan Undangan Negeri boleh berfungsi, kalau kita boleh diancam begini rupa.

Oleh sebab itu saya harap Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang bolehlah menyokong usul ini. Kalau nak gelarkan diri sebagai seorang Ahli Yang Berhormat mewakili rakyat Pulau Pinang menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri ini, saya rasa haruslah sokong usul ini supaya menunjukkan penghormatan mereka yang diberikan bukanlah hanya menanam tebu dibibir. Tetapi adalah satu komitmen yang tidak boleh tolak ansur. Saya rasa peristiwa semalam dengan individu-individu yang selalu suka main demonstrasi, jelas sekali menunjukkan bahawa mereka ingin mengulangi perbuatan mereka lagi sekiranya mendapat arahan daripada pihak-pihak tertentu.

Oleh sebab itu demi memartabatkan Dewan Undangan Negeri yang mulia ini saya ingin mencadangkan usul supaya yang pertama kita mahu tindakan keras diambil kepada pihak yang bertanggungjawab, yang kedua kita mahu pastikan ia tidak berulang lagi, yang ketiga kita mahu komitmen daripada setiap Ahli Dewan Undangan Negeri bahawa mereka apa yang mereka sebutkan semasa mengangkat sumpah, semasa mengangkat sumpah iaitu akan mempertahankan perlembagaan Negeri Pulau Pinang. Ini bukan hanya omong-omong kosong dan akhirnya kita nak lihat maruah dan juga komitmen setiap ADUN ke atas sokongan mereka ke atas institusi Raja Berpelembagaan. Untuk perlembagaan Negeri Pulau Pinang saya ingin sudahi ucapan saya dengan meminta semua ADUN-ADUN khususnya dari pihak pembangkang jangan main-main dengan perlembagaan Negeri. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Kelmarin apa yang terjadi adalah satu titik hitam dalam sejarah demokrasi di Malaysia, kita lihat bagaimana puak-puak perusuh UMNO saya terus-terang kata kebanyakannya muka-muka itu semua *clear*. Yang masuk di dalam ini adalah UMNO dan yang bagi ucapan itu di luar kita boleh dengar pemimpin-pemimpin besar UMNO, Ketua-ketua Pemuda, bahagian-bahagian ini menunjukkan yang UMNO masih lagi tidak mahu belajar untuk bagaimana untuk berpolitik secara baik, secara aman, kami dulu buat demonstrasi juga Bersih 1, Bersih 2, apa ini apa menentang GST tidak ada pun kita merusuh masuk Parlimen kita tidak masuk institusi-institusi balai Polis dan sebagainya mahkamah tetapi kelmarin apa terjadi kerana satu perkara yang boleh diselesaikan dengan peraturan ada di Dewan ini juga telah berlaku pihak pembangkang menghina parti-parti di bawah Pakatan Rakyat. Dulu Ketua Pembangkang menghina, dulu bekas Ketua Pembangkang dulu menghina, tapi kita tidak membuat demonstrasi tidak masuk dalam Dewan. Ini menunjukkan kematangan politik dan juga bagaimanakah UMNO menjalankan siasatnya. Kita patut dengan usul ini kita minta Ketua Pembangkang dan semua wakil-wakil rakyat UMNO memohon maaf atas apa yang berlaku kerana perusuh-perusuh ini mengenal pasti diri mereka sebagai UMNO dan muka-muka adalah pemimpin dan mereka mengaku mereka pemimpin UMNO.

Saya sebagai orang Melayu atas apa yang jadi kelmarin kerana kita bertamadun kita mempunyai tatasusila kita beragama Islam, Islam mengajar kita untuk bersopan satun. Kenapakah perkara ini berlaku dan kelmarin adalah bukan satu hanya satu titik hitam di masalah apa ini sejarah demokrasi Negara, tetapi satu titik hitam dalam contoh yang umat Islam Pulau Pinang, orang-orang Melayu Pulau Pinang dapat melihat pemimpin-pemimpin UMNO berkelakuan demikian. Tendang pintu, baling telur, adakah kita di zaman purba dulu terpaksa melakukan demikian. Saya berharap saya minta semua wakil-wakil pembangkang untuk menyokong usul ini supaya kita yang putih, yang hitam kita kata hitam, yang betul kita kata betul, yang tak betul kita kata tak betul.

Saya ingin memberi tahniah kepada Telok Bahang kerana Telok Bahang apabila wakil Padang Kota apa membentang usul kelmarin, beliau bangun bersama-sama kita untuk menyokong usul itu, Inilah apa yang kita mahu, kita wakil rakyat, pertama kita mewakili rakyat dan rakyat adalah bukan hanya parti UMNO, saya di kawasan Batu Maung orang UMNO pun sokong saya, orang Gerakan, orang MCA pun sokong saya kerana mereka rakyat, begitu juga saya rasa Pulau Betong baik, Telok Ayer Tawar baik, tapi apabila mereka memenangi pilihan raya rakyat yang memberi sokongan bukan sahaja orang UMNO memberi sokong, kalau hanya orang UMNO memberi sokongan semua ini dah tak ada dah, sebab rakyat bagi sokongan sebab rakyat memberi tanggungjawab.

Saya berharap usul ini akan menjadi satu titik tolak di mana kita nak katakan yang putih tetap putih yang hitam tetap hitam, yang betul memang betul, yang salah memang salah dan saya minta saya berharap perkara ini tidak akan berulang dan saya minta Pihak Berkuasa Polis PDRM, PDRM juga tercemar kelmarin, tercemar kerana selain daripada Mahkamah, balai Polis, Dewan Undangan Negeri adalah di antara institusi-institusi yang mesti pertahankan oleh pihak Polis, pihak Keselamatan dan apa kita dapat lihat kelmarin mereka menjadi *by stander*, mereka menjadi *by stander* saya terpaksa

pergi cakap dengan tuan OCPD untuk minta kata macam dah begini lama speaker dia masih boleh guna speaker lagi. Kalau saya demonstrasi dulu pertama Polis akan buat apa, ambil Speaker saya dulu, ambil *hailer* saya dulu, dan boleh lagi pergi bincang dan saya juga tidak puas hati macam mana kita boleh bawa perusuh-perusuh itu untuk masuk untuk berbincang saya minta usul ini disokong sebulat suara oleh Dewan. Sekian Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya mohon.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya tengok Seberang Jaya berdiri dulu.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin menyatakan sokongan penuh saya kepada usul yang dibawa oleh Ketua Menteri mengenai tindakan kalau saya boleh sebut kasar atau *barbaric* daripada Pemuda-pemuda UMNO semalam ke dalam Dewan ini. Saya Ketua Angkatan Muda Keadilan Negeri Pulau Pinang, kalau semalam itu pemuda-pemuda saya saya sendiri akan turun ke depan dan halang mereka daripada masuk. Mana pimpinan UMNO semalam, mana pimpinan UMNO, kita dipilih oleh rakyat, kita ada sistem demokrasi. Ini yang UMNO yang perjuangkan dah merdeka dulu permahsyuran kemerdekaan tersebut, Tunku lafaz 31 Ogos 1957. Negara ini adalah negara Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen, tapi hari ini kita tengok semalam kita dapat lihat pimpinan UMNO kita gagal mempertahankan institusi. Kalau pemuda saya, saya dah tahan, kami bukan tak biasa demonstrasi, ambil contoh himpunan 1 Mei baru ini GST, ini baru 30 orang, 30 orang tak boleh kawal, kita turun Kuala Lumpur 50 ribu orang. Aman dan selamat semua balik dengan aman, tak ada langsung harta awam dirosakkan.

Tak dak langsung ucapan-ucapan yang menghina orang, tak dak langsung ucapan yang membangkitkan api perkauman, ini kematangan kami dalam Pakatan Rakyat. Saya cukup sedih kerana banyak pimpinan UMNO selama ini, sejak saya menang di Seberang Jaya banyak pimpinan UMNO baik di peringkat Pusat, di peringkat bawah menggelar saya pengkhianat, pengkhianat kepada orang Melayu kerana saya belajar UiTM, belajar Universiti Melayu tak mahu masuk UMNO, tak mahu sokong UMNO, semalam itu menjelaskan kenapa saya anak Melayu tolak UMNO dari barisan. Saya belajar UiTM kami diajar untuk berfikir, kami diajar untuk memilih antara kaca dan permata, kami diajar untuk menjadi warganegara yang berjasa pada negara, sebab itu kami tolak UMNO. Sebab semalam itu kami tolak UMNO, 50 tahun UMNO perintah itulah hasilnya semalam. Itulah hasilnya pemuda UMNO semalam bukan calang-calang orang, Ketua Pemuda UMNO Bahagian, Naib Ketua Pemuda UMNO Negeri, sebab itu semalam saya dalam *twitter*, saya cadangkan pada pemuda UMNO balik baca buku biodata Dato' Onn yang ditulis oleh Ramlah Adam baca buku tu. Itu perjuangan Dato' Onn yang asal saya tak lupa sejarah UMNO, tak lupa sejarah perjuangan orang Melayu tapi saya tak rela duduk dengan UMNO yang ada pada hari ini.

UMNO hari ini, pada saya telah gagal untuk mentadbir negara, gagal untuk mempertahankan kedaulatan negara, gagal untuk mempertahankan perlembagaan, gagal untuk mempertahankan Raja Berperlembagaan, gagal untuk mempertahankan demokrasi, gagal untuk mempertahankan rakyat Malaysia dan lebih teruk UMNO gagal mempertahankan Melayu hari ini. Saya berharap Ahli Dewan yang ada dalam ini daripada UMNO terutamanya bersama dengan kita Pakatan Rakyat, saya percaya masih ada lagi *conscience* dalam diri Yang Berhormat semua. Renunglah kata-kata ini *all that is necessary ...*(dengan izin) *all that is necessary for evil to triumph is for good men to do nothing*. Saya mohon menyokong usul dibawa itu.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ketua Pembangkang

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Assalamualaikum warahmatuallahi wabarakatuh terima kasih YB. Dato' Speaker. Saya ingin memaklumkan pada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, YB. Dato' Speaker dan semua dalam Dewan ini kita semua angkat sumpah, sumpah untuk memelihara melindungi dan mempertahankan Perlembagaan Negeri ini dan juga kita semua mahu memastikan bahawa kemurnian dan kedaulatan Dewan ini dipelihara dan memang betul apa yang berlaku kelmarin, belum pernah berlaku dalam Dewan yang mulia ini dan tidak pernah berlaku dan kita harap tidak akan berlaku lagi. Pihak Barisan Nasional juga tidak membendung perkara macam itu, memang rakyat Malaysia seharusnya diberi kebebasan untuk memberi pandangan, melahirkan rasa tak puas hati dan tidak setuju di atas apa-apa perkara pun, tetapi kita kena ingat kalau melabelkan mereka samseng di luar kita juga harus mengawal samseng di dalam.

Seri Delima adalah samseng dalam Dewan ini saya nak petik apa yang disebut ini *cause and effect ...*(dengan izin) pemimpin-pemimpin UMNO kita lihat muka-muka ya muka surat 46 dalam hansard seperti Reezal Merican dulu Ahli Dewan Undangan Negeri, Dato' Shahbudin dengan membawa sepanduk sepandu sekian sekian, celaka ini, celaka, celaka UMNO kurang ajar biadab dan sebagainya selepas itu akhir sekali celaka mereka maksudnya UMNO. Ini adalah perkataan-perkataan yang cukup jijik, cukup jahat dan menghina Ahli UMNO menimbulkan perasaan benci dan merupakan satu provokasi kepada UMNO, kepada seluruh barisan Ahli Dewan Undangan Negeri Barisan Nasional kepada rakyat dan Ahli UMNO. Ini adalah satu perkara yang tidak boleh dibendung dan juga merupakan satu perkara yang menghina Dewan ini, mencemar kedaulatan Dewan ini dan kita semua dah angkat sumpah kita semua mempunyai tanggungjawab bukan sahaja kepada Dewan tetapi juga kepada rakyat. Kami semua Barisan Nasional pun tidak mahu perkara begitu berlaku dan sekali-kali kita tidak mengarahkan atau pun merestui perkara kelmarin berlaku, memang saya akui semua Ahli UMNO marah, saya akui bahawa yang datang itu adalah pemimpin-pemimpin UMNO kerana apa kerana mereka telah dicaci, dihina dan telah ada provokasi, bagi ruang saya habis dulu bercakap ya kami dah bagi ruang tadi untuk semua berucap ya.

Terima kasih YB. Dato' Speaker ya. Saya ni orang lama YB. Air Putih saya tahu Yang Berhormat lagi lama tapi banyak masa di Parlimen kami menghormati Speaker dan Dewan walaupun macam-macam dikatakan kita menjadi *decorum....*(dengan izin) dalam Dewan. Kita menghindarkan daripada mengatakan kata-kata kesat dan menimbulkan perasaan di dalam Dewan ini dan kami juga ingin memelihara keharmonian dan perpaduan dan kemuliaan Dewan ini. Kalau ada pihak yang membuat kesalahan siasat dan hadapkan mereka kemuka pengadilan, ini proses yang perlu dilalui oleh dan dituntut oleh semua pihak, tapi kalau ada yang dah membuat silap atau pun keterlaluhan seharusnya juga ditegur dan saya mohon YB. Dato' Speaker dan persetujuan Dewan supaya Ahli Seri Delima memohon maaf, menarik balik perkataan tadi dan memohon maaf. Kita hendaklah mempunyai jiwa yang besar sebagai Ahli Dewan di dalam ini, menjaga martabat Dewan ini, jangan kita menjadi pencetus kepada kemarahan, kepada ketidakstabilan. Jadi kalau pihak Pakatan Rakyat atau pun pihak kerajaan minta kita supaya menyokong usul untuk menjaga kemuliaan Dewan, kita tak dak masalah kerana menjaga kemuliaan Dewan itu adalah tanggungjawab semua dan kalau kemuliaan Dewan ini dicemar dengan perkataan-perkataan yang tidak *parliamentary* semestinya juga ia ditegur dan diambil tindakan, terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Padang Lalang

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih Yang di-Pertua, saya ingin mengatakan bahawa kami di pihak sini di Parlimen kita menghadapi perkataan-perkataan yang lebih jahat, lebih dasyat lagi, tapi kita tak pernah menyuruh Ahli-Ahli kita untuk membuat perkara demikian untuk mencerobohi Parlimen.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Kita tidak suruh YB. Dato' Speaker, minta tarik balik YB. Dato' Speaker

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Okey, tidak disuruh tapi tidak ditahan dan juga tidak mengecam perbuatan seperti ini.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Tadi dah nyata, Ketua Pembangkang pun dah sebut.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Semalam, semalam berkecuali....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Aceh dia sudah....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Tidak mengundi untuk mengecamkan perkara seperti ini, perbuatan seperti ini yang tidak menghormati undang-undang dan Dewan yang mulia ini dan ada perkara yang lebih dahsyat di mana Ahli Parlimen kita, Ahli Parlimen kami wanita lagi Teresa Kok Ahli Parlimen dari Seputeh, yang ada orang berkaitan dengan UMNO juga, yang memberi insentif untuk menampar beliau, siapa yang boleh tampar dia akan diberi RM1,200 ini UMNO. Ini menunjukkan bahawa harmoni UMNO yang hanya nak menunjukkan kuasa majoriti mereka dan ini saya mahu katakan bahawa UMNO, bukan semua Melayu UMNO, ada Melayu di sini bukan UMNO, UMNO bukan mewakili semua Melayu dan jadi nak katakan bahawa....(tepuk meja) dan bahawa, kita mahu katakan hinakan UMNO hina Melayu itu tak betul. Saya rasa UMNO akan ditimpa nasib seperti MCA dan MIC di mana komuniti-komuniti ini telah bangkit dan mereka sedar bahawa seperti orang Cina sudah sedar bahawa MCA tak wakili kepentingan kami, mewakili kepentingan mereka sendiri begitu dengan kaum India juga mereka sudah sedar dan bangkit menunjukkan melalui pilihan raya bahawa pemimpin-pemimpin MIC tidak mewakili kepentingan mereka, sudah sampai masalah UMNO bahawa komuniti atau kaum Melayu sudah faham sudah tahu, sudah sedar bahawa UMNO bukan mewakili kepentingan mereka tetapi mewakili kepentingan diri sendiri dan juga kroni-kroni mereka, jadilah kita munculnya ada parti-parti keadilan kita munculnya ada generasi muda seperti YB. Afif dan juga Dyana Sofya orang-orang muda yang tidak lagi, tidak lagi, tidak lagi pernah percaya kepada UMNO kerana UMNO telah menunjukkan bahawa UMNO tidak mewakili kepentingan rakyat dan orang Melayu juga.

Jadi saya rasa UMNO dalam *desperate condition* kerana itulah mereka menggunakan cara-cara yang tidak boleh cara-cara yang tidak boleh diterima oleh rakyat. Jadi saya harap inilah sekarang ialah hanya Yang Berhormat-Yang Berhormat di dalam wakil rakyat UMNO di dalam Dewan ini yang boleh menunjukkan masih ada Pemimpin UMNO yang tolak *lawlessness*, yang tolak kelakuan ataupun keganasan seperti itu kerana sekiranya tidak itu adalah seperti Yang Berhormat-Yang Berhormat UMNO sokong atau pun sekurang-kurangnya *endorse behavior* seperti ini. Dan Yang Berhormat-Yang Berhormat. UMNO sebenarnya ada cara untuk mentegur YB. Seri Delima sekiranya tak setuju dengan perkataan yang beliau guna, sekiranya tak guna ialah bahawa Yang Berhormat-Yang Berhormat UMNO tidak tahu menggunakan peraturan dan gagal dalam menjalankan tugas. Tak boleh mengatakan bahawa ini perkara Dewan, seharusnya diselesaikan di dalam Dewan....(tepuk meja). Itulah kita adakan Dewan nak adakan keistimewaan hak dalam Dewan. Jadi, saya harap Yang Berhormat-Yang Berhormat dari UMNO ini boleh menyelamatkan selamatkan kewibawaan sendiri dan UMNO. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):

Betul, Yang di-Pertua Dewan, insiden merempuh masuk dan merusuh oleh sekumpulan orang yang mengakui mereka adalah daripada UMNO itu bukan sahaja mengejutkan saya, tetapi apa yang mengejutkan saya ialah apa yang disebut oleh YB. Ketua Pembangkang semalam dan hari ini. Beliau, YB. Ketua Pembangkang seakan-akan ingin memberitahu kita bahawa kejadian semalam boleh dijustifikasikan kerana apa yang disebut oleh YB. Seri Delima. Adakah ini bermakna, sekiranya apa yang disebut kalau oleh daripada YB. sebelah Barisan Nasional, penyokong-penyokong kita itu boleh

masuk merempuh nak meminta maaf sebegini. Adakah maksud YB. Ketua Pembangkang sebegini? Bagi saya, saya tengok semasa YB. Seri Delima menyebut tentang perkataan tersebut, kalau ikut peraturan, apa yang patut buat? Saya cuma *second term*, tapi saya tahu boleh *on the spot* menyuruh YB. Seri Delima....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Kita dah minta tolong minta maaf...(gangguan).

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):

Duduk,duduk. Bagi saya habis dudlu, duduk.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Mohon buat keputusan....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduk, kalau semua sedar bahawa kena ikut peraturan mesyurat, maka ikutlah peraturan, *floor* Bukit Tengah, yang lain dia tak bagi laluan sila duduk.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):

Adakah pihak meminta beliau tarik balik? Kalau dah minta tarik balik, dan keputusan telah dibuat oleh YB. Dato' Speaker, kita kena akur, ini adalah peraturan dalam Dewan. Kalau lagi tak setuju, bawa usul untuk rujuk dia kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Ini adalah termaktub dalam peraturan. Tetapi mengapa tidak buat. Kemudian apabila kumpulan-kumpulan tersebut masuk dan apabila kita mengusulkan satu usul untuk mengecam tindakan tersebut, Yang Berhormat Ahli-Ahli Pembangkang tidak berani mengecam insiden tersebut. Apa maksud ini? Apakah usul ini? Adakah kita boleh mengugut untuk mengancam seseorang nyawa kerana tak suka apa orang itu sebut? Adakah ini boleh dibenarkan? Saya yakin itu tidak dibenarkan dalam dari segi undang-undang jenayah juga. Jadi, saya rasa cukup kesal. Saya rasa cukup kesal kearana dari semalam sampai hari ini apa yang cuba membawa kepada Dewan ini adalah cuba memberi justifikasi kepada satu insiden yang mencemarkan sejarah Dewan Undang Negeri Pulau Pinang ini. Dengan ini, Dato' Yang di-Pertua Dewan, saya menyokong usul ini.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Datok Keramat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Selamat pagi Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Usul yang dibawa oleh Y.A.B. Ketua Menteri, semalam saya telahpun berucap dan menyatakan apakah perasaan saya memandangkan saya berada dalam Dewan apabila pegganas-peggnas tersebut masuk, apa yang saya kesal sepertimana YB. Bukit Tengah tadi nyatakan ialah bukan setakat tindakan liar Ahli-Ahli

UMNO tersebut semalam tetapi saya kesal mengapakah tiada siapa disini ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional yang tidak bangun menyatakan kekesalan mereka akan kejadian tersebut, tetapi cuba menjustifikasinya sebaliknya dan semalam juga saya ada dengar daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang dalam ucapan beliau apabila usul dibawa oleh Padang Kota menyatakan berapa kecil angin yang perlu untuk mencetuskan satu api, *something that to the effect*. Seperti satu ugutan, setelah apa yang berlaku *there is no remorse* dari pihak Barisan Nasional, *none whatsoever*, YB. Dato' Speaker. Itu serius. Mesti ada *remorse*. Kalau sudah buat salah, minta lah maaf, itu sahaja. Apa yang dikatakan tadi oleh Bukit Tengah, nanti kalau dari pihak Barisan Nasional ada satu perkataan yang dikatakan yang tak senonoh tu kita nak panggil kita punya ahli-ahli datang rempuh masuk, tak, kita bukan macam tu. Saya bagi satu contoh, semalam dalam satu prosiding, sebelum kejadian, pada sebelah pagi, Sungai Acheh telah panggil DAP haram jadah. Betul dak? Itu sakitkan hati saya. Sakitkan hati semua Ahli DAP di Malaysia tau. *How would you feel if I call you haram jadah*, YB. Ketua Pembangkang? *How would you feel? Any answer?* Tetapi *you* nampak ka Ahli-Ahli DAP merempuh masuk minta Sungai Acheh minta maaf. Ada nampakkah? Itu perbezaan antara Pakatan Rakyat dan Barisan Nasional. Semalam apabila dijemput berbincang dengan YB. Dato' Speaker, bersama-sama penganas tersebut, YB. Dato' Ketua Pembangkang juga ada menyebut satu perkara yang menyakitkan hati saya. Di dalam perbincangan itu nyatakan, kita harap Seri Delima akan minta maaf kerana kita 3 juta ahli, apa ugut kita macam tu Dato' Pembangkang? 3 juta ahli. Saya ingat itu ada dikata. *Don't put the card on the table and..* (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya ada kata tapi itu bukan berbentuk ugutan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

YB. Ketua Pembangkang ada katakan?....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah, sudah. Datok Keramat, teruskan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Kita ada 68% orang Pulau Pinang tau. Nak ugut kita, jangan main-main. So, YB. Dato' Speaker inilah apa yang berlaku, saya marah. Tengok berapa marah saya sekarang saya Dato' Speaker, serius. DAP haram jadah. Tetapi saya punya ahli tak mari tahu. Tak bertindak liar macam ini, *I just don't know how to describe. I was here, indescribable action by UMNO. I thought there was some light at the end of the tunnel for UMNO but yesterday but I saw for myself, that UMNO has got no hope and*, oleh itu saya mohon menyokong Dato' Speaker.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain siapa ingin menyertai perbahasan.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Izinkan bagi peluang.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya tengok YB. Bayan Lepas dahulu.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Terima kasih, terima kasih YB. Dato' Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya adalah orang baru dalam Dewan ini. Dan saya melihat bahawa peraturan-peraturan dan sebagainya harus dilihat kembali dan beberapa perkara berhubung dengan keselamatan. Sebenarnya apa yang berlaku pada petang kelmarin, kita harus melihat secara keseluruhannya, secara keseluruhannya keadaan yang ada kepada kita tiap-tiap ahli politik. Kita kadang-kadang kita menggunakan kita punya kebolehan kebebasan yang kadang-kadang kita tidak merasai bahawa sesuatu perkataan ini akan menyakitkan hati orang lain. Kita tidak tahu yang kita punya masyarakat 20 juta di luar.

Kita mempunyai prinsip, masing-masing mempunyai prinsip perjuangan, masing-masing mempunyai aliran yang berbeza, kita tidak sama pendapat. Kita berlainan agama, dan berlainan dari segi segala aspeknya. Kita tidak boleh mencakupi hati-hati yang diluar, kita hanya menjaga yang di dalam Dewan ini sahaja. Kita duduk sama-sama kita, dalam perang yang bermacam-macam hal, tapi kami di peringkat UMNO, bermacam-macam telah pun diberikan kepada kami. Memang UMNO tidak banyak berjasa, UMNO tak banyak berjasa, universiti-universiti yang ada telah melahirkan ramai anak-anak Melayu pada waktu berjuang, tetapi inilah yang ada, jasa itulah hari ini yang boleh membuatkan parti-parti politik boleh memberikan kerjasama dan akhirnya dapat masing-masing menjadikan bahawa dalam sistem kebebasan itu telah menjadikan parti-parti politik yang kalah menang, yang menang kalah dan sebagainya. Parti-parti politik yang ada bukan wujud pada hari ini, wujud dalam masa yang lama.

Dalam masa kita mula lagi memperjuangkan kemerdekaan. Hati kita adalah satu perasaan, satu nilai. Kita boleh menjaga, dalam Dewan ini kita boleh menjaga. Tapi bagaimana kita nak menjaga di luar malah kita tahu juga, semua parti-parti politik mempunyai kumpulan-kumpulan yang ekstrim. Tak apa, tak dak tak pa. Takpa, kita melihat ini bukan satu benda yang baru berlaku yang semua pemberita dan sebagainya tahu. Bagaimana kerana inilah yang kita takutkan, kerana mulut kita yang melampaui batas. Kita ada peraturan. Tapi apabila kita minta peraturan itu dihormati, maka kita tidak menghormati, kita sendiri melemparkan. Kalau daripada awal-awal lagi kita telah menggunakan kesahsiah diri kita, kebolehan kita sebagai mereka-mereka yang telah dilantik untuk bercakap dengan berhemah, tidak menyakitkan dari awalnya hati sesiapa, maka benda ini tidak akan berlaku. Benda ini tidak akan berlaku kalau tidak ada sesiapa pun yang menyakitkan hati siapa.

Sebagai manusia, yang mempunyai prinsip malah mereka yang berjuang dalam parti sudah tentu mempunyai prinsipnya. Maka prinsip ini, perjuangan ini dan ditambah dengan beberapa hal dari segi pembacaan, dari segi ideologi dan sebagainya menyebabkan parti-parti boleh menjadi ekstrem dan sebagainya. Ini telah diperakui dan

adakah ini yang kita mahukan. Kita meniup saban hari, meniup keadaan-keadaan yang boleh mengeruhkan suasana dari kelompok yang kecil sampai kelompok yang besar. Dari mulut kita, celaka itu perkataan yang tidak boleh diterima, tidak boleh diterima sesiapa juga. Haram jadah, celaka dan sebagainya. Itu sebab sesama kita kena jaga, dalam Dewan menghormati. Kita harus menghormati, semua harus menghormati. Kita sama kawan-kawan, habis kita boleh minum bersama walaupun kita berjuang, habis kita maki dan sebagainya, kita boleh gelak ketawa, tetapi di luar sana tidak dalam keadaan yang sebegitu. Bukan semua mengaji tinggi-tinggi, bukan semua yang mengaji tinggi itu dia boleh menerima hakikatnya. Tidak boleh! Yang tidak boleh ini walaupun sekelompok yang kecil mereka ini boleh mendatangkan sesuatu yang boleh menyebabkan api yang membara.

Jadi saya berharap tuan-tuan, kita telah diberikan kebebasan imuniti jangan menggunakan imuniti itu sepenuhnya sehingga kita mengatakan bahawa kita begitu kuat, kita mesti kukuh dari segi perundangan, ya, memang. Kita tidak boleh diambil tindakan undang-undang dan sebagainya, tetapi di luar sana mereka tidak tahu undang-undang, yang melanggar undang-undang yang tinggi, yang mengaji, profesional pun melanggar undang-undang dan sebagainya kerana ideologi. Jadi ideologi ini yang banyak memusnahkan negara-negara. Kita duduk dalam keadaan yang sangat aman... (gangguan). Kalau kita pilih tuan-tuan yang ada, kalau kita pilih kita tidak menghormati sesama kita, kita pilih untuk kita terus menyakitkan hati, tidak kira parti mana pun. Kita tidak akan sampai ke mana. Telah banyak apa yang berlaku di Thailand sudah enam (6) bulan, pertelingkahan mereka, negara-negara yang telah musnah. Kita juga berdoa malah mereka yang tidak mahu benda-benda ini berlaku. Kita tidak mahu benda-benda yang tidak baik ini berlaku sebab itu kita serahkan kepada anggota Polis dan kita juga melihat bahawa dalam keadaan kita merasakan begitu aman dan damai kita telah dalam keadaan amat keselesaan itu, kita mengurangkan rasa keselamatan kita. Kita menganggap bahawa sudah cukup pegawai keselamatan dan sebagainya dan kita akan lihat ini sebagai satu pengajaran. Memberi hak kuasa kepada anggota Polis untuk masuk menjaga dan sebagainya. Kita tidak boleh, kita salahkan kami di dalam Dewan ini.

Kita sedia menghadapi apa-apa yang tuan-tuan akan kecam. Kita menerimanya dengan hati rasa yang terbuka tetapi sebagai prinsip untuk mengatakan bahawa UMNO hendak minta maaf, kita tidak boleh terima kerana perkataan UMNO itu. Kalau kata celaka dekat saya, tidak mengapa. Kita jangan menyentuh dalam keadaan kita berperang dalam Dewan, kita menyentuh parti yang di luar. Parti di sana masing-masing ada ahlinya. Saya tidak boleh menerima untuk UMNO hendak minta maaf kerana perkataan celaka itu adalah kepada UMNO. Saya ahli UMNO, saya juga ada prinsip perjuangan. Saya tidak boleh begitu dengan DAP kalau kita kata sudah di maki hamun kemudian DAP kita minta maaf adalah tidak mungkin parti mana pun atas sebutan parti, parti itu hendak minta maaf tapi kalau atas dasar peribadi maka peribadi akan boleh menerima maaf itu. Ini yang ada keadaannya, kita menjadikan diri kita sebagai seorang yang wira. Kita tidak pernah menjadikan jiwa kita sebagai orang yang untuk menjadikan keamanan kerana mulut itu. Mulut sampai kepada akhbar, akhbar akan sampai kepada satu Malaysia. Kita disiarkan seluruh dunia, ini cerita sampai ke seluruh dunia. UMNO mentadbir negara, ini adalah sesuatu hal yang amat tidak mungkin orang-orang UMNO untuk memohon maaf.

Ini adalah satu hal, satu hakikat yang mahu tidak mahu kita semua kena menerimanya. Keselamatan bukan sahaja yang ada yang berhormat, kita tidak tahu selepas saya keluar mungkin orang lain yang akan hentam saya, saya juga akan berada dalam keadaan tidak selamat. Dalam keadaan yang serba ketakutan ketua-ketua jabatan yang datang hari ini bukan semua, mereka juga berparti. Duduk atas pagar dan sebagainya tidak mengapa, kalau mereka sokong parti tuan-tuan. Ini soal prinsip berparlimen, kita tidak gaduh kalau ditakdirkan dengan perbuatan kami itu kami akan musnah, maka kita akan terima kemusnahan itu. Itu hakikat yang semua orang kena terima. Kita biarkan supaya masyarakat selepas pilihan raya 2014 ini menentukan pilihan raya ke 2014 biar menentukan siapakah, kalau orang Melayu sudah tidak suka kepada UMNO, apa kita hendak kata. Berjasa atau tidak. Itu prinsip. Jadi saya berharap sekiranya selain yang di tolak, maka kita sama-sama harus kejadian ini harus di lihat bahawa kita harus sama-sama menghormati parti-parti. Jangan mengucapkan sesuatu kalimah yang kita rasakan akan menyebabkan rasa sakit hati kerana rasa sakit hati tuan-tuan adalah sesuatu benda yang tidak dapat untuk hendak diubahi. Terima kasih.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

YB. Dato' Speaker.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Air Itam.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Selepas itu peluang Sungai Acheh tidak mengapa banyak masa lagi. YB. Dato' Speaker, Dewan Undangan Negeri adalah Dewan tertinggi dalam Negeri Pulau Pinang. Kita ada majlis rasmi untuk pembukaan setiap tahun dengan kawal kehormatan angkatan tentera Malaysia. Semua wakil rakyat memakai *first uniform* dengan baju istiadat dan juga kot sebagainya sebagai menghormati majlis perasmian. Tuan Yang Terutama akan datang setiap tahun ke Dewan ini duduk di tempat YB. Dato' Speaker, memberikan ucapan TYT. Setiap tahun ini merupakan upacara yang begitu rasmi yang setiap orang kita hormat dengan begitu suci sekali. Ini gambar, terbitan dalam surat khabar. Pemuda UMNO naik ke meja, takhta Speaker kita yang duduk yang semasa TYT memberikan ucapan itu. Satu dunia pun nampak diterbitkan. Saya baca semua surat khabar hari ini, tidak dapat tidur semalam. Baca semua surat khabar, baca semua internet, dengar siapa cakap semua, kerana ia akan menjadi satu isu di semua negara Komanwel, *Commonwealth Associativity Association* semua akan tahu bagaimana sistem demokrasi kita. Bagaimana pemuda-pemuda UMNO mereka mengakui pemuda-pemuda UMNO, Utusan nama dia naib ketua pemuda UMNO negeri, Jasmin Nordin nama dia pun naik.

Antara lain nama-nama yang ada Ketua Pemuda UMNO Tasek Gelugor Norhisham dan beberapa nama lagi, banyak lagi nama. Hisham Abdul Hamid, saya hendak *make sure* penceroboh itu nama dia masuk dalam hansard, Hisham Abdul Hamid Ketua Pemuda UMNO Balik Pulau, Nordin Wahab Ketua Pemuda UMNO Kepala Batas semua diwakili. Tambah lagi apa nama, Dato' Ridzuan Pemuda Bayan Baru. Polis akan memberikan kita satu senarai nama. Ghani, Ridzuan yang ingat, yang kita ingat dia PERKASA, dia tidak ada kaitan dengan UMNO yang kita ingat, yang saya ini daif kita

ingat dia PERKASA tapi sekarang sah sepanjang enam (6) tahun ini kunci-kunci yang mengambil keadaan demonstrasi sana sini adalah agen-agen UMNO. Mereka akui secara terbuka. Mereka berani sekarang kerana Polis tidak mengambil tindakan, lepas tangan begitu sahaja. Mereka sudah panjat kepala semua wakil rakyat UMNO. Kita perwakilan, kita....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya hendak minta Afif tolong berhati-hati dengan perkataan, saya tengok dari pagi tadi lagi...(gangguan).

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Peraturan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Nama saya Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Seberang Jaya tolong hati-hati dengan apa yang diungkapkan. Saya tengok dari pagi tadi lagi sudah melampau.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Siapa yang dah melampau.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Bila dia berucap kamu diam Yang Berhormat.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Air Itam, dua-dua duduk. Seberang Jaya duduk juga, *floor* Air Itam, saya tidak dengar. Sila.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Semua demonstrasi adalah UMNO kerana Rizuan Ghani joker semua ini, *all this jokers* yang buat demonstrasi adalah agen-agen UMNO. Sah sekarang *legalistic* mereka sah mengesahkan kita nampak semua mengesahkan. Semalam saya tidak boleh tidur. Ini sah! Saya paling hairan saya berucap kali ketiga untuk insiden ini, kelmarin saya cakap sekali selepas undi, saya ucap sedikit tetapi di halang oleh Speaker, saya sambung hari ini. Saya sangat dukacita, kita sistem perwakilan, kalau orang saya tidak orang-orang yang diwakili saya kawasan Air Itam penduduk ataupun saya dipilih sebagai wakil rakyat, saya duduk di kerusi ini saya hormat kerusi ini, saya hormat Dewan ini, saya wakil, yang mewakili mereka berucap, mereka hantar saya untuk berucap di Dewan ini kalau ada apa-apa ketidakpuasan mereka akan beritahu saya, saya ucap di sini. Sistem perwakilan tapi wakil-wakil rakyat UMNO tidak dapat kawal mereka, agen-agen,

anasir-anasir, samseng-samseng tidak dapat buat kawalan. Bukan sahaja tidak buat kawalan, kalau tidak buat kawalan saya boleh kata lemah, itu okey lemah. Tidak dapat kawal itu lemah, itu okey boleh terima lemah tapi bukan lemah sekarang. Apabila undi saya ada harapan sikit, kepada *conscience* wakil rakyat 10 orang ini kita cadangkan Padang Kota belah pagi kita hendak lihat sama ada kita menggunakan *conscience* kita sendiri untuk naik, untuk menyokong semua, tapi saya kecewa sangat kecewa dengan 10 orang wakil rakyat UMNO ini, samseng-samseng itu saya tidak mahu, itu Polis akan *handle* mereka saya semalam kata tangkap, lokap masuk mahkamah, semalam kata tapi saya faham sudah belum masuk lokap masih siasat sudah masuk balai itu akan diuruskan nanti tapi hendak uruskan wakil rakyat UMNO hari ini. Dalam undian telah bahagi berkecuali apakah mesej yang dihantar oleh wakil-wakil rakyat UMNO di sini apabila kata berkecuali maksudnya *you endorsing* tindakan mereka. Ini bukan sahaja tidak kata apa tidak mengecam mereka, berkecuali. Jangan begitu guna *conscience* sendiri.

Saya jarang saya selalu tidak bersehaluan ataupun mempunyai pandangan berlainan dengan Khairy Jamaludin. Khairy Ketua Pemuda UMNO, saya baca internet apa orang cakap. Khairy cakap beza semua dengan 10 orang wakil rakyat UMNO di sini Ketua Pemuda UMNO cakap. *Storming into the hall is not right and it should be protested outside the premises*. Dia kata mencerobohi masuk Dewan adalah salah. Kalau mereka tidak puas hati boleh buat demonstrasi di luar Dewan. Khairy Jamaludin dalam internet. Tapi sepuluh (10) wakil rakyat kita tidak setuju, tidak seorang pun mengecam tindakan tersebut. Mengecam tindakan mencerobohi di dalam Dewan Undangan Negeri. tidak ada seorang pun, lagi nak *justify* nak bantu mereka, buat justifikasi gunalah *conscience* sendiri. Guna kuasa sendiri dalam kes ini Khairy lebih liberal sikit. Boleh tak saya cadangkan kelmarin sudah berkecuali kita ada usul baru, *the second chance to redeem your honour, to repent*, untuk bertaubat atas kesalahan kelmarin kerana kita sangat menghormati Dewan ini, sistem perwakilan. Janganlah kita sehaluan dengan pemuda-pemuda ini semua, budak-budak ini semua yang akan diuruskan di bawah tindakan undang-undang. Janganlah kita sekongkol dengan mereka. Kalau menunjukkan contoh, teladan yang baik.

Wakil Rakyat UMNO, kalau bahagian baru ada *honour* jangan terikat dengan *activate*, perkara yang tidak betul tidak boleh, kena guna otak. Gunakan *conscience* sendiri. Boleh telefon Khairy Jamaludin untuk dapatkan *instruction* kalau nak. *Police stand down*, dapatkan *instruction*, saya rasa pagi ini seperti saya kata kali ketiga saya berucap. Kalau kelmarin mereka masuk naik takhta Speaker, *its the first blow to the democracy*, Satu tamparan hebat kepada sistem demokrasi berparlimen. Kepada sistem Raja Berperlembagaan. Kelmarin tindakan sepuluh (10) orang Wakil Rakyat UMNO berkecuali ini *is a second blow*, tamparan kedua kepada sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berpelembagaan. Saya nak lihat nanti mungkin ada cadangan bahagi lagi. Jangan lari duduk sana, jangan masuk *toilet*, saya beri amaran kalau masuk *toilet* saya akan cari *you* di *toilet*. Kalau perempuan saya suruh YB. Ong pergi cari. Jangan lari dari tanggungjawab anda. Wakil Rakyat mewakili semua kena berikan satu *message* yang betul. Budak-budak ini semua akan diasasat dan bakal di *charged* di bawah Kanun Keseksaan atas mengkhianati *property* dan mencerobohi *public*, bangunan awam. Tidak boleh di *justify*. *We have to distance ourselves from them. Learn from Khairy Jamaludin*. Saya pun berikan peluang lagi, *one more opportunity, for you to redeem your honour*. Dengan ini Dato' Speaker saya mohon menyokong usul ini.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya tengok Jawi bangun terlebih dulu. Yang di belakang dia berdiri dahulu, Sungai Acheh tak apa nanti mesti sampai.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Selamat pagi, terima kasih,

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jawi dulu. Mesti sampai Sungai Acheh.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Selamat pagi Yang di-Pertua Dewan. YB. Dato' Speaker, dari 40 Ahli-Ahli Dewan di sini, saya berasa memang kesal insiden yang berlaku semalam dan berasa amat sedih sampai sekarang tidak dapat terima oleh Ahli-Ahli UMNO yang berlagak samseng dan ganas yang mencerobohi dalam Dewan yang mulia ini. Saya orang baru di sini. Kali ketiga bersidang dalam Dewan ini, saya melihat mengapa ahli-ahli sebuah politik yang hendak minta seseorang ADUN minta maaf kena berlagak sampai masuk mencerobohi Dewan yang mulia ini sehingga membuang beg, kalau tidak silap beg Ketua Pembangkang kut. *Newspaper* ada tunjuk membuang beg, membuang beg, nasib baik tempat saya di *corner* sana, kalau tidak saya punya *iPad* saya kena dibuang. Membuang beg, membuang beg, membuang beg perempuan adakah mereka yang membuang kerusi atau buang pasu bunga. Bendera Malaysia pun jatuh, dan juga kaki pijak di atas meja Yang di-Pertua.

Ini menunjukkan bahawa sikap ini tidak menghormati perlembagaan Malaysia. Ini bukan meja, untuk siapa-siapa, ini harta kerajaan, meja YB. Speaker. T.Y.T. pun pernah duduk sana. Inilah sikap tidak hormat, kalau kita nak marah seseorang, nak minta seseorang minta maaf, senang saja. *You* boleh minta ada sepuluh (10) Ahli Pembangkang di sini, minta Ketua Pembangkang bangkit usul dalam Dewan, minta kita Ahli UMNO memang marah, tidak boleh terima, minta secara bersopan Kerajaan ajar kita buat apa, bersopan. Ibu bapa ajar kita buat apa, bersopan, guru, cikgu, pengetua ajar kita apa, bersopan. Hormat kepada Raja dan Berpelembagaan. Ini tidak hormat langsung. Saya rasa amat kesal lagi, semalam jam pukul 2.24 saya bersembang kerana saya amat risau. Saya bersembang dengan tiga-tiga Ahli UMNO, Ketua Pembangkang Telok Ayer Tawar, Sungai Dua dan Bertam pun ada. Saya tanya soalan kepada Sungai Dua dulu. Bolehkah pergi beri *advice* kepada mereka, supaya mereka jangan buat macam ini lagi. Ini akan mencemarkan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan mencemarkan 40 ADUN yang ada di dalam sini. Kita hendak bersidang di dalam Dewan. Kita tidak mahu buang masa. Sungai Dua mengatakan, saya tidak boleh tahan. Macam ini punya keadaan *you* panggil saya pi, saya pun kena marah, mereka tidak akan terima saya punya teguran, saya cakap Sungai Dua, saya pi saya pasti kena pukul. *You* pi mungkin tidak boleh kena pukul, *at least* mereka boleh dengar *you* punya *advice* kerana *you* sebagai pemimpin, *you* sebagai ADUN Wakil Rakyat Sungai Dua. Mereka mengakui mereka adalah wakil dari Kepala Batas, Tasik Gelugor. *I* cakap kawasan ini dekat dengan *you*, *you* boleh minta tolong. Saya pun tidak boleh. Tapi Sungai Dua cakap saya pun tidak boleh, *sorry* saya pun tak boleh. Tak apa.

Saya terus menghala kepada siapa, kita punya Ketua Pembangkang, Telok Ayer Tawar. Saya minta Telok Ayer Tawar supaya tolong, sebagai Ketua Pembangkang tolong bersama-bersama ahli-ahli terus pergi, petang pun ada, terus pergi tegur mereka *stop* minta tolong. Nak demonstrasi tidak apa, di Padang Kota pun tidak apa, tapi janganlah mencerobohi Dewan ini, tapi Telok Ayer Tawar cakap, apa yang buat di dalam Dewan ini, Siapa yang mula dulu. Saya cakap, Telok Ayer Tawar, apa yang boleh selesai kita selesai dalam Dewan. Kita tak ada peraturankah? Saya orang baru, mungkin saya tidak hafal semua peraturan lagi, saya orang baru, tapi saya cakap, *you* sebagai peguam, saya sebagai peguam. Kita faham, kita ada ada undang-undang, Kita duduk dalam Dewan bukan untuk bermimpi, duduk dalam Dewan untuk bahas, apa yang patut kita bahas, duduk dalam Dewan untuk cakap, apa yang patut kita cakap. Undi apa yang patut kita undi. Bukan tidak mahu undi, nak cakap “Ya” atau “Tidak” pun takut. Macam mana jadi sebagai seorang wakil rakyat.

Okey saya sambung, Telok Ayer Tawar cakap, inilah yang berlaku menyebabkan insiden berlaku hari ini. Saya cakap Telok Ayer Tawar tolong pi tegur mereka, supaya panggil mereka jangan lagi, jangan lagi, *please*, tolong, Telok Ayer Tawar jawab kepada saya, inilah keadaan politik sekarang, *you* melihat Bangkok, Bangkok pun macam ini, saya cakap sama Telok Ayer Tawar, *you* mau Bangkok keadaan politik macam ini, saya tidak mahu, saya mahu keadaan politik di Malaysia, terutama di Pulau Pinang tidak terima politik Bangkok ini, saya tak mahu, *you* mahu, *you* pi Bangkok. Saya tidak mahu pi, saya tidak mau *import* sikap Bangkok ke dalam DUN Pulau Pinang. Ini bukan sikap orang Malaysia. Itu Thailand, kita kena belajar siapa yang buat baik, kita ikut, orang yang buat tidak baik, kita jangan ikut. Bangkok buat jahat kita kut, mana boleh sebab sebagai Ahli Ketua Pembangkang, *come on...*(dengan izinnya).

Saya tidak boleh terima sampai hari ini, saya tidak boleh terima, macam mana saya nak terima sebagai seorang ADUN Ketua Pembangkang cakap sama dia, *you* tengok Bangkok, Bangkok keadaan pun macam ini, *come on* lah, nak bezakan Malaysia dengan Bangkok. Tengok Panda pun hari ini sudah mai, nak bezakan Malaysia dengan Bangkok. *Come on please...*(dengan izinnya). Satu lagi saya nak bangkit, kalau setiap ADUN yang ada di sini kita berbahas, kita berbincang isu-isu dan usul-usul.

Semalam Sungai Acheh, saya ingat Sungai Acheh sudah marah saya, diam, sudah beberapa kali Sungai Acheh, kalau tidak silap ada sampai lima (5) kali dari dulu jangan cakaplah. Sejak saya dilantik, marah, diam, diam. Adakah penyokong saya di Jawi akan berkumpul di luar, adakah tak?, tak ada, kalau mereka berkumpul saya akan panggil mereka balik, *please*. Lepas marah saya diam, saya bertemu di kantin sana, saya lagi hidangkan *you* kuih. Adakah, Seri Delima bagi nasi lemak, *I* bagi *you* kuih, *shake hand* sama *you*, *you* punyak tangan nak ambil kuih tapi tak mahu ambil keluar, *please* lah *gentleman* sikit. Saya *gentleman*, saya sayang sama *you*, *you* kena ambil keluar atau tak mahu ambil keluar, macam ini, kita kena tahu, kita parti lain, kita ada pandangan lain, semua orang di sinipun sama, tapi dalam keadaan sebegitu kita mesti berdiri tegak, kita kena *stand firm*, apa yang betul kita cakap betul, apa yang sangat kita akui ini, perkara yang salah, seperti sikap samseng UMNO semalam ini. Betulkah kerana tengok adakah tadi Ketua Pembangkang cakap, dia marah UMNO dulu, adakah Seri Delima marah UMNO, dia marah UMNO cuma seseorang tertentu dalam surat khabar. Dalam surat khabar dia marah seseorang. Ini UMNO, samseng dia akan buang semua. Adakah semua 3 juta UMNO dia marah kepada Seri Delima? Ini *press*, mana buktinya,

ini *press*. Mana cari 3 juta punya UMNO marah, nak masuk mencero, tidak ada. Sekumpulan, segelintir, ini bukan sikap samseng, dia marah bukan sikap samseng. Kita berdebat saya pun boleh cakap, Sungai Acheh marah saya, diam. Dia bersikap sebagai samseng. Saya tak cakap, saya faham dia marah, so saya terima, dia kata diam, diam. Adakah / nak *fight* dengan dia, tak ada. Inilah yang kita mahu sidang Dewan yang diduduki oleh 40 ADUN ini termasuk saya, kita kena tahu dan faham, apa yang kita kena praktis, kalau sikap tidak betul kita kena *immediate put a full stop*,...(dengan izinnya), kita lihat mereka berkumpul di luar, saya minta tolong Bertam, saya minta tolong semalam betulkah, *you* ada sini ke ada sinikan, ada gambar, jam pukul 2.24. Bertam, Sungai Dua dan Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Minta penjelasan, semasa saya berdiri, saya dan Dato' Jahara dan juga YB. Yusof, kita berdiri peristiwa itu telah berlaku sebab semasa peristiwa ini berlaku, kami sebenarnya sedang berbincang di dalam bilik pembangkang. Apabila berlaku kami tengok Polis sedang menleraikan, sedang mengawal keadaan kami didatangi oleh Jawi datang dan bersembang, macam mana ini, macam ini keselamatan kita terganggu, macam itu, betul ya, kemudian Dato' Jahara kata, ini dah nak jadi macam Bangkok, itu perkataan Dato' Jahara, bukan maksud Dato' Jahara, ini dah jadi macam Bangkok, maksud Dato' Jahara tengok dari pandangan di luar. Kemudian Jawi kata, saya tak mahu, saya tak mahu, Pulau Pinang kekal jadi Pulau Pinang itu sahaja. *That is the actual script* itu sahaja.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Mungkin Bertam terlupa sikit, Telok Ayer Tawar jawab, saya tengok keadaan Bangkok pun macam ini, keadaan macam ini pun biasalah, keadaan politik macam ini. Saya cakap Telok Ayer Tawar...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Minta laluan, YB. Dato' Speaker minta laluan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Telok Ayer Tawar, saya tak bagi laluan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Dato' Speaker, minta laluan. Jangan memutar belitkan....(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Saya tak beri laluan nanti mahu cakap. Saya tak mahu pergi Bangkok. (gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Telok Ayer Tawar, nanti saya bagi peluang, Ketua Pembangkang nanti saya bagi peluang.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Dato' Speaker, kalau nak cakap cakap yang betul. Kenapa nak putar belitkan semua....(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

You yang sendiri cakap adakah? Saya tak mahu. Pada mereka berhenti kerana ini mencemari, menggugat keselamatan saya, bukan sahaja pada saya, *civil servant*, pemberita dan semua mereka di sini. Termasuk *Security Guard*, kerana pihak Polis berdiri sana, saya pergi tegur pihak Polis tolong ambil tindakan. Pihak Polis cakap apa, saya tengah tunggu arahan. / cakap kalau ada orang cedera mati macam mana, siapa nak bertanggungjawab? Jadi dengan izin Dato' Speaker, saya pohon sokong usul yang dibangkit oleh Y.A.B. Ketua Menteri hari ini. Belum habis lagi la Sungai Acheh, saya cepat sikit. Saya tak habis lagi. Saya harap perkara ini mestilah diambil tindakan oleh pihak Polis dan saya berharap Dewan ini Ahli-Ahli Dewan Undangan terutama pihak Pembangkang minta tegurlah Ahli-Ahli *Division* kerana hari ini dia *debate*, kita tak tahu esok akan berlaku apa. Hari ini kei debat esok mai penyokong Telok Ayer Tawar, penyokong Bertam, penyokong Pulau Betong, Penyokong Sungai Dua adakah ini akan berlaku lagi? Macam mana keadaan ini berlaku lagi. Mintalah tegur, kerana seorang pemimpin kita seharusnya tegur kepada ahli-ahli kita, supaya janganlah kerana ini bukan budaya Malaysia. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Acheh.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

YB. Dato' Speaker dan semua rakan-rakan mesyuarat. Saya sebenarnya Dato' Speaker nak pergi tandas...(ketawa). Betul, tapi bila Ahli Kawasan Air Itam pesan, kelau pergi tandas penakut, saya tunjuk saya berani saya tahan sementara....(ketawa). Tapi Dato' Speaker kalau jadi apa-apa kerana kesihatan saya, tanggungjawab Air Itam....(ketawa).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jangan mencemarkan Dewan. Itu bukan saya cakap Bertam yang cakap. Sila.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

YB. Dato' Speaker, Air Itam dia pergi Air Itam, Air Itam kena *check*....(ketawa).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya nak keluar pergi tandas sekejap, tapi saya tak *check*, nanti saya masuk balik....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang hendak ke tandas tak payah maklum kepada saya...(ketawa). Sila.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih YB. Dato' Speaker, saya sebenarnya menghormati Timbalan Speaker iaitu ustaz saya. Sebab kelmarin bila nak jadi kecoh kerana saya dia tangguh mesyuarat, kami tenang sementara. Betul Yang Berhormat Sungai Bakap *Assalamualaikum*.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri):

Walaikumsalam.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya ada penyakit darah tinggi, tadi saya keluar juga, saya ingat nak pergi *check*, tapi takut darah naik. Ustaz saya pesan Dato' Speaker, bila kita terlalu *stress*, kena cari ketenangan, saya cuba bawa ketenangan, Air Putih tak terima kasihkah kepada saya? Nampak? Macam mana saya berucap, saya senyum sentiasa, bukan macam Jawi, dia marah tak habis-habis. Dia ungkit, dia ungkit, Ahli Kawasan Seri Delima bagus, dia bagi nasi lemak, dia tak ungkit. Surat khabar keluar hari ini dalam Star itu. Saya beritahu cucu saya, suruh beli surat khabar gambar saya dengan Rayer....(ketawa).

YB. Dato' Speaker, saya mula, saya nampak pelik sikit, tapi saya tak belajar, saya bukan peguam. Kelmarin Padang Kota, dia buat usul samalah dengan Air Putih hari ini, mungkin beza sikit, tapi tujuan niat yang sama, kalau tak sama pun tapi Tuan *Allah* tahu. Jadi betapa seriusnya nampak. Ini semuanya Dato' Speaker, yang berlaku adalah berpunca kerana kita tak memuliakan Dewan ini, dan kita telah melanggar angkat sumpah kita di sini. Itu sahaja Dato' Speaker, kena terima hakikat, sebagai seorang insan memang ada perasaan dan hatinya. Perasaan cinta dan kasih sayang kepada Speaker, perasaan sayang marah-marah kepada Seri Delima, perasaan yang tidak gembira, yang *Allah Taala* beri anugerah kepada setiap insan.

Jadi bila ada saja perkataan-perkataan yang mungkin tidak boleh diterima oleh seseorang insan yang sudah pasti berbeza sifatnya, maka sentuhan itu akan berlaku. Ibarat kalau orang kampung kata, ada karen yang volt tinggi dan rendah, bila tinggi meletup, kalau rendah macam kita pakai *hand phone* Samsung, rendahlah. Kita kena terima hakikat apa yang berlaku dalam Dewan ini, puncanya kerana sesama kita juga. Datok Keramat adalah sahabat saya, yang akan bantu saya, tadi pun Ahli Kawasan Datok Keramat bantu saya. Tadi semasa saya berada dalam tandas Ahli Datok Keramat sentuh pasal saya. Dia sebut saya kata kat DAP. Memang saya akui. Saya tak mahu

nafikan kerana ada hansard. Kenapa benda ini berlaku tak akan saja saya nak cakap atau tiba-tiba nak marah dekat DAP. Kalau begitu saya bukan normallah, saya patut di hantar ke Tanjung Rambutan. Kerana ada sahabat-sahabat lain yang menyebut perkataan kesat parti saya, pemimpin saya. Maka saya sebagai wakil, saya bertanggungjawab, diamanahkan oleh pimpinan UMNO, mana bisa saya nak menafikan itu. Saya pasti berjuang membela kerana pemimpin UMNO adalah pejuang. Mana mungkin kalau Seri Delima tak mengatakan celaka, celaka, celaka kepada pemimpin dan parti UMNO saya akan bangun di sini cakap kurang ajar kepada dia.

Ini kenyataan, boleh? Tadi saya *slow*, dia kena ada tinggi rendah, betul? Kalau pasal akaun Ahli Kawasan Air Putih pandai. Kalau bercakap di kampung saya boleh, tapi *Consultant Fees* tinggi. Seberang Jaya anakandaku. Semua ini berlaku di sini. Kalaulah Dato' Speaker, cepat-cepat ambil tindakan, sudah tentu perkara ini tidak jadi kecoh. Sebenarnya dia Dato' Speaker cukup baik dia nak jaga semua pihak. Ahli Kawasan Air Putih jangan ambil tindakan kepada dia kerana dia betul-betul buat kerja elok. Sebab itu kelmarin Dato' Speaker, Ahli-Ahli Mesyuarat, kalau kata pimpinan ADUN BN ini tak meleraikan keadaan, pasti kemarahan mereka bertambah. Sebenarnya kelmarin Yang Berhormat Farid dan Yang Berhormat Dato' Jahara telah berusaha jumpa mereka betul tak? Kena mengakulah Dato' Speaker.

Kena mengaku. Yes, siapa kata ADUN UMNO tidak bantu untuk selesaikan. Pada waktu yang berlaku, kami berada dalam bilik Ketua Pembangkang. Walaupun kami dalam bilik bincang mengenai lain, tetapi kami juga sempat berbincang, dalam saat yang singkat untuk cari penyelesaian.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhammad Farid Bin Haji Saad):

Betul.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Alhamdulillah akhirnya dapat leraikan mereka di luar. Kalau tak mereka akan duduk lama lagi di sana. Ini membuktikan bahawa ADUN-ADUN UMNO juga membantu Dewan yang mulia ini agar terus dimartabatkan mengikut Perlembagaan Negeri.

Ya, masing-masing ada parti, masing-masing tetap pejuang partinya. Kalau tak kacau kalaulah tak perjuang partinya. DAP akan kata DAP bagus, PKR akan kata bagus, macam Yang Berhormat Batu Maung dulu dia bersama saya zaman Anwar Ibrahim PEMUDA dia kata UMNO itu bagus. Anwar Ibrahim kata UMNO bagus. Sekarang tak baguslah. Sekarang dia kata PKR bagus.

Tak boleh, minta tanah kubur pun tak dapat...(gangguan). Sat lagi jawab Ahli Berhormat Batu Maung, jangan marah, sekejap lagi darah tinggi naik. Okey jadi satu sahaja Dato' Speaker, saya pohon Dato' Speaker, gunalah peraturan yang ada, gunalah budi bicara Dato' Speaker, minta Ahli Yang Berhormat semua ikut nasihat Tuan Yang Terutama Tun seperti di dalam ucapannya, supaya kita berhujah dengan penuh tertib dan berdisiplin. Saya nak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Kawasan Air Putih, dulu kami datang Dewan boleh hisap rokok, sekarang boleh pula ikut peraturan tak hisap rokok di perkarangan Dewan.

Betul Yang Berhormat Air Putih? Saya terima kasih, Air Putih tak seronokkah? Kita ikut peraturan yang ditetapkan? Macam itulah Air Putih, so minta Ahli Dewan semua ikut sepertimana dalam buku peraturan, macam Ahli Kawasan Seri Delima isi buku dalam kepala dia, dia sentiasa ingat. Kita ikutlah ya peraturan. Saya harap sungguh. Seperti banyak Ahli Dewan Undangan Negeri yang lain dalam PAKATAN bercakap walaupun pandangan berbeza, tapi semuanya yang menjurus kepada soal pembangunan. Contoh baru-baru ini wakil Tanjung Bunga telah cadangkan supaya buat usul Ketua Menteri pegang jawatan dua (2) penggal sahaja.

Contoh lagi Ahli Kawasan Machang Bubuk juga bercakap semua soal pembangunan okey, cantik sekali saya sokong Pulau Tikus, kita cadang dua (2) lelaki, dua (2) tahun wanita jadi Ketua Menteri...(gangguan). Padang Lalang tentu setuju.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Tanjong Bunga, bukan Pulau Tikus.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya cadang Ketua Menteri Wanita dua (2) penggal dan lelaki dua (2) penggal.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Penjelasannya tanya dan saya jawab.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya tanya setuju tak? Tak usah banyak-banyak, bukan Sungai Puyu.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

ini tak boleh....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Yes or no.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Dia kena mesti ikut kemampuan dan sokongan Dewan ini.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya tanya *yes or no* Padang Lalang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Tak boleh, ini buat *court*.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Maknanya *no*. okey tak apa.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Tanya *Yes or No* ini.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Makna tak perjuang wanitalah.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Tengok, ini cara UMNO, ini cara UMNO, untuk meng *twist*, selalunya hendak *twist* perkataan. Jangan main sandiwara di sini.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Sudahlah, *floor* saya sudahlah. Saya tak bagi dah. saya beri dua (2) minit saja.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Yang Berhormat yang mengajak, yang bertanya, jadi saya kena jawaplah. Kalau tidak hendak bagi jawab, jangan tanyalah.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey. Dia akan duduk.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Ini peraturan di dalam Dewan ini.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Teruskan YB. Sungai Aceh.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya hendak habiskan. YB. Dato' Speaker, kita jangan *stress*, kita kena ada lawak baru jadi mesra niat saya macam itu YB. Dato' Speaker.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya bagi peluang, kata saya macam itu pulak.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Jadi saya hendak bagi tahu satu cerita YB. Dato' Speaker. Kelmarin saya dah cakap, tetapi saya hendak ulang, sebab kelmarin bila saya bercakap Y.A.B. Air Putih tidak dengar. Bila gambar Seri Delima muncul dalam dalam TV3, cucu saya kata, cucu saya bakal jadi Ahli UMNO...(ketawa), jangan marah saya cakap ni. Dia tanya saya. Siapa dia Rayer itu tok wan? Saya beritahu Rayer itu kawan baik saya, seorang peguam. Dia tanya saya, kenapa Rayer memaki orang UMNO, tok wan orang UMNO, tok wan tidak terasakah? Saya kata tidak, Rayer orang baik, cucu saya tanya lagi, kenapa kalau dia orang baik dia cakap macam itu dan kenapa tok wan tak kata apa pulak? Saya beritahu dia bukan tidak kata, tetapi lebih dari kata-kata. Dia tanya lagi, tok wan kata dia orang baik, tetapi kenapa tok wan marah dia. Macam mana tak marah, sebab dia mengata orang UMNO. Tok wan dan cucu orang UMNO, jadi kena belalah UMNO, itu saja, bukan pasal lain.

Akhir sekali, saya kecewa, kalau YB. Air Itam rasa kecewa, saya juga rasa kecewa, keperasatan yang amat sangat, pernah dengar dak perkataan itu? Buka kamus utara, kalau keperasatan yang amat sangat. YB. Dato' Speaker, saya masih ingat, sila buka hansard. Bila sahabat saya Seri Delima kata celaka, celaka, celaka UMNO saya minta dia tarik balik tetapi tiada siapa Ahli Dewan dari PAKATAN yang menyokong saya supaya dia tarik balik perkataan itu. Kata hendak memuliakan Dewan, *nobody, sorry...* (dengan izin), sesiapa pun tidak sokong termasuklah Speaker. Dato' Speaker terlepas pandang. Dato' Speaker hanya kata tak mengapa, lepas ini jangan cakap lagi. Kalau betul ikhlas Ahli-Ahli Dewan pada waktu itu harus bangun segera menentang Seri Delima dan suruh tarik balik. Inilah kemuliaan yang kita agungkan, baru betul ikhlas. Ingat Dato' Speaker, Tuhan *Allah* lihat apa kita buat, jangan main, apatah lagi kami orang Islam, lagi sakan, tidak begitu Dato' Salleh Man, Yang di-Pertua Majlis Agama Islam. Tidak senyum, tidak apa...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man):

Tidak faham.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Tidak faham? Nak buat macam mana dah sepakat dengan depa tak fahamlah, cuba pakat dengan kami. Akhirnya, terima kasih YB. Dato' Speaker, terima kasih kepada semua pihak, jadikanlah Dewan ini sebagai Dewan yang mulia, kita jaga betul-betul, memang saya setuju. Kalau betul-betul nak pakat yang tak elok, kata elok, jangan sebelah kita saja tak apa, belah orang lain tak boleh, tak betul. Kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa, terima kasih YB. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man):

Bismillahirrahmanirahim, Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh. Saya juga mengambil kesempatan di atas usul tergepar yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Semalam pun saya juga memberi sedikit pandangan dan ulasan dari apa yang berkaitan dengan usul yang telah dibentangkan. Pada pagi ini juga sedikit ucapan yang saya nampak yang berkaitan dengan situasi berlaku satu sejarah hitam dalam

Dewan yang mulia, yang sama-sama kita hormati, yang mengakibatkan setelah berlaku pencerobohan yang tercemar, kita sedia maklum bahawa yang melakukan adalah daripada parti UMNO, mengakibatkan perjalanan Dewan terganggu. Ini yang amat mendukacitakan dan apabila berlaku insiden ini, sebenarnya yang kita nampak peringkat awal berkaitan dengan beberapa tindakan yang timbul sehingga mendatangkan ketidakpuasan hati yang telah dibahaskan. Apa yang saya nampak di sini ialah berlaku dua kemudaratan. Mudarat yang pertama yang kita nampak agak ringan daripada mudarat kedua yang lebih hebat dan dasyat. Apabila berlakunya pencerobohan ke dalam Dewan yang mulia ini, tadi pun kita sudah dengar sedikit ulasan daripada Sungai Acheh yang menyatakan UMNO ini ialah pejuang. Apakah dengan semangat perjuangan yang ditunjukkan itu, apabila berlaku pencerobohan, yang kita nampak, adakah sebegitu mudah UMNO boleh melakukan sewenang-wenangnya, bertindak dengan tanpa adanya satu semangat, sekurang-kurangnya kita meletakkan menjadi satu kesalahan besar apabila mereka dianggap atau kita menuduh sebagai penceroboh di dalam Dewan yang mulia ini. Sebab itu bila berlaku dua kemudaratan ini maka mudarat yang lebih besar dan kita mengharap bila wujud dan timbulnya usul di antaranya ialah supaya pihak UMNO menarik balik dan memohon maaf di atas tindakan di kalangan UMNO yang mencerooboh Dewan yang kita semua menganggap sebagai Dewan yang mulia maka insiden yang berlaku itu seharusnya UMNO bertanggungjawab. Bukan sekadar kita di Pulau Pinang, kita sudah maklum dengan surat khabar, saya ingat seluruh Malaysia bahkan seluruh dunia memaparkan bagaimana mungkin kita lihat itu adakah daripada didikan UMNO kepada ahli-ahli mereka sehingga mereka sanggup dan tidak kira apa juga keadaan boleh mencerooboh dan boleh melakukan tindakan sewenang-wenang dan boleh mengakibatkan perjalanan Dewan ini terganggu.

YB. Dato' Speaker saya menyokong dengan apa yang telah diusulkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Saya juga ingin terlibat dalam perbahasan ini. Saya berpendapat Dewan sepatutnya digunakan untuk meneliti, membincang dan membuat keputusan untuk membina negeri dan negara, memastikan kestabilan ekonomi, sosial dan politik termasuk menjaga keharmonian kaum, perpaduan dan semangat toleransi sesama kita. Menggunakan kata-kata *un-parliamentary* tidak seharusnya diungkapkan, diucapkan sesuai dengan kehendak Peraturan-peraturan Dewan yang mulia ini. Semuanya ada peraturan. Benar kita Ahli Dewan, kita mempunyai imuniti Dewan akan tetapi kekebalan kita tidak bermakna kita boleh buat dan ucap sesuka hati, apa yang kita ucapkan itu sekarang dirakamkan di empat (4) penjur. Kita adakan satu ketelusan yang kita pancarkan kepada umum, saya rasa ini satu langkah yang baik tetapi bila disalahgunakan untuk mencari populariti dan yang paling mendukacitakan sekarang ialah kata cemuhan dan kesat dan tidak dapat diterima diungkap untuk menunjukkan bahawa dia yang hebat dan berani. Kata-kata itu mungkin madu bagi penyokongnya tetapi racun kepada pihak lain. Sebagai Ahli Dewan, saya dan rakan-rakan tidak dapat menerima perkataan keji yang diungkapkan oleh Seri Delima, tidak ada satu fasal pun di dalam buku ini yang membolehkan Seri Delima berucap dan bercakap begitu. Rakan-rakan yang bersidang pada 20 Mei telah pun meminta supaya ditarik balik tetapi tak mahu ditarik balik, lihat dalam hansard. Saya rasa YB. Dato' Speaker juga gagal dalam menangani isu ini.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Pulau Betong, saya bagi sedikit penjelasan. Dalam isu ini bila YB. Bertam bangun dan menyatakan tidak perlunya mengguna perkataan itu, saya telah pun memberi amaran dan itu telah pun saya buat satu (1) perintah, maka dengan amaran dan perintah saya, Seri Delima tidak lagi menggunakan perkataan itu. Tidak boleh mengatakan saya tidak mengambil tindakan dan diputus. Sila teruskan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang saya minta adalah supaya menyokong ataupun merestui Sungai Acheh meminta supaya Seri Delima menarik balik kerana ini adalah punca kepada segala insiden yang berlaku semalam YB. Dato' Speaker. Kami tidak pernah menyuruh orang berhimpun di luar sana, kami tidak mengarah mereka dan kami juga tidak bersetuju dengan apa yang berlaku semalam. Tidak ada di kalangan kami seorang pun yang mengatakan bersetuju, tidak, bahkan kami menghantar SMS meminta supaya mereka mengawal dan jangan buat perkara-perkara yang tidak sepatutnya dilakukan. Kita telah minta mereka supaya beredar. Dalam masa kejadian semalam, kami semua berbincang dan bermesyuarat dalam bilik Ketua Pembangkang, kami semua sedang bermesyuarat dalam bilik Ketua pembangkang, tanpa mengetahui bahawa dalam sekelip mata sahaja sudahpun ada orang yang masuk ke dalam Dewan ini. Bukan kami yang suruh YB. Dato' Speaker, bukan kami yang suruh, itu tindakan beberapa orang yang merempuh masuk kerana marah dengan apa yang dikatakan Seri Delima. Mereka masuk mencari dia, bukan masuk untuk mencemarkan Dewan ini.....(gangguan)...(bising). Betul.

YB. Dato' Speaker, memang perlakuan mereka itu salah, untuk masuk ke Dewan ini memang salah, tidak ada seorang pun yang bersetuju, kami pun tidak akan kata bersetuju dengan mereka, tidak. Mereka mencari Seri Delima untuk meminta maaf, itu sahaja tuntutan mereka, tidak lebih dan tidak kurang, minta Seri Delima supaya menarik balik perkataan celaka yang disebutkan kepada pihak UMNO, itu sahaja dan meminta maaf, *simple*. Dalam kejadian semalam, saya rujuk kepada YB. Dato' Speaker dengan Ketua Pembangkang, saya dan Ketua Pembangkang kita pergi jumpa YB. Dato' Speaker macam mana kita hendak meleraikan keadaan, macam mana kita hendak menenangkan keadaan, itu kami ambil, saya rujuk kepada YB. Dato' Speaker.

YB. Dato' Speaker minta Padang Kota dan Sungai Puyu sekali untuk masuk berbincang, kerana apa, kerana kami juga tidak mahu perkara-perkara yang tidak diingini berlaku. Kami takut perkara-perkara sebegini yang tidak dapat dikawal di dalam Dewan ini dibiarkan dan dipancarkan untuk semua orang dengar, diulang-ulang di dalam *you tube* dan sebagainya dan menimbulkan masyarakat kemarahan. Ini yang kami takut, sebab itu kami mengambil pendekatan dan memujuk mereka datang pergi jumpa YB. Dato' Speaker berbincang dan memujuk mereka. *Alhamdulillah* selepas itu mereka bersurai, Kalau kata kami tidak menghalang dan menegur mereka, itu tidak benar. Kami telah memujuk dan menenangkan mereka dan meminta mereka bersurai. Itu telah pun kami lakukan kerana kami tahu perlakuan mereka memasuki ke dalam Dewan adalah salah dan kami tidak suka dengan apa yang berlaku dan kami telah minta mereka bersabar, bertenang dan bersurai. Itu yang kami lakukan YB. Dato' Speaker.

YB. Dato' Speaker, 68% rakyat Pulau Pinang menyokong PR. Mereka mahukan PR mentadbir negara dan melakukan perkara-perkara yang baik dan bukannya menjadikan pihak PR sombong, angkuh kerana mereka rasa mereka kuat hari ini, bukan itu tujuan mereka. Saya bercakap tentang Pulau Pinang sebab tadi bercakap pasal Pulau Pinang. Kerana kamu berasa kuat dan bercakap apa yang kamu suka. Ini 68% kami di Pulau Pinang, kami kuat sebab itu kami sombong, kami cakap apa yang kami suka....(gangguan), siapa yang cakap tadi?....(gangguan).

Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jangan ganggulah, yang lain duduk. Pulau Betong *you* teruskan....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

68% minta supaya Y.A.B. Air Putih buat perkara yang baik menjadikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Itu yang mereka mahu beri peluang dua (2) penggal untuk membuat perkara yang baik, itu yang kami mahu, sebab itu kami yang dalam Dewan ini datang berhujah, meminta, kadang menegur membuat cadangan supaya apabila Pentadbiran Negeri Pulau Pinang ini perlu lakukan yang terbaik. Saya daripada dulu lagi dah lima (5) penggal, dari penggal lepas selalu menegur pihak Kerajaan Negeri, menegur, mencadang dan sebagainya kenapa? Kerana kita mahu supaya apa yang ada di Pulau Pinang ini diteruskan, dibangunkan lagi untuk apa, untuk rakyat Pulau Pinang. Itu yang kami buat YB. Dato' Speaker.

Saya nak beralih kepada usul yang dibuat oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Satu (1) saya baca balik bahawa DUN Pulau Pinang mengulangi kecaman ke atas tindakan sekumpulan perusuh dan samseng yang mengakui diri UMNO telah bertindak dengan liar, biadap dan ganas semasa menceroboh ke dalam Dewan yang mulia ini pada jam 2.15 petang, pada 21 Mei 2014 dan menjatuhkan dan cuba merosakkan bendera Malaysia. Saya bertanya pembuat video sebenarnya mereka bukan menjatuh, sebab ramai orang merempuh dan terjatuh mereka bukan menjatuhkan. Kalau nak ikut dalam video mereka bukan menarik, merosakkan, menjatuhkan tak! Ramai berebut dan jatuh. Merosakkan harta benda Dewan serta mengugut keselamatan dan nyawa Ahli Dewan serta pegawai-pegawai yang hadir pada masa itu, kita terima.

Dua (2) bahawa DUN Pulau Pinang menerima mengecam sekeras-kerasnya UMNO Pulau Pinang kerana bertindak tidak bertanggungjawab dengan memimpin perusuh samseng UMNO ini yang menghina kemuliaan institusi DUN yang terunggul dalam Perlembagaan Negeri serta kedaulatan Malaysia dan Negeri Pulau Pinang demi membuktikan bahawa UMNO bukanlah perusuh negara maka YB. Ketua Pembangkang seharusnya meminta maaf kepada Dewan yang mulia ini. Saya tak bersetuju dengan cadangan ini. Bahawa Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang mengecam dengan sekeras-kerasnya UMNO Pulau Pinang tidak bertindak. UMNO Pulau Pinang tidak bertindak. Saya minta ini supaya di *reword* balik, UMNO Pulau Pinang tidak bertindak, tidak ada satu *consent* pun daripada UMNO Pulau Pinang untuk bertindak sedemikian. Kerana bertanggungjawab dan tidak bertanggungjawab dengan memimpin kumpulan perusuh dan samseng, kami tidak memimpin perusuh-perusuh itu. Ayat ini saya minta di *reword* balik.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

YB. Pulau Betong saya nak minta laluan, sikit saja saya nak tanya.....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tak payah, kamu seorang yang pembohong tak mahu dengar duduk....
(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Mengapa pula, semalam...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya tak benarkan YB. Dato' Speaker. Ketiga bahawa DUN Pulau Pinang ini menyuarakan kekesalan bahawa titik hitam tercemar ini adalah satu serangan jahat ke atas Sistem Demokrasi dan Raja Berperlembagaan di Negeri Pulau Pinang dan Malaysia termasuklah nyawa ADUN Seri Delima yang terancam oleh kumpulan samseng UMNO.

YB. Seri Delima tidak berada di dalam Dewan ini, macam mana dia di ancam?
(gangguan). Seri Delima tidak ada di dalam Dewan ini macam mana dia diancam.....
(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Depa sebut Seri Delima, depa sebut semalam....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Seri Delima tidak berada di dalam Dewan ini, macam mana dia diancam.....
(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya ulang, mereka....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Betul, mereka....(gangguan). Ayat ini mengatakan di sini.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Apa perkataan UMNO tak *endorse*, mereka mewakili Pemuda UMNO.

Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey seterusnya.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Seri Delima tak ada di sini, empat (4), kalau tak bohong orang tak keluarkan samanlah...(gangguan), itu kira berbohong....(gangguan).

Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Isu yang tidak berkenaan tidak perlu dibangkit dalam Dewan ini.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Bahawa Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang mengarahkan Ketua Polis Negeri dan Pihak-pihak Berkuasa Keselamatan untuk mengambil alih kerja keselamatan di luar dan dalam perkarangan DUN tertakluk kepada arahan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri serta menghadapkan kumpulan samseng UMNO yang disabitkan kesalahan jenayah ini kepada mahkamah supaya kemuliaan Dewan ini dapat ditegakkan. Saya mahu supaya perkataan kumpulan samseng dikekal dan UMNO dikeluarkan dan saya minta YB. Dato' Speaker supaya saya dan Ketua Pembangkang berbincang dengan Air Putih sebelum usul dikeluarkan semula kerana kami memang tidak bersetuju dengan perlakuan menceroboh masuk ke dalam Dewan yang mulia ini, tetapi ayat-ayat ini saya minta supaya ayat diubah untuk lebih memberi gambaran adil dan perkara sebenar YB. Dato' Speaker, terima kasih.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, YB. Machang Bubuk juga menyokong usul tergepar yang dikemukakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang dan saya berasa begitu sedih dan kecewa kerana tindakan yang berlaku semalam di kumpulan perusuh tersebut dan memang Air Itam ada bangkitkan bahawa bukan perkara yang baru dibangkitkan malah telah berlaku semenjak enam (6) tahun yang lepas tak berhenti-henti dan awal tahun ini saya sendiri pun berpengalaman saya hanya mengadakan *flash mob I love* kangkung untuk membantah harga barang naik dan tidak keprihatinan pemimpin negara termasuk Perdana Menteri Dato' Seri Najib yang tidak langsung peka terhadap masalah kenaikan harga barang dengan menggunakan kangkung,....(gangguan) dan sejurus daripada itu kumpulan UMNO yang dipimpin oleh Ahli Parlimen Kepala Batas dan juga pimpinan-pimpinan UMNO yang lain mengadakan satu demonstrasi di Seberang Jaya Bandar Sunway dan membangkitkan kata nak ulangi mahukan lagi tragedi Mei 13 ini. Saya rasa perkara ini mereka tidak berhenti di sana pada hari keesokan hari lagi mereka pergi membuat demonstrasi di Pusat Khidmat Masyarakat ADUN Machang Bubuk dan membakar patung gambar seorang ADUN.

Saya rasa tindakan ini kita sudah lapor Polis, kita pun banyak kali bangkit, bahawa perkara macam ini *flash mob* yang saya adakan itu hanya satu perhimpunan yang aman dan menyampaikan suara rakyat bantah terhadap tidak puas hati apa pimpinan-pimpinan UMNO BN ini, dan saya sendiri mengalu-alukan perdebatan tentang GST, kita boleh bincang dekat Dewan dan saya juga mengatakan bahawa kepada orang-orang yang datang ke pejabat saya untuk berdemo itu kita boleh berbincang berdebat, tidak ada masalah. RTM juga nak mengadakan debat perdana, saya boleh anjurkan bersama-sama Rezal Merican tetapi tak ada, tetapi apa yang mereka buat itu merusuh,

disebabkan ini tiada tindakan tegas oleh Pihak Yang Berkuasa maka berlakunya perkara seperti semalam mereka sudah melampau sehingga masuk ke dalam Dewan Undangan Negeri yang mulia ini. Sekiranya perkara ini tidak diambil tindakan yang keras, saya rasa perkara-perkara ini akan berulang-ulang lagi, bukan sahaja ahli-ahli politik malah orang-orang biasa yang menyertai himpunan anti Lynas yang berlaku di Pulau Pinang juga dihadapi oleh kumpulan-kumpulan samseng perusuh tersebut yang sama. Oleh itu saya rasa ahli-ahli politik UMNO termasuk tadi kata Khairy Jamaluddin yang menyatakan mereka tidak bersetuju, tidak salah saya harap jangan hipokrit lagi. Mereka kena ambil tindakan yang tegas pecatkan semua anggota-anggota atau pemimpin-pemimpin UMNO yang semalam datang ke sini. Perdana Menteri kena pecat mereka sekarang juga untuk mengembalikan kemuliaan sistem demokrasi berparlimen ini sekiranya mereka benar-benar tegas setuju dan akur kepada sistem demokrasi berparlimen ini. Jika tidak jangan kata mereka tidak bersetuju sahaja, kita nampak ini semua cakap saja, tapi tak ada apa-apa tindakan dan saya menyokong sepenuhnya usul tergepar yang dikemukakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang ini.

Akhir sekali saya juga ingin mengucap, mengingatkan kepada Dewan Undangan Negeri khas nya kepada Yang di-Pertua yang baru, menjadi Yang di-Pertua Dewan ini telah mengadakan pelbagai dasar keterbukaan untuk membuka Dewan Undangan Negeri kepada rakyat jelata, saya ada satu perasaan yang amat bangga di sini, Dewan kita sangat dekat dengan rakyat, semua orang boleh lalu, pagar tak ada tinggi-tinggi, orang biasa dan rakyat sebenarnya memang dibenarkan untuk masuk ke Dewan untuk memerhati kualiti perdebatan dan perbahasan daripada wakil-wakil rakyat mereka, memang itu juga mengapa kita nak mengadakan *live streaming* untuk melibatkan rakyat kita dapat melibatkan secara langsung juga, walaupun mereka tidak dapat datang sini untuk berdebat tetapi mereka telah mengundi wakil-wakil rakyat mereka ke sini untuk berdebat dan memang ada beberapa usaha-usaha yang telah di ambil oleh Dewan untuk mendekati rakyat dan sangat menggalakkan satu pembangunan yang sangat baik. Saya berharap kita jangan bertolak ansur, berganjak dengan ada kumpulan perusuh ini masuk kita tukar atau membaik dinding yang tinggi untuk menghalang orang masuk, di samping kita nak meningkatkan keselamatan itu tapi saya rasa kita kena tetapkan pendirian kita di mana Dewan ini memang dimiliki rakyat tetapi bukan dimiliki oleh samseng. Dengan ini saya mohon sokong.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

Terima kasih Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, insiden yang berlaku semalam boleh dikata sudah *break record* di Malaysia, atau Asia Tenggara kerana Dewan yang mulia ini sepatutnya Dewan yang membela hak rakyat ini telah diancam dan dihina oleh orang-orang yang digelar sendiri UMNO, pemimpin UMNO yang sombong, yang jahat itu, kita semua di sini mewakili dari parti-parti yang tak sama, tapi dalam Dewan ini sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri kita mesti menjaga maruah Dewan ini. Kita mesti bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan dan maruah Dewan ini dan tidak boleh terima perkara ini berlaku. Kita sebagai *leader* di setiap parti, jika ahli-ahli kita, tidak puas hati dengan apa-apa perkataan yang dibahas, dicakap oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat di dalam DUN kena melalui kita menyuarakan, saya nak pendek kata kerana tadi banyak sudah memberi jiran saya.

Pendek kata so, saya di sini, hari ini saya memang menyokong usul ini kerana sebagai seorang Ahli Dewan Undangan Negeri saya bertanggungjawab supaya Dewan ini tidak dihina dan maruah Dewan ini kena dijaga. Inilah perbezaan yang saya boleh nampak, saya percaya, jika ahli-ahli atau pemimpin-pemimpin parti antara Pakatan Rakyat jika mereka tidak suka apa-apa percakapan oleh Yang Berhormat UMNO, dari UMNO kami pasti, mereka pasti kena melalui sesiapa yang ada wakil di sini kerana *whatever they want to do* sebagai *leader, debate* masuk *we are here, we* masuk *our leaders outside or our members whatever you want to do inside the Dewan please bear in mind, we all are still alive*. Jangan bagi mereka buat yang suka-suka, tapi ini kita boleh nampak perbezaan kerana tadi YB. dari Pulau Betong, dia kata pemimpin-pemimpin UMNO masuk ke dalam ini untuk cari Seri Delima, apa ini berlaku inilah perbezaan *standard*, tapi *I* memang bukan semua pemimpin UMNO yang boleh terima insiden sebegini berlaku. Saya percaya seperti YB. dari Telok Bahang dia merupakan satu Yang Berhormat yang dia pun cakap dia pun tak terima dan semalam bila minta sokongan daripada YB. Padang Kota dia pun berdiri sokong juga, tapi mungkin selepas *meeting* dengan pemimpin mereka, dia terpaksa menunduk bukan dia *the final reason is is not from his heart so, I* memang simpati dan kesian dan saya harap hari ini Yang Berhormat-Yang Berhormat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri yang bertanggungjawab, yang bermaruah marilah kita semua menyokongkan usul ini supaya maruah DUN ini dapat dijaga. Oleh itu, saya menyokong usul ini.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua, saya amat kecewa pada semalam wakil rakyat UMNO telah cuba menggunakan alasan punca insiden semalam adalah kerana Ahli Seri Delima mengeluarkan perkataan yang menyakitkan hati. Maka memilih untuk tidak mengundi usul yang dibangkitkan Ahli Padang Kota tetapi di sini menegaskan bahawa keluaran perkataan yang menyakitkan hati dan Dewan mulia ini adalah perkara yang berbeza. Jika tentang keluaran tentang perkataan yang sakit hati kita ada peraturan-peraturan, Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri, pembangkang-pembangkang yang tidak berpuas hati boleh bangkitkan isu atau minta YB. Speaker untuk membuat keputusan, tetapi mencerobohi ke dalam Dewan yang mulia ini adalah kesalahan di bawah undang-undang.

YB. Dato' Yang di-Pertua. Apakah yang berlaku pada semalam adalah sesuatu telah keterlaluan. Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat tidak pernah menjalankan sebarang demonstrasi yang aman apa yang dikatakan enam (6) tahun ini banyak demonstrasi diadakan di luar pagar Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang kita pun tidak campur tangan dan membenarkan mereka ketidakpuasan hati, tetapi apa yang berlaku semalam tendang sampai pintu pagar Dewan Undangan Negeri sampai rosak dan terus masuk sampai ke Dewan yang mulia ini membuat kecoh, membuat kacauan sampai tendang meja Yang di-Pertua ini adalah satu tindakan itu, perkataan itu keterlaluan, yang melampau, itu tak tahulah, so perusuh dan samseng ini saya ingat Polis pun ada pada masa itu, Polis pun ada di dalam Dewan tetapi saya hairan pada ketika itu apakah tindakan saat-saat yang penting, mengapa Polis mengambil apa-apa tindakan di dalam Dewan yang mulia ini. Mereka terus membuat apa-apa sesuka hati dalam Dewan ini. Sekarang adalah peluang yang kedua kepada ahli-ahli pembangkang usul yang tergepar yang dibangkitkan oleh Ketua Menteri memberi peluang kedua kepada pemimpin-pemimpin UMNO di sini, macam tadi Yang Berhormat Padang Kota kata

bukanlah semua Ahli-Ahli UMNO itu semua jahat, Ahli-Ahli UMNO pun ada yang baik. Saya harap baik ini Ahli-Ahli UMNO baik ini pada pagi mulia ini akan membuat keputusan betul untuk menagakan kewibawaan perlembagaan Malaysia. Sekian terima kasih, saya mohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Telok Bahang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Terima kasih YB. Dato' Speaker, Air Putih, Ketua Menteri, dan ADUN-ADUN, Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Jadi Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, semalam kita tahu satu insiden yang katakan satu sejarah hitam berlaku, memang sebenarnya satu insiden yang kita secara ikhlas tak dapat terima tindakan menceroboh masuk ke Dewan, saya di antara salah seorang bangun untuk menyokong usul tapi tuan-tuan, Yang Berhormat-Yang Berhormat setelah kita melihat perkara ini, saya mohon supaya perkara seperti ini tidak berlaku dan berulang masa yang akan datang dan kita juga sekiranya diugut untuk membunuh atau pun perkara yang salah, benda yang tidak betul, dan kita kena terima hakikat, kalau yang tidak betul berlaku. Di sebalik itu, setiap cerita atau pun kejadian mempunyai pasangan kalau kita Robin Hood, dia kena ada cerita King Edward kalau kita cerita Juliet mesti ada Romeo, kalau kita cerita Lela mesti ada Majnun. Lela Majnun tiap-tiap kejadian itu mesti ada ceritanya, mesti ada hubung kaitnya, kita tidak boleh cerita Romeo saja, bila kita tidak boleh cerita Romeo *handsome*, Romeo macam-macam, tak cerita, cerita-cerita Juliet, maka cerita ini tidak boleh berlaku.

Begitu juga kalau kita benar-benar untuk menjaga kesucian Dewan yang mulia ini, kita kena letak sejarah dia, insiden yang hitam ini berlakunya macam mana? Kita cerita kepada masyarakat semua, supaya nampak kita satu wakil rakyat yang mewakili Pulau Pinang ini betul-betul terima *pro and contra* dan mengaku nampak jelas cerita jelas sebenarnya untuk rujukan kepada masyarakat akan datang. Sejarah ini akan terpahat sampai bila-bila sejarah ini, tetapi kalau satu cerita saja yang kita cerita asal kejadian ini, berlaku pencerobohan tetapi kita tidak kaitkan kenapa dia berlaku, ini sudah timbul cerita berat sebelah, walaupun insiden itu *simple*, walaupun insiden simple, apabila berlaku banjir di Belanda dulu, ada satu budak letak jari dia dalam satu lubang tembok yang kecil supaya Negeri Holand, Belanda itu, tidak berlaku banjir kerana tindakan lubang yang kecil itu, dia itu telah menyelamatkan negara ini. Ini adalah asas kalau fikir akal kenapa lubang yang kecil itu hendak disumbat jarinya, cerita itu boleh dipadan tindakan yang kecil, semangat yang kuat, yang besar telah menyelamatkan satu negara dan menjadi satu kuasa besar.

Begitu juga kita cerita macam-macam, tapi kita tak tulis pun insiden ini berlaku kerana Seri Delima mengeluarkan perkataan celaka, kenapa tidak ada satu baris ayat yang kita nak minta tolong cerita pada masyarakat yang akan datang, insiden ini saya tolak, saya tidak boleh terima, saya beritahu saya tidak menyokong dan saya akan bersama-sama menentang perkara-perkara begini, tetapi saya juga mohon ceritalah perkara sebenar-benarnya dan supaya semua orang tahu dan menjadi teladan, hari ini perkara perkataan-perkataan, dalam keluarga saya nak menyebut perkataan begitu tidak pernah berlaku.

Mungkin tuan-tuan rasa *simple* atau mudah tetapi perkataan itu, saya mohon kepada kawan kita tarik, tariklah, apa salahnya kalau kita terlanjur kata, kita mohon maaf ataupun kita tarik balik, kadang-kadang dalam pertuturan, dalam perbahasan, terlepas perkataan-perkataan begitu, hari ini umpamanya, perkataan yang *simple*, saya tak mahu sebut perkataan itu, dan bukan taraf diri saya untuk menyebut perkataan itu, dan saya tidak sampai hati nak menuduh DAP, nak tuduh PKR, nak tuduh PAS dengan perkataan-perkataan yang tak baik langsung. Saya hormat, saya tahu Ketua Menteri kerja kuat, siang malam sampai 12.00 malam dekat *office*, saya akui tetapi pada sama yang sama Dewan yang mulia ini kenapa tidak boleh letak sedikit insiden ini bermula kerana ADUN Seri Delima mengeluarkan celaka, celaka, celaka. Saya minta maaf Dewan, saya tersebut perkataan tersebut, ini terkeluar, bukan niat saya hendak sebut. Bukan niat saya nak merujuk kepada ADUN Seri Delima.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, usul mengatakan menceroboh itu saya terima, tetapi hendaklah tambah insiden ini berlaku kerana supaya menjadi rujukan pada masyarakat akan datang supaya kita tahu, pengajaran bersama-sama jaga lidah, jaga mulut, jaga perasaan, jaga hati dan jaga semangat, jaga setia kawan yang kita kasihi negeri ini. Dalam perbahasan tidak pernah kata DAP tak buat kerja, tingkatkan usaha, jadikan Pulau Pinang ini maju, Pulau Pinang ini hak kita, kita bersama-sama tetapi ingatlah satu-satu insiden tamadun kalau kita nak bina ambil ratusan tahun, puluhan tahun dan tamadun boleh hancur dalam satu hari. Bangunan nak kita bina bertingkat-tingkat mengambil masa yang lama tetapi bangunan boleh hancur dalam masa satu hari saja.

YB. Speaker, saya tak mahu mengambil masa yang banyak tepi sebab ADUN Yang Berhormat, mata dah kelabu, Yang Berhormat Seberang Jaya kata saya masa tak cukup, dia nak bahas dan gulung dengan Yang Berhormat Batu Maung. Saya faham kita boleh bertukar-tukar maklumat begitu, berbincang-bincang apa salahnya, boleh jumpa di luar, ada-ada, kadang-kadang ada juga...(gangguan), tadi saya nak ulang sahabat baik saya mengenai *mob* tadi saya minta laluan, apabila gambar Perdana Menteri di sumbat dengan kangkung...(gangguan). Replika, replika disumbat dengan kangkung saya rasa satu Yang Berhormat muda buat perkataan begitu dan saya bagi tahu, kalau sorang buat gambar Ketua Menteri sumbat apa-apa, saya orang yang pertama akan kata kamu kena jaga maruah pemimpin negeri. Apabila PERKASA saya pun, bila PERKASA di Telok Bahang campak gambar Perdana Menteri, dan memijak PERKASA sampai hari ini ada masalah dengan saya kerana apa, kerana saya mengutuk tindakan itu dan saya tidak ada hubungan baik pun dengan PERKASA kerana insiden-insiden yang macam itu. Sebab apa, saya tidak boleh terima perangai begitu, tidak boleh apabila ADUN sahabat kita, replika sumbat kangkung saya pergi *search* dekat internet apa Perdana Menteri cakap. Saya nak ulang lagi Perdana Menteri berkata musim hujan, musim banjir, air banyak kangkung harga dia murah, memang benar pun, kangkung murah kenapa, kerana hujan dan banjir, bercambah-cambah sawi hujan dan banjir tidak ada pengeluaran, sawi, bayam tidak boleh hidup ketika banjir yang banyak, apabila kangkung terlampau banyak tumbuh sendiri Perdana Menteri *refer refreeze* itu sahaja. Dia berlaku dengan sendiri. Dalam video...(gangguan).

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih Ahli Kawasan Telok Bahang. Saya rasa jika anda tengok *You Tube*, *You Tube* itu memang ada sebahagian sahajalah. Sebab Perdana Menteri juga ada menyatakan bila harga turun, rakyat tidak berterima kasih kepada kerajaan. Tak puji kerajaan. Tapi bila harga naik rakyat marah kerajaan. Tapi itu adalah satu pemikiran daripada seorang pemimpin yang ingatkan apabila harga itu tanggungjawab kerajaan untuk mengawal harga barangan itu tidak dijaga. Malah dia mengharapkan rakyat untuk memujikan kerajaan lagi. So itu yang saya kata ketidakprihatinan. Sekian terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Cuma jawapan ada subjektif. Terpulang dekat Yang Berhormat. Orang muda. Semangat macam lain. Perbezaan pendapat kena ada antara orang muda dan orang tua baru wujunya tamadun. Jadi saya minta maaf daripada Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Saya menentang usul yang membenarkan mereka masuk. Tetapi ceritanya ini tidak tepat dan saya tak boleh untuk beri undi hanya saya minta tukar. Ceritalah kejadian yang sebenar-benarnya. Dengan itu saya ucap terima kasih. Tak boleh sokong. Kena tukar sedikit. Cerita kena ada pasangan. Cerita kena asal kejadian. Sekian. *Assalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh.*

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli Kawasan Berapit.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Dengan hati yang berat saya ingin membahas usul yang tergepar oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Ahli Kawasan Air Putih pada hari ini.

Kelmarin Ahli Kawasan Padang Kota pun sudah membuat satu usul dan apa yang berlaku kelmarin petang, saya dengan YB. Bukit Tengah dan YB. Datok Keramat berada di sini. Bila mereka mencero bohi masuk ke dalam Dewan yang mulia ini. Bagi saya dalam enam (6) tahun berkhidmat sebagai ADUN Berapit saya kurang *criticism* sesiapa pun di Dewan ini. Dan saya mengamalkan wakil rakyat mewakili KADUN Berapit. Ini tanggungjawab saya untuk menyoal membawa semua masalah KADUN saya berbincang di sini dan kita memberi buah fikiran kepada barisan EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk meningkatkan taraf hidup rakyat di Negeri Pulau Pinang. Dan ini adalah satu Dewan yang begitu mulia dan begitu penting sekali untuk rakyat Negeri Pulau Pinang untuk kita sebagai wakil rakyat bermesyuarat.

Apa yang berlaku kelmarin saya faham perasaan daripada barisan pembangkang. Tetapi ini bukan alasan untuk mereka mencero bohi Dewan ini dan menunjukkan perasaan marah dan bagi saya sangat susah untuk bercakap perkataan yang begitu, kalau cakap biadap. Ini sangat susah, tetapi memang perlakuan itu betul pada petang itu. Bagi saya, bila saya sebagai suri rumah tangga pada tahun 2000, rumah saya dicero bohi pencuri. Saya pergi buat laporan polis. Saya minta Polis bagi saya satu jawapan yang boleh mententeramkan keluarga saya yang dicuri oleh pencuri.

Pada tahun 2003 sebelah rumah saya dirompak dengan lima (5) orang pegganas. Kita juga takut. Kita pergi buat laporan polis, tetapi sampai hari ini pun Polis tak dapat tangkap lima (5) penceroboh perompak itu. Disepanjang taman yang saya tinggal itu berasa takut. Dan sebagai rakyat biasa kita kena berikhtiar sendiri macam mana menjaga keselamatan kita sendiri dan keluarga dan anak-anak kita. Dan di sini sebagai Wakil Rakyat saya ingat ini selamat untuk kita bermesyuarat di Dewan ini, tetapi kelmarin saya betul-betul bukan takut. Saya memang susah hati dan tak tenang melihat keadaan yang berlaku. Ini satu emosi yang sudah lama berlaku di dalam masyarakat kita di Malaysia ini.

Saya berasal dari kampung dulu. Bapa saya sudah tiga (3) tahun menjadi wakil rakyat di Tikam Batu. Kita faham bagaimana hidup bersama-sama sebagai satu negara yang muhibbah. 1Malaysia dilaungkan oleh Perdana Menteri kita. Ini masalah yang kita hadapi. Kebencian, marah antara satu (1) sama lain disebabkan pendirian yang tak sama dalam aliran politik? Di sini kita bertikam lidah, marah-marah disebabkan pendirian parti yang tak sama. Tetapi rakyat jelata di luar mengharap kita membuat sesuatu untuk menjaga keselamatan dan menjaga taraf hidup mereka. Sampai sekarang juga kita masih bertikam lidah. Ini UMNO, ini Pakatan Rakyat. *I feels ridiculous. Very sorry* Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Saya memang tak begitu senang hati bila saya punya *click* marah-marah dan saya sangat hormat kepada Ahli Kawasan Tanjung Bunga yang boleh berdiri bercakap dengan benar. Inilah Ahli Dewan Undangan Negeri yang kita perlu di Dewan ini.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar saya berasa hampa semalam sampai saya menitikkan air mata bila Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar masih lagi tak faham apa yang berlaku semalam atas kesalahan. Mereka sepatut, kalau nak marah pun tak boleh mencerobohi Dewan seperti Ketua Menteri Air Putih cakap. Ini ialah tiga (3) institusi yang penting yang patut rakyat jelata hormati. Saya tahu sebagai pembangkang dia kena menyebelahi parti dia. Sebab itulah dia tak boleh mengeluarkan suara. Minta maaf Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya pun minta maaf. Kalau kata saya tak faham, Ahli Kawasan Berapit pun tak faham. Saya dah beberapa kali menyatakan dalam Dewan ini. Kita pun tak setuju dengan apa yang berlaku bila dia orang masuk dalam ini untuk cari Ahli Kawasan Seri Delima. Jangan kata saya membendung, saya setuju, saya menjemput dia orang masuk.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Saya faham. Saya tak bercakap yang Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar menjemput mereka. Saya faham ramai kawan-kawan barisan sini pun tak suka apa yang mereka buat. Tetapi bila Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar berdiri membahar semacam sebab Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar tak cakap kalau tak ada angin pokok tak akan bergoyang. *Okay, but this is not the reason for them to* mencerobohi untuk masuk Dewan. *It's not an excuse alright* dan bila saya masih belajar di sekolah, bapa saya memberi satu buku iaitu Mahatma Gandhi. Buku yang dia tulis.

Apa yang berlaku di sini politik yang tidak berprinsip menyebabkan negara kita menjadi keadaan ini. Dan apa yang berlaku dalam masyarakat ini benci-membenci ada dimainkan oleh *politician* sekarang di Malaysia ini. Saya memang tak mahu lagi melihat apa yang berlaku akan berlaku dan saya difahamkan masih lagi ramai Polis berdiri di depan untuk menjaga kawasan Dewan ini, sebab kelmarin sekumpulan yang memanggil mereka UMNO, yang membela nasib Melayu kaum Melayu, mereka kata mereka akan balik sini untuk menentukan Yang Berhormat Ahli Kawasan Seri Delima meminta maaf. Itu satu *threaten* yang besar.

Saya harap wakil-wakil rakyat di sini kalau boleh kita berkongsi, satu persefahaman iaitu menyokong hadapan. Kita tak boleh lagi membiarkan sesiapa yang tidak berkenaan mencerobohi masuk Dewan yang mulia ini untuk menentukan keamanan dan keharmonian, untuk bermesyuarat, untuk membangunkan Negeri Pulau Pinang ini. Dengan itu saya memohon dan saya sokong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan Ahli Kawasan Berapit. Saya melihat Ahli Kawasan Berapi ini bercakap dan saya amat memahami hati dan perasaan Ahli Kawasan Berapit. Saya nak mengulangi bahawasanya kami juga tidak bersetuju dengan apa yang berlaku semalam. Kami tak bersetuju. Kami tak mengarah, kami tak menyuruh dan kami juga tak bersetuju. Sebab itu saya minta supaya Y.A.B. Ketua Menteri untuk mengubah ayat-ayat dalam ini untuk menggambarkan kejadian yang sebenar. Kami tidak bersetuju dengan apa yang berlaku semalam dan kami juga tidak bersetuju dengan apa yang diusulkan. Minta supaya ayat-ayat ini diubah. Itu permintaan kami. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Nanti, dia belum.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Apa yang berlaku semalam memang semua dah rekod. *1.5 million people out there is watching us*. Kita punya satu (1) moral untuk rakyat di negeri Pulau Pinang. Saya harap sebagai satu *politician* apa-apa parti pun kita mesti bercakap benar dan kita mesti menanggung tanggungjawab sebagai Ahli Wakil Rakyat dalam Dewan yang mulia ini. Saya minta menyokong usul daripada Ketua Menteri.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli Kawasan Paya Terubong.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Terima kasih Yang di-Pertuan Dewan Undangan Negeri. Memang kita semua mengakui bahawa insiden semalam merupakan satu sejarah hitam dalam sejarah DUN di Pulau Pinang yang di mana perkara ini ...(gangguan). DUN di mana-mana Negeri ataupun di Parlimen. Cuba tengok apa yang saya pegang ini. Perlembagaan Pulau Pinang. Dewan Negeri ini merupakan institusi yang paling tinggi dalam Negeri ini. Di

seluruh Malaysia DUN terdiri daripada Sultan atau Yang di-Pertua Negeri, seorang Speaker dan juga Ahli Dewan. Mengikut Perlembagaan Pulau Pinang, Artikel 10, DUN terdiri daripada Yang di-Pertua Negeri, seorang Speaker dan juga Ahli Dewan. Tindakan pencerobohan semalam ini bukan sahaja satu penghinaan terhadap sistem demokrasi tetapi juga satu tindakan yang tidak menghormati Perlembagaan dan juga dikatakan tidak menghormati Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri. Tindakan cuba menjatuhkan bendera Malaysia atau bendera Pulau Pinang ini juga boleh dilihat sebagai satu tindakan yang khianat dan juga boleh disifatkan sebagai satu tindakan cuba memerangi Duli Yang Mulia Yang di-Pertuan Agong dan juga Yang di-Pertua Negeri.

Saya amat kecewa dan tidak faham kenapa ahli-ahli dan rakan-rakan di belah pihak pembangkang tidak setuju terhadap usul semalam ini dan saya berharap pihak pembangkang sekiranya masih mempercayai dan *uphold* tinggi Perlembagaan Negeri Pulau Pinang dan juga menghormati institusi yang tertinggi ini mintalah sokong terhadap usul ini. Dan di sini saya juga ingin menyatakan bahawa Malaysia kita ada undang-undang. Adakah UMNO mengatasi undang-undang. Adakah orang UMNO boleh melanggar undang-undang atau tidak menghormati Perlembagaan. Saya percaya semua lapisan masyarakat tidak boleh terima bahawa sekiranya penganas-penganas semalam tidak ditangkap atau didakwa hanya sebab mereka orang UMNO. Jadi Polis Diraja Malaysia mesti mengambil tindakan keras terhadap penganas-penganas semalam walaupun mereka adalah ahli UMNO. Jadi sekian, saya mohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat Bertam.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Terima kasih. YB. Dato' Speaker, Y.A.B. Ketua Menteri dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya hormati. Saya mengikuti perbahasan kita semenjak pagi tadi dan apa yang dapat saya simpulkan, semua perbahasan daripada pihak Kerajaan, wakil-wakil Yang Berhormat dari pihak kerajaan. Saya dapat rumuskan perbahasan tersebut seolah-olah menggambarkan bahawa kami ke sepuluh-sepuluh ADUN Barisan Nasional adalah merupakan individu-individu ataupun pemimpin yang berada di belakang insiden pencerobohan Dewan Undangan Negeri semalam.

Kedua saya simpulkan apa yang saya nampak daripada semua perbahasan, kami digambarkan sebagai individu-individu atau ADUN-ADUN yang berada di belakang *incident* semalam berputik atau pun berpunca daripada ketidakpuasan hati kami dengan apa yang diucapkan oleh Ahli Dewan Undangan Seri Delima di dalam perbahasan semalam sehari sebelum hari tersebut. Kami juga digambarkan sebagai ADUN-ADUN yang berada di belakang *incident* semalam dengan mengambil tindakan tanpa mematuhi Peraturan Dewan. Ini adalah tiga (3) benda yang saya nampak dan saya dengan ini menegaskan mewakili sahabat-sahabat saya di sini ke semua sepuluh (10) ADUN Barisan Nasional menyatakan bahawa kami sama sekali tidak terlibat, kami sama sekali tidak berada di belakang dan kami turut mengutuk apa yang berlaku kelmarin yang melibatkan Dewan Undangan Negeri yang mulia.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, kes belum pun disiasat sepenuhnya kami telah pun dipersalahkan. Undang-undang kita jelas, kita *innocent until proven guilty*, sepuluh (10) ADUN kalau ada pun satu (1) yang salah Ketua Pembangkang kena bertanggungjawab tetapi siasatan belum pun bermula telah pun dilaporkan siapa di belakang, siapakah yang terlibat tapi akhirnya kami digambarkan sebagai individu yang bertanggungjawab. Ini adalah sesuatu bagi saya yang tidak patut.

Kami digambarkan seolah-olah ADUN-ADUN yang tidak mengenal dan tidak faham apa itu Perlembagaan, apa itu Peraturan Dewan. Saya ingin menyatakan di sini bahawa *incident* yang bermula dengan perbahasan, dengan kata-kata yang sebut oleh YB. Seri Delima sebenarnya berakhir di dalam Dewan. Saya boleh merujuk kepada hansard yang berada di sini, kalau kita tengok apabila perkataan-perkataan disebut yang menimbulkan kemarahan di luar sana, saya ulangi di sini. Sikit saja Dato', ya. Saya ulangi sikit macam YB. Berapit, YB. Penanti kata, dia pun tak suka menyebut perkataan yang tak elok. Izinkan saya mengatakan bahawa apa yang diucapkan itu tak elok dan saya pun tak mahu sebut dalam Dewan. Cuma saya ingin mengatakan bahawa selepas ayat-ayat tersebut diungkapkan, saya berdiri, Ahli Kawasan Bertam Shariful Azhar bin Othman, Peraturan, Peraturan. Maksud saya inilah, kita selesaikan. YB. Seri Delima untuk Yang Berhormat menzahirkan rasa marah, melahirkan rasa yang bertentangan itu hak Yang Berhormat. Tetapi sebagai Ahli Dewan, saya merujuk Peraturan 46(xiii) Seorang ahli janganlah menggunakan perkataan-perkataan yang menyakitkan hati, menyentuh peribadi seseorang. Ini saya minta supaya Yang Berhormat kena hormati, saya merayu, tidak perlu menggunakan perkataan-perkataan celaka, celaka sebab andai kata perkataan itu dibenarkan YB. Dato' Speaker, *in my* hansard. Maka Dewan ini akan mula menggunakan perkataan yang sama. Terpulang kepada YB. Dato' Speaker kalau perkataan itu dibenarkan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri pula membalas, Seri Delima tolong jangan guna lagi perkataan demikian. Semua mengikut peraturan. Ahli kawasan Seri Delima mengatakan bahawa Sudah gunakan, tak apa kot. Maksudnya tak apa, okey, tak ada masalah. Itu jawapan daripada YB. Seri Delima disusuli oleh YB. Sungai Acheh. Tapi YB. Dato' Speaker, kena tarik balik. Dato' Speaker diminta tarik balik. Ya, Dato' cakap dalam hansard. YB. Seri Delima menjawab saya tidak akan tarik balik, saya tidak akan tarik balik, saya akan mengulangnya sekarang kalau perlu.

Jadi Yang di-Pertua kata Seri Delima, saya sudah bagi perintah jangan gunakan perkataan sedemikian lagi, telah pun diminta. Ahli Kawasan Seri Delima jawab pula kata kalau tak kena tarik balik, *no problem*, terima kasih, saya teruskan. Ahli Kawasan Penaga pula, saya terpaksa baca Yang Berhormat ini untuk mencari penyelesaian. YB. Dato' Speaker, saya nampak di sini bahawa Dato' Speaker telah pun membuat keputusan bahawa perkataan itu yang digunakan oleh YB. Seri Delima melanggar peraturan. *He make the decision* dan beliau diminta supaya menarik perkataan tersebut. YB. Barisan Nasional dah mohon tarik balik. Beliau enggan berbuat demikian, saya bermohon supaya YB. Dato' Speaker membuat satu keputusan sama ada beliau ingkar peraturan yang ditetapkan oleh Dewan. Kita minta satu keputusan pada masa tersebut kepada Dato' Speaker.

Tapi *Alhamdulillah*, Dato' Speaker menjawab, saya sudah bagi amaran supaya jangan gunakan sekali lagi, itu saja perintah saya untuk ahli-ahli. Tak tarik balik, untuk ahli-ahli saya juga nanti minta Seri Delima, supaya jangan, tolong jangan gunakan perkataan-perkataan yang digunakan dan juga masa dah tak ada, lebih untuk Seri Delima, sudah lebih satu setengah jam. Boleh berhujah tapi berhujah dengan baik. Ahli Kawasan Seri Delima dan dia berhenti di situ. Ini menunjukkan bahawa ketidakpuasan hati telah pun kami luahkan di dalam Dewan dan episod tersebut berakhir di antara kami dengan Ahli Dewan Undangan Negeri Kerajaan berakhir di situ. Sebagai mana MH berakhir di Lautan Hindi kita pun berakhir di situ. Selepas itu, saya masih ingat di luar Dewan, kita bersembang, seronok *no grudge*. Bersama makan nasi lemak, jemput, itu antara kita sesama Ahli Dewan.

Tetapi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya hormati, ingin saya katakan di sini bahawa imuniti sebuah Dewan hanyalah terletak di dalam Dewan ini. Berakhir andai kata kita keluar di Pintu C, berakhir andai kata kita keluar di Pintu A, apa yang berlaku di dalam Dewan, di tempat makan orang tak tahu betapa rapatnya kita, betapa mesra kita satu sama lain. Tetapi inilah yang menjadi masalah, apabila apa saja yang kita buat di dalam Dewan diperhatikan oleh 30 juta rakyat Malaysia yang kalau ada menggunakan internet. Semua depa tahu, semua depa akan dengar, kita boleh ketawa di dalam Dewan. Seri Delima ada perangai Seri Delima, saya daripada Bertam ada perangai saya, Tok Mud dengan garangnya dengan Jawi. Tetapi adakah orang di luar sana tengok Tok Mud ada garangnya dengan Jawi kalau di meja makan ibarat ayah dengan anak. Begitu rapat, rupa pun lebih kurang. Ya, ayah takkan marahkan anak kot.

Semalam saya masih dengar ucapan daripada YB. Perai mengatakan bahawa Dewan Undangan Negeri ini ibarat *Vatican*. *Vatican* tapi kita kena faham, kita tak tahu apa pun apa pun dok buat kat dalam di sana. Dia keluar dia pakai jubah kita nampak dia seorang yang begitu warak dan alim. Apa dia buat kita tak tahu. Di dalam Dewan ini tuan-tuan, orang tahu. Saya sebenarnya kalau tuan-tuan tengok bila saya menang 5 haribulan 5 tahun sudah. Berat saya *I think* lebih daripada apa yang ada sekarang, tapi bila saya tengok tak eloknya muncul dalam TV, kurangkanlah sikit. Jadi sebab orang tengok *what we are doing inside here*, itu yang saya ingin saya maksudkan. Jadi apabila kita digambarkan, kita tidak mengikut peraturan ini adalah salah.

Berbalik kepada apa yang diungkapkan oleh Seri Delima apabila benda ini tersebar, apakah kita harus dipersalahkan. Apabila ada pihak-pihak tidak berpuas hati, adakah kita patut dipersalahkan untuk kita berada di hadapan. Ini adalah satu tuduhan yang cukup liar. Apabila kita diminta hanya kerana yang datang itu mengaku mengatakan mereka Pemuda UMNO kami diminta memohon maaf. Tapi saya nak maklumkan kepada Yang Berhormat semua, kalau tuan-tuan tengoklah apa yang ada dihadapan ni, kami semua di sini Barisan Nasional. Kami pemimpin Barisan Nasional. Kami pimpinan Barisan Nasional, Ahli Dewan Undangan Negeri Barisan Nasional dan kami mewakili parti yang bernama Barisan Nasional. Kalaulah semalam perkataan C.E.L.A.K.A. ditujukan kepada Barisan Nasional, saya percaya kamilah orang pertama yang harus dipertanggungjawabkan.

Di sini saya minta kepada semua Ahli-Ahli Dewan supaya kita berfikiran positif, kita mengaku bahawa apa yang berlaku semalam adalah satu titik hitam, kita tak mahu dia berlaku dan kita tak pernah dia berlaku. Saya apabila saya memegang, mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan, saya adalah orang yang cukup taat dengan peraturan. Apabila ditimbulkan kenapa kes Dato' Roslan tidak dibentangkan, saya adalah merupakan salah seorang Jawatankuasa dan saya memegang kepada peraturan bahawa apa saja yang telah kita bincangkan di dalam jawatankuasa hanya Pengerusi saja yang boleh bentang, maka Pengerusi untuk jawatankuasa tersebut adalah Dato' Speaker. Jadi saya tidak akan masuk campur dan tidak akan dedahkan apa yang telah kita putuskan. Sebab ini adalah peraturan. Kalau kita tidak ikut peraturan inilah jadinya. Kita tak ikut peraturan jalan raya satu hari kita mesti *accident* dan kita mungkin mati *accident*. Kalau kita tidak mengikut peraturan yang sedia ada.

Saya ingin maklumkan di sini saya adalah seorang peguam. Saya dididik oleh Pensyarah saya. Ada satu perkataan apabila kita belajar tentang Perlembagaan Malaysia. Saya pernah tanya kepada Pensyarah, siapakah yang paling arif di dalam Perlembagaan Malaysia. Pensyarah saya dengan tenang menjawab, Karpal Singh, hari ni mendiang Karpal Singh, sampai macam itu. Orang yang mempunyai kemahiran dalam Perlembagaan Malaysia. Sampai Pensyarah saya kata *he is leading and walking dictionary encyclopedia of Perlembagaan Malaysia anything*. Jadi berbalik kepada Seri Delima seorang Peguam yang saya percaya walaupun tidak mencapai taraf mendiang Karpal Singh di dalam bidang perundangan juga seorang peguam yang hebat di Pulau Pinang dan juga merupakan Ketua *Backbencher*. Apakah sebuah peraturan yang cuma setebal 50 muka surat ni, saya rasa Yang Berhormat Seri Delima cukup mahir dan saya percaya Seri Delima faham bahawa ayat-ayat yang turut digunakan di dalam Dewan ini haruslah berpaksikan kepada peraturan. Saya percaya sebagai seorang Yang Berhormat, yang faham tentang undang-undang, andai kata ada sedikit di hati Yang Berhormat, apa Yang Berhormat kata telah pun melanggar peraturan. Saya memohon kepada Yang Berhormat, mohonlah maaf di dalam Dewan sebab kita nak jaga kesucian Dewan, itu saja. Kita mohon maaf.

Saya sendiri pun andai kata di dalam hansard saya bermula daripada 5 haribulan, adalah tuan-tuan terjumpa perkataan kasar yang saya sebut, saya bersedia hari ini memohon maaf. *I'm all right*. Senang saja. Andai kata perkataan maaf itu boleh menyelesaikan semua masalah, saya percaya itulah perkataan yang paling mulia. Sukar sebenarnya dan kepada Y.A.B. Ketua Menteri yang telah pun membawa usul. Ada juga perkataan daripada kami di sini. Kita duduk dan kita membincangkan usul. Saya percaya Y.A.B. Ketua Menteri mempunyai keperibadian yang tinggi untuk menerima permohonan kami untuk kita sama-sama mencari penyelesaian supaya benda ini tidaklah dipanjangkan sebab andai kata titik hitam telah berlaku. Biarlah titik hitam itu kita pudarkan dengan keharmonian yang ada. Saya mohon sekali lagi kepada sahabat saya Seri Delima, andai kata terdetik di hati adanya pelanggaran peraturan, saya memohon satu ungkapan saya mohon maaf. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. YB. Bagan Dalam.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Dato' Speaker, Dewan Undangan Negeri adalah satu badan kebebasan, *the independent body* dan satu simbol demokrasi dan keadilan. Perbuatan pencerobohan oleh Ahli-Ahli UMNO yang berlagak macam binatang liar harus dikutuk dengan kejam. Saya kelmarin tidak ada di Dewan, saya hanya tengok di video. Perbuatan mereka menunjukkan macam itu. Pengetahuan saya ialah pertama kali dalam sejarah Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang atau mana-mana Dewan di Malaysia. Satu pencerobohan macam ini berlaku di mana harta-harta Dewan dirosakkan oleh pencerobohan. Ketua Pembangkang seorang peguam, Bertam pun seorang peguam. Tahu apa yang berlaku di dalam Dewan mestilah diselesaikan di dalam Dewan mengikut peraturan. Walaupun Seri Delima ada mengeluarkan kata-kata yang tak senonoh, pihak Dato' Speaker telah membuat keputusan dan memberi amaran, so perkara ini mesti diselesai di Dewan menggunakan perkataan itu.

Selepas itu hari kemudian pencerobohan oleh Ahli-Ahli UMNO, pemuda UMNO saya pun hairan, *because* pagi saya telah menerima *message* dalam *hand phone* bahawa ada satu demonstrasi akan berlaku pada pukul 2.00 petang. Kalau saya ada terima, tentu pihak Polis pun tahu demonstrasi akan berlaku dalam Dewan, mengapa Polis tidak datang atau pun tidak hantar pasukan untuk mengelakkan apa-apa yang tidak baik akan berlaku. Pihak Polis buat tak tahu, tidak ambil peranan untuk mengelakkan mereka masuk ke dalam Dewan. Saya pun hairan, tak faham mengapa Polis mesti tunggu untuk arahan, mereka boleh tangkap penceroboh-penceroboh itu untuk masuk ke dalam Dewan tetapi tidak berbuat demikian. Pihak Polis bila ada ceramah-ceramah PKR beratus Polis berada di situ tetapi Dewan mereka tak mahu ambil tahu dan walaupun yang masuk di Dewan itu adalah pemuda-pemuda UMNO, tentu wakil-wakil di sini adalah pemimpin-pemimpin UMNO dan boleh mengikut, mengambil kuasa untuk menghentikan mereka masuk ke dalam Dewan. Ini tidak dibuat oleh Ahli-Ahli UMNO mengapa tidak dibuat bukan ...(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Minta laluan YB. Bagan Dalam, minta laluan sikit saya dah kata tadi bahawa satu siasatan kena dibuat untuk memastikan siapa di belakang jadi apabila tuduhan, pandangan diberi, pertanyaan dibuat mengapa pihak Polis tidak terlibat, saya rasa pihak Polis saja bagi jawapan. Kalau melibatkan Polis Negeri tentulah Ketua Polis Negara yang jawatan lebih tinggi akan beri jawapan itu pertama. Yang kedua mengenai mengapa pemimpin-pemimpin UMNO tidak boleh selesai, ingin saya maklumkan bahawa di sini insiden berlaku, kami semua berada di dalam bilik Ketua Pembangkang sedang bermesyuarat mengatur apakah untuk dibahas, kemudian apabila kita dengar ada *promotion* saya melihat melalui pintu kita tak nafikan kita nampak ada ramai yang berkumpul tetapi di seberang jalan, dan kita difahamkan ini perkara biasa kalau diadakan demo di luar kawasan sebab sebelum itu pun dah ada, kemudian apabila kita dengar lebih kuat lagi.

Saya tengok ini saya tak tahu kenapa pintu pagar telah pun ditutup tetapi dibuka semula dan dijemput 2 - 3 orang masuk untuk apa, apabila dijemput sahaja 2 - 3 orang masuk sama ada dijemput saya tak tahu, sebab dijauh *from a far no correct me if I'am wrong, I'm not there* daripada jauh bila dibuka, bila masuk 2 - 3 orang yang lain mula merempuh ikut belakang termasuklah dengan wartawan-wartawan berkejar masuk, depan mata saya sendiri saya nampak Polis berlari-lari menekan pagar tersebut, jadi pada masa tersebut mulalah *demonstration* itu berlaku. Jadi kalau kata untuk pemimpin UMNO masuk sama yang kita tak tahu subjek yang sebenar, ini adalah sesuatu bagi saya diluar kawalan, itu sahaja saya minta penjelasan....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

YB. Dato' Speaker beri sikit, YB. Dato' Speaker, pasal kita dalam suasana ini nak bagi elokkan. Sebelum ini pun bila ada cakap terkasar kami tak tegur, kami tegur tak tarik, tapi saya nak tegur YB. Dato' Speaker, mengikut 46 (xiii)(c) menyakitkan hati. Tadi ada wakil mana minta maaf YB. Bagan Dalam dia sebut seperti binatang, jadi bahasa tak cantik, baik beritahu awal-awal satni depa dengar di luar sebut binatang, bertambah lagi *please* janganlah, kita nak buat cara elok, terima kasih YB. Dato' Speaker.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Bagan Dalam kalau ada sebut tadi saya rasa elok kita...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Saya kata macam binatang liar...(gangguan), macam binatang liar, *because* bila saya tengok...(gangguan), macam binatang liar.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tak mahu, elakkan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Itu macam binatang liar.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Tarik balik.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Itu bukan *un-parliamentary words*. *We say like wild animal*.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ikut apa yang saya mintalah.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Saya tarik balik. Pasal mahu wakil-wakil UMNO di sini, pemimpin-pemimpin UMNO mesti minta maaf atas apa yang dibuat oleh pemuda-pemuda UMNO itu mesti buat *you must at the crash to ask for witness*. YB. Bertam *you say anytime, you say sorry*, sekarang saya kata YB. Bertam mesti wakili pemimpin Ketua Pembangkang tak mahu *apologies somebody from there*, seorang daripada pemimpin UMNO mesti minta maaf atas apa yang berlaku kelmarin oleh pemuda-pemuda UMNO *its your use, not our use so you to have prepared* kita mesti buat, itu saya pohon menyokong.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Terima kasih YB. Dato' Speaker, memberi peluang untuk membahas usul ini, saya ada dua perkara saja nak dibangkitkan satu memang berasa kesal dengan kejadian itu bahawa kemuliaan Dewan ini telah dihinakan serendah-rendahnya oleh perusuh-perusuh yang diakui pemuda-pemuda UMNO terutamanya menendang dan menggoyang meja Yang di-Pertua. Jadi Dewan Undangan adalah Dewan Rakyat seperti dalam ucapan T.Y.T. dalam muka surat 20 yang dibacakan dengan kuat juga yang lepas sendiri tetapi di dalam pencerobohan ke dalam Dewan ini yang ganas dari luar itu yang penting oleh perusuh-perusuh tersebut. Itu tidak dihentikan keganasan mereka menghinakan kemuliaan Dewan ini oleh pihak pembangkang yang mewakili UMNO. Keganasan dan kesamsengan seperti perusuh semalam itu tidak boleh diterima langsung oleh Malaysia, Ketua Pembangkang yang dihormati yang berpengalaman yang patut rasional haruslah terutamanya mewakili UMNO haruslah insafi dengan *conscious*. Sebagai pemimpin dengan segera mengelakkan dan menghindarkan daripada berlakunya provokasi dan rusuhan tersebut. Untuk perkara-perkara dalam Dewan ini memang boleh diselesaikan dengan Peraturan-peraturan Dewan Undangan yang sedia ada, ini adalah satu krisis kemuliaan dan juga krisis demokrasi Dewan ini. Hina Dewan hina rakyat, hina Dewan, hina juga perlembagaan.

YB. Dato' Speaker, saya tetap mengecamkan perusuhan itu, saya juga putus asa bahawa dengan keganasan pemuda UMNO itu dan saya berasa kesian perjuangan UMNO selama ini sebab saya fikir perusuhan parti bahkan tidak mengajar penduduk pemuda UMNO ke arah yang betul. Ahli Ketua Pembangkang saya fikir harus berbuat baik dan berteladan walaupun terdapat juga Yang Berhormat-Yang Berhormat UMNO di Dewan ini yang berkeinsafan tetapi pemimpin ketua pemimpin patutlah sedari dengan *conscious* bahawa pengasuhan baik ibunda diasuhi tidak akan mengakibatkan keganasan kesamsengan oleh pemuda. Saya harap krisis kemuliaan dan krisis pendemokrasi ini menjadi satu bab pelajaran seluruh Malaysia terutamanya UMNO insafilah pengasuhan ibunda yang betul, murni dan benar dipupukkan kepada pemuda pemudi UMNO. Saya dengan ini menyokong usul ini.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Batu Lancang.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Terima kasih YB. Dato' Speaker, saya juga menyesal dan mengecam rusuhan-rusuhan yang telah berlaku kelmarin dan di sini saya negara kita ini memang negara demokrasi dan berperlembagaan dan saya cuma nak bandingkan perbezaan dengan pembangkang UMNO dengan pembangkang DAP, kini pembangkang UMNO ada 10 kerusi saya ingat lagi dalam 1986 DAP pun ada 10 kerusi dan 1990, 40 kerusi, masa itu kita pun banyak demonstrasi tetapi hanya di luar dan semasa saya membangkang yang tunda dengan PKR 1, PAS 1, DAP 1 saya pun mengetuai demonstrasi selalu kerana isu banyak, tetapi kita buat demonstrasi hanya di luar dan cerita kepada media sahaja apa isunya, tetapi kita sekarang nampaknya demonstrasi kita memang digalakkan, tetapi tak sampai rusuhan dan masuk ke Dewan dan angkat kaki letak di meja Yang di-Pertua, ini sudah terlampau.

Jadi perbezaannya di sini, so kalau DAP ahli-ahli yang buat demonstrasi masuk kita memang cuba sedaya upaya untuk menghalang mereka kerana kita tahu apa tingkah laku yang mereka buat, tetapi UMNO, pembangkang UMNO sudah tahu mereka akan buat demonstrasi sepatutnya buat persediaan apa yang mereka buat, tetapi hampunya pembangkang UMNO ada di dalam Dewan tetapi tak dapat cuba untuk menghalang, sampai mereka masuk, kalau sudah mereka masuk kita bagi peluang UMNO pembangkang, UMNO ini cuba minta maaf pemuda-pemuda UMNO ini, saya rasa susahlah, tetapi yang pembangkang semua setuju tingkah laku masuk ke Dewan salah, so kalau tak boleh menyuruh mereka minta maaf, pembangkang UMNO kena cuba minta maaf untuk mereka. Kalau DAP kita akan minta maaf kerana ini salah yang terlampau so jadi ini saya harap wakil pembangkang UMNO cubalah untuk selesaikan perkara ini kerana kita berasa kita nampak hari ini pun ada kumpulan-kumpulan di luar. Saya yang menjaga pelancongan tiap-tiap hari ada ini sampai pelancong pun takut nak datang, so cuba ini adalah tanggungjawab pembangkang UMNO so saya pun pendek kata saya menyokong usul ini...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Kebun Bunga, pendek katakan, bagi hujah-hujah yang *fresh* kalau ada.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Terima kasih Dato' Speaker. Saya hanya tiga butir *tree point* sahaja Dato' Speaker, sebenarnya saya adalah seorang saksi di dalam kes ini petang yang lalu saya berada di depan dan ambil yang *photograph*(dengan izin) yang apa ini *video* telah diambil oleh saya di dalam Dewan yang mulia oleh salah satu *video* yang dipanjang itu diambil oleh saya nampaknya bukan sahaja mengancam keselamatan orang awam dan juga ahli-ahli di dalam Dewan ini. Perkara ini juga mewujudkan satu *president* ataupun satu contoh untuk ...(dengan izin) *mop rule* maksudnya orang tidak boleh dikawal dan rusuhan yang dibawa ke dalam Dewan ini jadi ...(dengan izin) satu *quote*. *The mop is the mother* ataupun *father of tyrants* maksudnya orang yang buat rusuhan ini dia akan wujudkan lagi lebihnya yang tidak adil yang zalim jadi tanpa rasional ataupun *being unreasonable* ...(dengan izin).

Dato' Speaker kita tak boleh *control* dan atas isu ini Dato' Speaker saya pun ada nampak orang yang datang untuk menyerang atau pun *assault* Dewan ini datang (dengan izin) *mask* apa yang topeng yang sampai ada mata sahaja maksud bukan untuk filem maksudnya apa-apa yang mereka buat dengan topeng macam itu mungkin tidak boleh dicam, dan apa maksud dengan orang datang dengan niat nak kacau dan ancam keselamatan seperti itu dan saya nak juga jelaskan saya adalah salah seorang saksi dekat pintu yang utama itu, pintu yang utama itu bukan dibuka dengan secara biasa dia digoncang sampai nak runtuh, nak tumbang bukan sahaja ditendang, digoncang sampai dia terbuka dan orang bila masuk bila pegawai-pegawai nak hentikan mereka, mereka pun *struck of* atau pun tolak pegawai yang banyak lagi sampai tidak boleh dikawal, sampai dia masuk sini tendang pintu dekat *injury* mencederakan pegawai-pegawai yang semua ini, ada banyak gambar di dalam surat khabar sampai Ahli EXCO YB. Phee juga ada sampai kena meminta bahawa pegawai Setiausaha dikeluarkan dari kawasan itu walaupun Setiausaha nak menyelamatkan kawasan itu tetapi tak sempat, saya nak buat satu *salute* kepada Setiausaha yang nak jaga kawasan ini walaupun *mop* yang banyak lebih dari 20 orang masuk dan nak ambil bendera, nak pecahkan kawasan itu nak buang beg yang ada dekat kawasan sana, banyak lagi tetapi apa yang kita pagi ini Dato' Speaker pagi ini masih ada sikit *if I may*(dengan izin), *commotion* ataupun rusuhan di luar pagi ini pun masih ada jadi kita dapat nampak di luar sekarang pada masa itu masih lagi FRU yang mengawal kawasan ini yang lebih Ahli FRU pasukan FRU di luar maksud saya.

Pendek kata Dato' Speaker jikalau sebagai satu institusi yang tertinggi di dalam di negeri ini kita masih terancam walaupun kita membincang, membahas menyatakan buat kenyataan buat usul semua masih ...(dengan izin) *reality* masih kita terancam puak-puak atau pun pihak yang masih ada di luar saya rasa bukan sahaja maruah dan bukan sahaja keselamatan terancam tetapi sebagai satu institusi yang tertinggi di Pulau Pinang ini kita tidak lagi macam wujudnya termasuk dari pihak pembangkang dan juga Kerajaan Negeri kita juga dirujuk oleh orang awam sebagai atau pun bersama-sama dengan pihak Polis sebagai tidak boleh mengawal keadaan ini jadi perkara ini kena tangani dengan cara cepat, berefisyen dan ...(dengan izin) *harmoniously*.

YB. Dato' Speaker yang bagi saya ini merupakan satu tektik selama-lamanya di dalam negeri dan negara kita di mana bila apa yang tak betul dicabarkan datangnya satu(dengan izin) *brute force* satu cara yang tidak rasional cara yang mewujudkan huru-hara cara yang nak gunakan kuasa yang tidak munasabah untuk mengancam sesiapa yang mencadangkan apa yang baik. Saya faham YB. Dato' Speaker kedua-dua pihak Kerajaan dan pihak pembangkang, saya faham rasional di antara kita tapi ada yang mengatakan ataupun mencuba menjustifikasikan *brute force of the mop* saya tak boleh terima jikalau negara kita terima sesiapa yang datang menumbangkan pagar kita di Dewan yang mulia ini datang tendang atau pun nak mengancam keselamatan, ini bukan lagi cara ini bukan lagi cara kita menyelesaikan perkara. Jadi tektik *mop rule* ini dengan pendek kata biasa wujud selama ini bila kita buat kes di mana-mana pun Ketua Menteri kita pun banyak kali diserang, YB. Machang Bubuk, YB. Ahli Parlimen Tian Chua pun juga diserang. Jadi pendek kata ini satu tektik YB. Dato' Speaker, ini satu tektik diwujudkan dan jikalau kita tidak mengambil kesempatan ini untuk mengatasi perkara ini dengan sekeras-kerasnya, negara kita, masyarakat kita akan di ...(dengan izin), *expose* dan terbuka kepada orang yang jahat itu atau pun samseng-samseng yang itu.

Satu lagi, yang *last* sekali(dengan izin ada banyak yang menyalahkan pihak Polis, saya juga berada dengan pihak Polis di luar pegawai-pegawai Polis telah cuba buat kerja mereka walaupun mereka ...(dengan izin) *call for help* melalui *walkie-talkie* atau pun telefon bantuan tak datang dengan secara dengan serta merta, walaupun pihak *Police Station* ada dekat sini sahaja ada di Lebuh Pantai mungkin tak cukup sumber atau pun apa, tapi apa yang penting YB. Dato' Speaker saya ambil kesempatan ini kemungkinan dalam segi *prosecution*, pendakwaan, kita kena juga fokus atas apa yang telah dibuat oleh *Director of Public Prosecutions* (DPP) ...(dengan izin) mungkin pihak Polis banyak kali tangkap pihak yang buat salah tetapi mungkin tiada *prosecution* atau pun pendakwaan yang dibuat jadi saya mengambil peluang ini supaya DPP buat *prosecution* dan jangan dipengaruhi oleh sesiapa pihak politik itu sahaja dengan ini saya mencadang menyokong. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Ya, terima kasih YB. Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Dewan sekalian saya berasa sangat sedih dan kesal dan saya percaya dan semua yang berada di sini dan di dalam Dewan juga kesal dan sedih tentang insiden yang berlaku semalam di Dewan yang mulia ini. Tindakan biadap sekumpulan perusuh yang memecah masuk ke dalam sidang DUN telah mencemarkan, telah mencemarkan kemuliaan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Tindakan mereka jelas melanggar undang-undang bahkan mencemar sejarah politik negara. Sebagai seorang wanita dan seorang ibu saya sangat kesal kerana perbuatan ini akan menghantarkan mesej yang salah kepada generasi muda yang akan hilang kepercayaan kepada institusi legislatif dan Perlembagaan Malaysia. Prinsip demokrasi berpelembagaan dan harapan rakyat jelata iaitu *no one is above the law* ... (dengan izin) mesti dijaga dan dipertahankan demi kebaikan generasi akan datang. Saya percaya semua murid-murid sekolah sudah faham dan taat kepada prinsip rukun negara iaitu yang ketiga iaitu keluruhan perlembagaan tetapi macam mana dengan mereka dengan kumpulan yang memecah masuk merempuh masuk ke dalam Dewan bolehkah kita lafaz sekali lagi rukun tetangga yang disanjung tinggi...(ketawa). Saya menganggap insiden kelmarin sebagai satu-satunya tindakan biadap dan tidak menghormati Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan juga tidak menghormati kedaulatan Perlembagaan Persekutuan serta Duli Yang Maha Yang Di-Pertuan Agong dengan ini saya memohon menyokong usul. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Padang Kota.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua cuma pemerhatian yang ringkas setelah mendengar pelbagai pandangan mengenai usul yang dikemukakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri saya tertarik khususnya kepada hujahan Yang Berhormat dari Bayan Lepas yang agak emosi mempertahankan prinsip dan perjuangan UMNO, iaitu Yang Berhormat

berkata UMNO sebagai sebuah parti tidak rela memohon maaf, walaupun rela dimusnahkan kalau tak dapat sokongan mereka lebih suka UMNO dirobuhkan atau dimusnahkan kalau tak ada sokongan daripada rela untuk mohon maaf atas apa-apa kesilapan. Saya rasa itu psikologi UMNO yang kita perlu faham sebab kita berhadapan dengan politik UMNO, saya rasa psikologi ini telah mempengaruhi segala tingkah laku dan pendirian daripada UMNO, saya rasa oleh kerana psikologi ini selepas Pilihan Raya 2008 UMNO tidak rela tengok DAP boleh memimpin Pakatan Rakyat memerintah di Pulau Pinang itulah psikologi dia yang menyebabkan selama lima (5), enam (6) tahun ini tak henti-henti cabaran-cabaran terhadap pemerintahan Pakatan Rakyat di Negeri Pulau Pinang. Mereka tak rela lihat Melayu tidak di bawah naungan UMNO tapi di bawah naungan PKR dan PAS bersama DAP membentuk Kerajaan Pakatan Rakyat itulah mencabar psikologi UMNO selama ini yang menyebabkan sehingga kini mereka tidak mahu, tidak rela terima keputusan dan mandat yang diberikan oleh pengundi-pengundi kepada sebuah Kerajaan yang baru.

Oleh itu saya rasa UMNO perlu menghormati keputusan dari rakyat jelata, pengundi-pengundi kalau kata Pilihan Raya 2008 UMNO tak rela lagi untuk terima mandat pengundi-pengundi tetapi mandat ini diperkukuhkan lagi dalam Pilihan Raya 2013 dan saya rasa UMNO perlulah sedar akan mandat yang diberikan oleh rakyat jelata adalah kepada Pakatan Rakyat dan bukan Barisan Nasional dan UMNO. Kita tak perlu UMNO risau-risau sangat untuk menentang mencari ikhtiar menjatuhkan Pakatan Rakyat kalau Pakatan Rakyat tidak *perform*, saya rasa pengundi dan rakyat akan menentang kita keluar tak perlu UMNO risau-risau sangat kalau kita tak *perform*, jadi saya merasa sehingga kini saya tak nampak setelah membaca kenyataan Ketua UMNO Negeri Pulau Pinang sendiri yang langsung tak menyentuh tentang kejadian yang berlaku semalam, tak mengkritik, tak menginsaf apa yang berlaku, cuma menyebut asal usulnya kejadian dan menyalahkan ADUN Seri Delima terhadap perkataan yang digunakan di dalam Dewan yang mencetus emosi di luar Dewan ini, tetapi tak *remorse* langsung terhadap apa yang berlaku, pencerobohan bukan saja kepada Dewan ini tetapi pencerobohan terhadap semangat demokrasi berparlimen yang kita laung-laungkan dan berikhtiar untuk mempertahankannya.

Nampaknya UMNO semakin *desperate* dan saya mengajak rakyat jelata khususnya penyokong-penyokong Pakatan Rakyat sedar bahawa kalau sebuah parti *desperate* mereka akan mengambil apa juga langkah untuk mempertahankan kedudukan mereka. Saya mengucapkan terima kasih di atas semangat setia kawan, semangat satu padu yang ditunjukkan oleh semua Ahli-Ahli Pakatan Rakyat untuk membuat satu pendirian yang amat tegas. Saya pun merasa pelik mengapa UMNO nak mengubah pendirian nampaknya kalau runding untuk pinda sedikit perkataan di dalam usul Yang Amat Berhormat Ketua Menteri mungkin UMNO nak terima, nak menyokong kalau berbanding dengan usul kelmarin, usul kelmarin memang amat adil, amat tepat dan tidak mengandungi apa-apa sifat yang berlebihan. Kalau rujuk kepada hansard apa yang dibentangkan, tetapi kesalnya UMNO pun pada masa itu tak boleh terima dan memilih untuk mengundi dengan mengecualikan pengundian dan pada hari ini kita nampaklah seperti Yang Berhormat Air Itam, peluang yang kedua bagaimana Wakil Barisan Nasional UMNO itu akan buat keputusan dan keputusan itu ada *impact* yang amat besar bukan kepada UMNO sahaja tetapi kepada Dewan yang mulia ini, sekian.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya rasa yang pembahas terakhirlah saya izinkan. Sila.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Okay, saya akan pendek kata kerana sudah pun merakamkan pandangan saya semalam semasa pembahasan tetapi saya rasa ulasan-ulasan ADUN-ADUN UMNO, ADUN-ADUN Barisan Nasional adalah seperti menyatakan kalau rumah seseorang tu dipecah masuk perompak itu menggugat penduduk-penduduk rumah memecahkan harta benda rumah tapi ketua perompak pula menyatakan aiyaa buat apa, *you* kaya sangat, jadi saya pecah masuklah, maka tiada masalah untuk pecah masuk rumah, tiada masalah untuk menggugat orang, tiada masalah untuk memecahkan harta benda orang lain.

Tadi Yang Berhormat Pulau Betong menyatakan apa kita patut menyatakan apa yang sebenarnya dengan ulasan yang sama dia pula menyatakan bahawa pengganas-pengganas kelmarin hanyalah nak masuk untuk mencari Yang Berhormat Rayer, tapi biar kita katakan apa yang sebenar, sebenarnya di luar pintu sana ada notis yang menyatakan dilarang masuk kecuali ADUN atau pun Pegawai DUN, so sebenarnya kawasan ini memangnya kawasan larangan, sebenarnya orang itu pengganas-pengganas yang masuk memang ada letak kaki atas meja YB. Dato' Speaker, memang ada ambil beg Ketua Pembangkang naik sampai atas kepala nak pukul orang. Itu adalah apa yang berlaku sebenarnya. Jadi sebenarnya orang-orang ini bukan nak masuk saja nak cari YB. Rayer, sebenarnya *intention* mereka tak begitu apa *innocent*, tak begitu baik dan saya juga ingin membahaskan apa yang diulaskan oleh Yang Berhormat Bertam, tadi menyatakan bahawa memang ada mengutukkan tindakan-tindakan mereka semalam, tapi masalahnya bila tiba nak undi ADUN-ADUN Barisan Nasional, ADUN-ADUN UMNO telah memilih agar tidak mengundi, dengan tidak mengundi adalah seperti *condone* memberi izin terhadap tindakan mereka dan *by condoning this actions ...* (dengan izin) anda memberi *message* yang salah. Apakah *message* sebagai pemimpin-pemimpin masyarakat ADUN UMNO sebagai pemimpin-pemimpin masyarakat memberi kepada Ahli-Ahli UMNO, jadi *if*, jika benar-benarnya UMNO tengah memikirkan tentang UMNO baru saya harap ADUN-ADUN UMNO akan ada keberanian untuk beri pendirian yang sebenarnya yang betul dan janganlah kata nak pecah masuk rumah orang itu tak apa, siapa suruh orang itu kaya, terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat saya rasa cukup untuk sesi perbahasan atas usul yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Ahli-Ahli Yang Berhormat masalah yang kita hadapi adalah penggulungan. Sila.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih kepada YB. Dato' Speaker dan juga saya nak ucapkan terima kasih kepada semua ADUN-ADUN yang telah mengambil bahagian untuk membahaskan usul yang amat penting ini, di mana hampir semua ADUN kecuali saya rasa tiga (3) orang sahaja kerana ada yang tak hadir yang tidak empat (4) orang, empat (4) ADUN yang

tidak sempat mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan saya rasa ini menunjukkan betapa pentingnya sebagai seorang Ahli Dewan Undangan Negeri untuk Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang Mulia ini, kita seharusnya mempertahankan dan bukan merobohkan atau menghancurkan kemuliaan Dewan Undangan Negeri.

Saya ingin ucapkan terima kasih kepada semua ADUN-ADUN Pakatan Rakyat yang berdiri berpegang teguh ke atas prinsip menegakkan Kedaulatan Perlembagaan Negeri dan Parlimen dan Demokrasi Berparlimen. Saya rasa ini menunjukkan bahawa apabila kita mengangkat sumpah memang mempertahankan pemuliharaan dan melindungi Perlembagaan Negeri adalah sesuatu yang kita mesti mengambil berat dan menjadi perjuangan kita sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri yang mulia ini. Saya ingin merujuk kepada beberapa perkara yang ditimbulkan seperti ADUN daripada Jawi di mana beliau telah mengatakan secara panjang lebar apa sebenarnya berlaku bila beliau cuba untuk mendapat kerjasama daripada pihak pembangkang, sungguh pun dari pagi lawan, tapi sebagai seorang Ahli Dewan Undangan Negeri sama seperti kita semua 40 orang Ahli Dewan Undangan Negeri, tapi jawapan yang diterimanya amat kecewa sekali, iaitu bahawa sekarang unsur-unsur Bangkok telah masuk ke Pulau Pinang.

Saya rasa itulah menunjukkan sikap yang kita ingin tolak sama sekali kerana di Pulau Pinang saya bagi Pihak Kerajaan Negeri ingin menegaskan dengan tegas sekali, dengan keras sekali bahawa kita tidak mahu keharmonian dan keamanan di Pulau Pinang tercemar atau terjejas dengan apa yang berlaku di Bangkok. Itulah sebabnya pihak Kerajaan Negeri telah menjalankan lima (5) usul yang saya bawa pada pagi ini, kita harap bahawa satu tindakan tegas untuk menunjukkan komitmen yang tidak berbelah bahagi oleh Dewan Undangan Negeri perlu untuk memelihara dan menjaga maruah kemuliaan dan kedaulatan Perlembagaan Negeri dan juga sistem Demokrasi Berparlimen. Di sini sungguhpun cadangan daripada pihak pembangkang untuk memujuk dan membincang semula saya rasa tidak ikhlas sama sekali kerana tidak pernah sehingga hari ini sahaja, semalam tidak pernah mengutuk atau mengecam pencerobohan yang berlaku hanya sekarang bila kita nak bawa usul ini cuba melihat reaksi negatif termasuk daripada rakan-rakan sekutu UMNO baru bangun untuk menunjukkan bahawa mereka kurang bersetuju. Hakikatnya ialah perusuh-perusuh ini, samseng-samseng ini mengakui diri adalah datang daripada UMNO.

Hari ini pula mereka menyatakan mereka bersedia untuk melancarkan satu demonstrasi lagi besar ke Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang berbanding dengan apa yang berlaku semalam, tak berasa salah langsung, nak datang lebih besar, mungkin nak ceroboh mungkin kali ini bukan setakat nak baling beg, mungkin baling kerusi kali ini, so itulah sebabnya kita kena bersikap tegas dan saya rasa psikologi yang disebut oleh Yang Berhormat Padang Kota yang diceritakan secara panjang lebar oleh Yang Berhormat Bayan Lepas.

Sebenarnya saya rasa saya tidak akan gunakan perkataan psikologi saya akan gunakan penyakit, penyakit di kalangan pemimpin UMNO termasuk Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri di sini, seakan-akan bahawa anda hanya semata-mata UMNO sahaja yang berhak untuk bercakap atau menyuarakan tentang hal orang Melayu dan kita boleh lihat manifestasi penyakit ini. Kalau dulu Tun Dr. Mahathir pernah sebut kalimah Melayu ini ialah penyakit UMNO, di mana kalau ada mana-mana orang melayu yang tidak sokong UMNO dan tidak sokong ketuanan UMNO yang ditonjolkan, mereka akan digelar sebagai pengkhianat dan kita boleh lihat manifestasi penyakit ini begitu menular begitu

menonjol sekali dalam Pilihan Raya Kecil Teluk Intan di mana calon DAP dan Pakatan Rakyat Diyana Sofya bukan sahaja dicerca, dicaci, dimaki dengan pelbagai ungkapan tetapi sekarang pula di ugut oleh *gangster-gangster* UMNO di Teluk Intan dan itulah sesuatu menunjukkan kalau tak terima rawatan, penyakit ini akhirnya akan membunuh UMNO dan itulah sebabnya kita melihat manifestasi penyakit ini macam mana ia merosakkan imej, mencemarkan kedaulatan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Yang Berhormat Ketua Pembangkang telah cerita secara panjang lebar bahawa kita kena lihat *cause and effect* sebagai seorang peguam adakah sesuatu *cause* ini membolehkan sesuatu jenayah dilakukan kalau ada pun ia hanya menjadi *mitigating factor*. Tidak boleh bersihkan sama sekali kesalahan yang dilakukan. Dan ini bukan kali pertama satu ungkapan yang rasa tidak sesuai digunakan dalam Dewan ini. Tadi Yang Berhormat pun gunakan perkataan samseng. YB. Sungai Aceh menggunakan perkataan haram jadah, lagi dahsyat. Tetapi dibiarkan sahaja. Ini adalah sebahagian daripada pertikaman lidah dalam perbahasan *the cut and trust of the debate. Advise, advise, decent and consent*. Itulah prinsip demokrasi. Tapi mengapa apabila kita bertikam lidah, kita kena bertikam dalam bentuk keganasan dan juga perbuatan melampau yang berlaku seperti semalam.

Saya rasa psikologi ataupun justifikasi psikologi penyakit UMNO yang digunakan sebagai justifikasi apa yang berlaku semalam adalah sesuatu yang salah, yang sumbang sekali, *perverse*, yang sumbang sekali. Tidak pernah berlaku dalam sejarah Malaysia, sekarang menjadi bahan antarabangsa, sesuatu yang menjatuhkan maruah, nama Negeri Pulau Pinang. Ini adalah satu penyakit yang mesti diubati. Dan kita harap dengan sokongan semua Ahli Dewan Undangan Negeri, penyakit keganasan UMNO ini boleh dirawat dan diubati. Kalau tidak, seperti yang diugut oleh pemimpin UMNO. Selepas tidak rasa bersalah langsung. Apa yang berhasrat Jasmin Nordin, Naib Pengerusi Pemuda UMNO akan datang lagi, lagi besar kita akan lakukan. Betul-betul herolah. Betul-betul hero. Saya harap kalau kita masih percaya sistem demokrasi berparlimen atau Raja berperlembagaan, perkara sedemikian tidak boleh diterima langsung walau apapun justifikasinya. Saya tak mahu jawab ucapan oleh YB. Sungai Aceh kerana beliau akui sendiri beliau lawak.

Saya tak mahu jawab. Tapi saya hanya mengingatkan bahawa kalau nak kritik orang lain, sendiri mesti bersih dulu. *Make sure you come with clean hands*. Kalau anda sendiri yang menggunakan ungkapan-ungkapan yang tidak sesuai, janganlah kritik orang lain yang gunakan ungkapan sedemikian. Ini adalah nasihat saja. Sama ada terima, tak mahu terima, terpulang pada YB. Sungai Aceh. Saya tak mahu bagi jalan.... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya pun hendak nasihat juga.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya tak bagi jalan dalam perkara ini, duduk, duduk.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya tak boleh.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Duduk, saya cakap, saya minda duduk, saya tak bagi penjelasan dalam perkara ini. Duduk, lain perkara bagi, duduk. Ini jangan main-main dengan saya di sini, duduk.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya bukan main-main, suruh duduk, saya duduk.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Duduk, kalau tak main-main duduk. So, di sini itu satu perkara serius. Saya amat kesal, sebagai seorang Ketua Menteri saya melihat apa kejadian seperti ini berlaku. Ini untuk saya sesuatu yang saya rasa tidak bangga langsung. Berlaku semasa saya jadi Ketua Menteri Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Dan itulah perasaan sama yang dirasai, dikongsi bersama oleh rakan-rakan saya. Macam mana perkara ini boleh berlaku, semasa kita jadi pembangkang, kita pun takkan buat macam ini. Tapi UMNO sebagai pemerintah selama lebih 50 tahun di Pulau Pinang, sekarang jadi pulak perosak negara. Inilah penyakit yang kita minta UMNO carilah doktor untuk ubati dan rawatnya. Kalau tidak, saya rasa, tahu sama tahu, apa yang akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merujuk kepada apa yang disebut oleh YB. Pulau Betong bahawa bila mereka merempuh masuk, mereka hanya nak cari YB. Seri Delima saja. Ini macam menghalalkan perbuatan haram mereka. Apa logik ini? Adakah YB. Pulau Betong tahu bahawa selain daripada nak cari Seri Delima, rempuh masuk, ugut, ancam nyawa di Dewan yang mulia ini dengan perkataan-perkataan yang begitu bersifat jenayah sekali. Kita semua kena dicerca, dan dicaci, dan dimaki. Saya pun kena marah. Marah apa? CM paria. Saya dimarah CM paria. Takkan YB. Pulau Betong tak tahu? Letak telur sana. CM paria. Ini bukan sekadar nak cari YB. Rayer, itu ada niat jahat politik untuk memalukan Pakatan Rakyat bahawa kita tak boleh jaga Dewan yang mulia ini. Mengambil kesempatan ke atas sifat demokrasi, buat tindakan sedemikian.

Saya harap Yang Berhormat daripada UMNO bolehlah berikan nasihat kalau sebut tidak setuju, kalau cakap tidak setuju mesti bangun dengan berani mengecam apa yang mereka lakukan. Mengapa ini tidak dilakukan? Kecamlah UMNO. Ini dilakukan oleh ahli-ahli sendiri, masih memberikan justifikasi. YB. Bertam sebagai seorang peguam boleh cakap *a person is presume innocent until proven guilty*, saya setuju. Tapi mereka sendiri sudah akui salah. Mereka sendiri sudah akui mereka UMNO. Apa *presume innocent* lagi dan tambah pula gertak, ancam nak datang dengan kumpulan demonstrasi yang lebih besar lagi. Ini bukanlah *presume innocent until proven guilty*. Ini ialah *guilty has charged*.

Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri tidak akan kompromi langsung tentang apa yang berlaku, kita akan membela darjat dan kemuliaan Dewan Undangan Negeri dan saya harap janganlah kita ada sikap kita boleh buat apa-apa yang kita suka. Orang lain tak boleh buat. Kita rela bagi *give and take*. Perkataan hari ini saja, bukan saja haram

jadah, pembohong pun keluar, samseng pun keluar, *give and take*. Sungguhpun kita tahu ini semua *un parliamentary*, tapi kadang-kadang kita *give and take*. Tak perlu rasa pedih sikit, mintak tarik balik. *Give and take*. Tapi kalau ini tak memuaskan hati, tentu ada peruntukan dalam peraturan mesyuarat untuk menuntut perkara ini dibahaskan bukan seperti apa yang berlaku semalam. Saya tak tahu sama ada ADUN-ADUN UMNO boleh berikan jaminan perkara yang amat memalukan ini tidak akan berulang lagi. Boleh tak? Boleh tak? Sila.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih, Air Putih. Dato' Speaker dan semua Dewan. Sebelum Air Putih minta saya buktikan, saya telah pun melakukan apa yang sepatutnya dilakukan untuk membuktikan bahawa kami tidak setuju dengan cara, kaedah yang menyebabkan apa yang berlaku, insiden apa yang berlaku kelmarin. Saya dan beberapa Yang Berhormat yang berkesempatan kami keluar, kami dah pun bertemu dengan pemuda-pemuda sebentar tadi untuk memaklumkan kepada mereka biarlah perkara ini diselesaikan dalam Dewan. Kami juga minta supaya mereka tidak masuk dalam kawasan Dewan dan saya minta mereka bersurai, mungkin sekarang pun dah bersurai. Jadi, itulah sebelum Air Putih cakap tadi kami dah buat. Untuk makluman, terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tak jawab soalan saya. Bolehkah berikan jaminan bahawa perkara ini tidak akan berulang lagi. Tidak akan buat demonstrasi sepertimana yang dilakukan semalam. Tidak akan membuat demonstrasi di luar. Kerana sebagai parti politik, ini hanya untuk cari kesempatan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tak boleh nak *guarantee*, tapi kita boleh memberi perakuan bahawa kawasan Dewan Undangan ini tidak akan dicerobohi oleh Ahli-Ahli UMNO. Ya, memang tak sepatut dan kita tak setuju dan kita tak mahu, kita tak bagi. Saya boleh bagi perakuan di sini, apa yang orang nak buat di luar mana boleh saya nak *guarantee*. Termasuklah Ahli Air Putih juga.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Sekarang kita boleh dengar bahawa UMNO tak boleh kawal ahli-ahlinya. UMNO tak boleh berikan jaminan perkara ini tidak akan berulang lagi....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Kalau siapa-siapa pun....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

UMNO tak boleh....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Dalam Perlembagaan Malaysia pun memberi kebebasan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ini saya punya *floor* duduk dulu.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Biar Air Putih bagi jaminan biar Seri Delima.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ikut peraturan. Saya pun tak izinkan. Ini *floor* Air Putih. Silakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ini jelas sekali, jelas sekali UMNO tak boleh kawal ahli-ahlinya. (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta laluan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Bagi saya habis dulu. UMNO tak boleh bagikan jaminan perkara ini tak akan berulang lagi. Kalau perkara ini dilakukan oleh Ahli-Ahli DAP, saya akan meminta maaf bagi pihak mereka. So, kalau ini dilakukan oleh Ahli-Ahli DAP, saya akan meminta maaf. Mengapakah UMNO tak boleh buat demikian bila mereka akui mereka adalah pemimpin UMNO dan mereka akui mereka akan buat lagi besar. Itulah saya rasa cabaran, cabaran untuk menunjukkan sama ada UMNO sebenarnya menghormati perlembagaan negeri. Silakan, YB.Telok Bahang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Sikit ja Air Putih....(gangguan). Telok Bahang dulu.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Sungai Aceh dan boleh lagilah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Telok Bahang dulu.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Terima kasih Yang Berhormat, saya cakap sikit saja. Sebenarnya kejadian yang berlaku itu, kita memang tak boleh terima, memasuki Dewan. Saya salah seorang yang bangun dan sokong usul, sebab memang satu (1) perkara yang diluar dugaan, dan di luar kemampuan. Dan saya juga terasa sedikit terkilan, apabila, dah salah, salah, habis. Dan perkara itu salah tak boleh buat, memang tak boleh buat, mencerooboh Dewan, memang satu perkara yang tak eloklah. Tak boleh laku dan saya pun jumpa, saya kata apa yang dilakukan adalah satu yang tak baik, tetapi pada masa yang sama, berkali-kali, Yang Berhormat tolong pastikan ADUN Pakatan Pembangkang bila kita kata tolong tarik balik perkataan begitu, kenapa tak boleh buat perkara yang itu, kita dan mengaku dah silap satu hal. Dan kita mohon Yang Berhormat nasihat juga kepada DUN-DUN, ahli-ahli pasukan Yang Berhormat supaya jangan mengeluarkan perkataan-perkataan begitu dan dimainkan oleh pihak media yang kita tak boleh kawal. Bila orang marah, orang panas hati, saya ingat Yang Berhormat pun tak boleh kawal macam himpunan BERSIH, macam himpunan semua, macam mana nak kawal orang. Tetapi jaga sikit saja itu. Saya mohon Yang Berhormat tolong nasihat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Perhimpunan BERSIH berjalan dengan aman. Tak ada apa insiden yang tidak diingini. Saya memang ambil perhatian tentang perakuan oleh Yang Berhormat Telok Bahang bahawa apa yang berlaku semalam memang salah. Ini tidak disebut oleh YB. Ketua Pembangkang. Tak pernah menyatakan ungkapan apa yang berlaku semalam salah. Tak sebut langsung. Hanya sebut kurang bersetuju, tak cakap salah. Sekarang YB. Telok Bahang ADUN UMNO pertama yang menyatakan, ia, apa yang berlaku semalam salah. ADUN UMNO yang pertama. Boleh baca hansard, saya dengar, saya dengar, boleh baca hansard. Hanya YB. Telok Bahang sekarang menyatakan, ia salah. Kalau salah apa kita perlu buat? Kalau salah apa kita perlu buat? Kita kena mohon maaf. Bukankah ini budaya Malaysia? Bukankah ini salah satu nilai ketimuran. Salah, minta maaf....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Bagi saya habis dahulu. dan saya pun pernah minta maaf dekat Dewan ini. Salah minta maaf tak jadi hal. Dan saya rasa itu menunjukkan bahawa sungguhpun akui salah tapi tak mau minta maaf, tak ada sebarang.. (sambungan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Minta laluan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Nanti dulu saya tengah *hot* ini. Saya tengah *hot* ini.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya pun tengah *hot* ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tapi saya punya *floor*. Yang Berhormat kena duduk dulu.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang lain jangan ganggu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat kena duduk.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Nampak wakil-wakil rakyat Kerajaan....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang lain jangan ganggu, kalau tidak ganggu tidak ada masalah.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Jangan tunjuk baik, tunjuk baiklah ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat kena duduk, kita tak mahu lawak dekat sini.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya bukan lawan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya bukan cakap lawan, lawak. / tak mahu lawak, kita tak mahu lawak dekat sini. Yang pentingnya kalau salah minta maaf. Mengapa susah minta maaf, saya telah menyatakan di sini, kalau ini dialukan oleh Ahli-Ahli DAP saya akan serta merta minta maaf. Adakah Ahli Ketua Pembangkang bersedia untuk meminta maaf, bagi. Saya bagi kepada Ketua Pembangkang, itu hak saya bagi kepada sesiapa.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih. Air Putih. Jadi untuk menyelesaikan masalah dalam Dewan ini kita akui banyak perkara-perkara yang salah yang berlaku. Antaranya yang masuk dalam Dewan ini, yang gempur masuk dalam Dewan ini. Itu dari awal saya kata itu tidak betul.

Kalau nak guna perkataan salah, Okeylah salah. Dan juga perlanggaran kata-kata dalam Dewan yang kesat adalah juga perkara yang salah. Kalau Dato' Mahmud kata tadi, saya tidak mahu ulanglah Dato' itu salahkan....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Ya. Saya Dato', saya hendak cerita...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Boleh saya beri peluang kepada Dato' Mahmud.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya punya *floor*.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tak apa Dato' Mahmud. Dato' Mahmud sedia minta maaf. Saya pun sedia minta maaf atas insiden yang berlaku di dalam Dewan ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Minta maaf dulu, minta maaf atas apa yang dilakukan oleh Ahli-Ahli UMNO.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya minta maaf kerana kita akui itu perkara yang tidak betul. Dan minta Seri Delima minta maaf kerana itu pun tidak betul....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kalau YB. Ketua Pembangkang minta maaf.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Seri Delima pun kena minta maaf.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Duduk-duduk. Kalau YB. Ketua Pembangkang bersedia minta maaf dan seperti yang telah maaf tadi, saya rasa tidak ada sebab untuk kita sokong usul, lima-lima usul yang dibawa oleh Kerajaan Negeri dan saya rasa masa sudah sampai untuk kita tanpa berbelah bahagi...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya minta ditambah permohonan maaf oleh YB. Seri Delima. Kalau tidak kami tidak boleh sokong juga.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya kata tanpa berbelah bagi. Ini adalah perkara lain....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Sebenarnya ianya siri yang sama.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya merujuk kepada usul ini. Nanti ada usul sendiri. Ini adalah usul Kerajaan Negeri. Jadi saya harap.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Air Putih saya minta laluan sikit.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Nanti, biar saya habis dulu. Saya minta bahawa kerana YB. Ketua Pembangkang sudah minta maaf, sudah minta maaf tidak ada sebab untuk tidak menyokong kelima-lima usul ini. Sila Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Dato' Speaker, semalam masa di dalam bilik perbincangan dengan YB. Dato' Speaker saya jelas mendengar sebab yang bercakap itu duduk sebelah saya dia kata kami dah masuk kami salah, minta maaf. Pemuda itu menyebut, kami minta maaf sebab kami masuk dalam bilik itu. Ketua Pembangkang juga kata kita boleh minta maaf sebab kita mewakili mereka minta maaf dan kita juga nak masukkan dalam hansard ini supaya Seri Delima yang no. 6, Seri Delima juga diminta untuk minta maaf di atas ucapan yang diberi. Itu saja dan kita semua boleh bersetuju dengan usul ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kalau sebut semalam minta maaf dalam bilik itu tidak bermakna. Minta maaf saya sebut tentang apa yang YB. Pulau Betong sebut tadi. Semalam minta maaf dalam bilik itu tidak bermakna. Yang bermakna ialah minta maaf dalam Dewan Undangan Negeri seperti mana yang dibuat oleh YB. Telok Ayer Tawar. Saya puji kesediaan untuk minta maaf. Saya harap semua ADUN UMNO boleh belajar kerana kalau salah, kalau silap kita minta maaf.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad):

YB. Air Putih saya minta sikit lagi. Saya kata tadi bahawa kami tidak menyuruh, kami tidak mengarah dan kami tidak bersetuju seperti saya sebut tadi, saya cuma nak mengatakan Ketua Pembangkang minta maaf sebab itu telah diungkapkan dalam Dewan itu cuma saya nak minta usul nombor 6 masukkan supaya Seri Delima juga meminta maaf, akan selesai.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ini adalah usul Kerajaan. Saya rasa Yang Berhormat ada usul sendiri. Ini boleh buat. Ini adalah usul Kerajaan dan usul ini saya rasa tidak ada sebab memandangkan YB. Telok Ayer Tawar telah meminta maaf sebagai Ketua Pembangkang. Tidak ada sebab menyokong kelima-lima usul ini. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

YB. Dato' Speaker, ini bermakna usul ini tidak boleh pindahkan. Tak boleh.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang adalah satu usul yang telah pun dibawa oleh Y.A.B. Ketua Menteri di bawah Peraturan 34 (viii) yang telah pun diedarkan ke atas meja Ahli-Ahli Yang Berhormat. Setelah perbahasan dijalankan, masa kini kita masuk proses mengundi atas usul ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Berbelah bahagi.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ada sokongan. Satu sudah. Setiausaha Dewan, usul ini diundi secara berbelah bahagi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kelima-lima sekali.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sekali gus. *Is only one* usul.

Setiausaha:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, nama Ahli-Ahli Yang Berhormat akan dipanggil mengikut Kawasan, Yang Berhormat akan dipanggil mengikut kawasan, Yang Berhormat yang Bersetuju sila nyatakan "Ya", Ahli Yang Berhormat yang "Tidak Bersetuju" sila nyatakan "Tidak." Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak hendak mengundi sila nyatakan "Tidak Mengundi." Saya mulakan dengan Ahli Kawasan Air Putih.

Ahli Kawasan Air Putih (Y.A.B. Lim Guan Eng):

"Ya."

Setiausaha:

Ahli Kawasan Perai.

Ahli Kawasan Perai (YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Padang Kota.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Batu Maung.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Padang Lalang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Bagan Jermal.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Batu Lancang.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Sungai Puyu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Datok Keramat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Sungai Bakap.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (YB. Maktar Bin Haji Shapee):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Air Itam.

Ahli Kawasan Air itam (YB. Wong Hon Wai):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Berapit.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Bagan Dalam.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Paya Terubong.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Tanjong Bunga.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Bukit Tengah.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Pengkalan Kota.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Kebun Bunga.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Batu Uban.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Machang Bubuk.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Pulau Tikus.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan KOMTAR.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tidak setuju kalau Seri Delima tidak juga meminta maaf.

Setiausaha:

Ahli Kawasan Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Usul *bias*, tidak boleh.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Kelmarin punya tidak *bias* pun tidak boleh.

Setiausaha:

Ahli Kawasan Pinang Tunggal.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

“Tidak.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Sungai Aceh.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Seri Delima tidak minta maaf. “Tidak.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Permatang Berangan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd. Hamid):

“Tidak.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

Saya juga “Tidak.” sebab Seri Delima tidak minta maaf.

Setiausaha:

Ahli Kawasan Bertam.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

“Tidak.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Telok Bahang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

“Tidak.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Bayan Lepas.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

“Tidak.”

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, keputusan undi adalah seperti berikut:

“Ya”	=	27
“Tidak Bersetuju”	=	7
“Tidak Mengundi”	=	2

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya juga tidak mengundi. Tidak setuju, *sorry*. Tidak setuju.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

Saya “Tidak setuju”.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya minta lain kali bila sampai proses mengundi buat secara serius.

“Ya”	=	27
“Tidak Setuju”	=	9
Jumlah	=	36

Usul dipersetujui. Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan ditangguh dan akan disambung bersidang pada jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.45 petang.

Dewan disambung semula pada jam 2.40 petang.

Setiausaha:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan bersidang semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat kita dalam sesi pengulungan dan saya minta Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin menyertai sesi pengulungan dipersilakan. Datok Keramat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Selamat petang Dato' Speaker. Terima kasih membenarkan saya membuat ucapan pengulungan. Ada banyak isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mana saya ucapkan terima kasih ada banyak cadangan dan idea dan

saya akan cuba sedaya upaya untuk menjawab apa yang telah dibangkitkan. Bagi portfolio saya iaitu Perancangan Bandar dan Desa dan Perumahan. Dato' Speaker, ada beberapa isu yang pertama yang saya ingin sentuh ialah berkenaan permohonan kebenaran merancang oleh sebuah syarikat Tetuan Nilai Arif Sdn. Bhd di persiaran Lembah Permai. Di mana Yang Berhormat Tanjong Bunga telah membangkitkan isu berkenaan dengan permohonan kebenaran merancang oleh syarikat tersebut untuk satu blok kondominium 33 tingkat dan satu kondominium 34 tingkat di atas lot 48, 3563, 3627 dan 4166 Mukim 18 Daerah Timur Laut di Persiaran Lembah Permai, Pulau Pinang. Apa yang dibangkitkan oleh rakan saya ialah pihak jiran telah membuat bantahan di atas alasan bahawa projek tersebut terletak dalam kawasan ketinggian melebihi 76 meter. *That is the ground base by Tanjong Bunga.*

Beliau buat satu rujukan kepada carian *google* di mana telah dinyatakan bahawa dalam tapak tersebut pada ketinggian adalah 81.7 meter, 86.6 meter dan 80.9 meter iaitu kesemuanya lebih daripada 76 meter. Memang sepertimana saya selalu nyatakan Kerajaan Negeri tidak membenarkan pembangunan di kawasan ketinggian melebihi 76 meter, jadi kita hendak jawab pada Yang Berhormat Tanjong Bunga, saya hendak buat semakan Dato' Speaker dan untuk projek ini saya ingin memaklumkan bahawa walaupun keseluruhan tapak pembinaan pembangunan tersebut, keseluruhan lot tanah itu melibatkan ada tempat yang melibatkan lebih daripada 76 meter, bagaimanapun Dato' Speaker cadangan bangunan *where's the* bangunan akan dibina itu tidak menyentuh garisan ketinggian 76 meter dan juga ini merupakan satu projek istimewa.

Untuk makluman Tanjong Bunga memang di kawasan lot tersebut ada beberapa tapak yang mungkin lebih 76 meter tetapi semakan saya menunjukkan bangunan yang akan dibina itu adalah di kawasan yang kurang daripada 76 meter, tetapi *I also want to clarify* sekiranya maklumat yang diberikan oleh Yang Berhormat Tanjong Bungah itu iaitu 80 meter dan sebagainya yang saya sebut tadi tiga (3) angka yang diberitahu oleh rakan saya adalah secara khusus kepada tapak cadangan bangunan, memandangkan jawapan yang saya telah berikan oleh jabatan berkenaan saya juga ingin menyatakan bahawa maklumat yang diperolehi daripada *google* adalah bukan 100% tepat. Malahan *google* sendiri mempunyai *term of use* ...(dengan izin) yang berbunyi *you understand and agreeing to following (a) map data traffic direction and related contemn provided planning for purpose only you may find the whether conduction construction project closers to others even cost road condition or direction differs from the map result you should exercise adjustment that your use in this content.* Saya juga ingin nyatakan mungkin *google if your saying* cadangan bangunan *is the figure that you give me its maybe not 100 percent accurate but* daripada pejabat saya saya ingin sahkan di sini pada Tanjong Bunga bahawa bangunan dalam papan itu memang kawasan yang kurang daripada 76 meter. Ya silakan.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Penjelasan. Kes ini ada satu kontroversi saya harap kalau boleh kita turun ke tapak siasatlah kawasan yang dimaksudkan tinggi itu saya sudah lawat ke tapak tersebut tidak kurang dari empat (4) kali. Ada bahagian yang sudah dipotongkan. Kalau boleh semakan yang dipotongkan adalah *contour* yang bertingkat tinggi yang disebutkan itu pastikan kerja tanah dijalankan sebelum kebenaran diadakan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih Ahli Kawasan Tanjung Bunga, mungkin saya uruskan satu *site visit* dengan Yang Berhormat sendiri untuk rekod pejabat saya mengesahkan bahawa bangunan yang dicadangkan di dalam tapak itu mempunyai ketinggian beberapa kawasan lebih 76 meter, bangunan tak akan dibina di kawasan lebih 76 meter.

Seterusnya Dato' Speaker, saya pergi kepada isu yang dibangkitkan oleh Ahli Kawasan Bukit Tengah rakan saya telah membangkitkan isu perbezaan di dalam keputusan Jawatankuasa Mendengar Bantahan dan Jawatankuasa *One Stop Center* MPSP dan membuat satu perbandingan dengan prosedur yang sedia ada di kawasan Pulau iaitu MPPP yang tiada Jawatankuasa Mendengar Bantahan terus pergi ke *One Stop Center*.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya terus pergi kepada kes spesifik yang dirujuk oleh Ahli Kawasan Bukit Tengah iaitu satu pembangunan skim perumahan Tetuan Allied Energy Sdn. Bhd. di atas Lot 4166, Mukim 6 Seberang Perai Tengah. Berkenaan kes ini Dato' Speaker, saya ingin melaporkan pada 12 April 2013 Permohonan Kebenaran Merancang telah dikemukakan kepada MPSP untuk cadangan satu (1) Blok Pangsapuri 29 Tingkat yang mempunyai 100 unit kediaman iaitu daripada tingkat 7 hingga tingkat 29 kemudahan rekreasi iaitu di tingkat bawah dan tingkat 6 dan tempat letak kereta iaitu tingkat 1 hingga 5. Yang sebenarnya merupakan pindaan *plan* asal yang bertarikh 31 Oktober 2001 yang mengandungi satu (1) Blok Pangsapuri 12 Tingkat iaitu 86 unit. Jadi 2013 cadangan kebenaran *KM is for 1 Block 29 stories 100 units, the original plan was 1 block of 12 stories with 86 units.*

Dato' Speaker pada 8 Mei 2013 notis di bawah Seksyen 21 (6) Akta Perancangan Bandar dan Desa telah dikemukakan pemilik-pemilik berjiran dan bantahan diterima oleh jiran-jiran. Pada 12 Julai 2013 Jawatankuasa Mendengar Bantahan jiran-jiran dan satu lawatan tapak telah dibuat pada 19 Julai 2013. Dato' Speaker, pada 25 Julai 2013 Mesyuarat Jawatankuasa Mendengar Bantahan telah mendengar bantahan isu ketinggian bangunan dan mengesyorkan satu, pihak pemaju hanya dibenarkan membina bangunan berpangsapuri 12 tingkat di atas tapak cadangan tersebut iaitu seperti pelan asal saya sebut tadi dan pihak pemaju hendaklah mematuhi syarat-syarat dan garis panduan MPSP yang lain.

Pada 5 Ogos 2013, satu rayuan telah dibuat oleh pihak pemaju dan kemudiannya akibat rayuan tersebut 21 Ogos 2013 Jawatankuasa OSC iaitu Pusat Setempat OSC telah membincangkan syor Jawatankuasa Mendengar Bantahan tersebut supaya pemaju membina bangunan pangsapuri 12 tingkat sahaja. Bagaimanapun OSC memutuskan dari segi teknikal pihak pemaju boleh membina bangunannya setinggi 29 tingkat kerana telah mematuhi kehendak Jabatan Teknikal dan juga diputuskan MPSP akan berhadapan dengan masalah sekiranya permohonan ini ditolak dan pemaju mengemukakan rayuan ke Lembaga Rayuan kerana semua keperluan teknikal telah dipatuhi oleh pemaju dan MPSP tidak mempunyai alasan yang kukuh untuk mempertahankan kes tersebut.

Mesyuarat Jawatankuasa Mendengar Bantahan juga tidak mempunyai alasan yang teknikal yang kukuh untuk mensyaratkan kepada pemaju untuk membina bangunan pangsapuri 12 tingkat sahaja. Dengan cadangan 29 tingkat tersebut, OSC memutuskan pihak pemaju telah menyediakan kemudahan yang lebih iaitu terutamanya tempat letak kereta iaitu dua (2) petak untuk saatu (1) unit kediaman yang akan dapat menyelesaikan masalah kesesakan di dalam taman pembantah.

Seterusnya Dato' Speaker, dalam perbincangan Jawatankuasa OSC, Jawatankuasa berpendapat tambahan unit adalah hanya 14 sahaja iaitu 86 pelan asal, kepada 100 unit pelan yang kemudiannya. Juga sepertimana saya nyatakan ada lebih tempat letak kereta. Berdasarkan pertimbangan-pertimbangan tersebut, OSC telah bersetuju untuk meluluskan pelan susun atur tersebut. Berbalik kepada Ahli Kawasan Bukit Tengah apa yang saya ingin menyatakan memandangkan beliau membangkitkan isu mengapa di MPPP kita terus pergi ke OSC tidak ada Jawatankuasa Kebenaran Mendengar Bantahan tersebut terus pergi ke OSC tak puas hati terus pergi ke Lembaga Rayuan. *But in MPSP ada satu layer iaitu Jawatankuasa Mendengar Bantahan.* Daripada apa yang saya maklumat yang saya dapati mengapa ada perbezaan ini saya akui dari segi prosedur *first a fall* saya ingin menyatakan dari segi undang-undang kecil atau pun *regulation* yang wujud dari segi PBT di MPPP dan MPSP ada banyak perbezaan *there are a lot of differences between the two PBT I think they are all aware of that is one of the differences number 1. Number two* salah satu sebab saya dimaklumkan mengapa ada satu *layer* lagi sebelum ke OSC kerana pendengaran bantahan tersebut mengambil masa terlalu banyak jadi untuk memudahkan kerja OSC ada satu *layer* untuk mempercepatkan *efficiency if I may so say* dalam pendengaran sesuatu bantahan tersebut. Silakan.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):

YB. Dato' Keramat, saya di sini bukan kata mempersoalkan keputusan OSC dari segi kepenuhan syarat teknikal dari segi kebenaran merancang yang saya bangkitkan di sini adalah dari segi penyampaian pentadbiran kepada orang awam. Dari sudut orang awam mereka terutamanya mereka yang membantah dalam kes ini bagi mereka, mereka rasa bantahan mereka telah diterima dan kemudiannya mereka tidak faham pula kenapa dua (2) Jawatankuasa yang berbeza dalam MPSP membuat keputusan yang bercanggah. Kalau kita kata mendengar bantahan itu perlu masa yang lebih dan sebagainya ini lagi bagi saya, saya lagi tidak faham kerana di MPPP mereka tidak berasa begitu, jadi saya rasa di sini untuk memastikan keputusan itu adalah konsisten dan juga penyampaian pentadbiran secara efektif dan juga cekap, saya rasa ia adalah perlu sama ada kalau kita nak kekalkan dua (2) jawatankuasa haruslah dua (2) jawatankuasa adalah konsisten dan selari. Kalau tidak lebih sesuai kalau semua terus didengar oleh OSC kerana keanggotaan dalam OSC itu adalah terdiri daripada jabatan-jabatan teknikal.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Sememangnya saya akur pada apa Ahli Kawasan Bukit Tengah kata tadi tentang isu mengapa ada satu sayap tersebut, *layer* tersebut, *actually* kalau kita lihat pada MPPP kita terus pada OSC 21/6/2014 terus ada bantahan terus OSC setelah OSC membuat keputusan kalau kita tak berpuas hati mana-mana pihak walaupun pemaju atau

pembantah boleh pergi ke Lembaga Rayuan. *That is the first right appeal*, jadi dari segi perundangan saya rasa apa Bukit Tengah kata mungkin cukup tepat *that is extra right of appeal* kalau keputusan berbeza dicapai oleh OSC setelah Jawatankuasa Mendengar Bantahan mendengar kes tersebut kerana seperti Ahli Kawasan Bukit Tengah cakap semalam Jawatankuasa tersebut dan OSC dari segi konteks Akta Perancangan tersebut adalah sama *is also a committee both are committees and having one committee over right another before we go to Lembaga Rayuan may be something of concern* saya akan mengambil kira bantahan atau pun kekuatiran yang telah dibangkitkan oleh rakan saya dari Bukit Tengah.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya rasa dua (2) jawatankuasa yang berlainan itu mereka tidak mempunyai fungsi atau pun kuasa yang sama, Jawatankuasa Bantahan tanpa penglibatan agensi teknikal mendengar pandangan rakyat terhadap cadangan itu Jawatankuasa Bantahan cuma tapak merumuskan dan membuat syor-syor tertentu tapi masih tertakluk kepada OSC tetapi kita faham masalah yang dibangkitkan mungkin MPSP perlu teliti cadangan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Tadi saya nak mungkin beri sedikit pandangan kerana saya dilantik sebagai Ahli Majlis dan menduduki Jawatankuasa Mendengar Bantahan selama lima (5) tahun ini *I want to share something* minta izin. Memang saya nak katakan Jawatankuasa Mendengar Bantahan dia cuma terlibat dalam Jabatan Bangunan, Pegawai Jabatan Bangunan, Pegawai Jabatan Perancang Bandar, Pegawai Jabatan MPPP beberapa jawatan dalam MPSP Kejuruteraan dan lain-lain tidak terlibat *Technical Department* dengan izin. Tak terlibat pihak JKR, Indah Water, TNB, Bomba, Jabatan Alam Sekitar dan lain-lain. So Jawatankuasa Mendengar adalah satu *platform* untuk mendengar kita terima bantahan sesiapa boleh bantah. Saya duduk dalam Jawatankuasa tersebut, kita pernah tengok banyak bantahan saya risau kalau pembangunan perumahan projek ini ditepi rumah saya ini akan mengakibatkan rumah saya banjir, adakah lori yang membawa tanah setiap hari menjalankan melalui depan rumah saya ini akan menyebabkan rumah retak dan isu-isu lain adakah mereka menjalankan kerja pada waktu malam atau pada waktu Sabtu dan Ahad di mana undang-undang memang tak boleh memang tidak boleh.

Jawatankuasa Mendengar Bantahan cuma terima *whatever* mereka bangkit dalam Jawatankuasa itu kalau dia berbeza dengan Jawatankuasa OSC satu *platform* yang lain lebih atas di mana Jawatankuasa OSC, setiap Teknikal Jabatan mereka akan memberi ulasan pihak Bomba tidak setuju contoh kerana tidak mencukupi keselamatan disediakan mungkin dia minta pemaju kena tukar *plan* tersebut. Jawatankuasa Mendengar Bantahan tidak ada kuasa tersebut so maksudnya mungkin rakyat mereka tak faham tetapi semasa Jawatankuasa Mendengar Bantahan yang dipengerusikan oleh Ahli Majlis atau pun parti Ahli Majlis mereka akan menerangkan kepada beliau kita jawatankuasa ada terima bantahan tapi kita hantar kepada Jabatan OSC dan Jabatan OSC akan rujuk balik adakah bantahan yang diterima itu boleh *acceptable by Technical Department*. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):

Memang segala penjelasan yang diberi oleh Ahli Kawasan Padang Kota dan juga Ahli Kawasan Jawi saya faham, cuma saya di sini ingin membangkitkan dari sudut seorang rakyat yang membuat bantahan tersebut kerana bagi mereka, mereka melihat mereka telah menyerahkan bantahan mereka dan telah didengar dan syor dikemukakan jawatankuasa tersebut adalah berpihak kepada mereka dan di sinilah ia adalah dari segi *psychology* mereka mempunyai jangkaan ...(dengan izin) *expectation* terhadap keputusan OAC itu adalah selari atau selaras dengan keputusan Jawatankuasa Mendengar Bantahan. Itu yang saya ingin bangkitkan dan sekiranya keputusan itu berbeza untuk sebab-sebab teknikal itu saya faham tetapi dari sudut mereka yang membantah itu adalah *expectation* mereka adalah berbeza dan ianya tidak baik untuk imej MPSP tersebut sekiranya tidak dapat dijelaskan dengan baik.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih YB. Bukit Tengah. Kita akan teliti berkenaan dengan isu ini. Saya teruskan Dato' Speaker dengan satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh YB. Kebun Bunga iaitu berkenaan dengan pembaikan paip-paip najis dan air di projek perumahan Padang Tembak. Berkenaan di mana yang Berhormat Kebun Bunga telah membangkitkan isu kualiti kerja pembaikan parit najis dan air di situ di mana kerja pembaikan tersebut dibahagiakan kepada dua pakej. Iaitu pakej pertama yang melibatkan 2,112 unit dengan harga kos RM3,639,817.47 dan pakej kedua yang melibatkan 1,632 unit dengan harga kos RM3,220,412.62 yang mana telah siap pada 3 Jun 2012. Isu ini telah saya tangani sejak tahun dahulu di mana kerja-kerja pembaikan paip najis dan air didapati tidak sempurna dan wujudnya *defect-defect*. Saya telah mengarahkan agar kerja-kerja pembaikan dilakukan terhadap 420 unit untuk pakej 1 dan 430 unit untuk pakej 2. Dato' Speaker, adalah difahamkan bahawa kerja-kerja pembaikan *defect* tersebut telah diselesaikan dengan hanya beberapa unit sahaja yang akan dimuktamadkan tidak lama lagi. Berkenaan dengan isu yang dibangkitkan tempoh hari oleh rakan saya iaitu berkenaan dengan isu kualiti kerja-kerja pembaikan, saya bersetuju oleh kerana kekurangan kualiti, maka masalah tersebut telah diwujudkan. Jadi saya akan majukan kepada Jawatankuasa Pemerolehan agar dapat dipastikan kontraktor yang dilantik pada masa hadapan mempunyai *track record*(dengan izin) yang baik dan yang memberi perkhidmatan yang berkualiti.

YB. Dato' Speaker, saya teruskan kepada isu yang dibangkitkan oleh ramai Yang Berhormat rakan-rakan saya termasuk Sungai Acheh, Telok Ayer Tawar dan Pulau Betong, yang semalam telah menyentuh tentang isu proses pemilihan untuk perumahan kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik. Saya telah menyatakan YB. Dato' Speaker bahawa memandangkan ada banyak aduan tentang pemilihan maka satu Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan atau JPPPP ataupun dalam Bahasa Inggeris Selection Process Enhancement Committee (SPEC) telah saya wujudkan di mana keanggotaannya ialah saya sebagai Pengerusi, YB. Tuan Jeff Ooi, Ahli Parlimen Jelutong, YB. Tuan Ng Wei Aik, Ahli Parlimen Tanjong, YB. Tuan Sim Tze Tzin, Ahli Parlimen Bayan Baru, YB. Dato' Malik Kassim (EXCO dan YB. Batu Maung) YB. Tuan Phee Boon Poh (EXCO dan YB. Sungai Puyu), YB. Dr. Afif Bahardin (EXCO dan YB. Seberang Jaya) dan YB. Tuan Ong Chin Wen, YB. Bukit Tengah sebagai anggota-anggota.

YB. Dato' Speaker, tujuan SPEC ialah untuk melihat semula keseluruhan proses pemilihan iaitu daripada permulaannya iaitu di tahap permohonan sehingga ke akhirnya iaitu tahap pemilihan. Malahan borang permohonan baru PN1 telah siap dibuat pada bulan Disember 2013 dan dilancarkan pada 14 Disember 2013. Ia adalah percuma dan mengandungi syarat-syarat baru yang telah diputuskan oleh SPEC. Maka saya memandang serius kenyataan rakan saya dari Pulau Betong yang menyatakan bahawa Pegawai Penyelaras KADUN Pulau Betong iaitu Haji Mohd Tuah bin Ismail telah menghendaki pemohon yang meminta untuk borang PN1 untuk menjadi ahli atau menyertai parti PKR sebelum dapat diberikan borang tersebut. Saya telah berjumpa dengan beliau dan beliau menafikan bahawa ini telah berlaku. Jadi kalau sekiranya Pulau Betong ada butiran pegawai yang bertindak sedemikian maklumkanlah kepada saya untuk membuat siasatan lanjut. Silakan YB. Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Seberang Jaya. *Sorry*, susunan nama tidak betul, saya ingat kena ubahlah. La, silap tempat...(ketawa). Kesilapan teknikal, tidak apa. Sebenarnya Penyelaras DUN Pulau Betong juga telah berjumpa dengan saya petang semalam dan saya beritahu dia, sekiranya ada lagi orang yang datang berjumpa dengan saya dengan isu yang sama saya akan terus bawa orang itu berjumpa dengan dia. Apa-apa pun saya harap biarlah kita telus dalam pemberian borang kita beri dan kita agih rumah ini seadilnya kepada mereka yang memerlukan, itu saja.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Dato' Speaker, saya begitu memandang serius perkara ini dan sekiranya sesuatu perkara seperti ini berlaku kerana dalam pejabat saya, saya memang tegas, semua yang layak akan dapat dan mereka yang layak memohon, *I mean if you can't* memohon ada syarat-syarat dikehendaki menyertai parti politik dan sebagainya, saya tidak akan terima itu. Saya harap kalau ada kes-kes seperti ini datang jumpa saya terus.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta laluan sikit. Saya ada jumpa dengan Penyelaras DUN Pulau Betong untuk memastikan isu yang sama. Setahu saya perkara itu tidak berlaku, saya ingat saudara Tuah dia tidak buat kerja-kerja sebegitu.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih. Selain daripada itu Dato' Speaker, SPEC juga telah menjadikan sebagai satu syarat baru pemohon mesti berumur 21 tahun dan merupakan pengundi Negeri Pulau Pinang. Rasional untuk syarat ini adalah pihak kerajaan ingin memastikan bahawa rakyat Pulau Pinang diberi keutamaan kepada unit-unit perumahan kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik ini. Di dalam apa keadaan juga, saya rasa gembira dapat melaporkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa satu daripada rungutan utama pemaju iaitu berkenaan kelewatan di dalam menyerahkan senarai nama setelah permintaan dibuat, sudah pun SPEC dapat atasi di mana kesemua *backlog* ...(dengan izin) telah pun diselesaikan dan sekarang mesyuarat pemilihan dibuat sebaik sahaja permintaan dibuat.

Dato' Speaker untuk makluman, sejak pewujudan SPEC, jawatankuasa tersebut telah membuat sebanyak 1,788 kes pada tahun 2013 dan 2,242 kes pada tahun 2014 stakat ini sahaja. Daripada jumlah ini sebanyak 105 kes merupakan kes kritikal termasuk golongan Orang Kurang Upaya, masalah kesihatan, ibu tunggal, perintah pindah dan bencana.

Berkenaan isu yang dibangkitkan oleh YB. Sungai Aceh iaitu ada sepasang suami-isteri telah diberikan seunit rumah setiap orang, ingin saya tegaskan bahawa polisi sedia ada adalah sepasang suami-isteri adalah tidak dibenarkan ditawarkan seunit rumah masing-masing. Berkenaan ini Dato' Speaker, saya buat semakan dan semakan menunjukkan bahawa Din Mohamad Razak bin Mustapha telah pun mendaftar dengan Bahagian Perumahan pada 28 Ogos 2008 dan berstatus bujang. Inilah masalah yang timbul. Manakala Zuraida binti Md Pazil mendaftar dengan Bahagian Perumahan pada 28 Ogos 2008 kebetulan tarikh sama dan juga berstatus bujang. Pemilihan dilakukan pada 26 November 2013 Dato' Speaker dan kedua-dua pemohon pada ketika itu masih berstatus bujang. Kedua-dua pemohon tidak mengemaskini data peribadi dengan menggunakan PN1. Sehubungan itu semasa sesi pemilihan Jawatankuasa SPEC tidak mempunyai data yang tepat berhubung status kedua-dua pemohon berkenaan dan adalah didapati bahawa kedua-dua pemohon itu berada di senarai teratas. Ini telah menyebabkan Jawatankuasa SPEC yang berpegang pada slogan Cekap, Akauntabiliti dan Telus telah memilih kedua-dua mereka berkenaan kerana kita tidak ada maklumat mereka telah berkahwin. Walau bagaimanapun saya ingin mengingatkan bahawa adalah menjadi tanggungjawab pemohon-pemohon untuk mengemas kini data peribadi supaya Kerajaan Negeri tidak akan dipersalahkan di kemudian hari.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menunjukkan dengan ada dialog dan perbincangan di dalam Dewan ini, *even* SPEC boleh mendapat idea baru. Saya ingin mengumumkan selain daripada itu, tambahan kepada kolaborasi yang Pejabat Perumahan adakan dengan Pejabat Tanah dan Galian dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk memastikan sama ada pemohon sudah ada rumah, *we can do that by computer system* kerana dia membayar cukai tanah, *we have the collaboration now*. Tetapi apa yang dibangkitkan oleh YB. Sungai Aceh tadi itu adalah bagus dan saya akan mencadangkan kepada SPEC supaya kolaborasi juga dibuat kepada Pejabat Pendaftar Perkahwinan untuk mendapat maklumat status perkahwinan seseorang pemohon. Saya akan panjangkan kepada jawatankuasa saya. Begitu juga kematian seseorang *but I think* orang mati tidak boleh memohon.

Saya teruskan dengan isu kedua yang dibangkitkan iaitu tawaran kepada mangsa kebakaran di Nibong Tebal, Puan Rosmita binti Abu. Saya ulangi, seperti mana saya semak Puan Rosmila binti Abu telah memohon rumah kos rendah dengan menggunakan nama cucu beliau iaitu Mohamad Saiful Nazreen bin Ismail. Namun demikian adalah didapati pemohon tidak mendaftar sebagai pengundi dan tidak bermastautin di Pulau Pinang. Jadi surat rayuan yang diberi kepada YB. Sungai Aceh, saya akan merujuk kepada SPEC untuk *sitting* SPEC yang akan datang untuk dibincangkan, sekiranya ada merit kita akan beri satu unit kepada beliau. Saya ucapkan terima kasih kepada Sungai Aceh kerana membangkitkan isu tersebut.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Sama-sama. Isu seterusnya kolum saksi di borang PN1. Ingin saya nyatakan di sini bahagian Perumahan tidak mensyaratkan agar kolum tersebut hanya boleh ditandatangani oleh ADUN ataupun Yang Berhormat dari Pakatan Rakyat, itu bukan satu syarat. Ruangan saksi tersebut boleh ditandatangani oleh mana-mana Ahli MMK, Ahli Parlimen, ADUN, Jaksa Pendamai, Pengamal Undang-Undang, Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Penghulu Kerajaan. Bahagian Perumahan juga tidak mengenakan sebarang bayaran sepertimana dinyatakan. *In fact* borang tersebut boleh didapati secara percuma di Kaunter Bahagian Perumahan, KOMTAR dan juga boleh dimuat turun dari laman sesawang Perumahan. Saya juga ingin menyatakan penawaran seunit rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah dibuat berdasarkan kawasan geografi pemohon dan tarikh tahun mendaftar dan juga kategori-kategori kritikal yang telah saya nyatakan akan diambil kira. Saya ingin tegaskan di sini bahawa Bahagian Perumahan tidak akan mengambil kira fahaman politik semasa sesi pemilihan. Kita tidak ambil tahu *you* dari parti politik mana, itu bukan kerja kita. Saya ingin tegas dalam perkara ini. Saya teruskan dengan isu yang akhir...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Penjelasan. Terima kasih Datok Keramat. YB. Dato' Speaker, boleh tak Datok Keramat sekiranya borang perumahan itu yang ada ruangan saksi kami sebagai wakil rakyat yang mewakili Barisan Nasional menjadi saksi, menyokong atau mengesah borang tersebut. Boleh ya? Bermakna tidak ada masalah apa-apa? Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Boleh, tetapi jangan silap ada orang ingat kalau dapat *sign* Yang Berhormat tentu dapat rumah. Ada orang datang dan cakap YB. Jagdeep sendiri *sign* mesti dapat rumah, tidak boleh macam itu. Dalam SPEC ada lapan (8) orang dan kita akan semak semua, kita cuma sahkan maklumat, itu saja.

Isu seterusnya untuk pemilihan kronologi proses penawaran PPR kepada kes-kes kecemasan, mungkin YB. Sungai Puyu juga akan menyentuh perkara ini. Tetapi secara ringkas, bagi permohonan PPR iaitu kes-kes kecemasan, nombor satu (1) mangsa perlu membuat laporan Polis dan hadir ke Pejabat Daerah dan Tanah berdekatan. Kedua, borang permohonan PPR perlu diisi selengkapnya dan dikepilkan dengan salinan laporan Polis. Ketiga, Pejabat Daerah dan Tanah perlu membuat surat iringan dan dihantar ke Bahagian Perumahan iaitu bahagian saya untuk tujuan pendaftaran dan penawaran PPR. Penyewaan PPR untuk kes-kes bencana tersebut adalah untuk tempoh enam (6) bulan di mana tiga (3) bulan pertama adalah secara pertama manakala tiga (3) bulan berikutnya adalah perlu dibayar. Tetapi kebiasaannya YB. ADUN akan membantu untuk tiga bulan berikutnya. Itu saja yang saya ada bagi isu pemilihan.

Dato' Speaker saya teruskan kepada satu isu yang juga dibangkitkan oleh banyak Yang Berhormat di sini iaitu rakan-rakan saya dari Telok Ayer Tawar, Pulau Betong juga semalam dalam ucapan telah melahirkan kekhuatiran mereka akan harga rumah yang semakin naik di Negeri Pulau Pinang di mana antara lain implikasi yang dibuat adalah kenaikan harga ini adalah akibat polisi yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri, saya ingin

YB. Dato' Speaker dengan tegas menafikan secara kategorik tohmahan tersebut. Polisi yang diwujudkan seperti yang diumumkan di dalam Bajet 2014 adalah untuk berdepan dengan kenaikan harga hartanah di Negeri Pulau Pinang beberapa tahun yang lalu. Kenaikan harga hartanah ini bukan sahaja satu (1) fenomena yang melibatkan Negeri Pulau Pinang tetapi seluruh negara Malaysia.

Secara khususnya di Negeri Pulau Pinang, setelah Pakatan rakyat mengambil alih pentadbiran pada tahun 2008, dengan pengamalan pentadbiran secara CAT iaitu Cekap, Akauntabiliti dan Telus dan dengan motto (dengan izin) *Cleaner, Greener, Healthier And Safer Penang*, maka Negeri Pulau Pinang telah menjadi satu tarikan kepada pelabur-pelabur termasuk pelaburan hartanah yang secara tersirat membawa kepada kenaikan harga hartanah memandangkan pasaran terbuka di mana sekiranya ada permintaan yang tinggi, maka harga akan naik *open market and I always said we was not be victim of our success*. Jadi Kerajaan Negeri peka akan keadaan sedemikian dan telah memperkenalkan polisi-polisi berikut yang berteraskan dua hala "*two pronged approach*" iaitu:-

1. Memastikan pembekalan rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik, dan:
2. Mewujudkan langkah-langkah untuk mengawal pasaran yang hangat (dengan izin) *introduction of cooling measures*.

Berkenaan pembekalan rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik, Kerajaan Negeri telah meneruskan dengan polisi sedia ada iaitu berkehendak pembinaan unit-unit oleh pemaju rumah kos rendah dan kos sederhana rendah sebanyak 30% daripada jumlah unit yang dibina. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, mulai dari tahun 2008 sehingga Mei 2014 statistik rumah kos rendah dan sederhana rendah mengikut daerah adalah seperti berikut:-

- ✓ Kos rendah di Timur Laut 438, Barat Daya 5,891, Seberang Perai Utara 1,717, Seberang Perai Tengah 2,856, Seberang Perai Selatan 1,569, kesemuanya 12,471 unit kos rendah yang telah dibina dalam kos tersebut.
- ✓ Projek kos sederhana rendah Timur Laut 6,201, Barat Daya 640, Seberang Perai Utara 68, Seberang Perai Tengah 150, Seberang Perai Selatan 549 keseluruhan jumlah yang telah dibina dalam kos tersebut 7,608.

Manakala YB. Dato' Speaker, untuk tempoh yang sama, berikutnya adalah statistik rumah kos rendah dan kos sederhana rendah yang telah diluluskan untuk dibangunkan tapi belum dibina, ialah melalui PBT MPPP 1,904 untuk kos rendah dan MPSP 1,892 untuk kos rendah dan jumlah besar 3,796 manakala untuk kos sederhana rendah melalui MPPP 1,181 dan MPSP 4,065 keseluruhan jumlah kos sederhana rendah yang diluluskan untuk dibangunkan 5,246.

YB. Dato' Speaker, selain itu, satu (1) kategori perumahan baru telah diwujudkan iaitu perumahan jenis mampu milik di mana ada tiga (3) jenis iaitu di bawah RM200 ribu, di bawah RM300 ribu, dan di bawah RM400 ribu. Setakat ini Kerajaan Negeri bersama-sama dengan PDC sudah mula dengan 10 projek perumahan mampu milik di mana sebanyak 19,973 unit akan dibina menjelang tahun 2018. Selain daripada projek

Kerajaan Negeri tersebut, pihak pemaju swasta juga sekarang digalakkan untuk membina perumahan mampu milik secara 100% di mana insentif-insentif tertentu akan diberikan kepada pemaju swasta. Selanjutnya Kerajaan Negeri juga telah memperkenalkan skim sewa beli bagi golongan berpendapatan rendah dengan kadar sewaan sebanyak RM100.00 sebulan dan kos penyelenggaraan sebanyak RM20.00 sebulan, di mana untuk tujuan ini Kerajaan Negeri telah membeli 51 unit rumah pangsa kos rendah di Taman Seruling Emas di Daerah Seberang Perai Selatan dan seterusnya YB. Dato' Speaker Kerajaan Negeri...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Zain Bin Ahmad):

Minta laluan, YB. Dato' Speaker, terima kasih Ybb . Datok Keramat, saya asih ingat mungkin YB. Datok Keramat masih ingat pada sidang Dewan tahun sudah dalam bulan disember saya kemukakan aduan di dalam Dewan ini berkaitan di mana pemaju menjual harga rumah berharga RM72,000 menawarkan pakej *renovation* dan *parking* jumlahnya keseluruhan harga jualan RM170,000. Apa yang saya difahamkan, perkara itu mungkin sudah selesai, saya ucapkan terima kasih YB. Datok Keramat, tetapi hari ini saya juga terima aduan berkaitan projek tersebut, aduan yang diterima berkaitan dengan jumlah keseluruhan yang dijual kepada sipengadu yang memberi maklumat kepada saya, walaupun beliau tidak mampu membeli dengan harga termasuk kos ubah suai dan juga *parking*, tetapi akhirnya disebabkan keperluan rumah tersebut beliau terpaksa membeli dengan pakej keseluruhan berjumlah RM150,000. Nampanya di sini, apa yang beliau katakan pada saya, sekiranya beliau menolak tawaran itu maka pemaju tak akan menjual rumah tersebut kepada beliau. Jadi saya nampak perkara ini belum selesai 100% saya tahu bahawa Yang Berhormat gigih berusaha untuk menyelesaikan masalah-masalah ini terima kasih, tetapi pada masa yang sama, saya harap perkara ini yang dihadapi oleh pengadu dan aduan yang diberi kepada saya dapat diselesaikan. Saya harap Yang Berhormat ingin maklumat lebih lanjut saya ingin berikan kepada Yang Berhormat selepas ini. Sekian, terima kasih

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih kepada rakan saya YB. Penaga, memang Kerajaan Negeri tegas bahawa pemaju-pemaju yang telah membina unit-unit kos rendah dan sederhana rendah menjual pada harga RM42,000 dan RM72,500 masing-masing unit kosong kepada pembeli. Mereka tidak berhak untuk memaksa mereka mengambil pakej seperti YB. Penaga nyatakan tadi kecuali sekiranya dengan rela mereka buat sedemikian. Jadi tadi YB. Penaga kata ada satu kes di mana terpaksa, saya harap YB. Penaga dapat hadapkan dia kepada saya, dan saya akan tindakan yang perlu kerana memang ada banyak kes dalam projek tersebut yang menyatakan mereka dipaksa, tetapi saya telah *define on this* dan pemaju telah terpaksa, pemaju pula terpaksa beri rumah RM72,500 kepada pembeli, jadi sila datang jumpa saya YB. Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Zain Bin Ahmad):

Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Saya teruskan Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan skim pemilikan bersama ataupun ...(dengan izin) *Shared Ownership Scheme* di mana pemohon hanya perlu mendapatkan pinjaman bank dengan faedah sebanyak 70% manakala baki pinjaman sebanyak 30% akan diberikan oleh Kerajaan Negeri tanpa faedah. Berkenaan ini, Kerajaan Negeri telah membeli 104 unit rumah di Taman Sungai Duri Permai juga di daerah Seberang Perai Selatan juga akan dijual pada harga RM38,000. Saya mengambil maklum akan permintaan dari YB. Jawi dan YB. Sungai Pinang yang menyokong penuh skim-skim baru ini agar diperluaskan lagi skim-skim tersebut di kawasan mereka masing-masing.

Selain daripada pembekalan unit perumahan kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik sepertimana yang dinyatakan di atas Kerajaan Negeri juga mengambil berat akan kes-kes projek perumahan yang terbengkalai dan dalam pada ini telah merayu kepada pemaju untuk mara ke hadapan untuk menghidupkan semula projek-projek sedemikian. Saya gembira dapat melaporkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa hampir 17 tahun setelah projek Majestic Heights Fasa 2A terbengkalai, Kerajaan Negeri telah berjaya berunding dengan syarikat Tetuan PLB Land Sdn. Bhd. Untuk menghidupkan semula projek terbengkalai tersebut. Kerajaan Pakatan Rakyat telah berjaya melakukan apa Kerajaan Barisan Nasional yang terdahulu gagal buat, dan lantaran ini 370 pembeli projek terbengkalai Majestic Heights Fasa 2A bakal mendapat unit perumahan mereka di dalam tempoh 18 bulan dari tarikh permulaan kerja.

Langkah-langkah untuk mengawal pasaran yang hangat berkenaan ini Kerajaan Negeri telah melalui Bajet 2014 mengumumkan polisi-polisi berikut;

- 1) Moratorium ke atas penjualan perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah swasta kepada 10 tahun dari tarikh pembelian prinsipal;
- 2) Moratorium ke atas penjualan perumahan mampu milik kepada lima (5) tahun dari tarikh pembelian prinsipal;
- 3) Fi kelulusan 2% atas jumlah transaksi untuk pembelian perumahan oleh warganegara asing di mana siling harga telah pun terlebih dahulu ditetapkan pada RM2 juta untuk hartanah landai di kawasan Pulau dan RM1 juta untuk hartanah pangsapuri di kawasan Pulau dan RM1 juta untuk hartanah dikawasan seberang;
- 4) Fi kelulusan 3% terhadap penjualan hartanah yang dijual di dalam tempoh 3 tahun dari tarikh pembelian prinsipalnya.

Ini adalah beberapa langkah-langkah *cooling measures* ...(dengan izin) ini sememangnya telah berjaya mengawal pasaran sejak implementasinya sepertimana diakui sendiri oleh pihak Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) Pulau Pinang dan juga Institute Ejen Hartanah Malaysia Pulau Pinang or Malaysian Institute of Estate Agents (MEIA). Jadi YB. Dato' Speaker, apa yang... (gangguan).

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

YB. Dato' Keramat, mengenai levi yang dikenakan terhadap dalam tahun ini, levi yang dikenakan 2% atau berapa?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/LI Karpal Singh):

Ya, *thank you* YB. Paya Terubong saya ingat ada satu perkara di situ, fi kelulusan ke atas transaksi pembelian perumahan warga asing ialah 3% dan fi kelulusan terhadap penjualan dalam tempoh 3 tahun adalah 2% dan saya ingin membuat pembetulan terima kasih YB. Paya Terubong.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Untuk menjual dalam 3 tahun adalah dikira daripada tarikh bila?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/LI Karpal Singh):

Sales of purchase.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Maksudnya, contohnya seorang "A" membeli hartanah pada tahun 2013 jadi dia nak jual dalam tahun ini, dia dikenakan 2% levi itu?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Ya, itu betul, dari *principal sale*...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan, terima kasih YB. Datok Keramat, saya tertarik dengan usaha Kerajaan Negeri untuk menyejukkan pasaran hartanah di Negeri Pulau Pinang. Inisiatif inisiatif yang telah dibuat tadi, saya harap memberi hasil dalam masa yang terdekat, tetapi saya ingin menarik perhatian Dewan juga kepada *cooling initiative* ada juga tindakan-tindakan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri yang memanaskan pasaran hartanah ini *heating effects* antaranya dengan mengenakan, melipat gandakan kos-kos bayaran pasti seperti contohnya bayaran untuk perparitan, caruman perparitan dahulu 10,000 satu ekar sekarang 50,000 satu ekar dan ini menyebabkan kos pembangunan meningkat. Saya ingin menarik perhatian ini laporan baru Mei 20 tentang *Hillside Villas* di balik Pulau oleh *MTT Group of Companies* projeknya bernama *Botanical Tropical Hillside Villas*, setiap unit dijual dengan harga RM5.5 juta dan pemaju menyatakan mereka akan memasarkan di Singapura, akan buat *roadshow* di Singapura, dan ini adalah satu contoh harga rumah dah meningkat sebegitu tinggi.

Tadi YB. Datok Keramat ada menyebutkan *cape* untuk had pembeli luar bukan warganegara di Seberang Perai adalah sejuta lebih daripada itu dia ada kos pindah milik, kos untuk pentadbiran. Di Seberang Perai saya beri contoh di kawasan saya saja, pembangunan rumah-rumah Semi "D" sahaja mula dengan RM800,000 maknanya dah sampai sejuta ini dah satu contoh, di Seberang Perai pun rumah-rumah dah jaji luar

kemampuan penduduk Seberang Perai. Jadi inilah saya amat berharap, tindakan-tindakan ataupun bayaran-bayaran pasti ini dapat disemak semula, di tengok semula setakat mana ia akan mempengaruhi kos-kos pembangunan keseluruhan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih Telok Ayer Tawar untuk menyatakan fakta-fakta dan hakikat-hakikat yang menyebabkan Kerajaan Negeri mengenakan polisi-polisi baru tersebut memang saya akur di Balik Pulau projek tersebut 5.5 juta. Saya pergi, saya pergi, mereka minta saya pergi *launching* itu Balik Pulau, *boundary* Pulau Pinang dengan Kedah itu masih jauh, begitu dalam, saya pun tak tahu itu masih Pulau Pinang, dia punya Semi D RM1.4 juta, *that is the problem, that we are trying to address*, saya punya anak macam ini tak boleh beli rumah. Baik terus terang bagitahu sekarang, *a lawyer that comes out, a fresh lawyer, graduated. But what he is earning, he cannot afford a property anymore.*

Oleh itu, kita ada penekanan kepada Kos Rendah, Kos Sederhana Rendah, kita perkenalkan spesis baru mampu milik, kerana kita lihat ada satu *void* yang begitu besar daripada 42, 72, *less than 100 thousand* tiba-tiba Dato' usul *said you're talking about 800 thousand so they is a huge void there and a huge market. I keep telling developers, pemaju, dengarlah saya, saya selalu cakap dengar, dengar apa saya cakap. I don't have to teach you business, the void is there the market is there and now they are hearing, they know. You come and show high and also* memang susah nak jual, memang dia nak jual RM5.5, tapi nak dapat pembeli tu susah, tak senang *but when* dia dapat pembeli itu untung banyaklah, *that is business* lah. Tapi kalau kita nak *address market void* tersebut spesis baru ini boleh dapat banyak kuantiti, mereka ada sedar dan saya boleh beritahu tak di *confirm* lagi *out of 20 thousand from PDC affordable housing, we will mix that with the swasta if not more that is jaminan from our discussion our negotiation, I can tell the Dewan that we are heading the direction jadi we will do our best Dato'. But I can say in open free market we cannot control the prices. If I have a unit, I've always say if I have a unit of property in Penang that I bought maybe 10 years ago for 200 thousand but then the pakatan rakyat came the power* begitu tertarik, semua orang tertarik kepada Pulau Pinang kerana Pakatan Rakyat, itu 200 ribu punya *apartment* pun ada orang mahu beli RM1 juta, Kerajaan Negeri bagaimana nak halang, tak boleh. *Open market forces* jadi kita *control, make sure there is availability access for the affordable housing, that what we're doing, number two, cooling measures.* Jadi, saya harap sebagaimana Telok Ayer Tawar kata, harap langkah-langkah dapat kita lihat hasilnya. Jadi saya teruskan, dan terima kasih tadi saya ingin buat pembetulan berkenaan fi kelulusan 3% dan 2% tersebut sepertimana yang dinyatakan oleh rakan saya.

Saya teruskan Dato' Speaker, jadi, apa yang dikatakan oleh Telok Ayer Tawar bahawa polisi-polisi tersebut telah menyebabkan harga hartanah naik adalah tidak tepat Dato' Speaker. Tapi sebaliknya, malahan sekiranya Yang Berhormat Telok Ayer Tawar berpendapat bahawa fi yang dikenakan, fi, fi yang saya nyatakan tersebut yang dikenakan terlalu rendah untuk menangani kenaikan harga hartanah di Negeri Pulau Pinang, maka saya jemput beliau untuk kemukakan cadangan untuk menaikannya untuk dipertimbangkan oleh REHDA Pulau Pinang dan saya akan *facilitate* untuk mendapat pendapat mereka dan juga kenyataan dari YB. Telok Ayer Tawar bahawa kenaikan harga tidak disebabkan oleh *speculators ...*(dengan izin), adalah amat tidak tepat sekali. *Speculators are the one, that are destroying the market.* ini sememangnya adalah sebab *principle.*

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan, saya minta dibetulkan, saya tak kata tidak menyebabkan *speculator* bukan. Saya memberi perangkaan daripada pasaran rumah baru 50% adalah *speculators* dalam pasaran *secondary market* 30% adalah *speculators*. Ini jawapan daripada Institute of Estate Agents (MEIA) dan juga daripada REHDA.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Apa yang dinyatakan oleh Telok Ayer Tawar *is very simple*, dikatakan bahawa, *it's not the speculators that is creating the problem but i beg to differ, it is a speculating. Okay you agree with me because* Telok Ayer Tawar sendiri menyatakan semalam dan merujuk kepada statistik yang betul iaitu MIEA, Malaysia Institute of Estate Agents. *They control the secondary market 70%* hartanah di Pulau Pinang adalah dalam pasaran, *secondary 70%* dan itu adalah bukti Telok Ayer Tawar bahawa hartanah kebanyakan adalah hendak di jual bukan daripada pemaju. *That is only 30%, 70% adalah daripada mereka yang telah beli, that is the sub sales secondary market, the speculator, that is what you're trying to control. That is why we have moratorium, cannot sell within certain type.* Beli, esok tak dak. *It's getting more and more attractive. If I want to sell tomorrow, i can sell like I said 200 thousand and 1 million how can the state government stop that. As long as I'm interested, I got the money, I give you and there goes the market. That is why* kita ada polisi-polisi baru Dato' Speaker. Jadi *I think* saya akan alih sekarang daripada *two prompt approach* ini kepada beberapa isu dan saya harap rakan-rakan saya di sebelah sana dapat bantu rakyat Negeri Pulau Pinang kerana bukan dalam tangan kita.

1. Apa yang penting ialah saya nak soal adakah apakah ia adalah rancangan Kerajaan Persekutuan untuk membantu di dalam membekalkan perumahan kos rendah, kos sederhana rendah, dan mampu milik di Negeri Pulau Pinang dan berkenaan ini saya hendak menyoal sama ada Kerajaan Persekutuan sudah mengubah polisinya iaitu berkenaan perumahan kos rendah melalui satu kenyataan daripada YB. Dato' Haji Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan, bahawa harga terendah satu unit perumahan sekarang adalah RM80,000. *This I ask because* saya dapat laporan berkenaan mekanisme pelaksanaan mySKIM, *my home* daripada Kerajaan Pusat yang diumumkan bulan 3 tahun ini dan Dato' Speaker di mana saya khuatir saya nampak di dalam kriteria asas kita lihat pada harga pasaran, unit yang terendah *now is* RM80,000, jadi tak dak kos rendah lagi tak dak RM42,000 lagi, tak ada kos sederhana rendah pun RM72,500, semua tak dak. *Their bench mark now for the lowest unit by the country, Kerajaan Persekutuan is* RM80,000, saya minta kawan-kawan daripada sana untuk pastikan ini tidak berlaku, *there must still the provision of low cost and low medium cost, because there is a* kategori golongan yang perlu akan rumah, kos-kos tersebut.

2. Dato' Speaker, memandangkan bahawa Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan sejumlah RM2.1 billion telah diperuntukkan pada tahun 2014 untuk membina 133,000 unit perumahan mampu milik melalui PR1MA. Saya nak tahu berapa unitkah akan dibina di Negeri Pulau Pinang. Berapa surat telah pun saya hantar ke jabatan yang berkenaan di bahagian Kerajaan Persekutuan namun sehingga sekarang saya tidak menerima sebarang jawapan pun Dato' Speaker. Apakah?....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Di kawasan saya Yang Berhormat, saya merujuk kepada PR1MA mereka telah baru beli sebidang tanah seluas 200 ekar di Kuala Sungai Pinang dan pembayaran pun telah buat, saya akan rujuk bilakah pelan itu dapat di hantar dan saya mintalah Kerajaan Negeri bantu untuk mempercepatkan proses urusan pelan tapi *confirm* tanah itu dah beli dan dah habis bayar.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih Datuk daripada Telok Bahang, memang saya boleh bekerjasama dengan Datuk, *In fact*, Datuk yang *arrange* untuk satu perjumpaan dengan PR1MA, Datuk Jamaluddin Jarjis dan dia ada menyatakan memang pada peringkat itu tiada tanah, tapi hari ini saya gembira dapat berita daripada Datuk bahawa sudah dikenal pasti satu bidang, tapi pada hari ini Datuk Jamaluddin Jarjis ada nyatakan dia komited untuk menjawab surat saya setelah bidang-bidang dikenal pasti dan dibeli *by June so this is May, hopefully next month I will get positive reply* kerana surat yang saya minta *is very simple*, sahkan bahawa PR1MA akan terus di Pulau Pinang, *two*, di mana projek tersebut, *three, time line. Very simple and the reason is exactly because of what Datuk said we will try to assist to expedite because this type of housing is important. It's important for that category of people who need type housing but we need a commitment from the federal government.* Jadi saya gembira mendapat berita yang terkini tersebut.

3. Saya ingin menyatakan Dato' Speaker satu masalah yang di hadapi oleh pemohon-pemohon unit perumahan Kos Rendah, Kos Sederhana Rendah dan mampu milik adalah masalah memperolehi pinjaman bank, di mana saya difahamkan kadar penolakan permohonan pinjaman bank oleh kategori ini adalah dalam sekitar 50% *and that is on the conservative side, that is some group that say that it is as high as 70%. We're talking about the rejection rate 70% by the bank for the low cost, low medium cost and affordable housing applicants.*

Jadi, saya hendak tanya mengapakah pihak Kerajaan Persekutuan tidak berunding dengan pihak bank untuk mendapatkan mereka memberi kelonggaran kepada permohonan pemohon-pemohon perumahan kategori ini? Mengapakah tidak ada pensyaratan daripada pihak bank agar satu kaedah faedah yang lebih rendah dikenakan terhadap kategori ini. *I'll give you the example.* Saya beli satu rumah RM1 juta berbanding dengan saya beli satu rumah Kos Rendah RM42,000. Saya pergi ke bank saya ambil pinjaman, kadar faedah adalah sama untuk saya yang beli RM1 juta dan saya yang beli RM42,000. Adakah itu logik? tak logik.

Hari itu, dalam perbincangan saya dengan Datuk Jamaluddin Jarjis, saya telah menyatakan kepada beliau isu ini dan dia sendiri setuju dengan saya bahawa ia perlu ditangani. Jadi saya mintalah kawan-kawan saya di sebelah sana untuk berunding di peringkat pusat dengan Bank Negara untuk syaratkan kepada bank-bank. *This is logical, rational. I think you will agree with me.* Betul setuju atau tidak? *So, I hope you can help me on this and one more thing which I quite* hampa *is* kegagalan skim jaminan kredit perumahan di Negeri Pulau Pinang iaitu satu skim di bawah Kementerian Kewangan diperbadankan, apakah yang telah berlaku kepada dia? Skim tersebut yang merangkumi 12 bank komersial sepatutnya menjamin bank-bank yang mengeluarkan pinjaman perumahan. Namun demikian adalah dimaklumkan bahawa skim ini tidak dilaksanakan dengan optimum di Negeri Pulau Pinang. Dan saya haraplah, Kerajaan Persekutuan dapat meluluskan dan melaksanakan skim tersebut agar golongan pemohon perumahan Kos Rendah, Kos Sederhana Rendah, dan mampu milik berjaya mendapat pinjaman dan sekali gus, berjaya memiliki seunit rumah.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, itu saja ucapan saya berkenaan isu-isu dari portfolio saya. Saya ucapkan terima kasih kepada rakan-rakan saya untuk semua cadangan-cadangan yang mana saya akan mengambil kira.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri seterusnya saya ingin mengambil kesempatan untuk membaca teks ucapan EXCO Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan. Saya memohon izin untuk membuat sedemikian kerana beliau terpaksa keluar negara baru-baru tadi untuk urusan rasmi. Jadi saya minta izin.

Melestarikan Sektor Pertanian. Untuk makluman Ahli Dewan, bagi tahun 2013 jumlah pengeluaran tahunan produk pertanian seperti padi, buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman ladang dan rempah-ratus adalah sebanyak 1,829,077 tan metrik dengan nilai pengeluaran menghampiri RM673,182,541 iaitu RM673 billion.

Sektor ternakan negeri turut menunjukkan peningkatan dalam pengeluaran. Begitu juga dalam sektor Akuakultur dan jumlah ikan yang didaratkan, berlaku peningkatan ikan yang didaratkan iaitu sebanyak 52,485.41 tan metrik pada tahun 2012 kepada 58,200.71 tan metrik pada tahun 2013. Berikutan dengan itu, Kerajaan Negeri sangat komited untuk terus menjayakan projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan di Juru seluas 115.2 hektar dan Zon Industri Akuakultur Penaga kelak. Bagi meningkatkan lagi sumber pengeluaran makanan negeri. Maka Kerajaan Negeri sangat memerlukan kerjasama semua pihak untuk menjayakan rancangan ini supaya kita dapat mengurangkan jumlah import makanan negeri.

Tanah Pertanian. Seperti yang telah dijawab di dalam soalan lisan saya kepada Yang Berhormat Permatang Pasir, jumlah keluasan tanah yang ditukar syarat adalah sebanyak 560.61 hektar dan mengikut pecahan daerah seperti di dalam lampiran. Untuk makluman Yang Berhormat, sejak tahun 2008, adalah menjadi amalan Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Perancang Negeri, sebarang tanah pertanian yang aktif tidak akan dibenarkan untuk dipinda syarat. Kebanyakan permohonan pertukaran syarat tanah yang dipohon ini adalah tanah-tanah yang memang telah digunakan untuk aktiviti

pertanian. Kebanyakannya telah terbina sama ada kilang industri, rumah kediaman atau aktiviti lain. Boleh saya katakan bahawa kebanyakan kelulusan yang diberikan ini adalah dalam bentuk "pemutihan" status penggunaan tanah-tanah tersebut. Demi menghadapi cabaran penambakan haram, termasuk pengorekkan, perataan, pemotongan pokok atau penarahan bukit, pemantauan berterusan dilaksanakan dengan kerjasama daripada penduduk setempat, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Pertanian, IADA, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan juga Pejabat Daerah. Kegiatan-kegiatan jenayah ini sentiasa dipantau dan penguatkuasaan dilaksanakan seperti mana yang termaktub di bawah peraturan PBT iaitu Seksyen 70A Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974.

Mengenai kekusaran berkenaan penurunan pengeluaran padi akibat kegiatan pertukaran tanah pertanian kepada pembangunan yang dibangkitkan oleh ADUN Permatang Pasir, saya ingin jelaskan di sini bahawa, sehingga Disember 2013, dengan keluasan tanaman seluas 12,782 hektar, pengeluaran padi adalah sebanyak 144,436 tan dengan nilai RM180,545,000.00 iaitu meningkat sebanyak 30% berbanding tahun 2012. Ini menandakan meskipun terdapat pertukaran tanah pertanian kepada pembangunan, pengeluaran pertanian masih meningkatkan dan *rezoning* tanah adalah terkawal.

Usahawan Tani Muda. Susulan pengumuman Y.A.B. Ketua Menteri berkenaan penubuhan Tabung Ushawan Tani Muda, satu usaha di peringkat akhir sedang dirangka dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) untuk memastikan pelaksanaan program ini berjalan lancar. Diharapkan dengan bantuan mikro kredit berjumlah RM5,000.00 ini, guna tanah di Pulau Pinang dapat dimaksimumkan dan golongan muda sentiasa bersemangat meningkatkan pendapatan melalui sektor pertanian, penternakan dan perikanan dan juga demi memastikan kelangsungan sektor industri pertanian ini.

Khazanah Sumber Laut Negeri. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, kelangsungan sumber laut negeri sangat penting kepada sejumlah hampir 5,000 orang nelayan di Pulau Pinang. Berikutan itu, adalah sangat penting untuk memfokuskan usaha bukan sahaja mengekalkan malah meningkatkan sumber laut negeri demi menjamin pendapatan berterusan kepada nelayan. Oleh yang demikian bagi menyokong usaha-usaha konservensi sumber ikan, Kerajaan Negeri bersama Jabatan Perikanan akan memperuntukkan dana untuk penyediaan tukun tiruan di Perairan Pulau Aman, Sungai Udang dan Penaga. Ini adalah langkah bagi menjamin supaya lebih banyak habitat ikan dinina dan secara langsung meningkatkan populasi ikan di perairan kita.

Yang di-Pertua Dewan Undagan Negeri, untuk memastikan usaha konservensi hidupan spesis penyu adalah berterusan, Pusat Konservensi Penyu di Pantai Kerachut akan terus dibantu melalui peruntukan negeri. Kerajaan Negeri juga telah meluluskan peruntukan untuk membina kolam ikan khas yang lebih baik untuk populasi penyu di pantai ini sebanyak RM200,000. Sebagai Kerajaan Negeri yang sangat prihatin, Kerajaan Negeri sangat mengambil berat keperluan para nelayan. Batuan dalam bentuk pemberian pukut, sebanyak dua (2) kali setahun kepada semua hampir 2,500 nelayan pesisir pantai adalah bukti keprihatinan Kerajaan Negeri. Jumlah peruntukan yang dikeluarkan untuk usaha ini adalah sebanyak RM1.6 juta. Bantuan yang bemula sejak 2013 ini adalah pelaksanaan janji.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Ahli Kawasan Datok Keramat sedikit sahaja. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya nak dapat maklumat dari segi bantuan pukut pantai kepada nelayan hampir 2,500 orang. Bagaimanakah kaedahnya bantuan ini diberi, berasaskan kepada penilaian apa-apa. Sebab kalau ikut 2,500 bukan semua nelayan, mungkin nelayan yang terpilih. Adakah nelayan ini perlu buat permohonan atau pihak Kerajaan Negeri yang menentukan siapa yang patut diberi pukut ini. Bagi Ahli Kawasan Datok Keramat jawab. Tadi tak ambil alih yang itu. Okey terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Ya, ini bukan portfolio saya. Tak apa saya terima soalan tersebut. Tapi kalau ada soalan lain sila nyatakan dan kita akan cuba sedaya upaya untuk beri jawapan secara bertulis dalam ini. Okey saya teruskan. Terima kasih ya Ahli Kawasan Sungai Acheh.

Bantuan yang bermula sejak 2013, ini adalah pelaksanaan janji manifesto Pakatan Rakyat Pulau Pinang dalam PRU lepas. Inilah namanya janji ditepati untuk tahun 2014, para nelayan telah menerima bantuan untuk kali pertama. Para nelayan akan sekali lagi menerima bantuan ini pada akhir tahun ini dan ini membuktikan komitmen Kerajaan Negeri yang amat memahami keperluan rakyatnya termasuklah para nelayan pantai.

Menjawab aduan daripada nelayan yang dibangkitkan Yang Berhormat Sungai Acheh. Lantai insiden ini saya percaya berlaku pada 10 November 2013 apabila telah berlaku aduan tentang kematian kerang dan ikan di Perairan Sungai Udang dan Kuala Juru melibatkan seramai 32 pengusaha. Siasatan telah dijalankan oleh Jabatan Perikanan Negeri dan kerjasama Institut Penyelidikan Perikanan pada 21 November 2013.

Kesimpulan daripada penyiasatan, mereka menyaksikan punca sebenar kematian kerang dan ikan yang berlaku adalah sukar untuk ditetapkan, memandangkan semua parameter mutu air telah pulih ke tahap memuaskan. Pihak institusi telah menemui kesan pencemaran nutrien dan logam berdekatan muara Sungai Burong namun sumber pencemaran gagal dikenal pasti. Pemantauan berterusan daripada Jabatan dan Institut kekal berjalan. Kerajaan Negeri juga memastikan pemantauan ternakan ikan dalam sangkar di sekitar laut negeri ini dilaksanakan dengan baik oleh agensi-agensi berkaitan terutamanya Jabatan Perikanan, Pejabat Daerah. Hasil industri akuakultur di negeri ini adalah sangat besar dan lumayan. Maka menjadi matlamat Kerajaan Negeri bahawa industri ini dapat berkembang dengan baik dan lestari.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, penanaman padi dan mendepani El Nino. Saya mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Dua tentang permasalahan atau cabaran untuk pesawah kita dalam mendepani cabaran El Nino. Untuk maklumat Ahli Dewan kita bersyukur ke hadrat Tuhan, walaupun sumber bekalan air seperti Sungai Muda, Sungai Jarak, Sungai Kulim, Sungai Kerian dan juga sumber air tadahan hujan di Balik Pulau sedikit terjejas dengan kemarau yang berlaku baru-baru ini, kesemua kawasan tadahan padi dijangka akan mendapat bekalan air secukupnya seperti jadual yang telah diubah suai dan dikemas kini.

Untuk makluman Ahli Dewan sejak kemarau Mac lepas, Mesyuarat Jawatankuasa Pembekalan Air Kawasan Tanaman Padi telah dimulakan dan laporan berkala setiap minggu di hantar kepada EXCO. Kerjasama daripada semua jabatan, agensi, Jabatan Pertanian, IADA, JPS, Jabatan Meteorologi telah menyusun dan merangka "*strategy micro planning*" untuk memastikan bekalan air ke kawasan bendang mencukupi. Lawatan saya ke sumber-sumber air utama seperti Rumah Pam Bumbung Lima dan Rumah Pam Guar Perahu menyaksikan bahawa tahap sungai atau sumber air kita berada pada tahap yang sihat dan memuaskan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad)

Yang Berhormat dah sampai ke sungai, dalam laut tak selesai lagi ini. Yang saya minta butir-butir tukun-tukun yang diangkut keluar dari laut itu. Ada jawapan dari pihak Alam Sekitar. Sebab saya difahamkan dalam surat khabar dia akan jawab. Itu yang saya tanya itu. Kalau tak ada tak apa. *It's okay.*

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Ahli Kawasan Sungai Puyu akan beri jawapan nanti. Kerjasama tinggi daripada warga tani, PPK, kelompok adalah sangat menggalakkan dan saya mengucapkan terima kasih atas kecekalan dan kesabaran mereka di dalam saat yang sukar ini. Kita juga berdoa agar kemarau El Nino yang dijangka berlaku tidak mendatangkan mudarat yang besar kepada negeri kita ini.

YB. Dato' Speaker, mensejahterakan tahap kesihatan. Sebagaimana yang kita sedia maklum, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai program bagi memelihara tahap kesihatan rakyat serta meningkatkan tahap kesedaran penjagaan kesihatan di kalangan rakyat. Antara usaha yang telah dibuat adalah pembukaan Pusat Dialisis CAT, Penang Sihat, Penang Bebas Asap Rokok (PENBAR) dan program pemeriksaan Mammogram percuma untuk wanita Pulau Pinang.

YB. Dato' Speaker, Pusat Dialisis CAT, Kerajaan Negeri juga sedang bekerjasama rapat dengan agensi swasta serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk membuka tiga lagi Pusat Dialisis CAT di Sebarang Perai Utara, Sebarang Perai Tengah dan dan satu lagi di Farlim. Usaha Kerajaan Negeri ini jelas menunjukkan keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap keperluan penjagaan kesihatan yang perlu disampaikan kepada rakyat. Bagi Pusat Dialisis di Dearah SPU, Kerajaan Negeri sekali lagi akan bekerjasama dengan B. Braun untuk melengkapkan Pusat Dialisis CAT dengan peralatan dan mesin dari syarikat tersebut. Pengurusan Pusat Dialisis CAT yang sedang beroperasi kini juga ditambah baik dari semasa ke semasa bagi menjamin perkhidmatan yang selesa dan mesra kepada pesakit. Kerajaan Negeri berhasrat untuk mewujudkan Pusat Dialisis CAT di semua daerah dalam negeri ini.

YB. Dato' Speaker, Penang Sihat. Program Penang sihat yang dimulakan pada Disember 213 sedang giat dilaksanakan. Sehingga kini, program ini telah diadakan di DUN Sungai Bakap, Permatang Pasir, Machang Bubuk dan Sebarang Jaya. Seterusnya kem kesihatan ini akan diadakan di DUN Kebun Bunga. Sepanjang mengadakan program ini, purata kunjungan masyarakat ke program ini di dalam anggaran 100 orang setiap program. Pemeriksaan yang dijalankan bukan sahaja pemeriksaan kesihatan

tetapi juga pemeriksaan lain seperti penglihatan dan pendengaran secara percuma turut diadakan dengan kerjasama organisasi swasta. Kerajaan Negeri berjaya menyampaikan mesej kepentingan penjagaan kesihatan serta berupaya memberi kesedaran berkenaan 'Non-Communicable Diseases' seperti *Diabetes Mellitus*, *Hypertension*, *Cardiovascular Diseases* dan lain-lain di kalangan masyarakat Pulau Pinang.

YB. Dato' Speaker, Mammogram Sayangi Wanita Pulau Pinang. Dalam usaha mendapatkan operator yang benar-benar layak untuk menjalankan perkhidmatan pemeriksaan Mammogram percuma kepada golongan wanita Pulau Pinang, tawaran *Request For Proposal* Bagi Cadangan Penyediaan Perkhidmatan Mammogram Percuma juga telah ditawarkan semula bermula semalam, Rabu 21 Mei 2014 dan akan ditutup pada 2 Julai 2014. Semua operator yang telah memiliki pusat saringan mammogram atau yang berkaitan dengannya sangat dialu-alukan untuk menyertai tawaran RFP ini. Langkah ini diharap dapat memberikan perkhidmatan mammogram percuma kepada hampir 52,000 golongan wanita berumur 35 tahun dan ke atas dan bakal melibatkan perbelanjaan mencecah RM3 juta. Inilah komitmen Kerajaan Negeri dengan slogan Sayangi Wanita Pulau Pinang.

Dato' Speaker, wabak denggi. Isu yang hangat diperkatakan di dalam media dan juga soalan Dewan yang paling kerap saya terima adalah berkenaan dengan masalah wabak denggi. Sehingga kini, Pulau Pinang berada dalam kedudukan kelapan di Malaysia bagi statistik penularan wabak denggi di Malaysia dengan hanya tiga (3) kematian sahaja dicatatkan untuk tahun ini. Kini corak dan statistik menunjukkan ada penurunan kes berbanding hujung tahun lepas dan awal tahun ini. Namun pelbagai usaha masih terus dilipatgandakan. Saya ingin merakam setinggi penghargaan saya kepada semua pegawai kesihatan, unit vektor dan semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan usaha perang dengan wabak denggi ini atas kesungguhan dan kecekalan mereka. Pengorbanan kalian tiada tolok bandingnya.

Bagi memastikan kawasan Perbandaran di Pulau dan Seberang Perai tidak menjadi tapak pembiakan aedes, pelbagai langkah telah dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri, MPPP dan MPSP. Kerajaan Negeri juga telah menganjurkan Gotong Royong Perdana Penang Sihat pada 2 Mac lalu yang mana telah dijalankan serentak 46 lokasi di seluruh Negeri Pulau Pinang. Syabas diucapkan kepada semua yang terlibat dalam gotong royong ini terutamanya MPPP dan MPSP serta penduduk setempat. Antara punca pembiakan Aedes adalah disebabkan oleh terdapat tapak pembuangan sampah haram. Maka saya ingin meminta jasa baik semua ADUN agar bersama-sama mengatasi masalah ini dan mempromosikan agar tiada lagi tapak pembuangan sampah haram yang diwujudkan. Kita ingin melihat persekitaran yang bersih sejajar dengan cita-cita kita menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri yang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

Saya juga ingin mengalu-alukan Ahli Dewan untuk turut sama terlibat dalam promosi dan penyebaran *abate* kepada komuniti dengan meletakkan *abate* ini di Pusat-pusat Khidmat ADUN. Kepada semua Yang Berhormat, boleh mendapatkan bekalannya daripada pejabat saya atau melalui Pejabat Kesihatan Daerah. Langkah ini diharap dapat menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes pembawa virus denggi kerana ini adalah strategi atau pendekatan utama untuk mengatasi masalah wabak ini.

Dato' Speaker. Pembangunan Desa, bagi membangunkan kawasan desa secara menyeluruh Pembangunan Modal Insan.....*sorry* ya.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Dato' Speaker, maaf Dato' Speaker. Bagi laluan untuk saya menanya satu soalan kepada EXCO MMK Kesihatan mengenai Penang Sihat. Sebab soalan bertulis saya dan perbincangan saya, saya ada menanya MMK Kesihatan ada memandangkan tekanan jiwa ini adalah satu penyakit yang akan membawa kerugian, aset negeri bila kita melihat kes-kes membunuh diri yang berlaku di Negeri Pulau Pinang semenjak 2012, 2013 dan tahun ini juga banyak kes. Ini memang satu penyakit tekanan jiwa pada masa kini sebab banyak tekanan dari masalah keluarga atau kewangan dan sosial. Kita melihat pemuda pemudi sekarang tidak boleh menghadapi masalah mereka bila mereka menemui kesukaran dan ini memang tanggungjawab sebagai MMK Kesihatan, saya ada menyebut MMK Masyarakat Penyayang, Kebajikan, mencari satu jalan untuk memupuk satu cara hidup yang sihat atau kempen atau satu nilai bagi pemuda pemudi sekarang untuk menghadapi cara hidup mereka. Sekarang saya nampak pemuda pemudi sikit-sikit sahaja mereka tak boleh menyelesaikan masalah. Macam dua (2) hari yang lalu satu (1) kes lagi membunuh diri di Jambatan Kedua Pulau Pinang. So saya harap ini dipandang serius oleh kita punya Jabatan Kesihatan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih untuk pendapat Yang Berhormat tadi. Saya percaya kita akan panjangkan satu (1) jawapan secara bertulis daripada EXCO yang berkenaan dan saya juga nanti YB. Sungai Puyu akan menjawab soalan yang dibangkitkan tadi.

Jadi saya ingin akhirkkan dengan isu Pembangunan Desa daripada EXCO rakan saya iaitu Dr. Afif. Iaitu YB. Dato' Speaker, bagi membangunkan secara menyeluruh Pembangunan Modal Insan perlu diperkasakan terlebih dahulu. Pembangunan desa perlu dimulakan dengan program-program pembangunan belia desa yang mampu menyerlahkan sifat kepimpinan belia desa, meningkatkan daya kreativiti dan menajamkan intelektual mereka. Justeru, kemudahan-kemudahan bagi aktiviti-aktiviti ekonomi dan sosial yang boleh dimanfaatkan oleh para belia desa akan dipertimbangkan. Atas kesedaran ini, satu Dasar Pembangunan Desa Negeri bakal digubal dan masih lagi diperingkat awal. Diharap dengan adanya dasar ini maka potensi desa di negeri ini dapat dioptimumkan. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa telah memberi peruntukan melalui Projek Khas Ekonomi bagi membiayai kos baik pulih dan naik taraf bangunan di luar bandar. Tinjauan tentang keperluan pembaikan dan naik taraf sentiasa dipantau oleh Pejabat Daerah dan Tanah. Sehingga kini, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM898,000.00 bagi pembaikan 80 rumah rakyat termiskin di semua daerah. Bagi program peningkatan ekonomi juga, sebanyak RM90,000.00 telah dibelanjakan bagi pemberian bantuan peralatan perniagaan.

Saya juga sentiasa membuka ruang kepada semua ADUN untuk memaklumkan kepada pentadbiran pejabat saya sekiranya terdapat rakyat di kawasan masing-masing yang memerlukan bantuan pembaikan atau membina rumah baru. Itu sahaja ucapan daripada rakan saya EXCO Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan. Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Dato' Speaker, saya ingin membawa satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri 34 (viii) iaitu usul yang sekiranya diakui oleh Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan disokong oleh sepuluh (10) orang Wakil Rakyat iaitu berhubung dengan ungkapan keji Seri Delima yang telah menyebabkan dan menimbulkan perasan marah kami, resah kami dan sakit hati kami semua. Sejajar dengan Peraturan 46(xiii) iaitu (c) menggunakan perkataan yang menyakitkan hati dan (d) menyentuh peribadi seorang. Demikian usul saya.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat daripada Kawasan Pulau Betong telah mengemukakan satu usul mengikut Peraturan 34 (viii) iaitu Usul-usul Tanpa Pemberitahu dan saya minta adakah sokongan?...(gangguan). Sila duduk. Mengikut Peraturan Mesyuarat 34(viii), Usul sebegini memerlukan disokong oleh sepuluh (10) orang ahli-ahli yang berdiri ditempat masing-masing. Saya telah mengirakan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berdiri di tempat masing-masing adalah lapan (8). Maka usul ini tidak memenuhi syarat di bawah Peraturan 34 (viii), Tidak cukup bilangan penyokong yang berdiri di atas tempat masing-masing. Maka usul ini tidak diterima oleh Dewan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Dato' Speaker, saya sedar bahawa kami memang kekurangan, jumlah kami kecil, kami sedar dengan itu. Tetapi apa yang saya mengharap dengan hujah oleh YB. Air Putih pagi tadi, yang mahu supaya kita menunjukkan keikhlasan kita, semangat kita di Dewan yang mulia ini. Kenapa tidak seorang pun daripada pihak penyokong kerajaan untuk meminta YB. Seri Delima supaya menarik balik. Nyata perkara 46(c) menggunakan perkataan yang menyakit hati telah ditegur oleh YB. Bertam dan YB. Sungai Aceh....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Biar saya beri sedikit penjelasan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya minta sekali lagi YB. Dato' Speaker, demi kemuliaan Dewan ini. Walau pun kami tak cukup korum, saya nak minta pada YB. Seri Delima supaya menarik balik apa yang telah diungkapkannya kerana ia sememangnya telah menyakitkan hati kami mengikut Perkara 46(xiii). Itu saja permintaan saya yang cukup ringkas, YB. Dato' Speaker.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, usul ini sememang tidak memenuhi syarat di bawah Peraturan 34(viii) dan saya ingin mengambil sedikit masa untuk menjelaskan tadi dalam sesi perbahasan usul yang dikemukakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri telah pun YB. Bertam baca dengan cukup jelasnya. Khasnya hansard bahagian yang terlibat dengan Perintah daripada Speaker. Saya ingin menegaskan sekali lagi perintah amaran yang dikeluarkan diperintahkan oleh Speaker, saya sendiri adalah hanya satu (1) tahap sebelum saya menghalaukan seseorang ahli daripada Dewan itu memandangkan keseriusan saya terhadap Peraturan Mesyuarat itu.

Oleh yang demikian, saya juga mengharapkan bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat yang masih menganggap Speaker tidak membuat apa-apa terhadap perkataan-perkataan yang digunakan dalam Dewan ini adalah tidak tepat sekali. Saya juga memberi peluang untuk membawa usul tetapi malang sekali usul anda tidak memenuhi syarat itu saya juga telah memberi ruang dan saya harap bahawa usul ini telah pun ditamatkan di sini. Saya ingin meneruskan sesi penggulungan. YB. Sungai Puyu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Dato' Yang di-Pertua, selaras dengan Peraturan 6A(1) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Saya memohon masa persidangan hari ini, 22 Mei 2014, hari Khamis dilanjutkan sehingga jam 10.00 malam.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ada sokongan?

Timbalan Ketua Menteri II:

Saya mohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 6A(1) untuk melanjutkan tempoh persidangan hari ini, 22 Mei 2014, hari Khamis dilanjutkan sehingga jam 10.00 malam.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, katakan "Ya." Yang tidak setuju katakan "Tidak."

Ahli-Ahli Kerajaan:

"Ya"

Ahli-Ahli Pembangkang:

“Tidak.”

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Lebih suara bersetuju. Usul dipersetujui. Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan dan Dewan akan bersidang semula jam 4.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 4.15 petang.

Dewan disambung semula pada jam 4.45 petang.

Setiausaha:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Timbalan Yang di Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan disambung semula.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih Timbalan Dato' Speaker, saya mohon menggulung. Kerajaan Negeri telah menjalankan pelbagai program sejak tahun 2009 untuk memastikan rakyat menikmati kemakmuran dan kesejahteraan serta menikmati hasil penjimatan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri. Keperhatian Kerajaan Negeri dapat dilihat melalui bantuan kepada golongan miskin iaitu meningkatkan pendapatan garis kemiskinan PJK, PGK kepada RM600.00 sebulan kepada RM770.00 sebulan pada tahun 2013, pada tahun 2014 Kerajaan Negeri telah meningkatkan PGK kepada RM790.00 sebulan pada status kemiskinan sifar dapat dikekalkan. Selain daripada pemberian kewangan secara bulanan Kerajaan Negeri turut memberi bantuan peralatan, meningkatkan ekonomi dan bantuan membaiki serta membina baru rumah golongan miskin. Golongan miskin ini juga turut dibantu oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Pusat Urus Zakat (PUZ), agensi-agensi kerajaan dan swasta serta NGO hasrat Kerajaan Negeri menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri pertama membebaskan kemiskinan sebelum tahun 2015. Di sini kamu sudah tahu pada tahun 2009, Pulau Pinang adalah negeri yang pertama yang menghapus atau membasmi keluarga miskin tegar dan Kerajaan Negeri memang pada tahun 2015 memang hendak membasmi miskin di Negeri Pulau Pinang.

AES atau Agenda Ekonomi Saksama bagi membasmi kemiskinan di Negeri Pulau Pinang di samping kejayaan lain yang telah ditunjuk sepanjang pemerintahan Pakatan Rakyat, kejayaan yang telah dicapai dan membuktikan Kerajaan Negeri mampu untuk mengurus dan mentadbir negeri ini dengan efektif. Memang ADUN Permatang Pasir telah membangkitkan untuk siasatan yang lebih agresif, memang JKJ dan Pejabat Daerah termasuk UPEN pada masa kini, memang ada program-program yang tertentu di

mana mereka setiap tiap minggu telah siasat fail permohonan dan saya telah bagi *mandate* kepada mereka, turun kuasa kepada mereka iaitu jawatankuasa-jawatankuasa di bahagian daerah ada kuasa untuk buat tetapan untuk memasukkan nama dalam senarai untuk dapat AES, yang mana keluarga yang hendak dikeluarkan hendak dapat kelulusan saya melalui mesyuarat dan selepas itu tiga (3) bulan selepas keputusan saya perlulah dikeluarkan daripada Program AES dan kebajikan.

Ahli Yang Berhormat Jawi telah mencadangkan pusat aktiviti warga emas, memang aktiviti warga emas, projek-projek perintis telah dijalankan dan apabila tinjauan dan semakan semua, memang setiap tiap KADUN mesti ada iaitu kena ada ini pusat aktiviti-aktiviti warga emas. Untuk satu soalan yang dikemukakan oleh Ahli Kawasan Sungai Acheh, dia hilang diri, saya tidak mahu, saya tunggu sehingga dia masuk mari baru saya jawab kerana saya nak panggil dia *not working enough*.

Bidang alam sekitar, alam sekitar Kerajaan Negeri tidak pernah berhenti mengambil inisiatif bagi meningkatkan dan membaiki kualiti alam sekitar di Pulau Pinang. Pelbagai usaha pencegahan dan pengawalan pencemaran telah dan sedang dijalankan bagi memastikan alam sekitar bersih, sihat dan selamat bagi menjamin kesejahteraan kualiti hidup rakyat. Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini, satu soalan yang dikemukakan oleh Ahli Kawasan Pulau Betong berkenaan dengan *No Plastic Day* berkenaan kutipan dan Yang Berhormat telah sentuh bahawa apa yang dikutip hendaklah digunakan untuk program-program tertentu. Di sini saya nak menegaskan bahawanya kutipan-kutipan ini semua disalur kepada akaun Bendahari Negeri dan selepas itu akan disalurkan kepada satu akaun amanah untuk program AES ini dan Ahli Yang Berhormat telah menyatakan bahawa kerana kewangannya tidak digunakan untuk kesedaran alam sekitar. Saya nak bagi tahu seperti MPSP, walau pun MPSP tidak dapat peruntukan khas tetapi mengikut *passion* dan komitmen selaras dengan matlamat Kerajaan Negeri, satu pencapaian antarabangsa *International Acknowledgment* oleh World Bank dan juga UNEB, ITC. Baru-baru ini *cover page* Kwang Chu News, *printed, cover age*, Tuan YDP ini adalah pengiktirafan, pengiktirafan bahawa Kerajaan Negeri khasnya MPSP dan MPPP pada kini adalah di pentas antarabangsa, harapan baru untuk Pulau Pinang dan untuk seluruh Malaysia. Mereka tidak dapat peruntukan yang khas, tiada, *but with their commitment and passion under the guidance of* Ahli Yang Berhormat Padang Kota, *this is what we do for environment*. YDP MPSP telah dijemput ke pentas antarabangsa untuk *present paper* yang kini World Bank telah mencadangkan untuk bagi (KT) Kerajaan Tempatan sembilan (9) peruntukan untuk buat Pulau Pinang sebagai *center of excellent* di mana kajian-kajian data-data yang dikutip, dirakam dan juga video. supaya Pulau Pinang boleh jadi *centre of excellent* dan antara Asia Pacific Region untuk datang ke Pulau Pinang, *for local council* untuk belajar apa Pulau Pinang buat.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Minta laluan Ahli Kawasan Sungai Puyu, memang ianya adalah satu berita yang baik bukan saja untuk MPSP tetapi juga untuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai 2 kerajaan tempatan salah satu MPSP telah mencapai, YDP kita telah mencapai pencapaian yang bagus dan dia telah menunjukkan bukti bahawa di bawah pimpinan Pakatan Rakyat dan juga kerjasama dan sokongan daripada rakyat di kawasan Seberang Perai kita dapat satu harga tanpa penghargaan yang begitu baik oleh Negara Korea, so inilah saya minta Kerajaan-Kerajaan Tempatan di negeri lain bolehlah mengikuti MPSP sebagai satu contoh yang baik. *Thank You*

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Memang atas kejayaan ini di Korea YDP. MPSP telah dijemput khas untuk *present a paper in Mexico, invited by Global Environmental Facilities*, World Bank telah meminta MPSP bagi cadangan *how much do you need, how much do you want*, World Bank nak bagi peruntukan *to continue the work. That is how we do it*, kami buat bukan melalui ambil peruntukan kewangan semua tetapi dengan komitmen. Oleh demikian soalan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Pulau Betong, di mana dia mengatakan dari manakah kewangan ini, kewangan ini ada, *its all* apa kami buat untuk *environment, this is what we make for the environment*. Untuk *sea grass* di Middle Bank memang *sea grass bed* bukan di Middle Bank tetapi dan di Middle Bank dan PDC sedang panggil *prequel* untuk satu syarikat konsultan dan ini juga melalui tender terbuka supaya syarikat-syarikat yang boleh buat konsultan untuk macam mana susun atur *alignment* bersama dengan *hydro flow system* yang telah kami dapat laporan *how do we adjust it*, ini sedang dijalankan kerana Kerajaan Negeri Pulau Pinang memang nak jaga alam sekitar.

Untuk Seri Tanjung Pinang telah dibangkitkan oleh Batu Uban, Yang Berhormat Batu Uban, Yang Berhormat Pulau Tikus dan lain-lain memang apa yang mereka kata itu betul, *that is the transparency, transparency*. Laporan itu data apa yang terjadi untuk daripada Seri Tanjung Pinang 1, dan apa-apa kelemahan di SPT 1 akan dipertingkatkan untuk SPT 2 dan Ahli Yang Berhormat Telok Ayer Tawar, menurut beliau Yang Berhormat Dato tidak ada hal untuk soal ini kerana SPT 1 dibuat semasa dia ada masalah EXCO dan di sini juga apabila dia mengatakan akan menjahanam kawasan dia Telok Ayer Tawar dan Bagan Ajam dengan *reclamation* di sini, saya nak tanya siapakah yang meluluskan *reclamation* 650 hektar di Bagan Ajam atau 1,600 ekar *in Bagan Ajam up to Telok Ayer Tawar* untuk siapa? Untuk satu Syarikat Western, masa dia, dia ingat boleh *swing*, tak boleh *swing*, apa yang kami buat pada hari ini, manusia boleh lindungi kedosaan mereka dengan banyak cara, tetapi tuhan yang maha kuasa akan bongkar rahsia melalui cara yang tidak disangka. Ahli Yang Berhormat daripada Berapit ada soal berkenaan dengan *suit site case*, memang *suit site case on the rise* Kerajaan Negeri telah bersama-sama dengan dan juga bersama dengan Dr. Lai daripada Hospital Pulau Pinang untuk menjalankan kursus-kursus, kursus-kursus bagi *consultation* pada orang-orang yang bermasalah

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi E&O kepada keterbukaan mereka dan memang saya setuju bahawa laporan EIA mereka terbuka berkenaan apa-apa risiko yang akan dihadapi projek SPT 2 itu, namun saya memang harap bahawa Kerajaan Negeri boleh menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk memantau kerja-kerja terutama sekali kita sudah ada pun peruntukan di mana pihak pemaju perlu menghantar laporan setiap enam (6) bulan, maka senang sebenarnya kalau kita nak menubuhkan jawatankuasa khas dengan pakar-pakar teknikal yang boleh meneliti laporan-laporan tersebut. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih ini memang satu cadangan yang baik dan boleh diterima. saya akan panjangkan kepada jawatankuasa di mana saya sebagai MMK untuk alam sekitar ada beberapa prasyarat yang saya akan kekal di sana khususnya *no seabed mining* kerana pada SPT 1 memang terlibat dengan *seabed mining* menghancurkan semua sumber di *Marin Resources*, ini kami telah syaratkan tidak boleh dan banyak lagi kalau saya nak cerita memang kena dua (2) hingga tiga (3) hari tidak habis kerana saya telah menghabiskan *three and half years* untuk *study the report* dan pi mai pi mai, *that's why came out* dengan *this AEI* ini.

Ahli Kawasan Sungai Aceh belum masuk lagi, tetapi Ahli Kawasan Sungai Aceh tak mai saya pun kena bagi satu laporan, laporannya macam ini, laporan yang terlibat adalah satu rumah terbakar hangus adalah alamat 1424 Jalan Sempadan Tok Mahat di Nibong Tebal pada 28 Oktober 2013, jam 1.00, dan di sana mangsanya adalah Ismail bin Khir, dia ada sekeluarga ada tujuh (7) orang, JKM telah bagi sebanyak RM500.00 bantuan segera dan juga bagi bantuan RM4,000.00 bantuan untuk beli barang peribadi dan juga di Pejabat-Pejabat Daerah melalui Tabung T.Y.T. telah bagi dia jumlah RM5,000.00 dan ini semua buat dalam SOP tidak lambat daripada 60 hari dan mengapa selalu ada 30 hari, ini kali 42 hari adalah kerana dokumen-dokumen yang mereka tidak serah, jika ADUN Kawasan ada bantu usaha serah dokumen-dokumen memang boleh dipercepatkan. Di sini rumahnya bukan dia punya. Dia sewa rumah. Dia sewa rumah. Tuan adalah Nubhan bin Yahaya dan Nubhan bin Yahaya juga diberi bantuan daripada T.Y.T. RM5,000.00 daripada JKM RM2,500.00 Di sini tidak langsung menerima apa-apa surat rayuan daripada ADUN kawasan.

Jikanya ADUN kawasan telah panjangkan bahawa Ismail bin Pin seorang penyewa rumah ini, kehendak satu (1) unit rumah, pihak Penghulu boleh tulis surat kepada perumahan dan akan diedarkan satu (1) unit sewaan dulu. Dan sewaan Kerajaan Negeri memang akan bertanggung tiga (3) bulan yang pertama dan ADUN kawasan hendak tanggung tiga (3) bulan. Enam (6) bulan semua percuma. Tetapi di kes ini, memang ADUN daripada Sungai Aceh langsung tidak hirau selain daripada hari pertama turun bagi sedikit peruntukan dan selepas itu tidak buat apa-apa.

Saya telah semak dengan pihak Pejabat Daerah langsung tidak berhubung dengan Pejabat Daerah. Oleh yang demikian, hari ini bila ada satu masalah dia boleh sebagai seorang ADUN tulis surat buat rayuan tetapi dia tak mahu. Dia tidak mahu. Dia tunggu sampai persidangan di Dewan untuk bangkit di sini. Dan apa-apa lain lagi yang tidak bertanggungjawab bila dia soalan saya nak jawab dia tidak ada dalam Dewan. Itu ADUN. Di sini juga saya yang daripada Ahli Kawasan Pulau Betong dia sudah masuk mari, saya akan menjawab soalan. Memang Ahli Yang Berhormat daripada Pulau Betong saya ucapkan ribuan terima kasih untuk menarik perhatian Kerajaan Negeri dalam Dewan ini berkenaan kemusnahan tukun, kapal karam dekat dengan Pulau Kendi Daerah Barat Daya. *You look at the wrong door but we had no wrong door policy.*

Memang ini adalah dalam kawalan siapa. Kawalan *Marine Prime*. Ini adalah di bawah Jabatan Laut Wilayah Utara, a *Federal Agency*. Mereka hendak membuat *patron wing*. Apakah yang mereka buat. *This is Federal Agency*. Dan di sini Ahli Yang Berhormat daripada Pulau Betong saya tidak faham, tidak faham niatnya, adakah dia hati baik atau untuk menarik perhatian saya dalam Dewan nak memperkecilkan saya. Saya lebih tumpu bahawa niat yang bagus bahawa nak menarik perhatian saya atas masalah ini supaya kami ambil tindakan. Di sini saya nak maklum bahawa kami pada awal-awalnya telah menulis nak minta Perikanan dan Perikanan telah berhubung dengan Jabatan Laut Wilayah dan mereka sedang menguruskan perkara ini. Kes ini dalam siasatan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhammad Farid Bin Haji Saad):

YB. Sungai Puyu, saya bertanya untuk mendapatkan penjelasan kerana dalam MMK Alam Sekitar atau MMK Pertanian ada jawatankuasa mereka di situ. Saya ingat Alam Sekitar ada jawatankuasa MMK Alam Sekitar, Jabatan Perikanan pun ada jawatankuasa MMK Pertanian dan sebagainya. So saya memerlukan jawapan. Bukan untuk merendah-rendahkan atau memperkecilkan tidak. Itu bukan niat saya. Saya memerlukan penjelasan kerana sebuah agensi ini ada dalam jawatankuasa MMK. Itu yang saya minta penjelasan. Itu saja. Mudah sahaja dan kalau tak tahu, minta laporan dan bagitahu saya. Saya dan masyarakat nelayan tahu bahawa perkara ini sedang diuruskan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat dan bagi memastikan yang tukun-tukun itu tidak akan dirosakkan dan diberhentikan serta-merta supaya ikan-ikan di situ dapat hidup dan membesar dan sebagainya.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ya, ribuan terima kasih. Iaitu tadi saya kata bahawa yang mana saya nak pilih saya pilih yang positif bukan yang negatif.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tak payah la cakap macam itu. Jawab terus kepada soalan sudah la. Tak payah cakap itu dan ini dan sebagainya.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih. Tadi saya percaya Ahli Yang Berhormat ada dengar saya bagi penjelasan berkenaan dengan kutipan 20 sen setiap beg plastik. *No free day*.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya dengar itu. Saya cepat-cepat masuk tapi saya tak dengar dengan sejelajelasnya. Mungkin kalau boleh ulang sekali lagi bagus. Saya nak dengar sekali lagi.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Kutipan kewangan ini semua disalur kepada akaun Bendahari Kerajaan Negeri. Dan apa satu (1) cerita dan satu (1) soalan adalah mengapa kewangan ini tidak digunakan untuk kesedaran alam sekitar. Dan saya sudah bagi penjelasan bahawanya

kesedaran alam sekitar telah dijalankan hingga dapat satu *acknowledgment* tarafan bahawa Pulau Pinang adalah *Center Of Excellent* oleh UNEP dan IETC dan kini, tadi tak nampak, saya tunjukkan sekali lagi. Ini adalah laporan khas di Korea. Mereka world bank telah turun padang turun mai Pulau Pinang dalam siasatan mereka, lawatan mereka dan selepas itu merakamkan apa yang Pulau Pinang buat khususnya MPPP dan MPSP. Dan di sini diakui bahawa Penang *leads in so far the environment programme in concern*.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Puyu saya telah menunjuk gambar tapi tak jumpa lagi gambar hari ini. Gambar yang telah diletakkan di sebuah farmasi mengatakan wang yang dikutip akan diserahkan kepada *Charitable Organization* atau pun *Environmental Group* macam tu. Tidak langsung mengatakan akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri. Itu soalan saya. Kenapa benda ini boleh berada di situ. Kenapa mereka kata akan diserahkan kepada orang lain. Bukan Kerajaan Negeri. Itu soalan saya. Adakah itu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Bolehkan panjangkan kepada saya yang mana kedai dan saya akan turun padang siasat.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Berhormat boleh pergi ke Island Plaza. Farmasi itu di bawah. Watson ke apa. Tapi di situ. *Ground floor*.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Yang Watson....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya ambil gambar itu. Tapi tak jumpa hari ni. Hari itu saya tunjuk dalam Dewan ini.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Memang macam ini. Selain daripada Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Satu lagi ada satu (1) tempat saya pergi tanya juga. Soalan yang sama juga. Ke mana duit 20 sen diserahkan. Ini kami ambil untuk beri kepada orang-orang susah. Itu sahaja. Itu bermakna orang di situ tak tahu apa tujuannya.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Memang di Negeri Pulau Pinang semua kutipan diserahkan kepada Kerajaan Negeri. Jikanya di mana kewangan ini diserahkan adalah untuk NGO atau apa itu dasar Kerajaan Pusat bukan Kerajaan Negeri, di mana Pulau Pinang telah jalankan dasar ada 7 hari, 724365. Tetapi Kerajaan Pusat saya tak dah kata kami tidak *copyright*. *Paste copy it right* dan mereka hari ini satu minggu satu kali dan kutipan kewangan ini tidak salur kepada kerajaan tetapi salurkan kepada NGO-NGO yang mana mereka suka hati dan Watson ini ada rangkaian *the chain of*. Kemungkinannya kerana Ibu pejabat ini dipakai, mereka terlupa-lupa meletakkan poster di sana. Saya tidak nafi bahawa ini tidak akan terjadi dan saya akan turun juga saya akan panjangkan satu surat kepada Watson minta bagi penjelasan kerana ini telah dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Saya akan siasat.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Puyu. Saya juga sekali lagi masih lagi berpendapat bahawasanya usaha-usaha patut diteruskan lagi. Diperbanyakkan lagi, diperhebatkan lagi supaya menggunakan peruntukan ini untuk *educate* masyarakat tentang alam sekitar. Itu permintaan saya. Perbanyakkan korum lagi kerana itu cukup penting untuk kelasterian masa hadapan Pulau Pinang ini.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

MPPP dan MPSP, pegawai-pegawai mereka setiap-tiap minggu dan *without fail* telah turun padang pada taman-taman *hidden city area* untuk *engagement* dengan RA, JMB atau MC. Dan mereka bagi kesedaran. Di sini memang MPPP, pegawai seperti Mubarak dan lain-lain mereka sentiasa dan bila-bila sesiapa memohon mereka akan turun. Apabila ada apa cadangan mereka akan turun. Di MPSP, di Sebarang Perai YDP sendiri turun. Setiausaha sendiri turun. Mereka tidak mohon apa-apa peruntukan. Mereka menggunakan hati, cinta dan bukan kerana ada peruntukan dia buat tak ada peruntukan tak buat. Mereka telah buat.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Ahli Kawasan Sungai Puyu saya minta kalau macam itu, untuk Daerah Balik Pulau tolong bagi tarikh bila mereka akan turun untuk tujuan begini sebab saya tak nampak benda ini berlaku di Balik Pulau. Itu sebab saya tanya. Kalau saya nampak itu, saya tak tanya. Tapi sebab saya tak nampak dan tak tahu tentang perkara ini berlaku. Itu yang saya tanya.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Boleh panjangkan satu surat daripada Yang Berhormat tapak masa dan saya bagi jaminan. Kemungkinan saya sendiri akan turun padang untuk bagi taklimat. Kemungkinan kalau masa yang sesuai, saya akan turun kerana dalam bidang *environment* saya selalu merayu ketepikan perbezaan politik. *We have responsible for the environment*. So bagi satu surat. Jangan tunggu lama-lama. Bagi satu surat kami buat.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tak perlulah tunggu surat daripada saya. Jadikan satu program. Tanpa surat daripada saya pun jadikan satu program MPPP, MPSP untuk turun ke bawah *educate* masyarakat tentang alam sekitar. Itu sahaja permintaan saya. Kenapa kena tunggu surat baru nak datang. Kalau ini dah kata hati suci nurani buatlah tak perlu tunggu surat. Arahkan mereka turun untuk *educate*. Itu sahaja yang saya minta.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Kerana daerah DBD begitu besar dan jika kami turun *You* tak ada nanti *You* tak nampak kami buat.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Itu yang saya kata, maklumkan kepada saya nak turun bila dan di mana supaya saya tahu. Itu sahaja.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Kalau Yang Berhormat nak tahu bagi masa kami pergi Yang Berhormat kena ada di sana jugalah.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tak perlu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Kalau tak perlu dia kata tak perlu tak sucilah.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Bukan tak perlu Yang Berhormat bersama-sama di situ. Program yang diadakan berterusan bukan hanya bila Yang Berhormat ada semua orang turun rama-ramai. Oh! YB. Phee Boon Poh datang. Berikan sokongan dia ramai-ramai.

Tak, bukan macam tu. Program ini dibuat secara menyeluruh kepada masyarakat. Tak payah tunggu saya datang. Tak payah tunggu Ahli Kawasan Sungai Puyu datang. Buat saja program itu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Itu bukan budaya kami.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kalau tak buat, tak payahlah, ajak saya pergi bersama dan Yang Berhormat turun bersama. Tak payah. Pegawai ada untuk menerangkannya.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Pegawai boleh turun, kerana saya takut *You* tak nampak. *You* tak percaya.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tak perlu takut Yang Berhormat. *Come on*. Kata kita meletakkan perbezaan politik untuk melestarikan alam yang utama, bukan politik.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Baiklah. Saya tak payah bagi laporan kepada anda sebagai Yang Berhormat. Tetapi pihak yang berkaitan akan turun padang. Okey, yang di sini yang lain-lain ADUN-ADUN memang ada soalan sedikit sebanyak di sana dan saya, siapa lagi minat tulis.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Penjelasan. Yang Berhormat. Tadi saya macam dengar Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Puyu jawab kepada Ahli Kawasan Jawi tentang Pusat Komuniti atau Pusat Warga Tua.

Tetapi soalan yang saya tanya di soalan bertulis dapat jawapan Kerajaan Negeri belum mempunyai rancangan untuk membina Pusat Komuniti Khas kepada warga tua di setiap kawasan Parlimen di Pulau Pinang la. So saya nak tahu adakan *different* untuk bina atau sedia ada bangunan buat Pusat Warga Tua.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Di ada dua (2), satu (1) aktiviti warga tua. Soalan yang tanya adalah *Old folks Home* betul tak?

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Community Centre, bukan *Old folks Home*. Macam orang tua pergi minum teh, main catur or tengok TV, macam itulah.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Baik. Ini boleh diberi pertimbangan kerana selepas projek perintis kami ada mencadangkan di setiap KADUN memang akan wujudkan satu (1) tapak komuniti untuk *exercise* dan lain-lain. Ini saya akan uruskan.

Ahli Kawasan Komtar (YB. Teh Lai Heng):

Terima kasih Sungai Puyu, so saya harap Tanjung akan dijadikan sebagai contoh pertama kerana Tanjung terdapat golongan warga tua yang banyak. Saya ingat paling banyak.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ya, memang Kawasan Tanjung dan Padang Kota di antara tiga (3) KADUN yang telah dipilih iaitu untuk DTL. DTL ada dua (2), SPU ada satu (1) untuk mewujudkan *Community Centre* di situ.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

YB. Sungai Puyu, minta laluan. Adakah ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang memang ada dasar sebegitu ke?, untuk setiap daerah, kita ada lima (5) daerah so, SPU, SPT, Timur laut dan Barat Daya so, kita akan tubuh Pusat Aktiviti Warga Emas. So, adakah tempat itu kita kena sendiri cari, *identify* ataupun kita boleh guna bangunan-bangunan yang sedia ada mahupun daripada orang panggil MPSP ataupun macam mana kita cari dan kita tubuhkan ataupun Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberi satu (1) peruntukan dan bina satu (1) yang baru.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ya, memang satu Jawatankuasa Khas telah ditubuh dan saya mempengerusi ini dan memang mula dengan setiap daerah selepas itu setiap ADUN, dan saya tidak minat mengatakan ini Pusat Aktiviti Orang Tua saya lebih Pusat Komuniti Centre, saya lebih minat meletakkan Komuniti Centre dan kalau mahu pada 8 Jun, saya jemput Ahli-Ahli Yang Berhormat yang minat turun padang di kawasan saya supaya tengok macam mana Komuniti Centre telah dibuat. YB. Dato' Speaker....(gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Timbalan Speaker, untuk *info* DUN Sungai Puyu di Berapit, di perkampungan Berapit ada satu (1) Pusat Komuniti untuk Warga Emas dan orang ramai tapi ia didirikan oleh penduduk sana dan sebagai wakil rakyat sana saya bagi peruntukan tetapi itu di perkampungan Berapit. *But*, di tempat-tempat *apartment* flat, di Pulau Pinang sampai hari ni pun tidak menjalankan apa yang dijalankan di Singapore. Di Singapore kalau tempat *resident* mereka ada komuniti-komuniti *centre* untuk kanak-kanak, wanita dan warga emas dan saya harap MMK Masyarakat Penyayang ini boleh bekerjasama dengan PWDC yang sedang ada ini *Gender Responsive Budget*, mereka menjalankan kerja ini dengan memberi nasihat dan boleh menggunakan kewangan Negeri Kerajaan Pulau Pinang untuk menyediakan lagi banyak pusat-pusat komuniti untuk penduduk-penduduk di *apartment* atau flat.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih, *maybe* PWDC memang ada peruntukan khas untuk ini projek, saya ucapkan ribuan terima kasih kerana Ahli Yang Berhormat juga ada pengerusi PWDC dan peruntukan ada di sana, bolehlah menggunakan peruntukan untuk tubuhkan aktiviti di sana. Okey Timbalan, bekas pengerusi, pengerusi pun ada di sini, baiklah bekas pengerusi dan pegerusi sama semasa ini dua-dua bincang dan gunakan peruntukan untuk wujudkan ini semua. Timbalan Dato' Speaker, dengan ini saya ucapkan ribuan terima kasih pada semua yang ambil bahagian dalam perbahasan dan persoalan, lagi ada apa.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Sebelum YB. Sungai Puyu menggulung.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya sudah gulung...(ketawa).

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Sebelum *you* mengakhiri ini ada satu soalan daripada saya boleh beri laluan? boleh ya?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Baiklah kerana *women gender* saya kena bagi sedikit, kalau tak ada tak bolehlah.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Ini juga sosial masyarakat pada hari inilah selain daripada menjaga kepentingan pemuda pemudi taraf hidupnya warga emas di Pulau Pinang juga kena diberi kepentingan, DUN yang lepas saya ada satu soalan lisan untuk menanya. "Adakah Kerajaan mempunyai sebarang perancangan untuk memberi bantuan insuran nyawa untuk warga emas selain daripada RM100.00 wang untuk warga emas." Tetapi *answer*, jawapan daripada CM belum ada, tetapi ini memang satu keperluan untuk warga emas kita yang semakin hari kos perubatan yang meningkat.

YB. Batu Uban memang beri perhatian yang berat, yang sepenuhnya, kepada orang-orang miskin mengenai kos-kos perubatan dan ini penting sebagai sebuah Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang prihatin, memberi satu (1) cara atau satu (1) bantuan yang mencukupi untuk menolong warga emas kita yang menghadapi masalah, yang besar sekali ialah Pengkalan Kota atau Padang Kota di Parlimen Tanjung sebab rakyat mereka memang sudah menjadi warga emas yang tinggi dan ini akan menjadi satu *trend* di Negeri Pulau Pinang sebab warga emas akan menjadi lebih ramai lagi *in this 10 years*. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Memang soalan Yang Berhormat telah dijawab, telah dijawab pada penggal yang lepas dan penggal ini juga kerana soalan yang sama telah ditanya pada penggal yang lepas dan penggal ini juga dan kalau buat semakan jawapan-jawapan pun sama juga.... (ketawa). Memang tetapi di sini juga apabila Ahli Yang Berhormat daripada Berapit mengatakan bahawa belia-belua, pemimpin-pemimpin harus memimpin melalui teladan yang baik, jikanya pemimpin-pemimpin membagi, ini nasihat yang salah, kami akan menjahanamkan belia, khasnya pemuda-pemuda jikanya pemuda-pemuda telah buat silap salah, kalau tegur mesti ditegur, jangan bagi lagi kerusi bagi dia berdiri lagi tinggi itu silap salah, jika mereka telah terlibat diri dalam apa-apa telah disiasat pihak Polis pemimpin-pemimpin janganlah pergi balai untuk pergi untuk minta jamin pada mereka. Saya percaya semua kaum, semua agama juga nasihat bahawa jika nak jadi pemimpin

yang bertanggungjawab supaya masyarakat aman dan sejahtera, jangan buat begitu kerana apa terjadi pada kelmarin petang kalau di dalam Dewan sini kami terdengar bahawa tuduhan kata pihak Polis tak jalan kerja, Polis macam ini, tetapi bila Polis sudah buat, lagi satu pihak pergi balai untuk minta jamin kepada mereka, ini tidak betul, *sending wrong message to the* pemuda-pemuda, keadaan masa, selalu saya dah biasa kata di sini sembahyanglah sebelum disembahyangkan, saya dah kata masing-masing kubur, masing-masing jawab, jangan rosak masyarakat kerana atas kepentingan diri sendiri, dengan ini Timbalan Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya, Batu lancang.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, saya selaku EXCO Pelancongan ingin mengambil bahagian penggulungan perbahasan dalam ucapan T.Y.T. Yang Berhormat Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah pimpinan pakatan rakyat sememangnya telah mencatat kejayaan dan mendapat anugerah-anugerah dari Organisasi Antarabangsa sebagai contohnya kita yang pertama dapat kedudukan yang kelapan sebagai bandar paling sesuai didiami di asia oleh *ECA International* pada tahun 2012. Yang kedua awal tahun ini Pulau Pinang sebagai salah satu daripada 10 destinasi pelancongan yang mesti lawati pada oleh majalah *Guardian* dari United Kingdom, Yang ketiga selain daripada itu, Murals di George Town juga telah dipilih sebagai salah satu mural terbaik di dunia dalam *World Top Ten Best Street Art* oleh majalah *Guardian* sekali lagi, Yang keempat Pulau Pinang juga dipilih sebagai destinasi makanan yang terbaik, yang pertama di dunia oleh majalah *Lonely Planet* pada awal tahun ini.

Berdasar dengan itulah kita banyak dapat anugerah-anugerah antarabangsa berdasarkan perangkaan yang dikumpul *Malaysia Air Port Bhd.* dari Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang Negeri telah menerima ketibaan penumpang-penumpang sebanyak 4.7 juta orang pada tahun 2012, tapi pada tahun 2013 angka ini telah meningkat ke 5.5 juta orang. Tambahan pula lagi dalam suku tahun pertama 2014, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang telah menerima sebanyak 305,804 lebih, ketibaan pelancong antarabangsa berbanding dengan 278,661 orang dalam suku tahun pertama 2013. Dengan peningkatan sebanyak 9.7%.

Oleh kerana itu, industri perhotelan sedang menerima peningkatan yang kukuh dan amat menggalakkan pada musim-musim cuti sekolah dan musim perayaan. Para pelancong sering mengalami kesukaran untuk mendapat bilik hotel kerana hotel-hotel di Pulau Pinang sentiasa penuh pada masa tersebut. Untuk makluman Dewan yang mulia ini pada bulan April tahun ini yang dulu dikira sebagai *low season*(dengan izin) bulan April tetapi hotel-hotel di George Town penuh dengan pelancong hampir 100% selama empat (4) minggu berturut-turut. Tambahan pula pada awal bulan Mei sebuah kumpulan insensif seramai 4,000 peserta dari negara India serta beberapa negara lain termasuk United Kingdom, Eropah dan sebagainya telah mengadakan *Convention Espy* ini juga menyebabkan hotel semua penuh dengan pelancong.

YB. Timbalan Dato' Speaker, untuk menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh YB. Pengkalan Kota dan YB. KOMTAR, Kerajaan Negeri akan mula mengutip fi Kerajaan Tempatan mulai Jun 2014. Fi ini akan dikenakan kepada penginap-penginap hotel dengan kadar RM3.00 satu bilik semalam, *per room, per night, ...*(dengan izin) bagi hotel empat (4), lima (5) bagi hotel tiga (3) bintang ke bawah termasuk hotel bajet kadar fi ialah RM2.00 untuk sebilik semalam *per room, per night*. Pihak MPPP dan MPSP akan mengeluarkan notis kepada pemilik hotel untuk menyerah penyata yang dicaj yang diperolehi bagi tempoh dua (2) bulan.

Untuk maklumat Dewan ini mengikut bancian yang dibuat oleh PBT baru-baru ini kita mempunyai 168 buah hotel dengan 12,003 buah bilik keseluruhan di Pulau Pinang. Kita akan mendapat sebanyak 3,000 bilik yang baru dalam satu (1) atau dua (2) tahun ini. Seperti Hotel St. John, The Rich Miller, G Hotel Kelawai dan juga Luxury Hotel yang mengandungi 300 bilik di Lebuhraya Faquhar dan sebagainya. So, memang dalam satu (1), dua (2) tahun akan tambah 3,000 bilik lagi. Kita juga mempunyai 130 buah hotel yang tidak berlesen di kawasan Pulau dan 20 buah hotel lagi di Seberang Perai. Jadi pengusaha-pengusaha hotel termasuk hotel-hotel yang tidak berlesen wajib mengutip fi Kerajaan Tempatan tersebut dari pelanggan-pelanggan hotel.

Selepas mengutip fi tersebut, wang tersebut perlu dibayar kepada kedua-dua Akaun Khas PBT iaitu Fi Kerajaan Tempatan melalui wang tunai atau bayaran atas talian setiap dua (2) bulan. Iaitu bayaran atas talian atau *online payment...*(dengan izin). Fi Kerajaan Tempatan yang dikutip oleh kedua-dua PBT ini akan disalurkan kepada Jabatan Kewangan Negeri. Tujuan mengutip fi ini adalah untuk mempromosikan rancangan-rancangan pelancongan di negeri ini khasnya untuk menarik kumpulan-kumpulan MICE iaitu *Meeting Intensive Convention and Exhibition ...*(dengan izin) untuk datang ke Pulau Pinang. Kita juga bercadang untuk menubuhkan satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dan ahli-ahli yang terdiri daripada pengusaha-pengusaha hotel untuk membincangkan dengan teliti bagaimana untuk menggunakan fi Kerajaan Tempatan tersebut. Hotel-hotel yang tidak berlesen kedua-dua PBT termasuk akan kedua-dua PBT akan mencari jalan untuk membantu mereka untuk mendapatkan lesen termasuk MPPP baru-baru ini dalam 21hb April telah mengadakan satu taklimat dan untuk memberi maklumat-maklumat kepada pengusaha hotel-hotel yang tidak berlesen bagaimana mendapat lesen dan sambutan tersebut amat menggalakkan dan mendapat lebih dari 100 orang pengusaha hadir dalam taklimat tersebut.

YB. Timbalan Speaker, di sini saya juga ingin mengupas sedikit tentang sektor pelancongan perubatan yang merupakan satu industri maju dan menyumbang kepada sektor pelancongan di Pulau Pinang dan Malaysia. Menurut Penang Help Association... (dengan izin), PHA jumlah pendapatan sektor pelancongan perubatan pada tahun 2013 adalah RM371 juta dengan peningkatan sebanyak 18% daripada tahun 2012 iaitu RM314 juta sahaja. Jumlah pendapatan sektor perubatan di Pulau Pinang menyumbang sebanyak 60% kepada jumlah keseluruhan Negara Malaysia dalam sektor perubatan merupakan kesihatan. Sektor Perubatan Kesihatan banyak membawa pesakit-pesakit dari Indonesia khasnya Medan, Aceh, Jakarta, dan Surabaya, Bandung dan sebagainya. Kesan daripada pelancongan perubatan ini menghasilkan *spin over...* (dengan izin), lebih-lebih lagi gedung beli belah dan restoran-restoran makanan dan juga tempat pelancongan.

YB. Timbalan Speaker, oleh kerana keunikan warisan dan kebudayaan yang sedia ada di negeri kita, Pulau Pinang sering menjadi lokasi bagi penganjuran program dan filem bertaraf antarabangsa. Pada bulan Disember 2012, sebuah filem daripada China iaitu *One Night Surprise* telah difilemkan di Pulau Pinang dan filem ini dibintangi oleh pelakon wanita yang terkenal di Negara China iaitu Pang Chin Pei, sebuah drama siri bertajuk *Out Bounders* daripada Hong Kong oleh Kiwi Bee yang pertama kali membuat filem di Pulau Pinang telah ditayangkan drama ini dalam awal tahun ini dan telah mendapat sambutan yang hangat. Agen-agen di Hong Kong sudah membuat pakej untuk membawa pelancong dari Hong Kong, China dan Taiwan untuk datang ke Pulau Pinang untuk melawat tempat-tempat penggambaran drama ini termasuklah mural-mural di George Town, bangunan bersejarah dan sebagainya dan ini juga membantu pesawat Hong Kong Express yang baru telah terbang dari mulai tahun lepas November hingga sekarang dan sekarang tiap-tiap bulan mereka akan dapat penumpang yang banyak dari Hong Kong ke Pulau Pinang.

Selain daripada itu sebuah filem romantik yang bertajuk *My Mr. Right* yang bekerjasama dengan produksi dari China dan Malaysia yang difilemkan di Pulau Pinang ini juga lebih lagi tempat warisan filem ini akan ditayangkan pada bulan akhir tahun ini. Baru-baru ini juga sebuah filem Camel yang berjudul *arrogant* yang dibintangi oleh pelakon popular iaitu Danush, saya tak kenallah, tapi ini popular di dalam negara india juga telah difilemkan di Pulau Pinang pada bulan Mac yang lalu, kami pada filem ditayangkan ia dapat membawa lebih banyak pelancong dari Negara India, pada bulan depan pula sebuah filem tempatan berjudul *the great happiness* akan mula difilemkan di sini iaitu ini untuk metro vision di Singapura *last* sekali.

Akhir sekali ini filem pelaporan terbesar di Pulau Pinang yang membelanjakan lebih RM150 juta untuk memfilemkan drama *Indian Summer* di George Town dan juga di Bukit Bendera, saya rasa ini Y.A.B. Ketua Menteri telah buat *press conference* YB. Timbalan Speaker, pembangunan pelancongan di luar bandar dan Seberang Perai akan menjadi salah satu tumpuan yang baru. Pejabat saya telah menganjurkan satu forum berkenaan program *homestay* April tahun ini di Kepala Batas di mana lebih dari 100 orang mengambil bahagian di dalam forum tersebut. Program *homestay* di Pulau Pinang mempunyai potensi yang besar di mana menerima sambutan yang baik dan popular di kalangan pelancong dari Korea dan Jepun, terdapat sepuluh (10) kampung *homestay* di Negeri Pulau Pinang antaranya ialah Jalan Baru, Balik Pulau, Pulau Betong dan Telok Bahang sementara terdapat tujuh (7) *homestay* di Seberang Perai iaitu Mengkuang Titi, Kota Alor, Sungai Sembilang, Pulau Aman, Sungai Star, Sungai Duri dan Sungai Chenan. Program *homestay* bukan sahaja membenarkan peserta-peserta menikmati kehidupan di kampung malah tuan rumah *homestay* akan menyediakan pelbagai aktiviti tradisional malaysia untuk tetamu-tetamu khas mereka. Aktiviti dalam program *homestay* merangkumi aktiviti khas tempatan dan permainan tradisional, makanan tradisional serta lawatan ke kebun dan ladang tempatan sebagai contoh main wau, menaiki basikal di kebun-kebun, menoreh getah, menangkap ikan, bermain congkak, menikmati ketupat dan lain-lain makanan dan melawat kebun-kebun dan taman herba, ladang ikan dan sebagainya. Kerajaan Negeri juga bercadang untuk mencetak risalah *homestay* yang menyenaraikan semua pengusaha *homestay* di Pulau Pinang dan aktiviti menarik di *homestay*. Risalah ini akan diedarkan kepada agen-agen pelancongan dan dipromosikan di pameran pelancongan antarabangsa dengan itu...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Nanti, nanti belum habis homestay lagi sabar, sabar, tahun bilakah *homestay* Pulau Pinang dimulakan? Salan saya yang pertama itu dulu, tahun bilakah *homestay* Pulau Pinang dimulakan?

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Sejak saya ada di sini program *homestay* dimulakan?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya tanya tahun bilakah Yang Berhormat tahu tak tahun bila?

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Saya tak tahu, saya tak tahu sejak bila tapi untuk saya tahu sekurang-kurangnya 10 tahun lebih kurang 15 tahun program *homestay* sudah ada di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Padang Lalang tahu bila?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Puan Chong Eng):

Semenjak saya di Parlimen yang YB. Azalina menjadi Menteri *tourism* dia *promote* ini *homestay*...(gangguan)..

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya tanya bila dimulakan?

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Lebih kurang 15 tahunlah...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Sejak Azalina *homestay* telah pun ada di Pulau Pinang masa dia menteri pelancongan telah pun ada di Pulau Pinang ya tahun 2005 ke atas bukan 15 tahun, saya nak kata bahawasanya YB. Batu Lancang tak tahu apa yang sebenarnya berlaku di *homestay*. Angka 200 biji itu dulu 2007, 2008 sampai tak pernah berubah bermakna YB. Batu Lancang jadi EXCO pelancongan tidak pernah ada usaha untuk menambah *homestay* di Pulau Pinang ini. Asyik mengulangi benda yang sama Yang Berhormat bajet tadi adalah aktiviti-aktiviti yang biasa macam masuk kampung dan sebagainya tetapi apa yang dibuat oleh YB. Batu Lancang untuk membantu *homestay* ini, disebut jalan baru saya tahu tak bahawa *homestay* lemah sekarang ini tidak berfungsi kerana tidak ada promosi kalau nak harapkan YB. Batu Lancang tidak ada itu semua.

Sepatutnya Yang Berhormat kalau nak bangga sangat dengan *homestay* Pulau Pinang ini minta turun ke bawah pergi melawat semua *homestay* dan tanya keadaan mereka bukan sekadar baca ini tiap-tiap tahun benda yang sama, Yang Berhormat baca, cuba cari peruntukan program untuk majlis *homestay* yang ada di Pulau Pinang ini kalau dulu 10 kenapa tak tambah jadi 12, 13, 14. Apakah *homestay* ada tertumpu kepada 10 sahaja kenapa tak dikembangkan lagi kepada semua daerah, semua kawasan. Saya nak tanya YB. Batu Lancang berkata tidak ada *homestay* dari Penanti dia kata *homestay* orang Cina tak ada orang India ada.

Saya ingat lagi tahun 2005 saya menghantar kepada semua daerah untuk memanggil semua JKKK pada masa itu semua orang ada *homestay* Cina yang nak masuk, tetapi bagi mereka kebudayaan mereka, rumah mereka tidak sesuai untuk buat *homestay* sebab itu mereka tak buat *homestay* hanya orang Melayu saja dan beberapa orang India yang ambil bahagian. Hari ini India tak ada hanya Melayu sahaja telah pun dibuat. Apa yang saya Yang Berhormat tolong kalau nak bangga *homestay* di Pulau Pinang ini terutama *homestay* di kampung turun ke bawah dan tanya mereka dan bantu, nak buat *brochure* ini cerita lama dah berulang-ulang Yang Berhormat duk kata *brochure* ini lama dah, masih dikata akan buat, tapi tak buat pun. Ini yang saya kata jangan suka bercakap sahaja tetapi tak bantu ini yang saya tahu sebab *homestay* memang rapat dengan jiwa saya, saya tubuh *homestay* di Pulau Pinang ini saya minta YB. Batu Lancang tolong ambil perhatian Kerajaan Negeri bantu *homestay* ini perkasakan nereka, bantu mereka sebagainya dan tambah lagi *homestay* di seluruh JKKK yang ada di Pulau Pinang ini.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

YB. Pulau Betong kenapa tak faham, tahu mengapa dia gagal, *homestay* sebenarnya adalah diuruskan oleh Tourism Malaysia bukan untuk Negeri dan semua yang gagal sebab satu (1) lagi *Opel* yang uruskan ini telah hilang persatuan ini... (gangguan), so jangan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Betul. Asalnya YB. Batu Lancang...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Saya minta ini bukan membanggakan *homestay* di Pulau Pinang, ini salah satu, saya akan bantu dan memang saya telah peruntukkan...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Daripada penggal pertama sesi pertama, saya tanya soalan yang sama dan jawapan yang sama...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Homestay memang yang sama kerana tidak boleh lari dari mana-mana kerana acara-acara...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Bukan. Tidak ada usaha bersungguh-sungguh...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang):

Antara aktiviti-aktiviti.....(gangguan)

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tidak ada usaha bersungguh-sungguh daripada Yang Berhormat ...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang):

Aktiviti semua sama, yang nak tanam...(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang:

Sorang-sorang cakap.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Batu Lintang lesen dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan saya faham itu, lesen *homestay* dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan.....(gangguan), bukan, tetapi usaha mesti ada Kerajaan Negeri untuk memastikan kampung-kampung ini dibuka....(gangguan),

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang):

Oleh Opel.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Opel sudah tidak berfungsi lagi, kenapa nak salahkan orang di mana Kerajaan Negeri, kenapa nak salahkan orang.....(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang):

Sudah tidak(gangguan), jadi *homestay* tidak berfungsi.....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

No, no Yang Berhormat kena faham.

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang):

Walau bagaimanapun kita cuba buat untuk membantu....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Duduk, duduk, itu koperasi tapi Yang Berhormat EXCO Kerajaan Negeri Pelancongan...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Ya.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kenapa nak salahkan orang. Kenapa Yang Berhormat tak berusaha.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Kalau *homestay* gagal tanggungjawab pun ada *tourism* pun bertanggungjawab...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Betul. Saya bercakap dalam Dewan ini...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

YB. Pulau Betong pun salah satu...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya cakap dalam Dewan ini kerana Yang Berhormat sebagai EXCO Pelancongan, gunalah tanggungjawab itu, tapi yang saya kata, tak cukup...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Saya tahu, sebab itu saya buat taklimat di dalam bulan April ini supaya kita cari jalan untuk membantu mereka.....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Padang Lalang, sudah mula betul, sudah berapa lama jadi EXCO Pelancongan?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Puan Chong Eng):

Satu term saja, lima tahun (5) saja.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Lima (5) tahun saja. Enam (6) tahun sudah...(gangguan), kenapa tak boleh buat, kenapa nak tunggu 10 tahun, 20 tahun baru nak buat...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Puan Chong Eng):

Yang Berhormat berapa *term* UMNO atau pun Barisan Nasional...(gangguan), berapa *term* menjadi kerajaan...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Jangan menoleh ke belakang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Puan Chong Eng):

Tourism memang.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya bercakap tentang ini kerajaan CAT Pulau Pinang ini.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Puan Chong Eng):

Tourism adalah bidang kuasa Kerajaan Pusat juga...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Berhormat inilah sikap DAP

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Puan Chong Eng):

Bagilah *chance*.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad)

Daripada dulu harus menunding jari salah orang, salah orang, salah orang. Salah sendiri tak mahu nampak, tak bolehlah macam itu. Saya bercakap tentang Portfolio Perlancongan di Negeri Pulau Pinang bukan di Malaysia.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Puan Chong Eng):

Saya hendak *defend* perlancongan Pulau Pinang sudah ada kejayaan yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Pulau Betong sila duduk. Sila YB. Batu Lancang buat pergulungan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kalau hendak *defend*.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Pulau Betong sila duduk. Sila YB. Batu Lancang buat pergulungan.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

YB. Pulau Betong, sebelum itu, pada hakikatnya homestay ini ada diberi lesen oleh Kementerian Pelancongan, so jadi tanggungjawab ada terbesar ada tanggung pada *tourism* Malaysia dan kita sebagai Negeri cuba bantu sedaya upaya kita boleh, tapi yang semuanya macam agen Opel semua ini mendapat peruntukan dari Kementerian tetapi mereka tidak berfungsi.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tak betul.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Nanti-nanti minta laluan atau minta penjelasan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Batu Lancang, tak betul.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Kita cuma untuk membantu mereka, kita tahu semua ini....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Berhormat Padang Lalang.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Dan aktiviti....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tak betul.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Kalau kata nak aktiviti....(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Batu Lancang.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Homestay cari barulah memang tak ada memang tradisi kita mesti perkenalkan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tak apalah YB. Batu Lancang, saya tahu YB. Batu Lancang memang kurang tentang *homestay*, tak apa saya terima yang itu.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Saya mengakui saya kurang dalam *homestay* kerana ini kita bergantung kepada *tourism* Malaysia.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya minta di bawah pemerintahan Kerajaan Negeri tolong minta kepada JKK yang ada hari ini kembangkan lagi *homestay-homestay* supaya ianya membawa pembangunan pelancongan kepada kampung-kampung di luar bandar selain daripada hanya menunggu perhatian kepada George Town sahaja.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Saya cuba untuk selain daripada untuk mempromosi George Town kita sekarang kata di sini ini adalah aktiviti yang baru.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Silakan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua, terima kasih YB. Batu Lancang kerana memberi laluan kepada saya untuk mengemukakan soalan. Saya masih ingat pada 2 Julai 2013 dalam ucapan Tuan Yang Terutama T.Y.T. beliau ada menyebut bahawa selain George Town, kawasan Seberang Perai juga mempunyai pelbagai potensi untuk menjadi tumpuan pelancongan, setuju ya. Tarikan semula jadi di Seberang Perai seperti Pulau Aman, klip-klip, Kampung Sanglang, klip-klip, kawan saya di belakang ini Seberang Perai Selatan dan Kuala Muda juga disebut sebagai tempat-tempat yang baru yang perlu dibangunkan sebagai destinasi pelancongan dan apabila dia menyebut tentang Kota Aur tadi oleh Yang Berhormat dalam perbahasan tadi, saya tertarik kerana ia berada di dalam kawasan DUN Penaga. Oleh itu saya ingin bertanya berapa peruntukan yang telah diberi oleh Kerajaan Negeri kepada *homestay* Kota Aur dan berapa ramai pelancong yang telah menyewa *homestay* tersebut sekiranya boleh saya minta diberi jawapan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Saya tidak ada angka-angka ini tetapi kita cuba untuk bekerjasama dengan agensi pelancongan supaya bukan sahaja bawa pelancong ke tempat warisan di George Town sahaja tetapi sekarang kita menggalakkan mereka untuk ke Seberang Perai khususnya juga ada pemandangan-pemandangan seperti *firefly* dan Pulau Aman dan *homestay* salah satu saya sudah sebut ini boleh menarik pelancong Jepun dan Korea itu sudah saya sebut dan ini baru sahaja kita akan sekarang Pulau sudah penuh so kita akan dasar baru kita tumpu di Seberang Perai dan juga saya ada satu forum pelancongan untuk Seberang Perai bulan Mac tahun ini juga, kita juga bekerjasama dengan MPSP dan baru-baru tahun lepas kita sudah ada cetak risalah semua tempat peranginan di Seberang Perai dan sekarang kita akan memperbaiki lagi risalah yang kedua dalam pertengahan tahun ini so kita cuba untuk mempromosikan semua tempat dan bukan semua tempat boleh menarik pelancong asing kita tahu, kita bukan susah bukan senangnya nak kata pelancong asing boleh pergi sini, kalau tak ada tempat yang minat mereka pun tak mahu pi.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Saya setuju dengan pandangan dengan YB. Batu Lancang, memang terima kasihlah pandangan begitu itu sebab saya selalu bertanya bilakah Kerajaan Negeri ingin mengambil langkah-langkah untuk memajukan Kuala Muda kawasan saya sebagai destinasi pelancongan, sebab saya pun setahun di sini dalam ucapan T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri pada selepas PRU ke-13 ini disebut dan saya ternanti-nanti dan rakyat di Kuala Muda pun ternanti-nanti dan saya harap dalam masa terdekat kita nampak boleh nampak sesuatu yang berlaku di kawasan saya juga.

Selain daripada itu saya harap peruntukan untuk *homestay* perlu diberi di kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi, termasuklah di kawasan Jawi, jadi kita saya rasa memang pada tahun sudah kita bahas agak panjang mengenai pelancongan dan itulah sebab saya amat berminat sekali untuk melihat sesuatu berlaku jadi saya harap dalam penggal yang akan datang kita dapat sesuatu yang kita nanti-nantikan. Sekian terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Untuk YB. Penaga saya ingat lagi penggal yang lalu Yang Berhormat tanya apa aktiviti yang dibuat dan saya kata ada risalah MPSP dan saya pun serah kepada Yang Berhormatkan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Betul sehingga hari ini saya belum nampak lagi. Saya pernah cakap tanya soalan itu. Dan saya tahu ada soalan saya kepada Kerajaan Negeri mengenai apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri, hanya yang disebutkan bahawa MPSP telah mencetak apa kita panggil risalah dan risalah itu pun saya kurang pasti sama ada diedarkan kepada ramai, jadi langkah-langkah yang seterusnya saya harap kalaulah kita hanya menumpukan kepada pelancongan di George Town sahaja, maka berlaku ketidakadilan sebab di sini memanglah orang kata sudah *establish*, jadi kita cuba bawa

pelancongan keluar daripada George Town dan seperti semalam yang dibahaskan oleh Penanti di mana beliau ada menyebut tentang kemungkinan akan berlaku perobohan dari segi ekonomi jadi beliau pun mencadangkan supaya perhatian diberi orang kata untuk pelancongan di luar daripada George Town. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Memang kita faham kalau kita ingat lima (5) tahun dahulu George Town atau di Pulau bukan dapat banyak pelancong pun tetapi pada akhir dua (2), tiga (3) tahun ini memang sudah ramai datang ke Pulau dan sudah sampai masa kita boleh memperkenalkan tempat-tempat peranginan di Seberang Perai termasuk risalah saya memang sudah letak di semua meja Yang Berhormat tapi saya kenapa tak terima Yang Berhormat Penaga pun saya cuba pergi tanya Yang Berhormat lain dan lagi satu kita akan serta risalah yang kedua dalam pertengahan tahun ini. So jadi memang kita tahu selepas ada jambatan yang kedua senang untuk pelancong pergi ke Seberang Perai dulu mereka takut kerana apabila pergi ke Seberang Perai mereka takut kalau ada apa-apa kemalangan di jambatan mereka tidak boleh balik dan jarang mahu pergi melawat di tempat peranginan di Seberang Perai sekarang sudah ada jambatan kedua sudah cukup kita perkenalkan banyak-banyak lagi dan kita Kerajaan Negeri juga ada banyak projek-projek besar di Seberang Perai seperti di *Central* Penang, Penang *Central* yang di Bagan dan juga tempat Univesiti Hospital juga akan dibina di Batu Kawan semua dan sebagainya dan memang ada banyak projek lagi dan saya jangka kita pelancongan ini bukan kata dalam dua tiga bulan *you* boleh nampak hasilnya tidak dia kena tahun bertahun bukan *you* datang dan semua orang akan datang tidak macam ini kita dengan buat promosi dengan pelan-pelan baru boleh.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Timbalan Yang di-Pertua saya minta izin untuk berkongsi pendapat dengan Batu Lancang. Seperti yang saya katakan tadi saya kurang puas hati mengenai tindakan yang telah diambil oleh MPSP hanya melalui cetakan *brochure* sebab bagi saya kalau kita betul-betul serius, saya nak bagi cadangan, kalau kita betul-betul serius, saya nak cakapkan pasal Kuala Muda, kalau kita betul-betul serius nak memajukan pelancongan di kawasan Kuala Muda, Kerajaan Negeri saya rasa boleh bantu dari segi mengadakan *billboard* di persimpangan jalan nak masuk ke Kuala Muda sekurang-kurangnya pelancong domestik yang lalu-lalang menggunakan jalan ke Sungai Petani itu sekurang-kurangnya tahu apa yang ada di Kuala Muda....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Tak ada pun.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Pasar bisik, pasar bisik saya rasa ramai orang tak tahu pasar bisik itu sebenarnya itu adalah satu.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Jemputlah kita pergi sana.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Boleh saya jemput, saya mempelawakan semua ikut saya kita pergi pasar bisik dan saya boleh menjamu makanan yang sedap di kawasan itu. Bagi sikit lagi, saya.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Pasar bisik ini, saya hairan kerana Padang Lalang dah lama di sini tak tahu pasal pasar bisik di Kuala Muda, tak tahu kat mana? Di Kuala Muda lah.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Itulah orang nak bagi jadi Ketua Menteri perempuan tak mahu.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Terima kasih. Selain daripada itu bagi saya salah satu cara yang saya katakan tadi *billboard* itu saya rasa itu akan berkesan, bukan sahaja di kawasan saya di kawasan kawan-kawan saya ini semua. Saya cakap pasal pelancongan saya berdasarkan ucapan T.Y.T. yang lepas. Berdasarkan ucapan T.Y.T. pada tahun lalu jadi saya rasa permintaan saya ini bukan hanya untuk Kuala Muda tetapi untuk rakan-rakan saya yang juga memperjuangkan pelancongan di kawasan masing-masing, termasuklah Telok Bahang, jadi *billboard* itu penting di *billboard* itu kita boleh mengatakan macam-macam pelbagai-bagai, macam dengan satu promosi.

Yang kedua saya nak sebutkan mengenai Penaga saya difahamkan saya tak pasti, ini saya difahamkan Bandar Raya George Town sebelum itu sebelum kedatangan Francis Light nama yang dipanggil ialah Tanjung Penaga sama ada saya YB. Batu Lancang boleh *confirm* atau tidak, saya tak pasti tapi ini yang saya dimaklumkan disebut-sebut oleh Tanjung Penaga, Bandar Raya George Town itu sebab bagi saya kalau kita nak majukan George Town, kita jangan lupalah Penaga jadi dia ada kaitan dan Bandar Raya George Town telah diisytiharkan oleh UNESCO sebagai Tapak Warisan Dunia melebihi lima (5) tahun yang lalu. Secara komersionalnya apabila berlaku sesuatu perubahan yang positif di ibu negeri seharusnya turut memberi impak kepada daerah atau kawasan yang berada dalam Negeri. Itu sebab saya setuju sekali dengan ucapan T.Y.T. pada tahun yang lalu Kerajaan Negeri seharusnya melihat luar daripada George Town.

Satu lagi saya nak sebut di sini tentang selain daripada *Counter Hall* Yang Berhormat hanya tahu bahawa ada di situ *homestay*, saya nak bagi tahu kepada EXCO Pelancongan tentang Penaga...(gangguan), sikit saja lagi. Jadi Kota Aur dikisahkan dalam salasilah Negeri Kedah dan di ceritakan masyarakat dahulu sebagai tapak bagi Kerajaan Kedah Langkasuka dan Gua Kepah diterima oleh pengkaji sejarah sebagai antara penempatan awal manusia purba berusia 5,000 tahun yang lalu dan ini saya rasa telah pun di buat pengkajian oleh professor Madya, jadi saya haraplah sekurang-kurangnya Guar Kepah ini pun diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri. Jadi saya harap, saya belum nampak lagi, ini yang saya tanya ini.

Jadi saya harap mungkin apa itu Seberang Perai *main* yang kononnya rangka-rangkanya dijumpai di Guar Kepah tu kalau boleh dibawa balik ke kawasan kita di Pulau Pinang dan dijadikan satu muzium di Guar Kepah untuk menarik pelancongan, sebab tadi Batu Lancang ada menyebut kita kena ada produk-produk pelancongan, barulah kita boleh menarik pelancong-pelancong asing datang, untuk menarik itulah cadangan-cadangan saya supaya kita bersama-sama berusaha untuk merealisasikan impian kita, sekian terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Batu Lancang buat penggulangan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

YB. Timbalan Speaker sikit saja, kawasan kita kawasan selatan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Batu Lancang.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Semua sama.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Sikit saja, terima kasih. Sebagaimana yang ucapan Tuan Yang Terutama Tun ada menyebut 36 lokasi telah dikenal pasti mampu di ketengahkan sebagai agensi pelancongan maksudnya ini di kawasan Seberang. Jadi saya cuma nak dapat penjelasan adakah kawasan-kawasan yang saya sebut ini termasuk dalam lokasi yang dimaksudkan. Yang pertama Nibong Tebal Sungai Kerian kawasan kawan baik saya, kemudian Sungai Duri kawasan YB. Timbalan Speaker, kemudian Taman Negeri Bukit Panchor, bagus, Sungai Setar, Sungai Chenaam, tak ada Sungai Setar, Sungai Chenaam ADUN Sungai Aceh. Timbalan Speaker saya nak bagi mashyur supaya pengerusi pelancongan tahu, yang pertama yang di Sungai Kerian kalau boleh dapatkan peruntukan untuk naik taraf dan mengindahkan kawasan Sungai Kerian, sekarang ini Sungai Kerian dilalui oleh pelancong-pelancong untuk melihat....(gangguan)....(ketawa), apa jawi.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Kelip-kelip.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Kelip-kelip, nampak disokong oleh Jawi, bukan senang Jawi nak sokong saya... (ketawa). Buaya pun ada, bila buaya banyak bererti udang galah banyak, memang di Sungai Kerian itu cukup banyak udang galah, lebih-lebih lagi di kawasan taman saya duduk Taman Ilmu berhampiran dengan USM, tiap-tiap malam pagi, petang, bila mai

musim udang galah cukup ramai dan udang galah pun banyak. Jadi saya minta perhatian, begini Yang Berhormat Timbalan Speaker, Yang Berhormat Timbalan Speaker pun tahu kita kena bantu peminat-peminat pemancing-pemancing udang galah ini sebab depa dok memancing udang galah di atas jambatan, jambatan diangguk oleh Timbalan Speaker, di atas darat, dak ini tak naik perahu, itulah, kena melawat, makna tak tahu lagilah, jadi dicadangkan cari satu kemudahan itu supaya mereka itu selamat memancing di situ, kita indahkan buat landskap dan sebagainya sesuai dengan kawasan pelancongan sebab udang galah ini pemancing-pemancing bukan setakat dalam tempatan ada di KL pun ada balik mai, dari Ipoh datang untuk memancing kerana minat mereka.

Yang kedua di Sungai Setar dengan Sungai Chenaam termasuk Sungai Duri kawasan *homestay*, betul Timbalan? *Homestay* yang ramai dah orang luar negara dok mai, bukan takat domestik, baru ini pun ada keluar surat Khabar daripada Australia ada New Zealand pun ada, macam-macam Negara datang menginap *homestay* ditiga-tiga tempat ini. Jadi saya tak nampak lagi Kerajaan Negeri membantu dalam apa bentuk sekali pun. Sekarang ini sebagai contoh di Sungai Setar untuk nak tempah nak menginap pun kena melalui internet, dunia dah tahu Sungai Setar, dunia dah tahu Sungai Chenaam, cuma pengerusi pelancongan tak sampai lagi di sana, *you* nak tengok bisik-bisik saja.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Ada program di sana.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Cukup, cukup. Semua sama.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Yang akhir sekali Taman Negeri Bukit Panchor di kawasan YB. Timbalan Speaker, kerana tadi bisik kat dia, Tok Mud kena bawa, jadi saya bawa sekarang....(ketawa), sekarang ini memang cukup cantik ramai pengunjung pergi, jadi jalan nak masuk itu nampak sempit betul Yang Berhormat, dia di bawah eko-pelancongan dia punya sebutan eko pelancongan, saya nak minta tolonglah kerajaan ini bantu kerana laluan masuk ini penting sebagai tarikan awal untuk orang nak masuk sebab kita kalau kita nilai pun dari segi wanita pun kalau kita tengok di depan dah cantik maka minat kita nak masuk ada terima kasih YB. Timbalan Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Aceh memang ini Bukit Panchor bukan sahaja risalah di Seberang Perai sahaja, risalah di semua di bahagian semua negeri punya risalah pun ada termasuk dalam Bukit Panchor ini, memang dan Kerajaan Negeri sudah mengubah suai tandas dan infrastruktur di sana beberapa tahun yang dulu. Cuma Yang Berhormat cadang jalan raya dilebarkan, kita ambil perhatian, so semua-semualah, kita ambil perhatian dan akan buatlah.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Luluslah, lulus.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Kita ambil perhatian dan buatlah, so jadi...(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Minta laluan daripada...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

cukuplah.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Sikit, saya sentuh sedikit saja.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Kita bincang di.....(gangguan)....(ketawa).

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Ini sentuh sedikit saja ini *single*...(gangguan), terima kasih Batu Lancang, terima kasih Sungai Aceh. Memang penggal tahun lepas saya bangkit untuk mempromotkan Kampung Sanglang terutama kelip-kelip dan seperti yang dijanji oleh Batu Lancang kita telah membuat satu lawatan ke kawasan Telok Ipil dan kita pun telah mengeluarkan menyewa perahu perabut untuk melawat kelip-kelip pada waktu malam dan buat sementara waktu memang saya nak rancang untuk mempromotkan kelip-kelip di kawasan Kampung Sanglang dan tadi Sungai Aceh terima kasih kerana memang nak *promote*, promosi kawasan tempat saya terima kasih kerana Sungai Kerian buat sementara waktu JPS sedang membuat ban, JPS sedang buat suatu projek langsung JPS ada beritahu saya kalau *you* nak buat sebarang projek sekarang buat sementara waktulah dia bagi nasihat kerana lepas persiapan ban itu, barulah untuk jalankan kerja-kerja untuk mem *promote*, so saya pun setuju kerana saya telah membuat mesyuarat dengan JPS sama dua kali untuk membincangkan isu ini. Memang udang galah, nanti saya jemput Sungai Aceh, udang galah tahun ini memang saya nak buat satu pertandingan memancing udang galah di kawasan Kampung Sanglang dan tahun lepas saya telah membuat satu pertandingan memancing ikan di Kampung Telok Ipil kerana memang ada banyak ikan di kawasan sana itu mungkin Sungai Aceh tak tau tak pa lain kali saya jemput Sungai Aceh mai bersama Sungai Bakap mai saya okey, saya nak maklumlah kerana kita ada kerjasama dengan Batu Lancang untuk merancang macam mana nak mempromosi kawasan Kampung Sanglang terutama kelip-kelip dan juga udang galah. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Terima kasih la semua ADUN Yang Berhormat-Yang Berhormat semua yang bangkitkan cadangan ini dan itu, kita akan mengambil perhatian dan cuba, yang saya boleh janji *billboard* di Penaga kita akan letak di sana, so di sini saya memohon untuk menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya, Bagan Jermal.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Terima kasih Tuan Speaker. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan kesyukuran kerana berpeluang untuk menyampaikan ucapan penggulungan di Dewan yang mulia ini bagi jawapan kuasa MMK Kerja Raya Utility dan Pengangkutan. Saya juga ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada kesemua Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana telah mengambil bahagian dalam perbahasan ucapan perasmian oleh T.Y.T. yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang khususnya berkaitan dengan isu-isu Kerja Raya, Utility dan Pengangkutan untuk dibawa keperhatian Kerajaan Negeri. Dato' Tuan Speaker dalam usaha mencapai status Negeri Bertaraf Antarabangsa, Kerajaan Negeri sentiasa memastikan pembangunan infrastruktur yang mampan di Negeri Pulau Pinang.

Sehubungan itu, setiap projek-projek infrastruktur dirangka dengan teliti berdasarkan kepada keperluan semasa dan peruntukan yang sedia ada, ini bertujuan untuk memastikan setiap projek yang disiapkan memberi impak yang maksimum kepada rakyat. Izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Jawi mengenai cadangan untuk membina jalan baru yang menghubungkan kawasan Batu Kawan ke Changkat ke kawasan DUN Jawi sebagaimana yang dimaklumkan melalui jawapan kepada soalan bertulis Yang Berhormat iaitu ID503 setakat ini Kerajaan Negeri belum memiliki perancangan untuk membina jalan baru tersebut. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan cadangan jalan baru tersebut dengan mengambil kira potensi pembangunan Batu Kawan dan juga kawasan Changkat pada masa hadapan. Buat masa ini kawasan Batu Kawan belum lagi di bangunan sepenuhnya dan keperluan untuk melaksanakan projek ini belum begitu mendesak. Justeru itu, pada masa ini Kerajaan Negeri akan menumpukan perhatian kepada pelaksanaan projek-projek yang lebih kritikal dan memerlukan tindakan segera.

YB. Tuan Speaker izinkan saya menjawab soalan tambahan Yang Berhormat KOMTAR berkaitan dengan projek menaik taraf jejantas, pejalan kaki di persimpangan Jalan Penang, Jalan Burma dan Jalan Dr. Lim Chwee Leong yang juga dikenali sebagai jejantas *octopus*. Pada masa ini keraj-kerja ukur dan kajian tanah telah disiapkan untuk projek tersebut, sehubungan itu reka bentuk terperinci projek tersebut sedang disediakan. Selain itu, syarikat, syarat-syarat kontrak dan dokumen sedang dimuktamadkan, adalah dijangkakan kerja-kerja pembinaan di tapak dapat dimulakan pada suku keempat tahun ini dan disiapkan dalam tempoh satu (1) tahun.

Mengenai projek Jalan Berkembar, Jalan Paya Terubung yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ayer Itam dan juga Yang Berhormat Paya Terubung Kerajaan Negeri telah pun mengarahkan MPPP untuk menyelaras dan melaksanakan projek tersebut yang turut dikenali sebagai Jalan Bukit Kukus yang akan menghubungkan Lebuhraya Thean Teik dengan Lebuhraya Bukit Jambul di Relau sepanjang 4.87 kilometer. Projek ini dijangka akan dapat menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di Jalan Paya Terubung yang berlaku saban hari. Sebahagian daripada Jalan Berkembar ini sepanjang 1.22 kilometer telah pun dibina oleh pemaju kerana ianya merupakan sebahagian daripada syarat pembangunan. Manakala baki jalan tiga (3) komponen-Komponen pertama Jalan Berkembar untuk menghubungkan Lebuhraya Thean Teik dengan tingkat Paya Terubung iaitu berdekatan dengan Sun Moon City yang dijangka dapat disiapkan pada tahun 2017. Sebahagian jajaran sepanjang 816 meter ini akan dibina pemaju projek pembangunan di kawasan tersebut.

Komponen kedua pula adalah jalan berkembar yang menghubungkan kawasan Bukit Saujana dan Sun Moon City ke lebuhraya Bukit Jambul di relau iaitu sepanjang 1.4 km, ini akan dibina oleh pemaju PLB Land Sdn. Bhd. Kerajaan Negeri akan berunding dengan pihak PLB Land Sdn. Bhd., supaya pihak Syarikat menyiapkan pembinaan jalan tersebut dalam masa tiga (3) hingga empat (4) tahun. Manakala komponen ketiga, sebahagian lagi, jalan berkembar yang menghubungkan jalan di kawasan Bukit Saujana dan Sun Moon City ke Lebuhraya Bukit Jambul iaitu di Relau bahagian dua, sepanjang 1.43 km termasuk dengan tukar antara iaitu *interchange* di persimpangan Jalan Paya Terubung dan Jalan Tun Sardon. Jalan berkembar akan dibina oleh MPPP dan dijangka siap dalam masa 42 bulan atau 3½ tahun. Anggaran kos pembinaan bagi bahagian satu (1) dan bahagian dua (2) ini adalah lebih kurang RM300 juta. Kos bagi bahagian dua (2) sebanyak RM150 juta akan ditanggung oleh pihak MPPP dan kontraktor projek akan dipelawa melalui tender terbuka. Pada masa ini, projek ini berada pada peringkat peralihan perunding oleh MPPP untuk menyediakan reka bentuk terperinci.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri sependapat dengan YB. Bagan Dalam bahawa projek pelebaran dan penaiktarafan Jalan Siram di Butterworth bukan sahaja mampu menyelesaikan kesesakan lalu lintas di jalan tersebut tetapi juga kesesakan di jalan-jalan di sekitarnya. Oleh yang demikian pelaksanaan projek ini telah diberi keutamaan oleh Kerajaan Negeri. Tarikh milik tapak bagi pelaksanaan projek ini adalah pada 9 haribulan Mei tahun ini. Dan projek ini akan melibatkan peruntukan Kerajaan Negeri sebanyak RM4.87 juta untuk pembinaan dan kos pengambilan tanah sebanyak RM4.42 juta. Tempoh pelaksanaan seperti yang ditetapkan di dalam kontrak adalah 11 bulan dan berakhir pada 9 April 2015. Untuk melaksanakan Jalan Alma, Jalan Bukit Minyak, seperti yang dibangkitkan oleh YB. Machang Bubuk, pihak JKR dijangka akan menyerahkan reka bentuk terperinci dan dokumen tender untuk tindakan selanjutnya oleh PDC pada awal bulan Jun 2014. Ini berkuat Kerajaan Negeri telah memutuskan supaya proses tender pelantikan kontraktor dan pelaksanaan projek dijalankan oleh pihak PDC. Kerajaan Negeri sedar mengenai kepentingan pelaksanaan projek ini dan akan memberi tumpuan untuk mempercepatkan penyiapannya.

Berkaitan dengan projek pembinaan jejantas atau *flyover* di Jalan Rozhan yang turut dibangkitkan oleh YB. Machang Bubuk, Kerajaan Negeri melalui pihak JKR telah melantik perunding HST Engineering Sdn. Bhd. sebagai perunding utama untuk menjalankan kajian impak lalu lintas. Kajian jajaran dan reka bentuk terperinci untuk projek pembinaan jejantas di Jalan Rozhan pada 1 Julai 2013 ini, status cadangan projek pembinaan jejantas atau *flyover* di Jalan Rozhan adalah di peringkat kajian impak lalu lintas. Kajian jajaran dan penyediaan reka bentuk terperinci. Ianya dijangka akan bermula pada tahun depan. Namun, Kerajaan Negeri akan memutuskan tarikh mula pelaksanaan projek ini, selepas reka bentuk disiapkan termasuk membuat keputusan mengenai jajaran jejantas. Untuk makluman, projek ini merupakan satu projek keutamaan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan kesesakan di kawasan Alma.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri mengambil maklum mengenai isu kemalangan yang berlaku di Jalan Gajah Mati yang dikatakan berpunca dari ketiadaan lampu jalan seperti yang telah dibangkitkan oleh YB. Machang Bubuk. Untuk itu, Kerajaan Negeri akan mengarahkan pihak JKR menjalankan siasatan dan mencadangkan pelaksanaan projek jika perlu untuk pertimbangan kelulusan oleh Kerajaan Negeri.

Izinkan saya menjawab soalan tambahan YB. Telok Ayer Tawar mengenai kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang dari aspek pelaksanaan projek-projek infrastruktur, umum tahu bahawa keadaan lalu lintas di Pulau Pinang amat sesak ketika musim perayaan atau musim cuti sekolah. Justeru itu, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha sebaik yang mungkin untuk menyelesaikan isu ini demi kehidupan yang mampan untuk rakyat. Kerajaan Negeri telah menyiapkan dan mengguna pakai Pelan Induk Pembangunan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2013. Pelan induk ini menggariskan hala tuju, polisi, strategi dan pelan-pelan pelaksanaan dari segi pengangkutan untuk Negeri Pulau Pinang dari 2014 sehingga ke 2030. Kajian ini memberi tumpuan kepada penambahbaikan sistem pengangkutan awam termasuk kemudahan-kemudahan yang berkaitan dan pada masa yang sama menekankan keperluan menaik taraf jalan dan menguruskan lalu lintas yang berkesan. Pada masa ini, Negeri Pulau Pinang kekurangan rangkaian lebuh raya asas untuk menampung, menyurai dan mengagih aliran lalu lintas serta mengurangkan perselisihan di antara aliran lalu lintas terus dan tempatan.

Justeru itu, Kerajaan Negeri telah mencadangkan pelaksanaan tiga (3) projek lebuh raya yang kini di peringkat kajian kemungkinan atau *feasibility studies*. Projek-projek tersebut adalah projek pembinaan Jalan Berkembar Persiaran Pantai, dari Jalan Tanjung Bunga ke Telok Bahang sepanjang 12 km dengan kos sebanyak RM900 juta. Projek ini dijangka bermula pada tahun 2015 dan disiapkan dalam tempoh tiga (3) tahun. Turut dalam proses kajian kemungkinan ialah projek pembinaan jalan pintas dari Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Ayer Itam sepanjang 4.6 km yang dianggarkan bernilai RM1 bilion. Projek ini dijangka akan bermula pada tahun 2015 dan disiapkan dalam tempoh empat (4) tahun. Kerajaan Negeri juga berhasrat untuk melaksanakan projek pembinaan jalan pintas atau *bypass* dari persiaran Gurney ke Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu sepanjang 4.2 km yang bernilai RM800 juta. Projek ini dijangka bermula pada tahun 2016 dan disiapkan dalam tempoh 4 tahun. Selain itu terdapat juga perancangan pelaksanaan projek pembinaan *link* ketiga Pulau Pinang iaitu dari Gurney Drive ke Bagan Ayam sepanjang 7.5 km. Projek ini dijangka bermula pada tahun 2018 dan siap dalam tempoh lima (5) tahun. Anggaran kos projek ini adalah RM3.6 bilion. Di samping projek-projek tersebut, Kerajaan Negeri melalui MPPP dan pemaju swasta sedang

berusaha untuk melaksanakan projek berkembar Jalan Paya Terubong dari Lebuh Raya Thean Teik ke Lebuh Raya Bukit Jambul, Relau sepanjang 4.87 km. Adalah disasarkan bahawa jalan berkembar ini dapat disiapkan pada tahun 2018 dan seterusnya mampu menyelesaikan kesesakan di Jalan Paya Terubong.

Sebagai makluman, semua projek pembinaan, pelebaran jalan atau penaiktarafan, persimpangan yang dicadangkan adalah selaras dengan perakuan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang yang merupakan panduan utama Kerajaan Negeri dalam merangka sistem pengangkutan awam dan rangkaian jalan raya sehingga tahun 2030. Ianya akan dapat membantu mengurangkan kesesakan dirangkaian jalan-jalan sedia ada dan menyediakan ruang untuk pengangkutan awam berfungsi dengan lebih berkesan, dalam pelaksanaan projek-projek yang diperakukan melalui pelan induk Kerajaan Negeri juga akan memohon peruntukan dari Kerajaan Persekutuan melalui Rancangan Malaysia Kesebelas dan Rancangan Malaysia yang seterusnya. Untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas, Kerajaan Negeri juga memiliki perancangan untuk melaksanakan projek-projek pengangkutan awam walaupun ianya di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Adalah menjadi hasrat utama Kerajaan Negeri untuk memperkenalkan sistem pengangkutan awam yang menyeluruh dan berintegrasi yang sekali gus dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di negeri ini. Kerajaan Negeri berhasrat untuk mewujudkan sistem pengangkutan rel seperti TRAM, Light Train Transit, LRT dan Mass Rapid Transit (MRT) yang mana selaras dengan cadangan Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang. Untuk ini, sebuah jawatankuasa teknikal telah pun ditubuhkan untuk mengkaji pelaksanaan projek-projek tersebut dan rancangan mengenainya masih dalam peringkat awalan.

Menjawab soalan tambahan YB. Penanti, mengenai *squad cars* JKR. Buat masa ini, JKR tidak memiliki *squad cars* untuk projek khas atau projek kecemasan. Namun, JKR di setiap daerah mempunyai pasukan peronda yang membuat rondaan sekiranya mendapat aduan atau laporan. Sekiranya terdapat pokok tumbang atau kejadian tanah runtuh, pekerja JKR akan segera membersihkan kawasan tersebut. Justeru, Jurutera Daerah akan mengambil tindakan selanjutnya selepas membuat penilaian lanjut untuk tindakan pembaikan jangka masa pendek dan juga jangka panjang. Sebagai makluman YB. Penanti, untuk peruntukan yang diagihkan kepada JKR Seberang Perai Tengah adalah berdasarkan kepada keperluan mengikut panjang jalan yang berdaftar dalam sistem MARRIS. Peruntukan yang diberi sebanyak RM8 juta pada tahun 2014 juga adalah berdasarkan kepada program dan perancangan projek yang dikemukakan oleh JKR Seberang Perai Tengah semasa permohonan peruntukan tahunan. Mengenai penyerahan jalan kampung ke dalam sistem MARRIS pula, sebagai makluman YB. Penanti juga, jalan kampung boleh disenaraikan dalam sistem MARRIS sekiranya ia menepati piawaian pihak JKR. Ini merupakan syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan berkaitan dengan Perlembagaan Persekutuan, Perkara 109. Dalam hal ini, masih banyak jalan-jalan di kawasan perkampungan yang belum menepati piawaian dan perlu ditambah baik sebelum boleh didaftar dalam sistem tersebut.

Tuan Speaker, sistem pengangkutan yang berintegrasi merupakan aspek penting dalam pertumbuhan sebuah negeri di samping pelaksanaan projek-projek pengangkutan awam untuk tujuan menggerakkan penumpang dan juga mengurangkan kesesakan lalu lintas, Kerajaan Negeri turut mengambil berat akan pembangunan dan pelaksanaan projek-projek berkaitan pengangkutan logistik seperti pelabuhan, rel kereta api dan juga

lapangan terbang. Justeru itu, Kerajaan Negeri amat berharap agar kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dapat mempertingkatkan untuk menyemarakkan usaha untuk mewujudkan suatu sistem pengangkutan yang sempurna.

Berkaitan dengan isu pengangkutan awam pula, YB. KOMTAR telah melahirkan kebimbangan mengenai isu pelaksanaan atau bidang kuasa dan juga perlesenan pengangkutan awam seperti TRAM dan LRT yang berada di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan. Sebagai makluman, pada 26 November 2013, Kerajaan Negeri telah mengemukakan permohonan kepada Pemangku Menteri Pengangkutan Malaysia untuk pelaksanaan sistem pengangkutan awam rel, iaitu TRAM atau apa-apa bentuk sisten pengangkutan awam yang dipilih dan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan bagi menangani masalah kesesakan lalu lintas di negeri ini. Kerajaan Negeri turut memohon Kerajaan Persekutuan memberi kuasa penuh kepada Kerajaan Negeri untuk mengendali dan mengawal selia dan perjalanan sistem pengangkutan awam yang dipilih paling sesuai oleh Kerajaan Negeri sekiranya Kerajaan Pusat tidak dapat melaksanakannya. Kerajaan Negeri akan sentiasa memohon kepada Kerajaan Persekutuan untuk merealisasikan pelaksanaan sistem pengangkutan awam yang baru demi kepentingan rakyat.

Tuan Speaker, ada ramai Yang Berhormat di sini ada membangkitkan perkara mengenai air iaitu WCS dan juga kenaikan kadar air dan ini semua akan dijawab oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Tuan Speaker Kerajaan Negeri sentiasa berusaha dengan gigih untuk memastikan Negeri Pulau Pinang memiliki infrastruktur baik selaras dengan agenda mentransformasikan Negeri ini menjadi Negeri pintar bertaraf antarabangsa dan menyediakan kehidupan yang mampan kepada rakyat. Untuk itu Kerajaan Negeri mengalu-alukan kerjasama semua pihak termasuk pihak swasta dan Kerajaan Persekutuan untuk merealisasikan sebarang perancangan projek infrastruktur. Semoga dengan kerjasama yang erat di antara semua pihak Negeri Pulau Pinang akan terus bergerak maju ke hadapan dan membawa kemakmuran kepada rakyat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang ada membangkitkan soalan-soalan atau isu-isu berkaitan dengan portfolio saya, memang pegawai-pegawai saya telah mencatatkannya dan akan ambil perhatian yang berat terhadap apa-apa yang telah dibincangkan. Maka dengan ucapan ini saya mengakhiri dengan memohon menyokong usul T.Y.T. Ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Seterusnya Ahli Kawasan Padang Lalang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan penghargaan dan ucapan berbanyak terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk menggulung perbahasan ke atas Ucapan Perasmian yang disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada 19 Mei 2014. Terutama sekali mengenai dengan perkara-perkara yang menyentuh tanggungjawab-tanggungjawab di bawah portfolio saya. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang melibatkan portfolio MMK Belia dan Sukan; Pembangunan Wanita

Keluarga dan Komuniti. Ahli-Ahli yang berkenaan ialah Yang Berhormat Telok Ayer Tawar. Beliau sudah balikkah? Tidak sihat. YB. Sungai Pinang, YB. Machang Bubuk, Bertam, Pulau Tikus, Pulau Betong, Pengkalan Kota, Seri Delima, Bagan Dalam, Permatang Pasir, Berapit, Penanti, Sungai Dua dan YB. KOMTAR. YB. Telok Ayer Tawar banyak menyentuh perkara mengenai pembangunan wanita tetapi beliau tidak ada di sini. Saya memang ada pegawai sudah menyediakan jawapan-jawapan. Jadi saya akan memberikan jawapan juga walaupun beliau tidak ada di sini. YB. Telok Ayer Tawar menyentuh mengenai kedudukan wanita perwakilannya yang masih rendah tapi beliau tidak ada di sini. Beliau yang merupakan satu-satu perwakilan wanita di Barisan Nasional, tapi beliau tidak ada di sini untuk mewakili wanita....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kami memahami wanita.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Boleh. Pulau Betong pun bolehkah? Okey tapi Pulau Betong tanah bagi 30% kuota kepada wanita dalam UMNO. Itu cadang hendak Perdana Menteri, itu Perdana Menteri Barisan Nasional punya Ketua Menteri kita punya kita yang cadang tidak payah sebelah sana. Saya sungguh kesal dengan kenyataan Ketua Wanita UMNO terhadap calon pilihan raya kecil Teluk Intan DAP Dyana Sofya Mohamad Daud. Sebagai seorang pemimpin wanita yang begitu berpengalaman, Datuk Seri Sharizat sepatutnya memberi sokongan, dorongan kepada pemimpin wanita muda. Bukan senang untuk seorang calon wanita tampil ke hadapan menawarkan diri untuk bertanding lebih-lebih lagi seorang wanita muda seperti Dyana. Sebaliknya Datuk Seri Sharizat memilih untuk menyangkal kebolehan Dyana untuk berfikir dan membuat keputusan untuk dirinya sendiri dengan cara yang amat mengaibkan dan tanpa asas. Bukan itu sahaja Dyana juga diganggu kacau oleh tidak tahu siapa, kita tidak tahu sama ada mereka golongan kumpulan yang sama atau yang mencero bohi Dewan ini dan juga mengugut akan membakar pejabat DAP di Kuala Lumpur. Kita tidak tahu sama ada mereka kumpulan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua ini realiti betapa susah cabaran dihadapi wanita dalam politik. Mereka bukan sahaja perlu mengharungi halangan dari segi sosial ekonomi dan budaya termasuk tingkah laku seksis daripada sebahagian kaum lelaki yang kurang sensitif seperti mereka yang mencero bohi Dewan ini. Lebih teruk lagi ugutan pembunuhan *character assassination*(dengan izin) sentiasa wujud termasuk daripada pemimpin wanita lain seperti dalam kes ini. Sama ada beliau sedar atau tidak Datuk Seri Sharizat sendiri telah jatuh ke dalam perangkap *mainstream thinking* yang meletakkan pelbagai halangan kepada pernyataan wanita muda dalam kepimpinan politik. Berkenaan dengan kenyataan YB. Telok Ayer Tawar bahawa Dyana adalah produk Barisan Nasional, saya ingin mengingatkan YB. Telok Ayer Tawar bahawa terdapat perbezaan antara parti politik dan kerajaan, Pusat Pengajian Tinggi seperti menerusi Universiti Teknologi Mara (Uitm) terdapat di bawah naungan Kerajaan Malaysia yang daripada rakyat dan bukan UMNO. *Medium* ini adalah untuk rakyat dan bukan untuk UMNO saja. Anak generasi muda seperti Dyana jauh lebih sedar dan prihatin tentang isu-isu semasa dengan adanya *medium* baru. Mereka warga yang mampu berfikir yang mampu membezakan antara kerajaan yang tumpu kepada kroni dan kerajaan yang mengutamakan rakyat dan mampu memilih parti politik yang bertema untuk rakyat daripada parti yang lebih mementingkan keuntungan pemimpin atau kroninya.

YB. Telok Ayer Tawar sendiri mengakui bahawa 30% bukan angka had kepada pernyataan wanita dalam kepimpinan dan pembuat keputusan. Ini sepatutnya di lihat sebagai 30% ini sepatutnya di lihat sebagai *critical mass* (dengan izin) iaitu konsep yang diambil daripada teori fizik tentang jumlah minimum yang diperlukan untuk menjana impak dalam sesuatu objek. Itu sebagai rantai dan bukan siling. Saya amat setuju dengan pandangan YB. Telok Ayer Tawar bahawa perwakilan wanita dalam kepimpinan dan pembuat keputusan politik sama ada Barisan Nasional mahupun Pakatan Rakyat adalah jauh terlalu rendah, misalnya Wanita UMNO dan Puteri UMNO yang mempunyai begitu ramai ahli terpaksa bertanding merebut bilangan kecil kerusi yang dibuka atau diperuntukkan untuk wanita. Jika UMNO mengamalkan dasar minimum 30% perwakilan wanita tentu lebih ramai wanita termasuk wanita muda seperti Dyana Sofya mempunyai peluang yang lebih adil untuk menyertai arena kepimpinan melalui politik ini tapi selalu di dalam UMNO ada fikiran yang tidak sama pada masa yang sama mereka kata hendak 30% hendak memperbanyakkan perwakilan wanita tetapi pada waktu yang sama apabila wanita muda yang dapat peluang untuk bertanding mereka memperkecil-kecilkan dia.

YB. Telok Ayer Tawar juga telah menyentuh isu kehamilan di luar institusi perkahwinan yang semakin meningkat dalam generasi muda. Peningkatan jumlah ibu muda di Malaysia memang merupakan *trend* yang sangat membimbangkan. Mengikut manual statistik remaja hamil JKN 2012, terdapat 18,847 kes, remaja antara umur 10 hingga 19 tahun yang hamil di Malaysia. Kalau mengikut umur untuk dewasa adalah 21, semua ini adalah di bawah dewasa. Daripada jumlah ini 14,664 dilaporkan sudah berkahwin dan 4,183 belum berkahwin. Berdasarkan data ini kita tidak patut hanya memberikan fokus kepada yang belum berkahwin tetapi menanyakan soalan yang lebih penting. Kenapa terdapat begitu ramai remaja berusia antara 10 hingga 19 tahun yang hamil? 10 tahun. Bukankah remaja-remaja ini sepatutnya mendapat akses pendidikan dan menikmati hidup sebagai kanak-kanak atau remaja.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organization) atau WHO mengatakan bahawa remaja mempunyai risiko yang tinggi untuk hamil kerana mereka lebih cenderung dipaksa menjalinkan hubungan seks yang tidak diinginkan dan tidak mempunyai akses kepada informasi dan perkhidmatan yang diperlukan untuk melindungi diri sendiri. Ini adalah World Health Organization Laporan 2008. Kehamilan remaja bukan hanya merupakan isu kesihatan atau moraliti. Isu kehamilan remaja mempunyai kaitan yang kuat dengan isu kemiskinan, ketidaksamarataan *gender*, keganasan terhadap wanita, perkahwinan paksa dan perkahwinan kanak-kanak dan secara amnya diskriminasi terhadap wanita dan perempuan.

Realitinya kebanyakan remaja terutamanya mereka di bawah umur 18 tahun kehamilan bukan merupakan pilihan yang disengajakan. Ini bukan satu pilihan sebaliknya kehamilan biasanya merupakan hasil ketiadapilihan *lack of choice* dan keadaan ini di luar kawalan remaja tersebut. Kehamilan remaja merupakan akibat tekanan daripada teman lelaki, rakan-rakan dan masyarakat. Banyak kes kehamilan dan perkahwinan remaja juga akibat serangan seksual atau paksaan. Umpamanya dalam kes paksa kahwin perogol. Remaja perempuan yang tidak mempunyai autonomi diri terutamanya dalam kes paksaan, tidak mempunyai pilihan. Selain faktor-faktor yang sering dikaitkan kepada kehamilan remaja seperti tidak cukup bimbingan ibu-bapa dan kekurangan didikan agama, terdapat lagi faktor-faktor lain seperti ketidaksaksamaan *gender* yang menyebabkan remaja perempuan sering menjadi mangsa perkahwinan

kanak-kanak dan serangan seksual, norma *gender* yang mengukuhkan *stereotype* dan menyebabkan perkahwinan pada umur yang muda dan kehamilan yang muda, kekurangan perkhidmatan yang mesra remaja dan wanita serta bebas dari diskriminasi, kekurangan akses kepada kontrasepsi atau mana-mana kombinasi faktor di atas.

Berdasarkan kajian UNICEF pada tahun 2008, fenomena kehamilan remaja dan menjadi ibu remaja membawa kesan yang memudaratkan kepada remaja yang menjadi ibu, anaknya dan juga dalam kes-kes tertentu, adik beradik yang lebih muda dari remaja tersebut. Kajian itu membuktikan yang ramai ibu remaja hidup dalam kemiskinan, tidak menerima pendidikan yang secukupnya dan sering tidak dapat bekerja, tidak mendapat pekerjaan atau hanya mendapat pekerjaan bergaji rendah. Mereka sering bergantung kepada elaun kebajikan dan tinggal dalam keadaan yang serba kekurangan. Anak yang dilahirkan lebih cenderung hidup dalam kemiskinan, membesar tanpa bapa dan menjadi mangsa pengabaian dan penderaan. Langkah penyelesaian harus lebih komprehensif dan bukan hanya memberikan fokus kepada prevensi tetapi juga memberikan perkhidmatan berbentuk sokongan kepada remaja perempuan dan lelaki yang sedang mengalami masalah kehamilan remaja kerana isu ini bukan merupakan isu wanita saja tetapi isu wanita dan lelaki. Stigma sosial dan diskriminasi yang sering dikaitkan dengan isu ini harus dikurangkan supaya masalah ini dapat ditangani dengan efektif. Stigma dan diskriminasi ini yang membawa kepada masalah seperti buang bayi dan pengguguran tidak selamat harus dibendung.

Antara strategi yang disyorkan oleh pakar untuk menangani isu ini ialah membanteras keganasan dan jenayah seksual. Meningkatkan perkhidmatan dan menyediakan mekanisme sokongan untuk ibu muda atau remaja untuk meneruskan pelajaran dan mendapatkan pekerjaan. Melaksanakan perkhidmatan yang mesra remaja dan wanita serta bebas dari diskriminasi. Memperkenalkan pendidikan kesihatan dan seks yang komprehensif pada umur bersesuaian di semua peringkat pendidikan termasuk di universiti dan juga untuk remaja yang tidak menghadiri sekolah, ibu bapa dan komuniti. Saya menyeru semua pihak, termasuk pihak pembangkang untuk mengambil maklum dan melaksanakan langkah-langkah yang sewajarnya ke arah menyelesaikan masalah yang kompleks ini.

YB. Telok Ayer Tawar juga amat prihatin terhadap penglibatan tenaga kerja wanita di dalam sektor-sektor swasta dan kerajaan dilihat yang akan terus meningkat setiap tahun. Penyediaan kemudahan-kemudahan untuk wanita perlu diberikan perhatian. Dan beliau tanya. Apakah usaha-usaha yang akan dilaksanakan dan sasaran untuk mencapai 30% penglibatan wanita dalam pembuat keputusan? Jadi saya rasa 30% ini sudah saya jawab tadi.

MMK Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti melalui PWDC telah menjalankan pelbagai usaha untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam peringkat membuat keputusan, termasuk ke arah merealisasikan visi pengarusperdanaan *gender* dan keadilan sosial. Program-program kami tidak bersifat kebajikan. Sebaliknya pendekatan yang diambil adalah untuk memupuk paradigma transformasi yang mampan dan memperkasakan rakyat, khususnya wanita, dengan pengetahuan, kesedaran, maklumat, kemahiran dan struktur sokongan supaya mereka dapat menikmati hak yang saksama secara berdikari dan sempurna. Ringkasan program-program yang telah dan sedang dilaksanakan oleh PWDC untuk meningkatkan penyertaan wanita termasuk seperti berikut berikut:

Pelaksanaan Projek Bajet Responsif Partisipatori Gender. (Gender Responsive Participatory Budgeting atau GRPB), sebuah projek perintis tiga tahun yang melibatkan usahasama antara kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Pulau Pinang iaitu MPPP dan MPSP. Pelancaran dan pelaksanaan Dasar dan Pelan Tindakan Jagaan Kanak-kanak untuk tahun 2013 dan 2015 bertujuan meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja, mempromosi akses kepada jagaan kanak-kanak yang berpatutan harga, selamat dan berkualiti dan meningkatkan keseimbangan kehidupan kerja dan keluarga. PWDC kini berada dalam proses advokasi untuk Dasar dan Pelan Tindakan Gender yang pertama di Pulau Pinang. Dasar ini mengandungi syor-syor berikut:

Kajian kebolehlaksanaan kuota *gender* di Pulau Pinang dijalankan,

Kuota minimum 30% wanita dilaksanakan di peringkat Kerajaan Tempatan dan JKKK.

Pelancaran Briged Wanita Pulau Pinang, badan sukarela ditugaskan mendaftarkan wanita setempat untuk program bantuan wanita Kerajaan Negeri iaitu untuk ibu tunggal dan ibu emas, mikrokredit, mammogram percuma dan sebagainya. Briged Wanita adalah *platform* berkesan di peringkat akar umbi terutamanya untuk mengenal pasti ramai wanita yang berpotensi menyertai peringkat pembuat keputusan dalam JKKK dan Majlis Tempatan. Latihan kepimpinan yang khas untuk Ahli-Ahli Briged Wanita turut dirancang. Sehingga awal Mei 2014, bilangan Ahli Briged Wanita telah mencapai 2,044 orang dari seluruh Pulau Pinang dengan sembilan buah Kursus Induksi Briged Wanita di kelima-lima daerah. Pelbagai latihan kepimpinan wanita, kesaksamaan *gender*, tadbir urus baik, jagaan kanak-kanak di rumah, keganasan terhadap wanita, keusahawanan wanita, dan lain-lain isu wanita dan komuniti bertujuan memperkasa dan meningkatkan kapasiti wanita sebagai pemimpin dan agen perubahan masyarakat telah dilaksanakan. Program-program ini dijalankan secara inklusif dalam pelbagai bahasa untuk memanfaatkan semua lapisan masyarakat. Sejak 2012, kami berjaya melatih kira-kira 3,500 orang peserta di kelima-lima buah daerah di Pulau Pinang. Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga menetapkan bahawa setiap Jawatankuasa JKKK mesti mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) orang wanita dan kita harap pada tahun hadapan sehingga lima (5) orang wanita.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Padang Lalang, kita terpaksa rehat kerana ada yang belum sembahyang asar lagi. Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan berhenti rehat dan akan disambung semula pada jam 8.00 malam.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.55 petang.

Dewan bersidang semula pada jam 8.00 malam.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Saya ingin teruskan penggulungan, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Boleh.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Merujuk kepada isu yang dibangkitkan oleh YB Berapit yang memohon supaya Kerajaan Negeri bersama-sama dengan MMK Kebajikan dan Jabatan Kesihatan dapat bekerjasama dengan NGO untuk meneliti dan membuat kajian serta memberi kaunseling kepada pemuda-pemudi yang menghadapi masalah tekanan jiwa supaya masalah bunuh diri dapat diatasi. YB. Berapit turut memohon supaya Kerajaan Negeri menubuhkan pusat-pusat kaunseling di seluruh daerah kepada kaum wanita untuk menyelesaikan masalah keganasan rumah tangga. Saya prihatin tentang kekangan yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri di mana bidang kesihatan termasuk kesihatan mental terletak dalam bidang kuasa Kerajaan Pusat.

Bajet untuk penjagaan kesihatan mental di Malaysia amat rendah iaitu hanya 1.9% daripada keseluruhan jumlah bajet kesihatan. Sehubungan itu, nisbah bilangan pakar psikiatri bagi setiap 100,000 penduduk adalah hanya 0.3 orang iaitu jauh lebih rendah daripada nisbah yang disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia iaitu sebanyak 2 orang pakar untuk setiap 100,000 penduduk. Kerajaan Negeri menyarankan supaya Kerajaan Pusat meningkatkan sumber dan menambahbaikkan sistem kesihatan sedia ada untuk menangani situasi penjagaan kesihatan mental sedia ada yang kurang memuaskan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri cuba membantu menekankan pendekatan sokongan kesihatan mental berbentuk komuniti, melalui kerjasama dengan badan kerajaan dan bukan kerajaan seperti berikut:

Kerajaan Negeri memberi sokongan kepada Befrienders yang memberi khidmat kaunseling percuma kepada mereka yang mengalami tekanan jiwa dan masalah peribadi melalui talian telefon. Baru-baru ini pada 3 Mei 2014, acara Penang International 12 *Hours Walk* di Padang Kota telah dianjurkan dengan lebih daripada RM5,000 telah diderma kepada *Befriends*.

Kerajaan Negeri juga memberi sokongan kewangan setiap tahun kepada Persatuan Kesihatan Jiwa Pulau Pinang melalui Pejabat EXCO Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat umum mengenai kesihatan mental. *Health in Action* adalah gabungan persatuan berbasikal, persatuan pelari dan NGO *Social Service*.

Gabungan ini bertujuan menyampaikan mesej kesihatan mental boleh diatasi melalui aktiviti berasaskan senaman dan sukan. *Health in Action* melibatkan Befrienders Penang, Tan Hsing Mitra Welfare Association, Help 4 U.org.my, D'Home Mental Association, [Creativity@Heart](#), LP Mountain Bike, e.youth Association, i-run, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, MSNPP dan Penang Amateur Athletics Association.

Di bawah Kerajaan Negeri, Jawatankuasa Kecil Kanak-kanak Berkeperluan Khas telah dimulakan, di mana aspek holistik diaplikasikan supaya keperluan khas tidak sahaja merangkumi keperluan fizikal, tetapi juga mental dan rohani. Selain itu, Jawatankuasa Kecil ini juga sedang berusaha untuk menurunkan stigma pihak awam yang merupakan antara halangan utama kepada akses penjagaan kesihatan mental untuk kanak-kanak ini. Melalui anjuran Kwong Wah Yit Poh Sisters Camp yang diadakan pada 9 Mac 2014, sempena Hari Wanita Sedunia tahun ini, motivasi diberikan kepada para wanita. Yuran pendaftaran untuk Kwong Wah Yit Poh Sisters Camp ini diderma untuk bagi anjuran program seni kreatif untuk kanak-kanak dari umur 6 hingga 12 tahun bagi membangunkan minda mereka. Program ini berbentuk kaunseling kanak-kanak yang merupakan anak yatim di Ramakrishnan secara mingguan selama dua (2) jam.

Bagi pihak MMK Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti saya menyambut baik cadangan YB. Berapit dan Kerajaan Negeri mengalu-alukan usaha dan peluang untuk bekerjasama dengan badan-badan daripada pelbagai sektor untuk menambah baik penjagaan kesihatan mental di Negeri Pulau Pinang. YB. Berapit juga menyentuh tentang keganasan terhadap wanita...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Minta laluan. Saya ingin mengambil kesempatan untuk menyokong kuat cadangan daripada YB. Berapit berkenaan dengan pakar kaunseling dan pakar kesihatan mental. Ini adalah kerana di seluruh dunia, *international trend*(dengan izin) adalah satu *recognition* bahawa kesihatan mental, ini adalah *international trend*, ia merupakan salah satu faktor kesihatan keseluruhan insan. Namun Negara Malaysia, memang terlalu jauh, tidak mengikut masa, boleh dikatakan purata 0.3 kepada 1,000 orang penduduk itu langsung tidak mencukupi. Maka dalam perhubungan saya dengan NGO-NGO termasuk NGO-NGO yang bekerjasama dengan kanak-kanak keperluan khas. Walaupun NGO ada sedikit sebanyak pengalaman dalam urusan kaunseling ini kerana terpaksa, tiada lagi tempat bagi orang ramai atau orang awam untuk pergi. Mereka sebenarnya tidak mempunyai kepakaran penjagaan mental, kepakaran yang boleh dipertingkatkan lagi bagi kaunseling. Bilangan NGO yang mempunyai kemahiran dalam kaunseling ini juga tidak banyak. Jadi kesihatan mental, kepakaran kaunseling jika kita mempertimbangkan bahawa tekanan masyarakat kini semakin tinggi, tekanan disebabkan GST, disebabkan ekonomi dan kekurangan perumahan. Semua tekanan ini menyebabkan tekanan jiwa dan mental yang lebih tinggi. Jadi Kerajaan Negeri memang patut mempertimbangkan agar seorang dua (2), minimumnya seorang dua (2) pegawai yang mempunyai kemahiran kaunseling, yang mempunyai kemahiran mengendalikan orang yang mempunyai masalah kesusahan mental agar kami boleh juga membantu dan menyokong NGO-NGO yang memerlukannya. Seorang dua kaunselor dalam pihak kerajaan akan amat berguna. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih kepada YB Pulau Tikus yang sungguh berpengetahuan dalam bidang ini. Saya memang bersetuju dengan YB. Pulau Tikus bahawa kita perlu memperbanyakkan dan meramaikan kaunseling. Kita di PPW iaitu Pusat Perkhidmatan Wanita di Seberang Perai juga ada kaunselor. Kita banyak bergantung kepada NGO-NGO yang memberikan perkhidmatan seperti ini. Atas dasar itu saya menggabungkan NGO-NGO ini supaya kita dapat bekerjasama juga mungkin boleh memberi sokongan umpamanya memberi peruntukan untuk mengadakan latihan kerana kita kekurangan kaunselor yang terlatih dan untuk mendapat pelatih bagi tujuan kaunseling ini kita ada menjemput dari luar negeri dan melibatkan bayaran atau bajet yang agak besar.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Penjelasan. Sebenarnya mengikut NGO-NGO kalau peruntukan kita dibahagi kepada semua NGO ianya akan dikecilkan. Sebenarnya semua NGO di Pulau Pinang boleh berkongsi satu, dua kaunselor. Maka sebenarnya pendapat kebanyakan NGO tidak perlu diberi, dibahagikan peruntukan kepada kesemua untuk mengadakan latihan tetapi digabungkan dan dapatkan satu, dua kaunselor yang memang pakar dan lebih pakar daripada yang mereka boleh dapat melalui kursus-kursus kecil. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih. Saya akan mempertimbangkan atau menerima pakai cadangan YB Pulau Tikus. Mengenai keganasan terhadap wanita, ada yang ramai masih kurang faham bahawa puncanya ialah ketidaksamaan kuasa antara wanita dan lelaki dan diskriminasi terhadap wanita. Corak ketidaksetaraan dan diskriminasi ini sangat mendalam. Ia dicerminkan dalam norma budaya yang tidak menganggap atau menghormati wanita sebagai rakan saksama *or in English, equal partners* dalam masyarakat. Tanggapan-tanggapan seperti wanita sebagai objek seks, wanita sebagai kepunyaan lelaki yang boleh diperalatkan sesuka hati dan wanita sebagai kaum yang lemah, kurang keupayaannya berbanding lelaki dan tidak mampu memimpin adalah *stereotype gender negative* yang secara langsung atau menyumbang kepada tercetusnya keganasan terhadap wanita. Kitaran ganas atau *vicious cycle* ini turut menyumbang kepada status dan kedudukan rendah wanita dalam masyarakat.

Oleh kerana punca keganasan terhadap wanita iaitu ketiakserataan kuasa tersebut sudahpun dikenalpastikan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil pendekatan *prevention is better than cure* ataupun pencegahan adalah lebih berkesan daripada merawat. Tiada gunanya kita dirikan lebih banyak pusat kaunseling untuk membantu wanita iaitu satu bentuk rawatan tanpa mengambil langkah untuk mencegah punca keganasan terhadap wanita akibat *gender inequality*. Atas sebab itu Kerajaan Negeri begitu menekankan kepentingan kesedaran awam tentang kesaksamaan gender dan keganasan terhadap wanita melalui pelbagai program seperti latihan, bengkel dan sebagainya. Untuk menangani isu keganasan terhadap wanita khususnya keganasan rumah tangga, kita memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak termasuk kerajaan, Polis, Mahkamah, Pendakwa Raya, NGO dan orang awam. Pencegahan adalah bermula dari kesedaran.

Berkenaan cadangan YB. Sungai Pinang supaya mengadakan promosi program penyusuan ibu dan memberi senarai tempat penyusuan ibu yang disediakan di kompleks membeli-belah, senarai itu akan diberi selepas ini secara bertulis kerana MPPP dan MPSP tidak dapat menyediakan senarai ini. Selain daripada menyediakan tempat penyusuan MPPP juga menyediakan Garis Panduan Penyediaan Bilik Penyusuan dan Persalinan Bayi yang berkuatkuasa mulai 15 Jun 2012, manakala MPSP pula melancarkan Bilik Laktasi yang kedua di bangunan MPSP sendiri bagi kakitangan MPSP pada 24 Oktober 2012.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui MMK Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti telah pun memberi sokongan kepada inisiatif menggalakkan penyusuan susu ibu. Antaranya memberi sokongan kepada *NGO World Alliance for Breastfeeding Action* ataupun *in short WABA* bagi program kesedaran awam iaitu Make Penang Breastfeeding Friendly yang menggalakkan penyusuan ibu pada enam aspek atau tempat iaitu di tempat kediaman (*family and community*), hospital (*health care*), tempat kerja (*work place and employment*), kerajaan dan perundangan (*government/legislation*), media dan tempat awam (*public spaces*) dan memberi sumbangan kepada *World Breastfeeding Week* pada tahun lepas.

Merujuk kepada pengiktirafan yang diberi oleh YB. Bagan Dalam ke atas pencapaian MMK Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti dan PWDC dalam menubuhkan TASKA D'Komtar dan Briged Wanita Pulau Pinang, saya mengucapkan terima kasih kepada YB. Bagan Dalam atas dorongan baik beliau, saya juga mengambil peluang ini untuk merakamkan penghargaan saya kepada Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini yang telah menyumbangkan sokongan untuk turut menjayakan program-program anjuran MMK dan PWDC.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekhran a/l Autherapady):

Minta laluan, tentang Bridged Wanita adakah MMK wanita ingin memberi bantuan kepada mereka seperti PPS menerima bantuan, kerana mereka tidak dapat apa-apa dan mereka membuang masa untuk menolong wanita

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Pada waktu sekarang kita tak ada peruntukan untuk memberi bantuan seperti ini tetapi kita PWDC sedia beri bantuan sekiranya kita ingin menganjurkan apa-apa aktiviti. YB. Penanti dan YB. Pulau Tikus juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah PWDC bersama-sama dengan saya dan mereka banyak menyumbang idea kepada program-program Kerajaan Negeri mereka juga menganggotai Jawatankuasa Briged wanita Pulau Pinang peringkat negeri. Tidak lupa juga kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat lelaki terutamanya YB. Permatang Pasir, YB. Machang Bubuk, YB. Batu Maung, YB. Pantai Jerejak, YB. Paya Terubong, YB. Kebun Bunga dan YB. Batu Lancang yang bersama-sama dengan YB. Sungai Pinang dan YB. Penanti mencatatkan dalam kawasan masing-masing antara bilangan Ahli Briged Wanita yang tertinggi di Pulau Pinang. Hasil daripada usaha Yang Berhormat-Yang terhormat semua, jumlah Ahli Briged Wanita setakat Mei 2014 telah pun mencecah 2,044 orang, syabas dan terima kasih.

Begitu juga dengan pengiktirafan yang diberikan oleh YB. Sungai Pinang dan YB. Penanti kerana memberi sokongan padu dan kata-kata semangat yang tidak berbelah bagi kepada Projek Perintis Gender Responsif dan *participatory budgeting* GRPB, PWDC dengan kerjasama MPPP dan MPSP. YB. Sungai Pinang sebaik saja dipilih oleh rakyat Pulau Pinang Sungai Pinang telah secara aktifnya turun padang ke PPR Jalan Sungai iaitu lokasi projek komuniti di bawah projek GRPB untuk bersama-sama penduduk. Sebagai pemimpin berjiwa rakyat, YB. Sungai Pinang menghadiri program-program dan mesyuarat yang dianjurkan bersama penduduk di PPR Sungai Pinang.

Projek GRPB ini adalah simbol kepada visi dan misi Kerajaan Negeri dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai bandar bertaraf antarabangsa di mana ia menginstitusikan budaya keterbukaan dan inklusif rakyat untuk mencapai keadilan sosial dan kesaksamaan *gender*. Projek ini menggunakan pendekatan *gender* iaitu kelompok berlainan atau ...(dengan izin) *differed people differed needs*, keperluan berbeza dari lensa mikro keadilan dalam menyediakan keperluan masyarakat lambat dilaksanakan dan di dikecapi oleh rakyat. Pendekatan GRPB ini telah mendapat pengiktirafan antarabangsa selepas persidangan GRPB yang dijalankan pada bulan Februari yang lalu, termasuk jemputan kepada Pulau Pinang untuk membuat pembentangan di persidangan-persidangan antarabangsa seperti di Indonesia, Korea, Brazil dan China. GRPB Penang model ini dianggap unik kerana elemen partisipatori yang melibatkan rakyat dalam membuat keputusan bajet dana awam di peringkat PBT adalah sangat dikagumi.

Kontrak Komuniti Pembersihan di PPR Jalan Sungai dan taman rekreasi PPR ampangan adalah simbol kepada usaha tersebut. Kontrak komuniti pembersihan merupakan pendekatan yang julung kalinya di Pulau Pinang dan juga di Malaysia ini ternyata membawa perubahan yang positif dan isu kebersihan dapat di atasi dengan sempurna. Di samping itu juga ia mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk PPR di tempat itu sendiri. Pelaksanaan Projek Bajet Responsif Gender dan *participatory* mencerminkan kerajaan yang telus, jujur dan mesra rakyat di mana ia menjadi pendengar yang prihatin dan menganggap rakyat sebagai rakan kongsi dalam usaha pembangunan Pulau Pinang.

Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan syabas kepada MPSP yang menjalankan *pre-budget consultation* yang dibawa oleh YB Penanti saya rasa ada kesan ruang yang diberikan kepada rakyat untuk menyuarakan keperluan dan juga terlibat dalam menentukan bajet perancangan dan pelaksanaan dasar dan projek di Pulau Pinang akan mewujudkan keyakinan rakyat untuk menyokong tampuk pemerintahan yang sedia ada dan pada masa yang sama rakyat juga akan terpenggil untuk menyumbang kepada pembangunan dengan menjadi *active citizens* dalam menjamin kepada kelestarian ekonomi sosial dan politik di Pulau Pinang.

Merujuk kepada soalan yang dibangkitkan oleh YB Pulau Betong tentangapakah program Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah penceraian tinggi dan apakah program untuk membantu ibu miskin yang telah bercerai, saya ingin mengemukakan satu pandangan alternatif tentang isu ini. Melalui dasar advokasi dan latihan-latihan yang dijalankan, MMK Pembangunan wanita, keluarga dan komuniti sentiasa menekankan perhubungan rakan kongsi saksama yang saling sokong menyokong *equal and mutually supportive partners*(dengan izin), antara lelaki dan wanita. Dengan memperkasakan wanita untuk mengambil peranan kepimpinan, mereka boleh berklongsi tanggungjawab

berat yang kini banyak dijalankan oleh lelaki. Pihak lelaki menanggung tekanan dan risiko yang berat dalam menjalankan tanggungjawabnya sebagai ketua keluarga. Melalui perkongsian tanggungjawab kekeluargaan antara lelaki dan wanita bukan sahaja akan membantu untuk berkongsi beban ini, tetapi juga membawa perspektif baru, idea-idea serta kemahiran tambahan melalui sifat mereka seperti mahir bekerjasama, berkomunikasi dan *multitasking*. Kualiti ini diiktiraf di kalangan wanita dari seluruh dunia. Kalau mereka yang tak pandai berkomunikasi mereka akan menggunakan keganasan seperti mereka yang mencero bohi Dewan ini atau mengugut untuk bakar bangunan DAP. Kami ingin membawa perhubungan saksama seperti ini akan membantu mengurangkan jurang *gender* antara lelaki dan wanita termasuk perbezaan kuasa antara suami dan isteri yang kerap kali menyebabkan konflik, keganasan dan perceraian. Dua (2) rakan kongsi yang saling menyayangi akan mendapat berkomunikasi dengan lebih berkesan, dan membentuk hubungan rumah tangga yang lebih erat dan kekal.

Demikian juga sering kali kita tertumpu kepada bantuan untuk ibu tunggal miskin, tetapi kita lupa bahawa bapa yang menceraikan ibu tersebut mempunyai tanggungjawab yang sama besarnya atau pun lebih besar jika isterinya sebelum itu tidak bekerja di luar rumah. Tidak berpendapatan untuk menanggung sara hidup anak-anaknya. Kita perlu memastikan bahawa sebagai rakan saksama dalam perkahwinan, suami/bapa mempunyai tanggungjawab untuk membesarkan anak-anaknya yang sama seperti isteri/ibu yang terlibat. Dari segi bantuan kebajikan, seorang ibu miskin yang telah bercerai tiada bezanya dengan wanita miskin yang lain. Beliau berhak kepada bantuan kebajikan yang sama.

Kerajaan Negeri juga memberi tumpuan khas kepada ibu tunggal melalui pelaksanaan tugas Briged Wanita Pulau Pinang untuk mendaftarkan wanita setempat bagi menerima program bantuan ibu tunggal sebanyak RM100.00 setahun. Pendaftaran di peringkat komuniti sedemikian adalah penting kerana ramai ibu tunggal yang mungkin kekurangan akses atau pendedahannya kepada program tersebut, misalnya mereka yang buta huruf atau yang menghadapi masalah pengangkutan. Walaupun usaha membantu ibu tunggal menceburi sektor keusahawanan boleh membantu membanteras kemiskinan, bukan semua ibu tunggal mempunyai kapasiti untuk menceburi bidang perniagaan dan intervensi yang berlainan mungkin diperlukan. Kerajaan Negeri sedia maklum bahawa antara strategi asas yang paling efektif untuk menyokong dan membantu golongan ini ialah dengan menyediakan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang berpatutan harga serta penyediaan peluang pekerjaan yang secukupnya. Isu-isu yang dihadapi oleh ibu tunggal di mana ramai adalah miskin dan ramai yang telah bercerai adalah sangat kompleks dan tidak dapat di selesaikan dalam masa singkat tanpa pendekatan yang komprehensif dan tanpa sokongan pelbagai pihak. Oleh itu pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk bekerjasama dengan organisasi-organisasi dan Badan Bukan Kerajaan dalam usaha menyokong ibu tunggal di Negeri Pulau Pinang ke arah pembangunan yang mampan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan, terima kasih YB. Padang Lalang, saya dengar dengan minat Padang Lalang mengatakan tadi ramai ibu tunggal yang miskin. Setahu saya Kerajaan Negeri Pulau Pinang dah menghebah-hebahkan satu Malaysia Pulau Pinang miskin sifar, bagaimanakah ini terjadi? Adakah mereka ini telah terlepas jaringan pemantaun Kerajaan Negeri untk menjadikan Negeri Pulau Pinang ini miskin sifar, jawab.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Miskin ini ada beberapa kategori yang dikatakan miskin sifar ini adalah miskin tegar. Miskin tegar adalah satu keluarga empat (4) orang anggotanya dengan pendapatan dalam Pulau Pinang ialah RM780.00 mereka yang berpendapatan RM3,000 pun itu dianggap cepat miskin sekiranya satu bulan tak dapat gaji dia jadi miskin. Maksudnya tak ada miskin tegar, kalau ada sila kemukakan, kerana hari ini dia mungkin bukan miskin tegar tetapi esok dia kehilangan pendapatan yang kecil itu, dia mungkin hari ini pendapatannya RM1,000, esok kalau dia kehilangan kerja dia jadi miskin tegar. Miskin tegar dia bukan satu data yang statik saja dia akan tambah-tambah atau kurang saja, jadi saya minta kerjasama kalau ada sila rujuk kepada kami.

Saya nak ucap terima kasih kepada YB. Pulau Tikus dan YB. Penanti kerana membangkitkan kepentingan mengambil kira keperluan *gender* dalam projek pembangunan dan bukan sahaja aspek kaum atau etnik penduduk. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memulakan inisiatif cadangan senarai semakan *gender* untuk reka bentuk bandar dan penempatan ataupun perumahan ataupun dalam Bahasa Inggeris *gender checklist for urban design and housing* yang berfungsi sebagai garis panduan bagi melaksanakan pembangunan mesra *gender*. Senarai semakan ini merangkumi indikator atau pentunjuk seperti penilaian sosial, penyertaan golongan wanita, proses penyertaan *participatory*, kemudahan peruntukan dan lokasi komuniti selamat dan keadilan peruntukan. Pihak kerajaan sudah pun mendapat kerjasama daripada beberapa agensi kerajaan dan masih perlu melibatkan pihak lain seperti jabatan kerajaan, NGO dan CBO, syarikat-syarikat awam dan swasta dan komuniti dan orang awam dalam pelaksanaan senarai semakan ini.

MPPP dan MPSP juga sudah pun mempunyai syarat *gender-gender requirements* yang tersendiri untuk memberi lebih fokus kepada pembangunan mesra *gender*. Konsep dan indikator gender sudah pun diterapkan dalam pembangunan dan alokasi rumah mampu milik Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Pembangunan mesra dan responsif gender di Negeri Pulau Pinang amat penting untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan awam untuk semua lelaki dan wanita dan akan menyumbang kepada pengekalan wanita dalam tenaga kerja, meningkatkan kadar penyertaan tenaga kerja wanita dan memajukan ekonomi negara. Tuan yang di-Pertua, saya sudah sampai di Pembangunan Belia dan Sukan...(gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Tuan Yang di-Pertua minta laluan, saya mengucapkan tahniah kepada YB. Padang Lalang sebab setahun lebih ini Yang Berhormat telah membangunkan Pembangunan Wanita dengan begitu baiknya dan saya rasa ia suka hati, di sini ialah masalah wanita yang menghadapi keganasan rumah tangga kita hanya ada satu pada mulai Disember 2008 kita sudah menubuhkan PPW di Seberang, tetapi melihatkan kenaikan kes-kes keganasan rumah tangga, saya di sini ada permintaan daripada MMK Pembangunan Wanita dan Keluarga boleh menubuhkan lagi banyak pusat kaunseling di semua daerah kalau boleh ada peruntukan daripada Kerajaan Negeri, kita perlu sebab dua tahun ini 2012 hingga 2013 ini, saya banyak kes *domestic villain* di KADUN saya dan satu (1) kes yang banyak sedih, wanita itu sudah dibunuh dan dibakar mati, kes ini sedang dalam mahkamah. Jadi saya harap kalau dengan bantuan MMK Wanita dan

Keluarga dengan peruntukan bersama pihak PDC kita berharap dan kita boleh memberi *service* kita kepada semua lapisan wanita di seluruh Negeri Pulau Pinang. Ini permintaan saya, terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih itupun hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang, tetapi dalam perkara ini bukan hanya kekangan bajet, tetapi juga susah hendak dapat pekerja ataupun orang yang berkelayakan untuk mengendalikan pusat-pusat seperti ini, tapi kita akan berusaha dan *insya-Allah* akan menubuhkan lebih banyak lagi.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Tadi saya ada perbincangan dengan YB. Sungai Puyu, Kerajaan boleh bagi geran kepada NGO-NGO yang sudi menolong kita untuk melatih *social-social workers* seperti yang apa berlaku di Hong Kong dan Taiwan, pemuda-pemudi ingin bekerja seperti kerja yang mulia ini untuk menolong lapisan masyarakat yang mempunyai tekanan jiwa. Ini bukan tak ada bajet, kalau mahu pergi buat tentu boleh dapat kewangan dari Kerajaan, tapi itu *real to help the people is very important*. Bila 2008 pun kita baru tak ada orang yang banyak menyokong, mahu cari orang bekerjasama pun sudah, tapi ini memang kita nampak ramai yang sudah sebab kita nampak Kerajaan Negeri buat begitu banyak kerja yang bagus untuk rakyat, jadi saya percaya kalau kita bekerja sangat bersama dengan NGO-NGO di tempatan dengan geran di pihak kerajaan kita boleh membuatnya, terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih kepada YB. Berapit, *social workers system* yang diadakan di Hong Kong sangat mantap dan sangat efektif dan untuk mewujudkan satu sistem dia mengambil masa tetapi itu bukan sebabnya kita tidak berusaha saya pun berasa bahawa kita memerlukan lebih ramai pekerja sosial, *more social workers* dan sekiranya Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mana, yang boleh membantu dalam mewujudkan sistem ini saya mengalu-alukan. Sememangnya saya juga bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Pengkalan Kota, Yang Berhormat Berapit, Yang Berhormat Sungai Pinang dan Sungai Dua berkenaan dengan saranan untuk memperbanyakkan pembinaan arena sukan di setiap komuniti atau daerah bagi golongan belia menjalankan aktiviti sukan dan membantu pelaksanaan program pembangunan sukan secara menyeluruh.

Namun kekangan ketiadaan tempat latihan tidak wajar dijadikan alasan untuk sesuatu program pembangunan sukan ini tidak bergerak, berdasarkan kepada konsep ini Kerajaan Negeri melalui MSN pada tahun ini telah mula mengenalpastikan semua lokasi sukan yang ada tersedia di Pulau Pinang dan langkah-langkah yang bersesuaian akan diambil untuk menambah baik atau mengguna pakai fasilitet tersebut bagi pembangunan jenis sukan yang bersesuaian. Ini ada semua ada di dalam sini.....(tunjuk buku), semua lokasi suka, siapa yang mahu boleh dapat di sini, nanti boleh bagi.

Fokus utama pergerakan sukan Negeri Pulau Pinang iaitu melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, pada tahun ini adalah untuk memberi tumpuan terhadap pembangunan sukan olah raga pada tahun ini. Sukan olah raga yang terdiri dari acara trek dan padang merupakan koleksi sukan yang melibatkan acara larian, balingan serta

lompatan, maka ianya sesuai dan boleh dilaksanakan di semua padang-padang rekreasi awam ataupun di peringkat sekolah tanpa membabitkan penyediaan kemudahan sukan yang kos tinggi atau peralatan-peralatan sukan yang banyak dan ianya boleh disertakan oleh atlet lelaki dan wanita.

Selain itu sukan ini juga merupakan sukan menawarkan pingat terbanyak di peringkat kejohanan Sukan Malaysia, Pulau Pinang pernah pada satu ketika dahulu gemilang sebagai *power house* sukan tanah air di mana melalui acara ini Negeri Pulau Pinang pernah melahirkan atlet-atlet olah raga bertaraf antarabangsa seperti Zaiton Othman...(gangguan), okey, BN pun ada mestilah ada satu (1), dua (2) ada jugalah ya...(gangguan). Rabiatul Salam...(gangguan). Kini kita pun ada, kalau bagi kita 50 tahun tentu lebih ramai lagi...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kalau enam (6) tahun budak-budak sudah boleh belajar berjalan, ini enam (6) tahun apa ada?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Ini sekiranya tak ada *witnesser-witnersser* dan kelemahan-kelemahan yang kita *inherited* dari dulu, sekarang kita pun boleh terbanglah.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Padang Lalang, dalam setahun yang lepas, saya pergi Kompleks Sukan Balik Pulau, padang baharu, saya terlupa bawa gambar sebagai bukti, tapi saya ada simpan gambar itu, rumput yang ditanam satu (1) kaki tinggi panjang, tak dipotong, tak dijaga, bukan rumput tumbuh, tapi lalang dan pokok-pokok yang tumbuh di situ, berapa ratus ribu yang buat, itu kalau itu prihatin, tengoklah betul-betul apa yang dibuat dan dibelanjakan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Kalau ada mms, *whats-app*.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya tak ada gambar, esok saya bagi pada Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Mms, supaya kita boleh ambil tindakan kerana saya rasa itu bukan *directly* di bawah MSN atau MMK, dia di bawah agensi-agensi jadi saya mengucapkan terima kasih, kalau boleh sama-sama bantukan supaya kita pastikan semua kerja-kerja ini dilaksanakan, terima kasih. Kita tidak mahu tunggu lama-lamalah kalau ada *whats-app* ya, jadi jangan tunggu lama-lama sampai dia panjang tinggi, *whats-app* lah.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penyelia ada kompleks sukan, Penyelia ada, *maintenance* ada kenapa dibiarkan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Bukan-bukan, Penyelia dia, ini Penyelia untuk MSN ialah untuk sukan... (gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Maksud saya Penyelia untuk sukan ada, kontraktor buat *maintenance* pun ada kenapa dibiarkan. Saya akan bagi gambar pada untuk Yang Berhormat sebagai bukti nanti.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Okey *whats-app* ya, dan terima kasih, ADUN kawasan mesti, kita mengalu-alukan supaya bekerjasama. Kita ada Rabia Abdul Salam, Saik Oik Cum dan V. Anggama yang menyinari medan sukan Malaysia. Maka dengan itu Kerajaan Negeri mahu mengembalikan kegemilangan ini di Pulau Pinang. Kerajaan Negeri juga menyeru persatuan sukan negeri untuk bertindak secara proaktif, mencari dan mengenal pasti lokasi-lokasi sukan yang bersesuaian untuk dijadikan pusat latihan bagi sukan-sukan di bawah kendalian mereka. Daripada inisiatif ini saya difahamkan beberapa persatuan sukan negeri di bawah MSN telah pun berjaya menubuhkan tempat latihan mereka sendiri tanpa bergantung sepenuhnya kepada bantuan Kerajaan. Justeru tahniah dan syabas saya ucapkan kepada sukan-sukan seperti sukan football, Pattong, berbasikal, MuiThai, Selambam, olah raga dan softball yang berjaya mewujudkan Pusat Latihan untuk sukan tersebut, hasil usaha mereka sendiri.

Selain itu penubuhan Akademi Badminton Pulau Pinang...(dengan izin) Penang Academy Badminton yang dilengkapi dengan enam (6) gelanggang badminton baru-baru ini di Kampung Buah Pala di Bukit Gelugor, volleyball pun ada. Daerah Timur Laut George Town, Pulau Pinang merupakan kemudahan sukan terbaharu yang dibangunkan untuk mencungkil bakat-bakat baharu dan melatih pemain-pemain badminton muda yang berpotensi untuk bersaing di peringkat antarabangsa.

Tetapi kita masih kekurangan gelanggang yang boleh menganjurkan kejohanan antarabangsa kerana untuk menganjurkan *International Champion Ship* kita memerlukan sepuluh (10) gelanggang di satu tempat. Pada waktu sekarang kita masih belum ada. Akademi ini dibangunkan melalui sumbangan Yayasan ECM di Bera dengan nilai kos sebanyak RM4 juta, selain penubuhan sebuah Pusat Pembelajaran Karpal Singh Pulau Pinang. Di sebelahnya yang lengkap dengan ruang sudut bacaan, dewan serba guna, bilik kelas dan pusat pembangunan aktiviti pembelajaran.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang juga telah merancang menganjurkan seminar atau forum berkaitan *sports leadership and tournament seminars* yang akan diadakan pada 14 Oktober tahun ini dan juga *managing sports true management of science* pada 15 Januari tahun hadapan. Sepertimana yang

dicadangkan oleh YB. Pengkalan Kota, untuk itu saya mengambil kesempatan ini untuk memanjangkan jemputan kepada semua Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini untuk turut serta berkongsi pendapat pada sesi platform yang akan dianjurkan nanti.

YB. Tuan Yang di-Pertua sasaran utama Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan sepanjang tahun 2014 adalah untuk...(gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Minta laluan, terima kasih Yang di-Pertua. Untuk YB. Padang Lalang sepanjang enam (6) tahun ini saya di Dewan ini pernah meminta Kerajaan Negeri untuk menyediakan kolam air (swimming pool) yang bertaraf antarabangsa untuk pasukan perenang kita yang juga akan membekalkan banyak pingat di dalam Majlis Sukan Malaysia, kita memang ada kolam renang yang bertaraf antarabangsa di PISA tetapi sekarang sedang dalam *renovation*, saya harap dari portfolio MMK Belia dan sukan dapat meng *team* itu kolak air untuk kegunaan pasukan renang kita, sebab kita pernah dapat banyak pingat emas di bidang renang pada Sukan Malaysia yang bertahun-tahun, tapi sekarang kita menghadapi masalah ialah atlet kita tidak ada tempat untuk *tanning and Penang swimming club* yang ada *swimming pool* itu untuk berlatih dan saya sangat besar hati sebab satu atlet yang bernama Ng Siew Lian pada tahun 2008 dia nyaris, *give were, give out* itu *diving but* kita tak ada tempat *diving* waktu itu tapi saya *anchorage him and send him to* Majlis Negara untuk berlatih sekarang dia dah jadi jaguh, bersama-sama *trial* di Game Asia Tenggara dan Asia. So, saya mengharap kalau ada kolam renang antarabangsa ini kita akan mendapat lagi ramai jaguh-jaguh yang boleh memberi pingat kepada negeri kita. Jaguh-jaguh, *champion* untuk negeri kita dan ini ialah satu suara daripada semua ibu bapa yang anak mereka menjadi atlet perenang dan saya bertanya-tanya banyak tahun di Dewan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih YB. Berapit, saya rasa usaha Yang Berhormat selama ini akan menghasilkan *result* yang baik kerana kerajaan telah pada waktu sekarang mempunyai rancangan untuk membangunkan sebuah kompleks sukan yang merangkumi pembinaan sebuah *Velodrome* lumba basikal, yang tak pernah ada, sekarang nak diadakan. Kolam renang bertaraf antarabangsa yang tidak pernah ada, sekarang nak adakan kolam renang bertaraf antarabangsa dan kolam terjun. Gelanggang bola keranjang dan padang bola sepak di Persiaran Bayan Indah bersebelahan Queensbay Mall dan di Pulau Pinang saya rasa mungkin kita mengadakan, kita mempunyai kolam renang yang lebih daripada orang lain kita mempunyai 16 kolam renang kecil yang besar yang mungkin tidak bertaraf antarabangsa tetapi ada, ada, *all together got* 16. Jadi saya rasa kita boleh ada *smart partnership* di antara kerajaan, *private sector* kelab-kelab sukan yang lain supaya kita memaksimumkan penggunaan kemudahan-kemudahan sukan ini.

Mengenai cadangan yang dikemukakan Ahli Kawasan Sungai Dua berkenaan dengan program pembangunan sukan di peringkat daerah sememangnya Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang telah menggerakkan pembangunan sukan daerah melalui Majlis Sukan Daerah yang dilaksanakan dengan kerjasama kelima-lima Pejabat Daerah dan Tanah di Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2011 untuk mengenal pasti dan menyediakan atlet di peringkat akar umbi. Melalui pelaksanaan ini Majlis Sukan Daerah dengan kerjasama Pejabat Daerah dan Tanah di Pulau Pinang dan Pejabat Pendidikan Negeri

Pulau Pinang telah melaksanakan pelbagai program berkenaan pengenalan bakat-bakat baru untuk mencari atlet-atlet muda yang berpotensi tinggi melibatkan sukan-sukan seperti pentung, memanah, pancak silat, pin pong, angkat berat dan silambam. Dalam tempoh perancang seramai 392 atlet sedang menjalani latihan di 17 Pusat Latihan Sukan (MSD) yang dibimbing oleh 17 orang Jurulatih yang terlatih. Sasaran Kerajaan Negeri adalah untuk memastikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak ketandusan atlet berwibawa dan sentiasa mempunyai atlet-atlet yang berpotensi untuk mewakili negeri dalam pertandingan kebangsaan mahupun antarabangsa. Berkenaan dengan Sukan Pulau Pinang atau pun lebih dikenali sebagai SUKPEN kali terakhir ianya dianjurkan adalah pada tahun 2010 di Daerah Barat Daya, penganjurannya telah diberhentikan mulai tahun 2012 disebabkan oleh penganjuran sukan SUKMA yang diadakan setiap tahun bermula pada tahun 2011.

Sukan Malaysia kini diadakan secara berselang seli di mana tuan rumah penganjuran adalah terdiri daripada Majlis Sukan Negara Malaysia untuk menganjurkan sukan Malaysia di Kuala Lumpur dan pada tahun berikutnya di negeri tuan rumah dipilih oleh Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia. Walau bagaimanapun, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang telah memberi pertimbangan semula untuk memulakan memperkenalkan kembali SUKPEN mulai tahun ini memandangkan keberangsangan Program Pembangunan Majlis Sukan Daerah yang kian meningkat. Selain itu dalam usaha untuk memastikan Negeri Pulau Pinang tidak ketandusan atlet-atlet baru kita sentiasa mempunyai atlet-atlet berpotensi untuk mewakili negeri bertanding di peringkat kebangsaan mahu pun antarabangsa.

Pelaksanaan program pencarian bakat-bakat baru cuba diusahakan melalui kerjasama padu dijalankan secara bersama oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, Unit Prestasi Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, Pusat Satelit Institut Pusat Sukan Negara, Pulau Pinang, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang dan Persatuan Sukan Negeri Pulau Pinang di sekolah-sekolah berpotensi di Negeri Pulau Pinang.

Saya nak memberi sedikit laporan dengan SUKMA yang akan mula pada 24 Mei 2014 ini selepas sesi DUN ini. Persaingan kontinjen Negeri Pulau Pinang di Sukan Malaysia Perlis 2014 telah pun bermula sekarang di mana tarikh rasmi kejohanan ini adalah pada 24 Mei 2014 hingga 4 Jun 2014. Kontinjen Negeri Pulau Pinang telah mensasarkan sebanyak 28 pingat emas pada kejohanan ini, sekiranya dibandingkan dengan pencapaian sempena Sukan Malaysia Ke-15 Pahang pada tahun 2012 yang berjaya memungut 32 butir pingat emas, sasaran tahun ini adalah kurang 4 butir pingat emas, kekurangan sasaran ini adalah berikutan daripada beberapa etlet emas yang pernah mewakili Pulau Pinang pada tahun 2012 yang telah pun mencapai usia maksimum penyertaan di bawah 21 tahun dan tidak lagi boleh menyertai pertandingan, namun kelemahan ini tidak menjadi halangan untuk kontinjen negeri menambah butiran pingat emas. Ini berikutan terdapat beberapa sukan lain yang kian meningkat pencapaiannya seperti sukan renang, olah raga, tennis, sepak takraw, hoki dan bola sepak yang dilihat mampu membuat kejutan untuk menambah pengutan pingat kontinjen. Sukan-sukan ini diramalkan akan menjadi penyumbang bonus kepada Negeri Pulau Pinang selain kekuatan pasukan-pasukan seperti karate, memanah, angkat berat dan wushu yang selama ini menjadi penyumbang utama pingat emas kepada Pulau Pinang.

Sehubungan dengan itu, saya memohon kerjasama semua Ahli-Ahli Yang Berhormat serta seluruh warga Dewan yang mulia ini mendoakan kejayaan atlet-atlet Negeri Pulau Pinang dan selamat perjalanan mereka sepanjang berlangsungnya Sukan Malaysia di Perlis. Jadi untuk gulung, untuk habiskan ucapan saya, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak termasuk jabatan agensi-agensi kerajaan termasuk juga NGO-NGO serta komuniti dan institusi-institusi swasta yang telah membantu Kerajaan Negeri untuk melaksanakan program-program belia dan sukan, pembangunan wanita, keluarga dan komuniti, demi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat Negeri Pulau Pinang, semoga kerjasama antara kerajaan dan masyarakat sivil akan sentiasa memandu Kerajaan Negeri dalam memperbaiki perkhidmatannya kepada *share holder* terbesar iaitu rakyat Negeri Pulau Pinang. Bagi mengakhiri ucapan penggulungan saya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Minta laluan, Ahli Kawasan Padang Lalang, cadangan saya kepada Kerajaan Negeri untuk menyediakan satu skim keusahawanan belum mendapat jawapan daripada Ahli Kawasan Padang Lalang semalam harap agar boleh mempertimbangkan permohonan ini. Ini memang boleh membantu kebanyakan belia untuk memulakan perniagaan mereka.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Saya juga ingin bertanya soalan yang sama, juga dalam ucapan balas, saya juga bertanya tentang stadium hoki Kepala Batas yang memerlukan belanja RM1 juta untuk diperbaiki. Itu soalan saya.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Itu stadium hoki ia memerlukan bajet RM1 juta, jadi Kerajaan Negeri mungkin tidak mampu untuk memberi secara sendiri, jadi hari itu saya bermesyuarat di Kementerian Belia dan Sukan dan Menteri telah berkata bahawa beliau akan mempertimbangkan untuk memberi peruntukan untuk tahun hadapan kerana dia kata peruntukan tahun ini telah semua habis, jadi kita menunggulah. Saya rasa bekas EXCO pun beberapa kali sudah menulis surat kepada kementerian, kita harap pihak sana pun boleh bantu kerana memang stadium hoki ini untuk bermain untuk semua rakyat termasuk mereka yang menyokong Barisan Nasional juga. Untuk KOMTAR, Yang Berhormat Ahli Kawasan KOMTAR memang kita akan mempertimbangkan cadangan Ahli Kawasan KOMTAR.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Laluan, terima kasih Timbalan Yang di-Pertua, untuk *info* Yang Berhormat Ahli Kawasan Bertam, *hockey turf* di Bertam pada tahun 2008 Kerajaan Pusat memang ada suatu peruntukan RM1.5 million untuk menaik taraf *turf hokey*, *hockey turf* di Bertam tetapi bila kita menjadi kerajaan mereka menarik balik peruntukan itu melalui MPSP. So saya harap ini kalau Yang Berhormat boleh menulis surat sokong kepada Kementerian Belia dan Sukan untuk mendapatkan balik peruntukan itu, menaik taraf hoki turf untuk budak-budak kita berlatih di sana.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Ini sepatutnya tidak berlaku ya, kerana ini duit untuk rakyat Pulau Pinang, dan itu duit dari Kerajaan Pusat pun duit rakyat juga yang termasuk dari Pulau Pinang. Jadi harap Yang Berhormat-Yang Berhormat di sebelah sana akan juga berusaha untuk mendapatkan RM1.5 million, Barisan Nasional boleh membantu untuk mengembalikan wang RM1.5 million itu kepada Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta laluan Yang Berhormat, kena buat kerajaan campuranlah macam ini.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Sempena boleh lagi, kalau tidak kita hanya boleh tunggu sampai tukar Kerajaan Pusat.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Tukar Kerajaan Negeri, lebih mudah tukar Kerajaan Negerilah saya ingat

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Boleh cubalah, itu tertakluk kepada rakyat. Jadi bagi mengakhiri ucapan penggulungan saya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan pertanyaan dan kemukakan isu-isu yang berkaitan dengan portfolio belia dan sukan dan pembangunan wanita, keluarga dan komuniti. Sekian, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua saya ditugaskan untuk mewakili..... (ketawa), mewakili EXCO Batu Maung iaitu Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pembangunan Pengguna.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta laluan, kenapa suara YB. Dato' Malik keras.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Kerana YB. EXCO ada urusan, dia ada di luar negeri, tak adalah, saya bacakan, bolehkan saya bacakan teks yang sudah disediakan.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Untuk apa.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Saya nak bangkitkan isu.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Mana satu.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Buan bukan, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Belum mula lagi.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Saya tahu, saya tahu, sebelum mula saya nak bangkit dulu isu, kerana saya mendapati tadi pun ada YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh mewakili EXCO Pertanian dan Kesihatan dan sekarang EXCO Agama, EXCO Batu Maung yang sepatutnya juga menjawab soalan-soalan dan membuat penggulungan yang kita semua ADUN-ADUN *backbencher* dan nak dengar dan mengikuti apa jawapan-jawapan yang diberi oleh wakil-wakil oleh EXCO, sebab saya rasa ini adalah penting untuk kita tanya secara *direct*, tadi saya nampak ada beberapa soalan yang ditujukan kepada EXCO Seberang Jaya yang itu pun tidak dapat dijawab dan ini kita hanya mesyuarat dua (2) kali setahun sahaja dan saya rasa itu adalah satu perkara yang kita perlu membuat, saya sebagai seorang ADUN *backbencher* saya ada tanggungjawab untuk tegur juga sebab kita pun datang sini untuk mesyuarat dan saya tidak tahulah ada urusan penting atau apa tapi kita hormat Dewan ini. Kita berada di sini kerana kita pun nak mengikuti perkembangan dan jawapan-jawapan akan diberikan oleh pihak eksekutif, so, ini ada ... (gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Point taken.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Okey, *point taken*, terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Sebelum itu, sebenarnya saya ada satu soalan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Sama sahaja.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya ada soalan kepada Yang Berhormat ADUN Batu Maung, saya rasa Yang Berhormat susah nak jawab mengenai masjid.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Ya. Saya tidak akan menjawab soalan itu.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Ya sebab itulah masalah sebab hari-hari mereka bergaduh dalam khutbah jumaat cakap politik terlampau serius sekarang, so ada orang keluar daripada masjid, tidak mahu sembahyang, pergi sembahyang di tempat lain. Saya nak tanya soalan-soalan ini kepada sidang Dewan kepada Yang Berhormat. Saya pun tak faham bagaimana tiga (3) orang daripada PKR boleh keluar begitu. Itulah hasrat saya hendak cari pasal, tapi hendak dapat maklumat untuk cerita pada orang kampung, saya dah dibagi wakil untuk cakap, tengok YB. Abdul Malik tukar suara, terkejut saya.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Puan Chong Eng):

Terima kasih. Memang biasanya Ahli EXCO akan menjawab tentang soalan-soalan berkenaan portfolionya. Ahli EXCO ini pun menunggu tetapi kerana situasi yang luar biasa, ada orang yang mencerobohi Dewan ini dan ia memakan masa berapa jam, semalam dan hari ini. Ini fakta...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih, saya minta laluan. Tetapi telah pun diwartakan awal yang Dewan akan bersidang bila sampai tarikh bila. Paling kurang pun seperti Padang Lalang kena beritahu EXCO Batu Maung ke mana dia? Kenapa tak jawab? Tadi Seberang Jaya pun tak beritahu di mana dia? Jadi sepatutnya Dewan dimaklumkan.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

Nanti YB. Padang Lalang boleh maklumkan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya bersetuju dengan Machang Bubuk, ini Dewan sepatutnya dimaklumkan dan saya juga hairan dan tidak berpuas hati EXCO sepatutnya berada di sini sampai Dewan bersidang dan barulah luar negara. Janganlah meninggalkan negara macam ini.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Puan Chong Eng):

Dia ada urusan di luar negara dan memang ini EXCO ada tanggungjawab bersama, kalau seorang tiada, kita boleh gantikan, kalau ada yang tak boleh jawab, saya rasa ada semua jawapan di sini. Mungkin di bahagian Hal Ehwal Agama Islam akan soalan atau pun jawapan akan diedarkan dalam bentuk bertulis.

YB. Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri melalui PDC akan meneruskan usaha-usaha pelaksanaan Program Pembudayaan dan Bimbingan Usahawan dalam berbagai bentuk merangkumi penyediaan infrastruktur dan premis perniagaan. Program motivasi dan pemasaran serta perniagaan bagi membolehkan usahawan dan pakar usahawan memulakan, memantapkan dan mengembangkan perniagaan masing-masing. Mungkin perniagaan-perniagaan telah rancang pelbagai program aktiviti dengan tujuan untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat perniagaan yang berdaya maju dan tumpuan bagi peniaga-peniaga mempromosikan perniagaan mereka. Secara langsung, peniaga dan rakyat Pulau Pinang akan mendapat faedah daripada aktiviti-aktiviti seperti ini.

Program-program seperti ini malahan perniagaan dan *showcase* usahawan akan terus dilaksanakan pada tahun 2014 ini. PDC akan bertindak menyelaraskan perniagaan usahawan-usahawan yang berpotensi dalam program-program jaringan, perdagangan dan perniagaan bagi memberikan peluang usahawan membina rangkaian perniagaan di peringkat tempatan dan juga ASEAN Utara iaitu dilaksanakan melalui kerjasama pembangunan IMT-GT Indonesia-Malaysia dan Thailand Growth Triangle ...(dengan izin), dewan-dewan perniagaan, persatuan-persatuan perniagaan dan industri serta agensi-agensi kerajaan yang lain seperti MPC (Perbadanan Produktiviti Malaysia), MITI (Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri), MINDA (Malaysian Directors Academy) dan SMIDEC (Small and Medium Industries Development Corporation). Kerajaan Negeri akan mengambil bahagian dalam HALFEST 2014 sebagai salah satu daripada usaha pembangunan kerjasama bersama IMT-GT yang akan berlangsung di Songkhla, Thailand pada tahun ini.

HALFEST iaitu Ekspo Kepenggunaan Halal yang akan berlangsung di Kuala Lumpur pada 03 hingga 07 September 2014 nanti. Program ini akan memberi fokus utama kepada produk penjenamaan halal yang akan disertai oleh syarikat-syarikat tempatan, antarabangsa khususnya Brunei dan Singapura. Kerajaan Negeri juga telah menyertai Malaysian Food Festival 2014 yang telah dilangsung dari 03 hingga 05 Januari 2014 di Kuala Lumpur yang telah disertai oleh 120 pemamer dan 25,000 pengunjung dari dalam dan luar negara. Penang *International Halal Conference 2014* yang telah diadakan pada 17-19 Januari 2014 dengan tema *Halal Ingredients Key To Market Expansion* telah disertai oleh usahawan bimbingan PDC.

Kerajaan Negeri melalui PDC juga merancang untuk menyertai *Thai Fest World of Food Asia 2014* pada 21 hingga 25 Mei 2014 yang akan diadakan di Bangkok dan juga *Cheng Ho Fest 2014* yang akan diadakan di Kelantan pada 03 hingga 07 September 2014. Bagi bulan Mei dan Jun 2014, Kerajaan Negeri melalui PDC akan menyertai *Phuket Andaman Halal Expo 2014* dan *World Trade Expo Kelantan 2014*. *Phuket Andaman Halal Expo 2014* akan diadakan di Sapan Hin Place, Phuket Island pada 28 hingga 31 Mei 2014 sementara *World Trade Expo Kelantan 2014* akan diadakan pada 02 hingga 07 Jun 2014 di Stadium Sultan Muhammad Ke-IV, Kota Bharu, Kelantan.

Kerajaan Negeri dan PDC melalui Jawatankuasa MMK Perdagangan Dalam Negeri Pulau Pinang juga meneruskan usaha mempromosikan aktiviti perdagangan secara agresif melalui pelancaran Penang Trade Event 2014 iaitu acara-acara promosi perniagaan dan perdagangan yang telah dirancang untuk dilaksanakan sepanjang tahun 2014 telah dilancarkan secara rasminya oleh Y.A.B. Ketua Menteri yang diwakili oleh YB. Timbalan Ketua Menteri I pada 23 November 2014 di *Four Points Sheraton Hotel Tanjong Bunga*, Pulau Pinang. Dan 4th *Penang International Mines Conference* telah

diadakan pada 23 November 2013 di *Four Points Sheraton Hotel* Tanjung Bunga, Pulau Pinang. Bagi *5th Mines* ianya akan diadakan pada penghujung tahun ini. Persidangan *Mines* ini dapat memberi pendedahan dan maklumat dalam industry *mines* tempatan serta memperkenalkan Pulau Pinang sebagai destinasi *Mines* yang utama di rantau ini. Usaha-usaha penglibatan Kerajaan Negeri dalam promosi secara tidak langsung akan merencatkan aktiviti-aktiviti perniagaan yang akan menyumbang ke arah peningkatan ekonomi di dalam sektor perdagangan dan perniagaan Pulau Pinang. Sekian terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

Seterusnya Padang Kota.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih. Yang di-Pertua Dewan serta Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan, saya diberi peluang untuk memberi jawapan kepada isu-isu yang dibangkitkan semasa perbahasan dalam unsur mengucapkan terima kasih kepada ucapan Tuan Yang Terutama Tun mengenai portfolio Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan juga Tebatan Banjir.

Untuk memulakan YB. Paya Terubong telah menyoalkan tentang isu kelambatan pewartaan pelan atau Rancangan Tempatan Pulau Pinang (Pulau). Apabila isu ini dibangkitkan, MPPP selalu diminta untuk menjelaskan tetapi telah pun dijelaskan oleh YB. Datok Keramat tadi bahawa sememangnya MPPP telah pun menyiapkan draf Rancangan Tempatan ini dan kini berada di dalam peringkat keputusan negeri dan MPPP akan mematuhi arahan dan keputusan pihak Kerajaan Negeri untuk melaksanakan Rancangan Tempatan Pulau Pinang (Pulau) ini apabila siap diwartakan.

Terdapat satu sangkaan yang mungkin tak betul di mana dianggar kalau tak ada *local plan*, maka pihak PBT akan buat sesuka hati dalam memberi kelulusan kepada permohonan-permohonan pembangunan. Itu jauh daripada hakikatnya sebab MPPP dan MPSP walaupun masih tak ada rancangan tempatan adalah tertakluk kepada Pelan Struktur Negeri dan juga bagi MPPP ada juga Pelan Dasar Pembangunan yang menggariskan pembangunan di Negeri Pulau Pinang ini di Pulau mahu pun di Seberang Perai dan juga ada banyak garis panduan-garis panduan sama ada diluluskan oleh pihak Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri untuk dipatuhi semasa meneliti permohonan-permohonan pembangunan.

Seterusnya YB. Pengkalan Kota telah membangkitkan isu yang memang bukan senang ditangani tetapi satu isu yang perlu ditangani. Iaitu kutipan yuran pemeliharaan projek perumahan berstrata di mana isu dia banyak MC mahu pun JMB menghadapi kesukaran untuk kutip yuran pemeliharaan atau penyelenggaraan daripada pemilik-pemilik tetap atas sebab-sebab tidak dapat membayar dan menyebabkan JMB atau MC menghadapi kesulitan menjalankan kerja-kerja yang sepatutnya untuk menjaga bangunan-bangunan. Saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat dan Dewan ini bahawa memang tak ada peruntukan di dalam Akta Kerajaan Tempatan, Akta Bangunan dan Akta Bersama mahu pun Akta Hak Milik Strata yang memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengutip cas atau yuran penyelenggaraan ini dari skim-skim pemajuan berstrata. Kalau adanya apa-apa transformasi, ianya perlu dilakukan di

peringkat Persekutuan di mana akta-akta yang disebutkan tadi merupakan Akta-akta Persekutuan melainkan dipinda untuk membolehkan PBT membuat kutipan keadaan pada masa sekarang akan kekal juga.

YB. Telok Ayer Tawar membangkitkan beberapa isu termasuk menyatakan bahawa sumbangan yang dikenakan oleh pihak Kerajaan Negeri dan PBT adalah satu sebab yang menyumbang kepada harga atau kenaikan harga rumah di Negeri Pulau Pinang. Saya rasa walaupun cas atau sumbangan dikutip daripada pemaju, ianya bukan satu sebab munasabah yang penting atau pun mempengaruhi harga hartanah di Negeri Pulau Pinang ini di mana antara perkara yang penting untuk menentukan harga jualan termasuk kos tanah, kos kewangan yang perlu untuk membiayai projek, *holding cost* sementara menunggu kelulusan dan pembinaan, kos bahan-bahan bangunan yang merisaukan dengan GST akan dinaikkan enam (6) peratus kos binaan. Semua ini akan menyumbang kepada harga hartanah yang ditawarkan di pasaran dan mengikut satu kajian, sumbangan kerajaan melibatkan lebih kurang 10% daripada kos jualan. Oleh itu walaupun sumbangan itu perlu diikuti dan sebab kadar sumbangan di Negeri Pulau Pinang tidak dinaikkan buat 23 tahun. Oleh itu, setelah meminda garis panduan, adalah didapati perlu menaikkan sumbangan ini untuk digunakan sumbangan ini bagi menaikkan taraf infrastruktur yang perlu menyokong pembangunan-pembangunan yang baru ini. Tetapi tuan tanah dan pemaju masih ada pilihan untuk tidak melepasi had-had yang dibolehkan untuk tanah-tanah mereka. Yang mana tidak akan dikenakan cas-cas lebih daripada apa yang mereka boleh membina di atas tanah-tanah milikan mereka.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Terima kasih kepada Kota. Ada beberapa bayaran pasti yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa yang sebelum ini tidak dikenakan. Sebagai contoh di MPSP, *development chargers* ... (dengan izin) iaitu bayaran pembangunan di mana ada kadar yang dikenakan dalam panduan yang baru diluluskan untuk dikenakan pada 01 Mac tahun ini yang merupakan kadar yang belum pernah dikenakan di Seberang Perai, di Pulau sudah pun dikenakan. Ini menjadi satu rungutan di pemaju-pemaju perumahan kerana di samping kadar pembayaran pembangunan atau *development chargers* yang dikenakan adalah juga kawalan ke atas kepadatan atau pun *density* pemajuan. Dan ini bila *density* pemajuan dikurangkan mengikut zon-zon yang dikenakan juga dicampur dengan kos bayaran pasti seperti caruman perparitan yang dinaikkan 500% dan juga bayaran pemajuan dan lain-lain bayaran. Ini semua saya rasa lebih dari 10% seperti mana yang Padang Kota kata. Dan ia menyumbang kepada kenaikan kos rumah, di samping kos-kos lain yang disebut oleh Padang Kota.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta laluan sikit Yang Berhormat Saya nak tanya apabila kos-kos tersebut yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri, dia kalau tukar daripada peratus kepada ringgit satu kaki persegi, berapakah nilai peruntukan *percentage* kepada ringgit kaki persegi, *floor square foot or layout square foot*.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Keputusannya di bawah MPPP kadar sumbangan dahulunya untuk kediaman adalah RM5 satu kaki persegi dinaikkan kepada RM15, sementara komersial adalah RM7 satu kaki persegi dinaikkan kepada RM21. Sementara di MPSP memang banyak kadar tidak dikenakan sehingga kini. Apa yang harus kita tegaskan sumbangan-sumbangan ini akan dicurah balik untuk menaikkan kemudahan-kemudahan yang amat diperlukan untuk menyokong desakan pembangunan ke atas infrastruktur yang sedia ada. Misalnya baru-baru ini, Kerajaan Negeri membuat keputusan melaksanakan *pair road* di Paya Terubong. Sepatutnya sudah lama dipohon oleh JKR untuk projek ini sejak Rancangan Malaysia 7, 8, 9, tetapi tak dapat peruntukan ini untuk membina jalan yang baru ini. Sehingga Kerajaan Negeri buat keputusan, MPPP perlu mengambil alih tanggungjawab ini, di mana YB. Bagan Jermal, EXCO Kerja Raya sudah pun laporkan kepada Dewan ini MPPP perlu menanggung RM150 juta yang sebenarnya bukan dalam bidang kuasa MPPP untuk membina Jalan Negeri atau pun Persekutuan tetapi memandangkan adalah mendesak infrastruktur perlu dipertingkatkan untuk menampung kemajuan dan wang itu perlu juga dibelanjakan untuk satu (1) faedah supaya dapat kita menampung pembangunan yang diluluskan itu. Mengenai caruman perparitan, kadar RM10,000 satu ekar itu telah dikenakan sejak tahun 1973. Maksudnya sudah 41 tahun tidak dikaji semula, pasir pun naik harga, simen pun naik harga, besi apa pun naik harga untuk membina longkang itu, saya rasa kos pun sudah naik beberapa kali ganda. Jadi..

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Adakah kos yang naik itu melebihi 500% seperti..

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya percaya dalam 41 tahun kadar ini berpatutan....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya nak tanya Padang Kota, minta laluan....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Biar saya habiskan dulu. Memandangkan kos untuk membina sistem saliran sudah meningkat, jadi Kerajaan Negeri membuat keputusan bahawa cas ini perlu ditingkatkan memandangkan kos sudah tambah dan juga lebih penting perbelanjaan daripada kutipan ini dalam beberapa tahun ini banyak digunakan untuk projek-projek saliran, di banyak kawasan dapat dielakkan kejadian banjir kilat seperti kawasan ADUN Penanti pun ucapkan terima kasih dalam ucapan dia kerana dengan menggunakan caruman perparitan ini, banyak peruntukan dapat disalurkan untuk menangani isu-isu banjir kilat, lumpuh di kawasan Penanti. Saya percaya Machang Bubuk pun menunggu pun sudah lulus banyak projek dilulus dengan menggunakan caruman perparitan ini untuk mengelakkan kawasan-kawasan *hot spot* banjir kilat itu dapat diatasi dan kita pun ada satu mekanisme di mana kalau pemaju diperlukan untuk buat kerja-kerja yang di luar skop projek perparitan, dia perlu bayar kadar itu tetapi selepas siapnya projek, dia boleh pohon kepada PDC bahawa dia sudah diminta oleh PBT disyaratkan untuk bina longkang yang lebih besar di luar kawasan sudah belanja mungkin setengah juta, dia

boleh pohon untuk tolak selesai daripada kadar yang disumbangkan itu. Misal kata dia sumbang RM700,000 tetapi kerja-kerja yang dilakukan di luar skop menelan RM500,000 dia boleh tuntutan balik RM500,000 dari RM700,000 yang disumbangkan itu. Itulah mekanisme kita, saya rasa sejak 73 ada mekanisme ini supaya selain daripada *local council*, pemaju-pemaju pun perlu dipertanggungjawabkan atas menaikkan taraf sistem saluran kita yang memang mencabar. Saya rasa....(gangguan)

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Sikit sahaja saya nak tanya. Pemaju memang tidak ada pilihan kalau nak buat pembangunan mesti membuat bayaran pasti yang dikenakan. Adakah rebat diberi kepada pemaju sebagai inisiatif untuk menyediakan pertamanya jumlah yang diwajibkan 30% rumah kos rendah atau pun kombinasi rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah. Adakah rebat atau pun bayaran-bayaran pasti ini diberi kepada komponen rumah kos rendah ini dan kepada pemaju yang menambah kuota rumah kos rendah dan kos sederhana dan juga kutipan-kutipan pasti ini, saya nak tanya. Selain daripada itu terdapat kutipan sumbangan untuk tempat letak kereta? Ini pun menjadi persoalan kepada rakyat Pulau Pinang. Sumbangan ini adakah digunakan balik untuk membina tempat-tempat letak kereta dan sebagainya?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya mungkin lupa menyatakan bahawa dalam caruman perparitan pun ada pengecualian kepada kategori-kategori pembangunan misalnya perumahan kos rendah dan sederhana, institusi-institusi kerajaan, kemudahan-kemudahan hospital dikecualikan langsung. Tak perlu bayar kadar sumbangan perparitan. Ada kes-kes yang sudah pun ditetapkan sejak tahun 1973 yang dikekalkan sehingga kini. Memang kalaulah pemaju-pemaju membina perumahan kos rendah sederhana, memang ada banyak pengecualian diberikan tetapi kalau mahu saya menyenaraikan setiap satu. Saya rasa saya tak ada maklumat di tangan saya dan apa pun saya rasa itulah satu cara di mana tanah di PBT dapat dijanakan untuk melakukan projek-projek sosial seperti pasar, misalnya di Telok Kumbar sudah pun dicadangkan satu pasar baru, saya rasa kalau pun minimum pun perlu belanja mungkin RM30 juta, RM40 juta untuk satu pasar. Itulah cara di mana Kerajaan Tempatan menggunakan *contribution-contribution* ini balik kepada menaikkan kemudahan-kemudahan untuk orang ramai.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Padang Kota minta penjelasan tadi ada menyebut tentang pasar, dalam jawapan yang diberikan kepada saya. Pasar awam Balik Pulau akan dirobohkan, jawapan kepada saya, pasar awam Balik Pulau akan dirobohkan, pasar lama, pada hal pasar ini adalah sejarah bagi Balik Pulau, adalah tempat pertama di bina di sana. Jadi saya minta pertimbangkan semula untuk merobohkan pasar awal lama Balik Pulau dan dikekalkan bahagian asalnya yang sebelah depan diroboh sebagai tambahan tapi yang asalnya minta dikekalkan sebagai sejarah di Balik Pulau, Yang Berhormat Padang Kota.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Square pasar Balik Pulau adalah satu tempat yang bersejarah tetapi strukturnya tidak semestinya, sebab strukturnya ada banyak pindaan dan tambahan yang dibina mungkin 10, 20 tahun kebelakang saja. Mungkin struktur asal masih ada.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Dikekal, struktur asal dikekalkan, yang tambahan struktur itu dirobuhkan tidak mengapa, tapi yang lama itu harus dikekalkan sebagai sejarah Balik Pulau.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya tegaskan, tempat itu memang *landmark* kepada Balik Pulau Pulau, tapi sama ada bangunan itu perlu dikekalkan kita minta MPPP kaji dengan teliti.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Penjelasan, sekiranya ada niat untuk roboh, mesti ada perancangan untuk dibina apakah roboh itu dengan mempunyai matlamat liat lain di kawasan itu.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Memang MPPP telah mengadakan RFP bagi menampak idea-idea pembangunan semula tetapi nampaknya tak nampak idea yang memuaskan hati lagi, tetapi memandangkan keadaan di tapak yang sudahpun menjadi satu *eyesore* selama lima (5), enam (6) tahun setelah pindah ke tapak yang baru, jadi keputusan buat sementara perlulah dibersihkan tapak, sementara menunggu konsep yang sesuai dengan pembangunan di atas tapak itu. Saya rasa isu *sex hot spot* telah pun diperjelaskan oleh Yang Amat Berhormat dan saya tidak bercadang untuk mengulangi.

Mengenai *rainwater harvesting* memang Kerajaan Negeri sedang tentang perkara ini dan dalam mengemas kini *uniform building bylaws* yang akan setelah dikuatkuasakan Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain agensi dan segala pembangunan akan dikenakan syarat-syarat *rainwater harvesting*.

Yang Berhormat Telok Ayer Tawar juga membangkit masalah burung gagak, saya cuma hendak katakan bahawa dalam tempoh 11 tahun ini MPPP dan MPSP telah menghapuskan 350,095 gagak dan memang begitu masalah ini masih berada dan diharapkan melalui kempen-kempen kesedaran inisiatif Cleaner Greener Penang dan sebagainya, alam sekitar yang lebih bersih dapatlah menghindar dan mengatasi masalah ini. Saya perlu skip sebab ada jawapan sudahpun diberikan oleh Yang Berhormat Datok Keramat tadi.

Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Pulau Betong berhubung dengan Bukit Relau, semakan dan maklumat dari MPPP didapati tidak ada kawasan baru yang dimiliki oleh *general encroachment* dikesan kerja-kerja dijalankan. Walau bagaimanapun dua tapak yang kecil di sekitar lot itu dikesan sejak bulan Julai yang lalu dan September yang lalu dua (2) plot di mana kerja-kerja tanah yang tidak ada kelulusan dilakukan untuk tujuan pertanian. Satunya dua (2) ekar, keduanya tiga (3) ekar dan setelah dikesan

MPPP telah pun menghentikan dan mengarahkan kerja-kerja mitigasi di tapak pertama sudah siap 100% dan tapak kedua 75% dan akan disusuli dengan tindakan mahkamah. Kita perlu menegaskan di sini walaupun apa bentuk pembangunan sama ada kerja tanah pembinaan bangunan, *renovation* dan apa juga kelulusan PBT ataupun agensi-agensi yang bertanggungjawab adalah wajib sebelum apa-apa kerja boleh dimulakan, kita berharap dengan tindakan ini dapat menyedarkan kepada pemilik-pemilik ataupun pemaju-pemaju, tak ada jalan mudah untuk membangunkan tanah ataupun bangunan-bangunan mereka. Mereka perlulah mematuhi dengan segala peruntukan undang-undang.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Penjelasan, terima kasih Padang Kota, saya fikir, saya ada sedikit tidak puas hati dengan jawapan daripada Datok Keramat bahawa nilai tarif itu bukan di tanah lereng bukit dan difahamkan pelan pembangunan ini diluluskan di bawah syarat projek istimewa juga, jadi projek cara projek istimewa adalah satu syarat di bawah pembangunan lereng bukit berisiko iaitu juga atas tinggi 76 meter, jadi saya minta ini boleh dijelaskan sekali lagi.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan Yang Berhormat Tanjung Bunga ada berapa projek istimewa ini yang setahu yang Berhormat, ada berapa istimewa.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Saya tak tahu.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Ini pernah dijawab 18 yang sudah pun diluluskan atas sebab-sebab yang sudah pun dijelaskan sebab dalam pelan dasar memang sudah dizonkan perumahan, walaupun sudah melebihi 76 kaki, pada masa itu syarat ini masih tidak ada. Jadi untuk projek yang dibangkitkan oleh YB. Tanjung Bunga saya cuma hendak tambah kepada apa yang sudah dijelaskan oleh Yang Berhormat Datok Keramat bahawa projek ini diluluskan berdasar pematuhan kesemua kehendak-kehendak Jabatan Teknikal MPPP dalam dan luar seperti JKR, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Mineral dan Geologi dan juga jabatan Perparita dan Saliran.

Yang Berhormat Bertam mengalu-alukan penggunaan teknologi IQPR (Infinitesimal Quantum Persistent Reflection Technology) di Sungai Pinang dan mengharapkan diperluaskan kepada sungai-sungai di Negeri Pulau Pinang sekiranya berkesan. Kita berharap memang berkesan dan isunya adalah kos sepatutnya di bawah kementerian ada *project river of live* yang menelan berbilion-bilion ringgit dan kita berharap sebahagian daripada peruntukan di bawah *program river of live* dapat juga disalurkan pada Negeri Pulau Pinang. Kalau bukan di Sungai Pinang lain-lain sungai. Baru-baru ini Kerajaan Negeri telah menubuh *task force* pencemaran sungai dan laut dan pada peringkat ini kita mengenal pasti beberapa batang sungai yang perlu diberi perhatian seperti Sungai Batu Feringghi, Sungai Kecil, Sungai Satu, Sungai Emas, Sungai Pinang itu di daerah Timur Laut, Sungai Pertama di SPT, Sungai jawi di SPS, dan

Sungai Kerek di SPU. Itulah untuk peringkat pertama kita berharap strategi jangka pendek dan sederhana dapat dilaksanakan untuk menangani isu pencemaran sungai dan laut.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Zain Bin Ahmad):

Tuan Yang di-Pertua untuk tanya soalan, terima kasih. Saya ingin bertanya adakah PBT mengambil langkah-langkah untuk menjimat cermat kemudahan air, dalam menyiram pokok-pokok bunga yang di bawah kawalan PBT dan bagaimana di buat. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya tidak ada maklumat berhubung dengan perkara ini tetapi seperti saya kata walaupun UPPL masih belum dipinda untuk merangkumi *rainwater harvesting* supaya dapat dikenakan sebagai satu syarat kepada pembangunan, tetapi kepada projek-projek baru yang dilaksanakan oleh MPPP dan MPSP misalnya projek naik taraf pasar dan kompleks makanan di mana juga terlibat tandas memang sudah pun dipasang kemudahan *rainwater harvesting* dikemudahan-kemudahan PBT sebagai satu teladan pihak swasta menggunakan *rainwater harvesting* sebagai satu kaedah untuk menjimat dan mengguna semula air hujan yang masih berguna untuk tujuan-tujuan menyiram pokok dan sebagainya, sama ada air itu boleh dipindah kepada *tank*, tangki lori yang digunakan oleh *Council* itu saya tidak pasti, mungkin saya akan dapat maklumat itu daripada pihak...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Zain Bin Ahmad):

Saya hendak tanya sikit lagi, terima kasih. Saya tanya soalan itu bukan sebab saya tahu bahawa Kerajaan Negeri beriya-nya sangat untuk menaikkan tarif air dan alasannya salah satu ialah disebabkan pembaziran menggunakan air, maksudnya tidak cermat, tidak menggunakan dengan cara jimat-cermat, itu sebab saya tanya soalan ini dan memandangkan PBT memang menggunakan air, itu sebab PBT pun perlulah berjimat dalam urusan menyiram pokok bunga dan menggunakan air dalam urusan lain.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya ambil maklum keprihatinan YB. Penaga dan berharap MPPP dan MPSP akan memberi perhatian kepada perkara ini. Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Sungai Pinang yang ingin melihat pemasangan CCTV di Kompleks Sungai Pinang, sukacita dimaklumkan bahawa 9 buah kamera CCTV akan dipasangkan di kawasan itu pada tahun ini. Mengenai cadangan untuk menjadikan KADUN Sungai Pinang sebagai *Hub Sector Motorcycle Engineering*, cadangan ini juga akan dikaji dan satu lagi isu tentang bilik-bilik penyusuan susu ibu di kawasan pentadbiran MPPP ada 33 ruang di 9 kompleks disediakan bilik untuk tujuan ini. Isu yang dibangkitkan oleh Air Itam berhubung dengan dasar penyewaan rumah MPPP dalam kes yang dibangkitkan sebenarnya penama yang disebutkan itu adalah anak saudara kepada penyewa asal dan mengikut dasar memang tidak layak untuk mewarisi penyewaan itu tetapi jawatankuasa akan menimbang kalau memang berasas dan pada masa itu akan juga dikaji garis panduan berhubung dengan peruntukan perumahan awam MPPP.

Ahli KOMTAR membangkitkan promosi gaya hidup sihat berbasikan, saya rasa MPPP dan Kerajaan Negeri dalam beberapa tahun ini memang menggalakkan aktiviti berbasikal dan MPPP baru-baru ini telah memanggil tender untuk melaksanakan satu kontrak atau projek menyediakan sistem pengkongsian basikal atau *bicycle sharing system* melalui kaedah *build operate and transfer* dan saya dimaklumkan memang ada sambutan sehingga empat (4), lima (5) syarikat yang mengemukakan bidang untuk menyediakan *bicycle on rental true out the city*. Itulah satu saya rasa perkembangan yang akan memberangsangkan kalau menjadi itulah *the first in the country bicycle sharing system* ini dan tentang keprihatinan Yang Berhormat KOMTAR tentang aktiviti berbasikal yang menimbulkan masalah di kawasan warisan ianya diambil maklum dan MPPP akan merangka satu (1) pelan pada suku ketiga tahun ini untuk menangani isu ini dan rak-rak untuk meletak basikal di kawasan warisan juga sedang dirancangkan di sepuluh (10) kawasan sudahpun dikenal pasti untuk memasang rak basikal. Saya seterusnya pergi kepada pengurusan lalu lintas..(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Yang Berhormat, saya masih menunggu jawapan untuk *integration plan* atas bukit botak sama ada ia juga melibatkan *restoration*, terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Memang perkara ini sudah diperjelaskan memang *mitigation include restoration* tetapi tidak masuk pembangunan itu lain cerita, itu bukan di bawah dan tak terima langsung. Mengikut pengurusan lalu lintas sebahagian besar sudah pun dijelaskan oleh Yang Berhormat Bagan Jermal tentang projek-projek *highway* usaha-usaha untuk menaikan pengangkutan awam LRT TRAM dan sebagainya. Saya ingin menambah bahawa sejajar dengan pelan induk pengangkutan yang telah pun menjadi dasar memimpin pembangunan di Negeri Pulau Pinang sejak ianya diterima pakai pada bulan Mac tahun lepas kita berikhtiar untuk melihat bagaimana kita melaksanakan semua strategi yang dicadangkan di bawah pelan induk pengangkutan dan sebahagian pun sudah dilaksanakan di bawah pakej yang diawalkan kepada Zenith BUCG iaitu tiga projek jalan dan *under sea tunnel* tetapi masih ada banyak komponen-komponen yang perlu dilaksanakan.

Ada satu *observation* bahawa selagi kita tidak melaksanakan *up to 70% of the recommendation of the master plan we would not signification solution* pula satu cabaran kepada pihak Kerajaan Negeri dan selain daripada usaha untuk melaksanakan LRT kita ingin melihat pada keseluruhannya, sebab dalam PIP memang mencadangkan projek-projek yang menelan sehingga RM27 bilion dan kita rasa kita sudah hampir boleh mengadakan memanggil open tender bagi satu konsep kerja *delivery partner* di mana melalui konsep ini PDP atau *Project Delivery Partner* yang dilantik akan membantu pihak Kerajaan Negeri memastikan projek dapat disiapkan mengikut masa dan kos yang ditetapkan di awal projek tanpa sebarang menambahkan kos dan kalau ada apa-apa kejadian tidak diingini terjadi seperti kontaktor yang sedia ada tidak dapat menyelesaikan kerja PDP ini adalah dipertanggungjawabkan, jadi kita memang menunggu-nunggu bagaimana melaksanakan cadangan-cadangan dalam PIP. Isu keselamatan jalan raya juga diberi perhatian oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan memang di bawah PIP keselamatan jalan raya juga diberi perhatian dan Kerajaan Negeri pun baru-baru ini mewujudkan satu Jawatankuasa

Pemandu Keselamatan Jalan Raya untuk membuat dasar baru berkaitan dengan keselamatan dan memantau perkembangan keselamatan jalan raya yang di Negeri Pulau Pinang setiap tahun hampir 400 maut hasil daripada kemalangan di Negeri Pulau Pinang dan ini satu angka yang kita ingin tangani dan kurangkan.

Kita pun ada satu bengkel baru-baru ini dan *outcome* dari bengkel itu adalah empat (4) komponen:

- (1) Dalam menyediakan *more for giving road*, ini konsep *more fo giving road* yang mana jalan kita di reka bentuk untuk mengurangkan kemungkinan berlakunya kemalangan. *Save for motorcycle and billing data information and changing attitude* itulah antara perkara-perkara yang kita ingin kita lakukan selain daripada *hardware, road highway* yang ramai tak suka dengar, tetapi memberi tumpuan kepada *software* juga.

Perkhidmat bas di Machang Bubuk SPAD telah meluluskan cadangan laluan kita berharap permit dapat...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Minta beri laluan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Dikeluarkan dalam masa yang terdekat, manakala bagi Penanti kita masih menunggu keputusan dari SPAD dan SPAD telah menerima permohonan dan sedang buat kajian dan pengesahan laluan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Zain Bin Ahmad):

Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja terbaca dalam akhbar berkaitan dengan laporan Ketua Audit Negara 2013 mendapati tumpahan air sampah atas jalan raya berlaku, ketika proses mampatan sisi pepejal dilakukan apa yang saya faham dari sini ialah disebabkan tangki tangkungan itu tidak sempurna dan kononnya telah diberi tempoh untuk menyelesaikan. Saya ingin tahu sama ada perkara-perkara ini telah diselesaikan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Apabila kita terima laporan itu pun sudah beberapa bulan penelitian dibuat dan memang pada peringkat itupun tindakan sudahpun diambil oleh MPPP menangani perkara ini dan beberapa kenderaan atau lori baru untuk zon Balik Pulau sudahpun berkhidmat mengganti lori yang lebih lama dan bagi kontraktor swasta kontrak baru akan ditawarkan dalam akhir tahun ini dan semestinya diwajibkan untuk menyediakan lori-lori yang baru, yang dapat menangani isu *leakage-leakage* daripada tangki-tangki

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Zain Bin Ahmad):

Sedikit lagi tambahan, berkaitan lori-lori tadi, Yang Berhormat ada sebut bahawa ada lori-lori kontraktor, jadi saya faham bahawa lori-lori yang dimiliki oleh kontraktor maknanya masih wujud, sebab saya ingat perkara ini telah diambil oleh MPPP dan MPSP, bermakna masih lagi wujud perkhidmatan yang diberi oleh kontraktor-kontraktor, adakah begitu.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Apabila perkara ini dikesan di MPPP, jadi apa yang saya jawab adalah tumpuan kepada MPPP di mana masih di *outsourc*e kepada enam (6) kontraktor di enam zon dan cuma satu (1) zon dikendalikan oleh MPPP sendiri iaitu zon Balik Pulau. Untuk menjadi satu (1) piawai secara perbandingan pihak swasta manakala di MPSP sudahpun keputusan dibuat untuk mengambil alih 100% akan diambil oleh MPSP, tetapi mungkin ada tempoh-tempoh peralihan yang belum habis, jadi ada kawasan yang sudah diambil alih, ada kawasan yang masih tinggal mungkin beberapa bulan sehingga tamatnya tempoh lanjutan kontrak.

Akhirnya bagi tebatan banjir seperti yang dibangkitkan oleh YB. Machang Bubuk dan Yang Berhormat pun sedar Yang Berhormat Ahli dalam MMK tebatan banjir, projek pembinaan parit lencongan *bypass* di kawasan Permatang Tinggi, pakej satu iaitu penambahbaikan rumah pam serta kelengkapan pam dan kerja-kerja berkaitan sudahpun diiklankan pada 2 Mei, lawatan tapak 9 Mei, kontrak atau tawaran tutup 30 Mei dan dijangka boleh mula dalam tiga (3) bulan setelah tutup tender dan akan mengambil masa 18 bulan. Manakala pakej dua (2) reka bentuk terperinci telah pun siap dan dalam semakan jabatan dan dijangka tender akan dipanggil pada bulan Julai Saya rasa projek ini menelan hampir RM13 juta. Wang itu datang dari Tabung Caruman Perparitan. Itulah bagaimana kita menggunakan caruman itu. Satu lagi iaitu mungkin satu (1) masalah yang lebih besar sebab menelan perbelanjaan yang lebih besar, cadangan tadahan kolam banjir di Alma, sekarang menunggu pelantikan ukur, Juruukur untuk mengukur tapak iaitu dua (2) kolam tadahan dicadangkan untuk menangani masalah banjir kilat, dan kalau diambil tanah persendirian dan membena kolam itu *I think at least thirty million to need* jadi satu (1) perbelanjaan yang besar, bila kita kutip, kita kutip beberapa ribu, apabila kita belanja, kita belanja berjuta-juta, itu cabaran dia.

Dengan ini saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, cadangan kepada isu-isu di bawah Kerajaan Tempatan Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir, saya rasa mungkin tak sempat menjawab semua, sedangkan masa sudah sampai ditangguhkan tapi saya rasa kita beri laluan terakhirlah.....(ketawa).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Terima kasih, saya ingin merakamkan pandangan berkenaan sebenarnya dengan pembangunan STP2 yang baru habis adalah dilaporkan DEIA bagi penebusan tanah. Selanjutnya kami ada *traffic impact assessment* dan seperti pengetahuan orang ramai, salah satu kebimbangan adalah kesan pembangunan tersebut terhadap lalu lintas, maka saya ingin merakamkan dalam DUN ini bahawa saya berharap *traffic impact assessment* itu akan diberi pandangan berat dan pemantauan yang teliti dan laporan tersebut akan

amat komprehensif dan dapat menjawab kebimbangan dan kerisauan orang ramai, terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih saya rasa dalam perkara ini masih belum sampai ke peringkat MPPP jadi kita ambil maklum kerisauan Yang Berhormat dan akan memberi perhatian. Jadi dengan in saya ucapkan terima kasih, walaupun tak sempat untuk menjawab semua ahli-ahli yang berucap dan saya juga ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri, MPPP, MPSP, JPS dan lain-lain agensi, rakan-rakan EXCO, ADUN-ADUN yang memberi kerjasama dan sokongan kepada saya dalam melaksanakan tugas dalam portfolio ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat sesi penggulungan ditangguhkan dan akan disambung semula esok 23hb. hari Jumaat jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 10.00 malam.